



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

### **USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 20)

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas

(Halaman 21)

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

### **MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Tenaga Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Tenaga Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad - *Senator*

#### AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
3. “ Tuan Ahmad Faizal bin Azumu [Tambun] – PPBM
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
6. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
7. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson] – PKR
8. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
9. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
16. “ Puan Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
17. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
18. “ Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
19. “ Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
20. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
21. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
22. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
23. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
24. “ Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] – PKR

25. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
26. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
27. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
28. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
31. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
32. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
33. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
34. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
35. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
36. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
37. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
38. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
39. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
40. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
41. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
42. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
43. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
44. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
45. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
46. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
47. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
48. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
49. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
50. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
51. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
52. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
53. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
54. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
55. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
56. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
57. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
58. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
59. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
60. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
61. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
62. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
63. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
64. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP

65. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
66. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
67. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
68. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
69. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
5. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggaru] – UMNO
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
9. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
12. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] – UMNO
13. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
14. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
15. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
16. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
17. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
18. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
19. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
20. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
21. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO

24. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
25. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
26. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
27. “ Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
29. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
30. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
31. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
32. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
33. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
34. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
35. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
36. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
37. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
38. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
39. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
40. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – UMNO
41. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – UMNO
42. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] – UMNO
43. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
44. “ Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - UMNO
45. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
46. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
47. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
48. “ Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] - MIC
49. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
50. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
51. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
52. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA



53. Yang Berhormat Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – UMNO
54. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

#### AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasar Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasar Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shaharizukirmain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

#### AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Tuan Robert Lawson Chuah [Betong]
10. “ Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah]
2. “ Dato’ Dr. Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai]
3. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

**AHLI-AHLI (PRS)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato’ Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

**AHLI-AHLI (WARISAN)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]

**AHLI-AHLI (PDP)**

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

**AHLI-AHLI (PBS)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

**AHLI-AHLI (PBRs)**

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

**AHLI-AHLI (UPKO)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

**AHLI-AHLI (SUPP)**

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

**AHLI-AHLI (STAR)**

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 24 Oktober 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) apakah kementerian akan menggubal undang-undang baru dengan menaikkan kadar denda yang dikenakan terhadap nelayan asing yang mengguna pukut tunda yang menceroboh di perairan Parlimen Papar demi melindungi nelayan laut di perairan tersebut; dan
- (b) sama ada kementerian akan membina pejabat mini maritim di perairan Papar bagi memantau dan membanteras pencerobohan nelayan-nelayan asing tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Papar, kami memahami *frustration* daripada Yang Berhormat Papar tentang isu ini dan itu sebab kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia sedang dalam proses menyemak semula Akta Perikanan 1985. Dalam perkara ini, antara pindaan yang akan dibuat termasuklah kesalahan, hukuman dan kadar denda bagi nelayan asing yang menceroboh perairan Malaysia.

Untuk menjawab tentang isu pejabat mini maritim, sehingga kini tiada perancangan dibuat untuk membina pejabat mini maritim di kawasan Papar daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) atau Kerajaan Negeri Sabah. Pangkalan penguatkuasaan sedia ada di bawah Jabatan Perikanan Sabah bagi kawasan perairan Pantai Barat termasuk Papar adalah terletak di Kota Kinabalu dan Kuala Penyu.

Bagi memantau dan membanteras pencerobohan *vesse/* nelayan asing di Sabah, penyelarasan penguatkuasaan dibuat di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara. Untuk negeri Sabah, sekarang kita mempunyai enam zon maritim iaitu di Tawau, Sandakan, Labuan, Kudat, Lahad Datu dan Semporna. Untuk mini maritim pula, kita mempunyai mini maritim di kawasan Beluran dan Indera, Sabah. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, Unit Risikan Pasukan Polis Marin Kota Kinabalu berjaya menumpaskan kes samun bersenjata di perairan Kimanis-Papar yang berlaku pada 18 hari bulan, di mana bot dan enjin sangkut nelayan tersebut dirompak dan nelayan itu disuruh terjun ke laut kalau mahu hidup. Siasatan ke rumah suspek telah dilakukan dengan menemui pelbagai jenis komponen enjin sangkut yang telah dilarikan dipercayai enjin curi yang bernilai RM28,000 dan dua suspek telah ditangkap.

Soalan saya, adakah setiap pembaharuan lesen nelayan-nelayan, jabatan yang bertanggungjawab memastikan bahawa nombor bot atau perahu dan nombor siri enjin

sangkut itu sama seperti yang tertera di lesen nelayan sebelum diluluskan demi untuk mengurangkan penjualan enjin sangkut curi? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih soalan tambahan. Buat masa sekarang, nombor bot enjin sangkut dan juga nombor bot itu adalah mungkin boleh berbeza tetapi saya menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Papar untuk selaraskan supaya kes-kes kecurian ini dan juga kes yang telah berlaku di Kimanis itu tidak berlaku lagi. Akan tetapi, kita akan bawa isu ini kepada Lembaga Pelabuhan Negeri Sabah. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu pencerobohan nelayan asing ini merupakan satu perkara yang *recurring* dan berleluasa dan satu bentuk penguatkuasaan harus dijalankan oleh kementerian untuk membendung masalah ini. Dikatakan bahawa terdapat satu kerjasama antara pelbagai kementerian termasuklah Kementerian Pertanian, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan beberapa kementerian yang lain dan juga agensi-agensi yang lain untuk mencari langkah pendekatan yang berkesan untuk membendung masalah. Sejauh mana kerjasama antara pelbagai kementerian dan agensi ini dapat meleraikan masalah ini daripada menjadi berleluasa?

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Kerajaan sedang mengadakan satu langkah *all government approach* untuk menyelesaikan masalah pencerobohan bot nelayan asing kerana kita tahu bahawa isu ini sangat berleluasa terutamanya di Pantai Timur dan juga Sabah dan Sarawak. Saya nampak statistik yang sangat serius. Untuk tahun 2018 sahaja, ada 98 penangkapan bot-bot nelayan asing, *vessel*. Kalau kita tengok jumlah tangkapan pula, lebih kurang 976 nelayan asing ditangkap.

Jadi kita memandang serius tentang isu ini. Itu sebab kerajaan mengadakan satu *all government approach* dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang melibatkan lima kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Luar Negeri.

#### ■1010

Ini adalah untuk mengadakan satu *all government approach* untuk menyelesaikan masalah pencerobohan bot nelayan asing. Ini menunjukkan keseriusan Kerajaan Malaysia dan pada masa yang sama, apa yang kita akan buat adalah kita menyatukan aset-aset kita, *coordinated patrolling*. Antara cadangan-cadangan yang akan dilakukan, langkah-langkah yang akan diadakan adalah *coordinated by patrolling* kerana kita tahu bahawa keluasan Zon EEZ itu sangat besar dan aset-aset kita perlu ada *coordinated patrolling* supaya boleh mengawal kawasan yang begitu besar.

Kedua, adalah dari segi *enforcement*. Kita perlu penguat kuasa dan kuasa yang lebih besar sebab itu kita tengah mengkaji balik Akta Perikanan 1985 untuk menambahbaikkan dan kementerian-kementerian lain juga akan mengkaji akta-akta mereka yang di bawah bidang kuasa mereka.

Ketiga adalah saluran diplomatik. Kita perlu adakan satu penekanan kepada negara-negara asing yang mencero boh laut Malaysia, EEZ Malaysia. Baru-baru ini Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah berjumpa dengan Menteri Pertanian di Vietnam dan kita telah membangkitkan isu ini untuk menunjukkan keseriusan isu ini dan kita meminta mereka mengadakan tindakan daripada pihak mereka. Pada masa yang sama, Kementerian Luar Negeri juga akan membangkitkan isu dari segi bilateral dengan juga multilateral dalam peringkat persidangan ASEAN untuk membangkitkan isu ini. Ini menunjukkan keseriusan kita terhadap isu ini dan kita ingin menangani masalah ini. Terima kasih.

**2. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan adakah kementerian bercadang meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 bagi membanteras jenayah eksploitasi flora dan fauna khazanah negara agar ianya terus terpelihara.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk soalan ini dijawab bersekali dengan soalan

Yang Berhormat Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar pada 27 November 2018 berkaitan dengan dasar dan perundangan hutan Semenanjung Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga akta ini iaitu Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah dalam proses semakan semula bagi menambah baik pentadbiran, pengurusan dan memperkukuhkan kerja-kerja penguatkuasaan yang lebih efektif dan relevan. Antara tujuan penambahbaikan Akta Perhutanan Negara 1984 adalah seperti berikut:

- (i) memperketatkan proses pewartaan keluar Hutan Simpan Kekal,
- (ii) memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambil hasil hutan secara haram;
- (iii) meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar; dan
- (iv) mengatasi isu kekaburan atau kuasa yang tidak jelas dalam pelaksanaan Akta Perhutanan Negara 1984.

Kementerian berharap cadangan pindaan ini dapat membendung pengambilan hasil hutan secara haram, pelaksanaan aktiviti pemeliharaan, pemuliharaan hutan yang lebih berkesan serta memperkukuhkan pembangunan sektor perhutanan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menggantikan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 yakni Akta 76 kepada Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yakni Akta 716 yang diwartakan pada 4 November 2010 dan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Disember 2010. Buat masa ini Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yakni Akta 716 ini telah dalam proses pindaan bagi memperkasakan pelaksanaannya.

Bagi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim juga dalam semakan terkini bagi memperkukuhkan dan memantapkan kerja penguatkuasaan yang lebih efektif dan relevan.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan di mana kita tahu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengamalkan pengurusan hutan secara berkekalan bagi memenuhi keperluan yang dikehendaki dalam dengan izin *Malaysia Criteria and Indicators for Forest Management Certification* (MC&I). Dalam MC&I ini sebarang pembangunan dan pembalakan di kawasan yang melebihi seribu meter adalah tidak dibenarkan.

Jabatan Alam Sekitar juga telah mengeluarkan garis panduan pembangunan di kawasan cerun dan bukit yang telah dilancarkan pada 8 November 2017 untuk memastikan juga pembangunan yang melibatkan kawasan cerun dan bukit mematuhi semua kehendak alam sekitar dan impak pembangunan yang minimum.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah dengan adanya undang-undang yang sedia ada ini, kita masih lagi gagal dalam mengawal kerakusan mereka dalam mengusahakan sumber-sumber hutan ini. Di samping itu, ianya memberikan kesan kepada rakyat terbanyak. Bagaimanakah kementerian menanganinya dengan segera, dengan lebih serius bagi mengawal pemeliharaan kawasan hutan kita ini serta bukit agar tidak sewenang-wenangnya diterokai bagi menjamin kelangsungan flora dan fauna. Apakah langkah-langkah yang boleh diperkasakan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat bagi membantu kita mengawal kerakusan pengusaha-pengusaha ini agar peristiwa yang berlaku baru-baru ini di Cameron Highlands, yang terbaru di Pulau Pinang tidak akan berulang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya ingin menyatakan di sini mengikut Perkara 74(2), Jadual Kesembilan iaitu perbezaan ataupun bidang kuasa kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Apa yang saya hendak maklumkan di sini, kebanyakan pihak penguatkuasaan adalah di bawah bidang kerajaan negeri ya. Oleh sebab itu pindaan yang dibuat ini merangkumi semua aspek supaya Kerajaan Pusat juga dapat bersama-sama dengan kerajaan negeri mengawal. Sebelum ini kuasa itu terpisah.

Jadi, secara umumnya saya boleh nyatakan di sini bahawa daripada pindaan yang baru ini, dia banyak *details* nya, kita akan jawab bertulis ya. Cadangan yang dimasukkan supaya Kerajaan Pusat juga ada kuasa untuk bersama-sama kerajaan negeri untuk menangani masalah ini. Sebelum ini kuasa Kerajaan Pusat tidak ada untuk turun ataupun mengambil tindakan penguatkuasaan. Terima kasih.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam soalan saya berhubung dengan pindaan akta ataupun penggantian Akta Kualiti Alam Sekeliling ini ialah sebenarnya kita sudah buat semakan selama satu tahun lebih Tuan Yang di-Pertua dan undang-undang ini sudah siap. Dahulunya 59 seksyen, undang-undang yang baru mempunyai 99 seksyen termasuk perkara-perkara untuk menangani kes-kes yang *current* iaitu umpamanya di Semenyih dulu. Kita tidak ada kuasa untuk memindahkan kilang-kilang haram, dalam undang-undang ini dibuat.

Apa yang tinggal di sini adalah untuk berbincang dengan kerajaan negeri kerana dia akan bakal menghakiskan kuasa kerajaan negeri dalam sudut alam sekitar. Undang-undang Akta Perlindungan Hidupan ialah untuk membuat undang-undang ini lebih *current* lagi sebab pindaan yang dulu tidak melibat *digital trading* ataupun *e-commerce trading*, benda-benda hidupan liar.

#### ■1020

Jadi, dalam keadaan sedemikian, persoalan saya ialah sama ada undang-undang yang telah kita pinda itu belum lagi dibawa ke Dewan dan juga belum lagi dikomunikasi, dibincang, konsultasi dengan pihak kerajaan negeri bila hendak buat. Adakah hendak buat pindaan baru, makan masa setahun ataupun dua lagi. Atau melihat undang-undang yang kita sudah buat bersama agensi-agensi itu supaya mempercepatkan proses undang-undang ini. Padahal dalam program saya dahulu, *timeline* saya ialah tahun 2018 bulan Oktober ini sepatutnya undang-undang kualiti alam sekitar ini patut masuk Dewan. Terima kasih.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama itu yang aktiviti kualiti alam sekitar itu di bawah kuasa MESTECC. Saya minta MESTECC akan jawab bertulis. Berkenaan dengan PERHILITAN, maklumat yang saya terima adalah semuanya sudah siap. Akan tetapi dalam proses untuk di bincangkan kepada kementerian dan juga untuk masuk kepada Peguam Negara dan seterusnya ke Dewan. Diambil masa dalam masa 6 bulan lagi. Terima kasih.

**3. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kesudian kerajaan untuk menetapkan peruntukan Kementerian Kesihatan sebanyak 7 peratus dari GDP mengikut cadangan *World Health Organisation (WHO)*. Adakah kementerian bersedia untuk melakukan '*ringfencing*' bagi Kementerian Kesihatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited dalam memberi keutamaan untuk keperluan penjagaan kesihatan rakyat. Ke arah ini, peruntukan kewangan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan peningkatan dari tahun ke tahun yang mana peruntukan telah bertambah dua kali ganda berbanding 10 tahun yang dahulu iaitu daripada RM13 bilion pada tahun 2008, meningkat kepada RM26.58 bilion pada tahun 2018.

Sebanyak 50 peratus daripada peruntukan Kementerian Kesihatan adalah untuk menampung keperluan di hospital-hospital kerajaan. Pada masa ini, peruntukan kesihatan sektor awam adalah pada kadar 1.87 peratus daripada KDNK. Sekiranya syor WHO supaya jumlah peruntukan kesihatan keseluruhan yang meliputi kerajaan dan swasta sewajarnya 7 peratus daripada KDNK, maka peruntukan kesihatan sektor awam sepatutnya kini berada pada kadar 3.5 peratus hingga 4 peratus daripada KDNK.

Pada masa ini, kerajaan menyumbang sebanyak 52 peratus daripada keseluruhan peruntukan kesihatan negara. Manakala, pihak swasta menyumbang sebanyak 48 peratus daripada keseluruhan peruntukan kesihatan. Kementerian Kesihatan mengakui sekiranya peruntukan kesihatan sektor awam ditingkatkan kepada 3.5 peratus hingga 4 peratus daripada KDNK, ia akan melibatkan penggunaan dana yang besar daripada hasil kerajaan dan ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini.



Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan akan memohon penambahan peruntukan secara berperingkat dari satu tahun ke satu tahun dalam bajet tahunan Kerajaan Persekutuan. Sebagai permulaan, Kementerian Kesihatan telah kemukakan permohonan peruntukan pengurusan dan pembangunan sebanyak RM30 bilion dalam Bajet 2019. Ini merupakan 2.01 peratus daripada anggaran KDNK 2019. Kementerian Kesihatan menyasarkan peruntukan kesihatan pada kadar 4 peratus daripada KDNK dalam tempoh 5 tahun iaitu pada tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk melaksanakan *ringfencing* peruntukan dalam bajet tahunan memandangkan jumlah peruntukan dalam bajet tahunan kerajaan adalah bergantung pada hasil serta kedudukan kewangan kerajaan, selain mengambil kira sasaran defisit fiskal yang hendak dicapai oleh kerajaan. Namun begitu, Kementerian Kesihatan amat berharap supaya peruntukan kepada Kementerian Kesihatan akan diberi keutamaan dalam setiap pembentangan bajet yang akan datang di Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang penting ini. Saya bangkit isu ini sebab isu ini saya selalu bangkit di Dewan yang mulia ini. Oleh sebab kita dapati bahawa masih ada *shortcomings in the present system of healthcare*, perkhidmatan kesihatan. Saya dapat banyak aduan di Klang dan juga lain tempat, di mana orang ramai tidak dapat ubat yang mereka hendak yang selalu mereka dapat tetapi sekarang tidak dapat.

Oleh sebab potongan peruntukan kewangan kepada Kementerian Kesihatan. Itu satu. Kita juga ada masalah besar di Sabah dan Sarawak yang hendak wang itu supaya mereka dapat *expand* skop dan juga untuk membina hospital-hospital dan sebagainya. Isu yang penting ialah Yang Berhormat Menteri, di negara-negara seperti Vietnam, negara seperti Cambodia, mereka merupakan negara yang miskin. Akan tetapi peruntukan pada perkhidmatan kesihatan adalah lebih daripada Malaysia. *So, if they can commit more although they are poor, why not Malaysia?* So, minta penjelasan.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Memang sebagai sebahagian daripada Manifesto Pakatan Harapan, kita sasarkan supaya peruntukan untuk kesihatan itu akan sampai 4 peratus daripada KDNK. Akan tetapi memandangkan kedudukan kewangan ini, kita perlu menjalankan tugas itu dengan teliti supaya kita sasarkan supaya peningkatan itu dibuat secara berperingkat supaya tidak memberi satu kejutan terhadap kedudukan kewangan Persekutuan. Sekian.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Petua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri. Apakah perancangan kementerian dalam memastikan sasaran perkhidmatan kesihatan mampu meningkatkan sumbangan kepada KDNK negara kita sebagaimana yang dijelaskan sebentar tadi? Bilakah kementerian akan melaksanakan pengurangan nisbah seorang doktor kepada pesakit daripada 600 kepada 400 orang seperti sasaran yang telah pun ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri? Pada masa yang sama oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah orang Perak, saya ingin bertanya apakah status terkini rancangan pembinaan Hospital Sri Iskandar di dalam kawasan saya? Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih. Saya jawab yang senang dahulu lah. Hospital Sri Iskandar, baru saja saya diberitahu bahawa Menteri Kerja Raya telah umumkan bahawa kerja pembinaan Hospital Sri Iskandar akan dimulakan. Untuk soalan...

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** ...untuk soalan doktor, memang kita dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11, memang kita sasarkan supaya *ratio* ataupun nisbah 1 doktor untuk 450 populasi. Walaupun kita belum sampai tahap tersebut tetapi kita melakukan melalui *graduates* yang ada melalui IPTA, IPTS, di mana kita lebih kurang setiap tahun ada 5 ribu hingga 6 ribu *graduates* daripada IPTA, IPTS dan juga daripada luar negara.

Akan tetapi cuma saya juga hendak beri sedikit maklumat berkenaan dengan *graduates* yang sedia ada. Oleh kerana kita tidak ada tempat untuk penempatan *graduates* tersebut, jadi kita terpaksa untuk menyediakan lebih tempat untuk latihan *housemen*. Kita telah lakukan apa yang telah dilakukan supaya kita ada satu memorandum supaya tambahan kursus untuk siswazah perubatan di *freeze*, dibekukan buat sementara waktu.

## ■1030

Akan tetapi kita sasarkan supaya menjelang tahun 2020 kita dapat sasaran 1:450. Dari segi peruntukan, memang saya telah terangkan tadi supaya kita akan buat secara berperingkat. Walaupun susah tetapi kita perlu yakinkan Menteri Kewangan pun ada di sini dalam Dewan, supaya kita jangan anggap perbelanjaan untuk kesihatan sebagai satu perbelanjaan tetapi juga satu pelaburan untuk kesihatan dan satu pelaburan (*investment*) di mana boleh menjana ekonomi. Jadi, sekian jawapan saya.

**4. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kerajaan akan membentangkan rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Tafsiran 1948/1967 bagi memisahkan kuasa pendakwa raya dan kuasa Peguam Negara bagi memastikan pendakwa raya dapat bertanggungjawab menjaga kepentingan orang awam secara berkecuali selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Pengerang adalah soalan nombor empat yang berbunyi, bilakah kerajaan akan membentangkan rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Tafsiran 1948/1967 bagi memisahkan kuasa pendakwa raya dan kuasa Peguam Negara bagi memastikan pendakwa raya dapat bertanggungjawab menjaga kepentingan orang awam secara berkecuali selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang kerana bertanyakan soalan yang baik ini. Saya mengakui memang ada janji dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan di bawah Janji 15, iaitu untuk memisahkan Pejabat Pendakwa Raya daripada Pejabat Peguam Negara. Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Pakatan Harapan tidak pernah meletakkan tempoh. Dalam buku Manifesto, kita tidak pernah meletakkan tempoh. Ada yang kita letakkan tempoh tetapi yang ini tidak ada tempoh.

Jadi, kerajaan sedang berusaha dengan penuh dedikasi untuk menjalankan kajian menyeluruh bagi melaksanakan janji ini. Berdasarkan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 376, Kanun Tatacara Jenayah (CPC) (Akta 593) Peguam Negara di negara ini berperanan bukan sahaja sebagai pendakwa raya namun dalam masa yang sama menjalankan tugas untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau Perdana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang dalam melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang.

Sekiranya kerajaan berhasrat untuk melaksanakan pemisahan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya negara ini, Perkara 145 perlu dipinda bagi maksud ini Perkara 159, Perlembagaan Persekutuan adalah terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 3, Perkara 159 memperuntukkan bahawa satu rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan tidak boleh diluluskan dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika rang undang-undang ini telah disokong pada bacaan kali kedua dan kali ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua per tiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

Selanjutnya, pindaan berbangkit yang perlu dipertimbangkan ialah rang undang-undang yang berkaitan dengan kuasa Pendakwa Raya dan Peguam Negara yang diperuntukkan di bawah Akta 593 iaitu Akta Kanun Tatacara Jenayah dan juga Akta 388, Akta Tafsiran. Peruntukan lain yang perlu diperincikan adalah keperluan untuk meminda Perkara 183, Perlembagaan Persekutuan mengenai kuasa Peguam Negara untuk memberi keizinan sebelum sesuatu tindakan sivil atau jenayah dimulakan terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu negeri berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan, dilakukan olehnya atas sifat peribadinya.

Fasal 5 Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan mengenai keanggotaan Peguam Negara dan Lembaga Pengampunan. Selain itu perkara lain yang perlu diperhalusi adalah dari aspek perkhidmatan dan pentadbiran antaranya seperti berikut: Keperluan mewujudkan

perjawatan khusus bagi pendakwa raya sama ada pihak pendakwa raya akan diletakkan di bawah satu skim perkhidmatan yang berasingan dan berbeza dan Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-undang bagi menyokong perwujudan jawatan pendakwa raya dan sama ada pendakwa raya akan menjadi ketua perkhidmatan bagi timbalan pendakwa raya memandangkan pada masa ini Peguam Negara merupakan Ketua Perkhidmatan bagi semua pegawai undang-undang.

Jika jawapan kepada isu perkhidmatan di atas adalah positif maka opsyen perlu diberikan kepada semua pegawai undang-undang kerana perkara ini melibatkan perubahan daripada segi syarat perkhidmatan dan terdapat jangkaan yang sah daripada undang-undang. Semasa pegawai dilantik ke dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan bahawa mereka boleh berkhidmat sebagai pendakwa raya, majistret, Peguam Persekutuan dan sebaliknya.

Kesimpulannya, apa-apa persoalan mengenai pindaan yang hendak diselaraskan oleh kerajaan berhubung dengan pemisahan kuasa antara pendakwa raya dan Peguam Negara merupakan satu perkara dasar yang perlu diputuskan oleh kerajaan dan dilaksanakan setelah mengambil kira implikasi perundangan dan hal yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang begitu panjang lebar. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya kalau Yang Berhormat boleh terangkan pada Dewan yang mulia ini, bagaimanakah yang telah dilakukan pada tahun 1980-an apabila Peguam Negara lantikan politik iaitu Tan Sri Abdul Kadir Yusof dan juga Tan Sri Hamzah Abu Samah dijadikan Peguam Negara tanpa pindaan kepada Perlembagaan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang. Untuk soalan yang spesifik itu saya rasa saya perlukan satu perundingan dahulu. Bagaimanapun saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Pengerang, sebenarnya bagi saya sekarang yang kita mencadangkan dalam Manifesto bukan setakat Peguam Negara itu menjadi Menteri Undang-undang sahaja tetapi lebih daripada itu, kita memisahkan satu sebagai pendakwa raya satu lagi sebagai penasihat kerajaan.

Saya tidak tahu Yang Berhormat Pengerang sedar atau tidak, dalam Perkara 145, kuasa Peguam Negara ini dua. Saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat Pengerang membaca satu keputusan yang ditulis oleh Hakim Eusoff Abdul Kadar (Almarhum) dalam kes Yang Berhormat Gelang Patah lawan dengan UEM. Di mana beliau menerangkan tentang *actually* benda itu bukan sangat melibatkan pendakwaan tetapi *onrelated action*. Saya rasa Yang Berhormat Pengerang tahu, kenapa rasionalnya Peguam Negara ini ada masa-masanya kita perlu pisahkan mereka.

Kalau Yang Berhormat Pengerang tidak ada salinan *judgement*, saya boleh bagikan baca *judgement* itu, itulah sebenarnya idea kenapa kita adakan janji dalam Manifesto kita iaitu untuk mewujudkan satu institusi pendakwaan yang *independent*. Oleh sebab itulah kita merasakan bahawa benda itu perlu hanya boleh dilakukan kalau kita pinda Perlembagaan. Jadi tentang Yang Berhormat Pengerang bangkitkan itu tadi bahawa Peguam Negara itu dulu pegang tidak ada pinda Perlembagaan, saya rasa tidak relevan sebab sekarang ini ialah isunya *independence of Peguam Negara* itu dan ini memerlukan pindaan Perlembagaan dan saya nak beritahu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua, kena bagi *late case* sedikit sebab mereka tidak berapa faham. Mereka rasa..

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan ringkas Yang Berhormat Menteri sebab banyak soalan lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Sekejap. *Last, last* sedikit lagi.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Berapa lama tidak bercakap itu, sudah lama dia tidak bercakap itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Bukan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Pengerang, kalau Yang Berhormat Pengerang baca buku Manifesto muka surat 10. Kita semua ini yang kita hendak buat ini ialah atas dasar kita meletakkan ketinggian Perlembagaan, *the supremacy of the Constitution*. So, kalau kita

hendak buat langgar Perlembagaan, tidak ada masalah tetapi oleh kerana kita tak nak langgar Perlembagaan sebab itulah kita akan buat berhati-hati. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada jiran saya Yang Berhormat Hulu Langat tadi memberikan peluang. Dari jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kami mengambil maklum bahawa pada masa kini kedua-dua institusi ini Pejabat Pendakwa Raya dan Pejabat Peguam Negara masih lagi belum dipisahkan.

Soalan saya adalah apakah tindakan kerajaan pada masa kini memandangkan pemisahan belum lagi direalisasikan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa tidak ada *the possibility of conflict of interest* dapat diminimumkan pada kesemua masa material.

Keduanya kita sedia maklum bahawa majistret sekarang adalah di bawah naungan *Attorney General* dan ia juga membawa satu *conflict of interest* yang amat besar dan amat serius. Apakah pandangan kerajaan berkenaan dengan situasi ini sama ada perlu membuat satu pembaharuan supaya kesemua majistret diambil keluar daripada pihak Pejabat Peguam Negara.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Panjang soalan ini, tetapi saya akan menjawab yang pertama dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur, rekod kita menunjukkan bahawa kita tidak campur tangan. Saya hendak bagi contoh, di Dewan ini di mana Tuan Yang di-Pertua kita daripada Pakatan Harapan tidak pernah menghalau Ahli Parlimen Pakatan Harapan dan bila wartawan tanya saya, "*kenapakah Tuan Yang di-Pertua menghalau Ahli Parlimen Pakatan Harapan?*" Saya kata inilah Kerajaan Pakatan Harapan, saya tidak pernah campur tangan kuasa Tuan Yang di-Pertua dan sebagainya.

#### ■1040

Jadi, begitu juga Peguam Negara ini walaupun sekarang ini belum ada pemisahan tapi kami tidak pernah tugas. Dia hendak dakwa siapa, dia hendak dakwa siapa, kami tidak ada langsung campur tangan. Jadi, percayalah kita lah sebuah kerajaan yang kita akan memastikan semua institusi di bawah kita ini akan menjalankan tanggungjawab mereka secara *independent* atau *without fear and favour*.

Jadi, tentang yang isu-isu lain itu saya rasa saya akan cuba jawab secara bertulis oleh kerana masa yang agak singkat. Akan tetapi bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan ini lah Kerajaan Pakatan Harapan, kita adalah kerajaan yang komited untuk membuat perubahan. Sekian, terima kasih.

[Tepuk]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh benarkan satu lagi soalan tambahan. Satu lagi. Tadi saya bangun awal lagi, Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja, saya merayu. Satu lagi soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sekarang ini saya mencuba untuk...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Soalan ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Membenarkan jawapan lisan mungkin 10 atau 11 pada pagi ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sikit sahaja.

**Seorang Ahli:** Lain kali lah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Boleh lah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan untuk soalan yang lain lah. Soalan Yang Berhormat Subang. Silakan.

5. **Tuan Wong Chen [Subang]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan akan mengemukakan satu formula perkongsian hasil kerajaan untuk Sabah dan Sarawak.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang atas soalan yang ditujukan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan Persekutuan akan sentiasa cuba memenuhi tuntutan hak kerajaan negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Namun demikian ia tertakluk kepada kemampuan dan kedudukan hasil kerajaan. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau mempengerusikan Majlis Kewangan Negara pada 7 Jun 2018. Untuk itu selaras dengan Teras Empat Buku Harapan, mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan autonomi Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak Perjanjian Malaysia 1963 dilaksanakan melalui tiga peringkat iaitu:

- (i) Jawatankuasa Pemandu;
- (ii) Jawatankuasa teknikal; dan
- (iii) Jawatankuasa kerja.

Di mana masing-masing dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan juga yang ketiga ialah dianggotai oleh pakar-pakar bidang tertentu. Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan bagi memastikan semua pihak mendapatkan keadilan seperti yang diperuntukkan di sisi undang-undang negara. Demi menegakkan kedaulatan undang-undang atau *rule of law* dalam negara kita.

Isu ketidakseimbangan pembangunan fizikal dan sosial ekonomi di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berbanding negeri Sabah dan Sarawak akan dapat diberikan penekanan yang lebih serius. Ia sekali gus akan dapat membantu Kerajaan Persekutuan dalam merangka pelan pembangunan ekonomi yang lebih holistik yang mampu merapatkan jurang ekonomi serta adil dan sama rata di antara negeri-negeri Malaysia.

Akan tetapi perlu ditegaskan sebarang cadangan atau formula yang disyorkan mestilah tertakluk kepada kedudukan kewangan yang mengizinkan. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya faham bahawa jawatankuasa ini akan ditubuhkan. Saya cuma hendak tahu sedikit tentang *timetable* dia, adakah ia akan dilaksanakan dalam tahun ini atau tahun depan?

Kedua, sama ada isu tentang hasil pendapatan *corporate tax* dan juga *personal income tax* daripada negeri-negeri Sabah dan Sarawak adakah itu termasuk dalam perbincangan untuk *sharing of revenue*? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih atas soalan tambahan oleh Yang Berhormat dari Subang. Kalau kita lihat tentang soal pelaksanaan atau pun formula perkongsian hasil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ia boleh dipecahkan kepada dua peringkat.

Satu, dari segi formula dan kaedahnya. Ia mungkin memakan masa sekurang-kurangnya tahun depan. Akan tetapi selepas itu kita pun kena lihat dari segi kemampuan perbelanjaan dan kedudukan kewangan seperti yang sedia maklum oleh Yang Berhormat, dari segi kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan amatlah mencabar kerana kita menghadapi kekangan kewangan ekoran daripada skandal-skandal yang diwariskan kepada kerajaan baharu.

[Dewan riuh]

Oleh itu, adalah perlu bahawa sekiranya kita hendak melaksanakannya pun kena tunggu sehingga kedudukan kewangan mengizinkan. So, itulah komitmen yang diberikan

oleh pihak kerajaan dan tentulah sekiranya tidak ada masalah skandal-skandal kewangan yang saya sebutkan tadi, ini tidak akan jadi satu isu yang besar.

Akan tetapi suka tidak suka, mahu tidak mahu, rela kah tidak rela, kita kena menghadapi kenyataan dan hakikat iaitu berdasarkan angka dan fakta. Kita tidak boleh lari daripada itu iaitu berdepan dengan cabaran dan berusaha seberapa yang boleh untuk mengatasinya secara bersama tidak kira di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan Sarawak. Sungguhpun kita semua dipisahkan oleh Laut China Selatan, mungkin jauh dari segi jarak tetapi dekat dalam hati. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Soalan tambahan, Pendang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Belakang, belakang. Bebas.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Sarawak lah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini hal Sarawak sepatutnya bagi dengan Sarawak.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua dah buat *ruling*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan benarkan satu lagi soalan daripada Sarawak. Ya, sila, sila Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Soalan ringkas.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Daripada Jelutong lah Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada soalan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Very good, fair and square.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jangan anak tirikan Jelutong.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sabar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan panggil Yang Berhormat Jelutong bila Yang Berhormat Jelutong bangun terawal sekali.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dah bangun awal tadi dah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini soal 1MDB.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *[Ketawa]* Saya hendak mengajukan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan butiran-butiran di dalam kelulusan yang dibuat sama ada kepada Sabah, Sarawak dan mana-mana negeri dalam Malaysia.

Di dalam format jadual, sedar tidak Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan format kelulusan sama ada dalam bentuk geran atau bentuk pinjaman dan butiran itu disebut tajuk kelulusan itu diberi. Saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kelulusan ataupun *releasing funds to the state* dengan izin sama ada mana-mana negeri dalam bentuk pinjaman ataupun dalam bentuk geran dan di hujung sana, di *remark* sana ada disebut juga untuk pembayaran gaji atau sebagainya? Adakah format ini disebut dalam jadual format kelulusan wang kepada negeri-negeri? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkaitan dengan Sabah dan Sarawak ya?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyimpang sedikit daripada soalan ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tidak apa saya akan cuba memuaskan hati Yang Berhormat dari Pendang. Nampaknya Yang Berhormat Pendang ada udang di sebalik batu [*Ketawa*] dalam soalnya. Akan tetapi tidak apa lah, ini kan seorang ahli politik hendak main politik, biasa.

Akan tetapi saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Pendang bahawa Sabah dan Sarawak tidak pernah meminta bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membayar gaji [*Tepuk*] kakitangan ahli pentadbiran Sabah dan Sarawak. Itu hakikat. Mereka tidak pernah minta seperti negeri-negeri tertentu yang tulis surat secara hitam putih minta bayar wang kerana tidak mampu bayar gaji. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjelaskan perkara itu semalam saya kena tanya dan kami berbangga dengan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah tadi saya mendengar Yang Berhormat Menteri menyatakan mengenai dari segi keadilannya untuk menentukan dari segi formula perkongsian hasil kerajaan untuk Sabah dan Sarawak.

Apa yang kita telah dimaklumkan bahawa dalam 17 ahli yang telah dilantik untuk menerajui ataupun duduk di dalam Jawatankuasa Pemandu kita hanya ada dua iaitu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan juga AG kita. Jadi, bagaimana kita hendak berlaku adil kalau hanya dua daripada mereka duduk di dalam situ, kalau berlaku lah satu dari segi pengundian kah? Itu pertama.

Kedua ialah bagaimana kita hendak melihat dari segi kalau tadi formulanya ada *deadline* kah tidak *because* kita telah lama menunggu Yang Berhormat. Sekarang ini kerajaan baharu kita hendak melihat kerajaan baharu dengan nafas baharu dengan *efficiency* yang baharu. Terima kasih.

■1050

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat bekas Menteri Undang-undang, atas keprihatinan untuk mengetahui secara mendalam formula perkongsian hasil dan juga kaedah baru macam mana kita memastikan layanan yang memenuhi aspirasi dalam *Malaysia Agreement 1963*. Saya harap Yang Berhormat bolehlah sabar sedikit kerana sebelum ini tidak ada perancangan sedemikian, hanya bila ubah kerajaan baharu ada rancangan sedemikian.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Itu tidak betul, saya dalam jawatankuasa Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya jawab soalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Berikan kesempatan menjawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini *floor* saya. Yang Berhormat ini bukan orang baru. [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** *Floor* yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri kesempatan untuk Menteri menjawab. Ini soalan jawapan lisan, silakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat pun pernah jadi Menteri, takkan tak tahu. Itulah formatnya. Apa yang saya hendak sebut adalah sebelum ini tidak ada formula seperti ini yang kita hendak rancangan dan memandangkan bahawa sedang tunggu hampir lebih 50 tahun.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik itu, itu tidak betul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Takkan kita boleh sabar sedikit...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Itu tidak betul. Sebab saya dalam jawatankuasa...

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak betul lah.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** *That is not right, he has to correct that because I was in the committee.*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak betul lah.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** *Please tarik balik, tarik balik. [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Menteri menjawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak apalah, biar dia belajar macam mana jadi pembangkang. *[Dewan riuh]* Apa yang penting ialah kita merancang untuk mendapat satu kaedah formula. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa tidak adil dari segi keanggotaan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Menteri pun kena jawab, jadi kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita kena faham bahawa ia ditubuhkan oleh kerajaan di mana ada wakil-wakil tetapi akhirnya apabila kita hendak membuat sesuatu keputusan, ia mesti mendapat restu daripada semua kepimpinan Pakatan Harapan dan juga termasuk parti Warisan. Sekiranya ditanya, jangan lupa bahawa ada wakil daripada negeri Sarawak daripada DAP dan PKR. Akan tetapi sekiranya Yang Berhormat hendak tanya dari segi Kerajaan Negeri Sarawak kenapa tidak dianggotai, saya rasa itu jelas. Ini adalah sesuatu syor yang dikeluarkan oleh Pakatan Harapan yang menjadi Kerajaan Persekutuan di Malaysia, takkan ini tidak difahami oleh pihak Yang Berhormat.

Pada masa yang sama dari segi *time frame*, tempoh masa, kita harus berikan masa. Tadi saya dah sebut, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak dengar bahawa kita harap bolehlah dilaksanakan tahun depan, sekurang-kurangnya bagilah satu tahun, takkan sudah tunggu lebih 50 tahun, tidak boleh tunggu satu tahun. Akan tetapi selepas itu, saya kena ulangi supaya Yang Berhormat boleh betul-betul faham ialah kita pun kena lihat kedudukan kewangan, mesti tunggu sehingga kedudukan kewangan mengizinkan, itu yang penting. Sekian, terima kasih.

**6. Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah kutipan bayaran balik PTPTN yang diterima selepas tindakan senarai hitam dihapuskan dan apakah usaha yang akan dilaksanakan bagi memastikan sasaran jumlah bayaran balik dapat dicapai.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rembau.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu pertanyaan lagi yang berhubung kait dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Oleh itu izinkan saya menjawab pertanyaan pada hari ini serentak dengan pertanyaan daripada pertama Yang Berhormat Rembau pada hari ini, kedua Yang Berhormat Tanjong Karang pada 31 Oktober tahun ini dan ketiga Yang Berhormat Besut pada 4 Disember tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, PTPTN dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia telah mengeluarkan seramai 429,945 orang peminjam PTPTN daripada senarai hitam. Proses ini dilaksanakan secara berperingkat mulai 24 Mei dan telah selesai sepenuhnya pada 8 Jun tahun ini. Selepas tindakan senarai hitam dihapuskan mulai Jun hingga September 2018, jumlah kutipan bayaran balik PTPTN yang telah diterima adalah sebanyak RM817.56 juta berbanding dengan RM1,324.43 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2017.

Bagi memastikan bayaran balik yang berterusan diterima daripada peminjam, tindakan penyenaraian dan pengemaskinian rekod bayaran peminjam dalam rekod kredit Bank Negara iaitu *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) dengan izin masih dilaksanakan. Selain daripada itu, tindakan perundangan juga boleh diambil ke atas peminjam yang ingkar membuat bayaran. Sekian sahaja jawapan saya, terima kasih.



**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Menteri kerana mengesahkan bahawa selepas mereka dikeluarkan daripada senarai hitam, pembayaran balik kepada PTPTN telah menurun sebanyak lebih kurang RM500 juta. Itulah sebab kita meletakkan mereka di bawah senarai hitam. Di dalam Dewan Rakyat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyatakan bahawa satu kajian menyeluruh mengenai PTPTN akan siap menjelang bulan Ogos yang lepas. Sehingga kini masih tiada satu pendekatan baru yang dicadangkan oleh kerajaan untuk membantu peminjam PTPTN terutamanya mereka yang mempunyai gaji kurang daripada RM4,000 kumpulan sasaran dalam manifesto.

Jadi soalan saya, apakah pendekatan baru yang telah dirangka oleh kerajaan untuk membantu golongan tersebut dan juga apakah status terkini kertas cadangan yang dirangka oleh PTPTN yang diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri berkenaan mekanisme baharu untuk mencapai janji Pakatan Harapan dalam manifesto. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rembau atas soalan tambahan tersebut. Saya tidak menafikan bahawa selepas kita keluarkan peminjam PTPTN daripada senarai hitam, Imigresen memang ada penurunan tetapi penurunan yang saya sebut tadi bukan sahaja diakibatkan oleh pengeluaran nama daripada senarai Jabatan Imigresen Malaysia kerana pada tahun 2017, semasa membentangkan Bajet 2018 satu pengumuman telah dibuat oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu iaitu memanjangkan *grace period* untuk buat bayaran balik. Dulunya polisi adalah selepas menamatkan pengajian dalam tempoh masa enam bulan, mereka perlu bermula untuk buat bayaran balik tetapi semasa pembentangan untuk Bajet 2018 yang telah berkuat kuasa pada 1 November, *grace period* itu telah dipanjangkan daripada enam bulan kepada dua belas bulan.

Jadi oleh sebab itu, sejak Januari tahun ini kita boleh nampak satu penurunan daripada kutipan. Untuk Januari tahun 2017, kutipan balik PTPTN adalah sebanyak RM351 juta tetapi untuk Januari tahun ini kutipan adalah RM297 juta. Satu penurunan sebanyak RM54 juta. Untuk bulan Mac, kutipan pada tahun 2017 adalah RM384 juta, pada Mac tahun ini kutipan PTPTN hanya RM293 juta, satu penurunan sebanyak RM90 juta. Jadi saya rasa tidak bolehlah kita menyalahkan Pakatan Harapan ataupun menyalahkan tindakan kita untuk mengeluarkan nama peminjam daripada senarai imigresen itu sebagai satu punca. Kalau ini adalah satu kesilapan, saya hendak tanya semasa mantan Perdana Menteri memanjangkan *grace period* itu adalah satu keputusan yang salah juga.

Kedua, saya hendak nyatakan di sini memang satu kajian holistik mengenai dasar baharu bayaran balik pinjaman PTPTN telah selesai dilaksanakan pada 26 September tahun ini dan akan dibentangkan di mesyuarat Jemaah Menteri untuk dimuktamadkan. Sekarang kita masih menunggu ulasan daripada beberapa agensi kerajaan supaya kertas ini boleh dibentangkan ke MJM. Jadi selepas kita buat satu keputusan muktamad, pengumuman akan dibuat supaya kita boleh tahu hala tuju baharu untuk PTPTN untuk masa yang akan datang. Sekian jawapan saya, terima kasih.

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat bahawa antara tawaran yang dilakukan oleh PTPTN adalah pengecualian bayaran balik pinjaman apabila pelajar-pelajar mendapat ijazah sarjana muda kelas pertama.

#### ■1100

Soalan saya ialah, banyak yayasan ataupun badan-badan yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di universiti telah memberi kategori yang tertentu untuk menawarkan diskaun kepada pelajar-pelajar bukan hanya di peringkat ijazah pertama yang mendapat keputusan kelas pertama. Akan tetapi mengikut peringkat-peringkat yang tertentu.

Misalnya kalau kita lihat Yayasan Bank Rakyat telah mengemukakan kadar bayaran balik kepada pinjaman itu mereka yang mendapat 3.50 ke 3.75 bayaran balik 10 peratus. Mereka yang mendapat 3.00 hingga 3.50 bayaran balik sebanyak 30 peratus. Maknanya ada kategori-kategori yang tertentu. Soalan saya ialah apakah PTPTN juga berhasrat untuk melaksanakan bayaran balik kepada peminjam-peminjam di universiti itu kepada kadar yang sebagaimana yayasan ataupun badan-badan yang lain memberi pinjaman.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tampin atas soalan tambahan tersebut. Saya rasa memang kajian telah diselesaikan. Dalam kajian tersebut, kita memang sudah mengemukakan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri. Cadangan pelaksanaan dasar

baharu tersebut telah mengambil kira kesan kewangan yang minimum kepada PTPTN bagi memastikan kelestarian dapat dikekalkan di samping merealisasikan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan melalui pengurangan bebanan bayaran balik kepada peminjam.

Jadi saya rasa kita telah terima pelbagai cadangan dan semua ini kami telah mempertimbangkan. Saya tidak boleh buat apa-apa pengumuman pada hari ini kerana kertas cadangan itu belum diterima oleh Jemaah menteri. Jadi selepas Jemaah Menteri terima cadangan tersebut atau tambah baik cadangan tersebut, kita akan buat satu pengumuman secara rasmi supaya kita semua tahu apa langkah-langkah yang akan diambil atau pendekatan untuk masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum pilihan raya yang lalu Pakatan Harapan telah membuat janji kempen sana, kempen sini. Video pun ada kalau hendak tunjuk bahawa ada yang mengatakan tidak perlu PTPTN yang jelas tertulis gaji tidak sampai RM4,000 sebulan tidak perlu bayar. Selepas itu pula kata kena bayar. Kita PTPTN ini tidak boleh dipolitikkan.

Oleh sebab itu dahulu kita mengambil beberapa tindakan kerana setiap tahun PTPTN membiayai 200,000 orang pelajar yang perlu diberi peluang untuk memasuki universiti. Akan tetapi ia tidak dipolitikkan. Dahulu tidak payah bayar, sekarang apabila hutang kena bayar. Jadi kita nampak satu tindakan yang tidak konsisten sejak dahulu lagi.

Apabila tanya sejak dahulu lagi dalam kajian. Itu yang saya dengarlah. Soalannya, adakah PTPTN akan mampu mencapai kutipan sebagaimana yang telah dicapai pada tahun 2017 iaitu sebanyak hampir RM4 bilion pada tahun tersebut.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Besut. Saya rasa pendirian Pakatan Harapan selama ini adalah jelas. Itu adalah hutang kepada PTPTN. Jadi dari segi agama, dari segi moral kita memang perlu bayar balik. Akan tetapi ikut kemampuan. Itu yang penting. Kita dahulu dalam manifesto, kita nyatakan bahawa kumpulan yang pendapatan mereka kurang daripada RM4,000 kita mengecualikan mereka kerana mereka tidak berkemampuan. Tidak pernah kita cakap langsung tidak perlu bayar. Itu saya rasa prinsip yang saya perlu perelaskan di sini. Itu pertama. Kita cakap bayar hutang ikut kemampuan. Betul tak prinsip itu? *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong berikan kesempatan untuk menjawab. Ya silakan.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih. Jadi saya rasa kita tidak boleh menafikan bahawa seperti yang saya telah perelaskan kepada Yang Berhormat Rembau bahawa memang ada penurunan dari segi kutipan. Jadi saya akui di sini bahawa kalau tahun ini hendak mencapai kutipan sebanyak RM4 bilion pada status setakat ini nampaknya sukar sedikit.

Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi, penurunan kutipan bukan oleh sebab dipuncakan oleh Pakatan Harapan sahaja. Barisan Nasional yang telah memanjangkan *grace period* untuk buat bayaran itu juga mengakibatkan penurunan kutipan. Jadi takkanlah sekarang meletakkan semua itu kesalahan kepada Pakatan Harapan. Saya rasa itu adalah tidak betul dan itu adalah tidak adil.

**7. Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa kes permohonan "permit masuk" di setiap negeri yang masih dalam proses mengikut tahun permohonan dibuat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Permit masuk merupakan satu permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atau pun JIM di bawah seksyen 10, Akta Imigresen Tahun 1959-1963 bagi membolehkan seseorang warga asing untuk tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh satu pas yang dipegang sebelum ini.

Berdasarkan permit masuk sedia ada, warga asing yang telah menetap di Malaysia untuk tempoh melebihi lima tahun secara berterusan di atas pas jangka panjang adalah layak untuk memohon permit masuk. Seterusnya kelulusan permit masuk tersebut melayakkan seseorang itu mendapatkan taraf sebagai pemastautin tetap. Sehingga 5 Oktober 2018, Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan jumlah permohonan permit masuk yang diterima

ialah sebanyak 27,127 permohonan. Daripada jumlah tersebut, jumlah permohonan yang sedang diproses adalah sebanyak 10,145 permohonan.

Berdasarkan pecahan statistik mengikut negeri:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Permohonan</b>
Selangor	2527
Johor	1757
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1568
Perak	1247
Pahang	568
Kelantan	497
Kedah	478 (Dalam pertimbangan)
Pulau Pinang	401
Negeri Sembilan	360
Terengganu	341
Wilayah Persekutuan Labuan	107
Melaka	95
Perlis	65
Wilayah Persekutuan Putrajaya	55
Sarawak	52
Sabah	27

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, permohonan permit masuk perlu melalui tapisan keselamatan dengan menggunakan Borang Rujukan Imigresen (BRI) daripada pihak Polis Diraja Malaysia terlebih dahulu sebelum diangkat untuk keputusan oleh Ketua Pengarah Imigresen. Terima kasih.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama saya hendak tanya, apa bezanya dalam permohonan 27,000 ini tetapi hanya 10,000 yang dalam proses dan yang belum dalam proses itu adakah ia ada satu tempoh simpanan yang tertentu sebelum dibawa proses.

Kedua, setahu saya kebiasaannya dan lazimnya sesuatu permohonan sudah masuk ia akan dibawa dalam satu bulan atau dua bulan Imigresen buat temu duga. Selepas itu serah kepada balai polis buat temu duga. Selepas itu serah kepada Bukit Aman, serah balik kepada imigresen barulah buat proses.

Akan tetapi saya difahamkan bahawa ada sesetengah negeri termasuk Kedah permohonan sudah cukup dua tahun lebih masih belum dipanggil oleh Imigresen untuk temu duga. Maka saya hendak tanya, apakah SOP selepas satu permohonan masuk. Adakah dalam satu jangka masa tempohnya mesti dipanggil untuk temu duga ataupun terpulang kepada kemampuan kakitangan ataupun unsur-unsur lain yang sehingga ada permohonan sampai dua tahun masih belum dipanggil temu duga. Terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut. Kita mengakui bahawa berlaku kelewatan dari segi keputusan permohonan.

## ■1110

Sebagaimana saya sebutkan tadi, setiap permohonan itu perlu melalui beberapa tapisan. Sebagaimana kita pun tahu bahawa bila melibatkan keselamatan ini, ini merupakan satu perkara yang kita tidak boleh kompromi. Kita sedia maklum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa di peringkat kementerian ini pada ketika ini, kita dalam proses untuk mengkaji. Kita tahu di setiap agensi ini, dia mempunyai keperluan. Contohnya pendaftaran dengan imigresen, dia perlu ada *sharing of information*. Ini yang kita tidak ada di peringkat kementerian. Oleh sebab itu, untuk makluman, Yang Berhormat Menteri telah mempertanggungjawabkan kepada saya selaku Timbalan Menteri untuk menguruskan satu mesyuarat untuk mengkaji setiap proses di antara agensi di dalam kementerian itu sendiri perlu kita lihat dari segi *sharing information*. Jadi bagi kita sedikit masa. *Insha-Allah*, kita akan mempercepatkan permohonan-permohonan ini.

Kita pun tahu sekarang ini lebih daripada 110,000 permohonan yang diterima untuk permit masuk ini. Di tambah lagi dengan PDRM sendiri terkekang dengan banyak isu yang mereka perlu selesaikan. Oleh sebab itu, itu yang menyebabkan kelewatan berlaku. *Insha-Allah*, dalam masa terdekat ini, saya akan menguruskan satu jawatankuasa untuk mengkaji setiap *work flow* di antara agensi di peringkat kementerian ini akan kita percepatkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, daripada 27,000 permohonan, yang diproses 10,000, hanya 598 bagi negeri Pahang. Akan tetapi, ia juga memakan masa sampai lima bulan, sampai satu tahun, dua tahun walaupun angkanya hanya 598 permohonan. Itu satu.

Kedua, kenapakah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menetapkan bayaran hanya sekitar RM1,600 tetapi bila kita mohon, proses sampai RM13,000, sampai RM10,000 hingga RM15,000? Bermakna adakah Kerajaan Malaysia, kerajaan kita berbincang dengan kerajaan di mana permit-permit ini hendak kita pohon? Ini supaya bayaran ejen—kalau kata kita ambil ejen pembantu rumah di Indonesia, negara sumber, adakah negara kita berbincang dengan negara sumber supaya *fees* untuk ejen-ejen ini dapat kita kurangkan? Ini kerana *fees* untuk ejen di negara sumber sangat tinggi walaupun kita telah mengurangkan kos daripada RM5,000 kepada RM1,600. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Sebagaimana kita mengakui sebentar tadi bahawa memang benar dari segi *feedback* yang kita dapat daripada PDRM contohnya, bila tapisan keselamatan, dia agak lambat kerana terdapat kekangan dari segi mungkin bidang tugas ataupun peranan yang dimainkan oleh PDRM itu untuk melihat perkara-perkara yang mungkin lebih penting dari segi sudut keselamatan membuatkan *feedback* yang diberikan kepada imigresen juga kita terima lambat.

Inilah di antara dasar dan perancangan yang kita ingin laksanakan. Mungkin kita akan wujudkan satu sistem di mana mana-mana senarai yang contoh tersenarai dalam *list* jenayah, yang pernah melakukan jenayah, pihak imigresen boleh melihat data-data ini melalui sistem sahaja yang pada ketika ini tidak ada. Oleh sebab itulah kita ingin *develop* satu sistem ataupun rangkaian di mana agensi di dalam kementerian itu boleh *share information* ini agar mempercepatkan proses sesuatu kelulusan, contohnya seperti permit masuk ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kita mewarisi dasar-dasar yang diguna pakai sejak kerajaan terdahulu. Oleh sebab itulah pada hari ini kita cuba untuk mempercepatkan semua proses ini agar ia cepat.

Menyebut tentang bayaran ejen-ejen tadi, ini juga kita akui ada masalah. Oleh sebab itu kita mengkaji di peringkat kementerian, *even* dalam pekerja asing. Hari ini dalam Dewan yang mulia ini sedang berlangsung satu mesyuarat berkenaan dengan bayaran-bayaran yang dikenakan terhadap ejen-ejen pekerja asing sekarang ini. Dasar pekerja asing juga sekarang ini kita tengah kaji. Jadi inilah di antara perkara-perkara yang di peringkat kementerian dan, *insya-Allah*, kita akan perbaiki. Terima kasih.

**9. Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan serta sasaran kementerian bagi menangani masalah 371 buah sekolah yang tidak ada bekalan elektrik dan 428 buah sekolah yang masih tidak ada bekalan air terawat di Sarawak dalam masa terdekat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Mas Gading.

Berkenaan dengan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah di Sarawak, daripada 371 buah sekolah tersebut, 14 buah sekolah telah disambung ke talian grid manakala 357 buah sekolah selebihnya menerima bekalan elektrik melalui pengoperasian set jana kuasa ataupun *genset*.

Bagi 357 buah sekolah yang menerima bekalan elektrik melalui pengoperasian set jana kuasa (*genset*) tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam perancangan untuk, pertama, melaksanakan kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik ke talian grid awam bagi 113 buah sekolah dalam fasa 2A iaitu dari tahun 2018 hingga 2019 dan fasa 2B iaitu dari tahun 2019 hingga tahun 2020.

Kedua, sebanyak 141 buah sekolah yang berpotensi untuk disambung ke talian grid akan dilaksanakan dalam fasa 3 iaitu dari tahun 2021 hingga tahun 2025.

Ketiga, baki 103 buah sekolah yang terletak jauh dari talian grid akan kekal menggunakan set jana kuasa (*genset*) atau menerima bekalan elektrik melalui pembinaan sistem solar hibrid pada masa yang akan datang.

Program penyambungan bekalan air awam ke sekolah-sekolah di Sarawak dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa. Daripada 428 buah sekolah, sejumlah 12 buah sekolah telah disambung ke bekalan air awam, manakala 11 buah sekolah lagi masih dalam pelaksanaan penyambungan ke bekalan air awam dan sejumlah 32 buah sekolah telah dikenal pasti dan akan disambungkan ke bekalan air awam pada tahun 2019.

Baki 373 buah sekolah pula akan disambungkan ke bekalan air awam bergantung kepada pelaksanaan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak. Sementara menunggu penyambungan ke bekalan air awam, sebanyak 173 buah sekolah sedang menerima bekalan air terawat melalui sistem telaga tiub. Manakala sekolah-sekolah selebihnya yang tiada kemudahan bekalan air awam dan air terawat pula mendapat sumber air melalui takungan graviti air hujan dan air sungai. Kementerian sedang mengenal pasti kaedah terbaik penyediaan bekalan air terawat ke sekolah-sekolah tersebut.

Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih tentang sekolah. Di kawasan Mas Gading, untuk sekolah-sekolah yang telah saya lawati, banyak sekolah-sekolah yang berada dalam keadaan daif. Antara sekolah yang telah saya lawati adalah SK Raso yang sangat-sangat daif. Saya rasa kalau semua Yang Berhormat di sini keluar masuk dalam bilik darjah itu dalam masa sebulan, lantai sekolah itu memang akan runtuh.

Jadi, saya telah pun menulis surat kepada pihak bomba dan JKR untuk mengeluarkan satu laporan rasmi tentang keadaan sekolah tersebut sama ada selamat ataupun tidak selamat. Jadi bila melihat gambar sahaja, pihak bomba dan JKR pun senyum cakap memang tidak selamat. Belum lagi pergi pun dia sudah tahu keadaan sekolah memang tidak selamat.

Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan keselamatan anak-anak ini? Ini kerana kalau kita lihat keadaan itu memang sangat daif. Sekarang keadaan masih okey sebab mereka budak-budak, kan? Kalau kita yang dewasa ini hari-hari masuk sana memang akan runtuh. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Mas Gading. Saya pohon maaf. Saya tidak ada maklumat terperinci tentang sekolah yang disebut oleh Yang Berhormat.

Akan tetapi secara umumnya, bagi sekolah-sekolah daif, sebanyak RM1.25 bilion telah diperuntukkan untuk tahun ini dan RM1.25 bilion telah diperuntukkan untuk tahun akan

datang untuk membantu sekolah-sekolah daif. Untuk tahun ini, sebanyak 116 buah sekolah daif di Sarawak telah terlibat dalam projek ini untuk dibaik pulih.

Tentang sekolah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Mas Gading, saya janji saya akan balik dan semak status sama ada peruntukan telah diluluskan ataupun sama ada sekolah itu telah dimasukkan dalam senarai kita. Saya pohon maaf kerana saya tidak ada butiran terperinci tentang sekolah itu.

■1120

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu alternatif untuk mengatasi masalah air di sekolah-sekolah di Sarawak ialah dengan menyambung paip utama ke sekolah-sekolah yang jaraknya kurang daripada satu kilometer dan dalam konteks ini, sebanyak 62 sekolah telah dikenal pasti oleh JPN negeri Sarawak. Anggaran bagi kos ini ialah RM9.2 juta dan sebanyak RM2.3 juta telah diluluskan pada 1 Jun 2018 yang lalu. Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah apakah status baki permohonan ini dan sejauh mana penyambungan paip ke sekolah-sekolah ini telah dilaksanakan? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Igan. Untuk makluman, seperti yang saya sebut tadi bahawa daripada 62 buah sekolah yang kita rasa memang boleh sambung kepada paip utama ini, 12 buah sekolah telah disambung. Sebanyak 11 buah sekolah masih dalam pelaksanaan dan 32 buah sekolah telah dikenal pasti dan akan disambungkan ke bekalan air awam pada tahun yang akan datang. Jadi ini memang sudah dalam rancangan kita.

Masalahnya adalah ada 373 buah sekolah yang kita rasa jaraknya agak jauh. Jadi sangat susah untuk nak sambung kepada paip utama dan inilah yang kita akan buat program seperti sistem tenaga tiub ataupun tanggungan graviti untuk membantu sekolah-sekolah ini. Sekian sahaja jawapan saya, terima kasih.

**10. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan berapakah kadar pengangguran terkini di Malaysia dan apakah sasaran yang ingin dicapai oleh pihak kementerian dalam menurunkan kadar pengangguran ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh atau *Labour Force Survey* (LFS) 2017 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran nasional pada tahun 2017 ialah 3.4 peratus iaitu bersamaan dengan 502,600 orang daripada jumlah keseluruhan 14.95 juta tenaga buruh di Malaysia. Kadar pengangguran ini adalah stabil di antara 3.1 peratus hingga 3.7 peratus semenjak tahun 1990-an. Mengikut definisi OECD, sesebuah negara dianggap mencapai guna tenaga penuh apabila kadar pengangguran kurang daripada empat peratus. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah masih tinggi iaitu sebanyak 10.8 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia menyasarkan guna tenaga penuh dan kadar pengangguran di bawah empat peratus untuk kedudukan ekonomi yang stabil. Dalam hal ini, kerajaan telah menggariskan strategi, inisiatif dan hala tuju baharu Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menangani isu pengangguran termasuk pengangguran belia melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini.

Berdasarkan tonggak keempat Kajian Separuh Penggal iaitu memperkasa modal insan, tumpuan akan diberi kepada reformasi pasaran buruh untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap dan mahir ke arah menyokong pertumbuhan ekonomi. Reformasi ini adalah perlu bagi menangani ketidakpadanan pekerjaan yang mengakibatkan guna tenaga tidak penuh di kalangan siswazah, kadar pengangguran yang tinggi di kalangan belia dan pertumbuhan gaji yang perlahan serta kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Usaha akan diambil bagi memastikan lebih banyak pekerjaan berkemahiran diwujudkan dan menyediakan peluang kepada rakyat Malaysia untuk mendapat gaji dan upah yang tinggi dengan persekitaran kerja yang lebih baik.

Di samping itu, penekanan akan diberi ke arah meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti dan memupuk jalinan industri akademik yang kukuh. Dalam hal ini, kerjasama dengan semua *stakeholders* atau pemegang taruh dalam perancangan pendidikan dan latihan serta pemantauan terhadap pasaran buruh akan diperkukuh. Pada masa yang sama, kerajaan juga sedang dalam usaha untuk memudah cara dan menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi oleh industri berkaitan seperti elektrik dan elektronik, aeroangkasa dan peranti perubatan atau *medical devices* selaras dengan inisiatif untuk mempersiapkan modal insan negara dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Langkah ini dapat meningkatkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi dan seterusnya mampu mengurangkan masalah pengangguran. Di samping itu, beberapa inisiatif dan sokongan padu pihak industri telah diambil oleh kerajaan dalam menangani isu pengangguran akan terus dilakukan. Antaranya ialah:

- (i) Menambah baik kecekapan pasaran buruh;
- (ii) menyediakan latihan *reskilling* dan *upskilling* untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan;
- (iii) menambah baik kualiti program di institusi TVET dan institusi pengajian tinggi;
- (iv) memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat;
- (v) menyedia latihan berorientasikan industri melalui Sistem Latihan Dual Nasional; dan
- (vi) latihan *capacity* dan *capability* khususnya untuk golongan B40.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi, sebenarnya sebahagian besarnya ialah perancangan-perancangan yang telah dilakukan oleh kerajaan terdahulu dan disambung oleh kerajaan hari ini.

Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, berapa ramai kah pekerja-pekerja yang telah dan akan kehilangan, jangkaan kehilangan pekerjaan hasil daripada penamatan ataupun pembatalan ataupun penangguhan beberapa projek yang besar, projek mega walaupun ianya memberi manfaat dan kesan yang besar terhadap kepentingan rakyat.

Contoh macam MRT2 dan juga HSR, ECRL dan sebagainya. Berapa ramaikah kakitangan kontrak yang telah kehilangan pekerjaan? Kedua-dua ini maksud saya akan jadi penganggur akibat daripada penamatan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dan daripada ini, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan mereka ini yang mempunyai tanggungan, berkeluarga khususnya amat terkesan akan mendapat peluang-peluang pekerjaan baru, tak kiralah di sektor mana sekalipun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Berkaitan dengan kesan kepada pekerjaan daripada projek-projek seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Machang tadi. Ingin saya tekankan tentang ECRL seperti mana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah sebut sebelum ini bahawa projek ini masih di peringkat kajian dan tentang MRT2, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sebut bahawa kerajaan akan melihat semula isu berkaitan dengan projek MRT2 dan Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah sebut bahawa beliau akan membawa isu ini ke Kabinet.

Tentang kakitangan kontrak, saya rasa Yang Berhormat Machang mungkin merujuk kepada JASA. So, maklumat lanjut tentang JASA seharusnya saya rasa boleh dirujuk kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Daripada segi sudut ekonomi secara keseluruhannya, kerajaan komited untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat, terus mengembangkan ekonomi dan memberi peluang kepada mereka untuk terus mendapat pekerjaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** [Bangun]

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, berapakah jumlah graduan IPT yang masih menganggur dan usaha yang diambil oleh kementerian untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan? Minta penjelasan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mempunyai statistik graduan IPT yang menganggur bersama saya sekarang ini dan saya boleh berikan jawapan lisan kepada Yang Berhormat tentang usaha kerajaan dalam menangani isu graduan, antaranya adalah untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan juga berpendapatan tinggi. Yang kedua adalah daripada segi *reskilling*. Setengah-setengah graduan perlu dihantar untuk latihan untuk memberi kemahiran baru kepada mereka bagi mengambil peluang pekerjaan terutamanya dalam industri-industri berteknologi tinggi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu tamatlah sesi Jawab Lisan. Ada usul.

*[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

■1130

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.30 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 25 Oktober 2018”.

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*



## USUL

### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan Kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2016-2017 Rancangan Malaysia Kesebelas;

**merestui** usaha Kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan untuk menambah baik dan memperkukuh agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020;

**meluluskan** Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2018-2020 yang memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat menurut Kertas Perintah CMD.22 Tahun 2018; dan

**bahawa** dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama.” [23 Oktober 2018]

**Tuan Yang di-Pertua:** Pembahas yang terakhir ialah Yang Berhormat Jasin, yang mempunyai baki masa 12 minit 31 saat. Kita ikut jam. Ya silakan.

11.31 pg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya peluang untuk meneruskan perbahasan saya semalam. Semalam saya telah mengingatkan kepada pihak kerajaan supaya mereka lebih fokus dan bertanya apakah sebenarnya tindakan mereka yang lebih komprehensif terutamanya dalam memastikan supaya masalah impak ekonomi global yang terjadi pada ketika ini tidak menyerang kita.

Oleh kerana sedikit sebanyak, Malaysia sudah pun terjejas daripada empat aspek. Pertamanya iaitu pertumbuhan ekonomi kita yang semakin perlahan. Keduanya, eksport dan juga FDI kita yang menurun kalau kita bandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Ketiganya, tentang kejatuhan nilai ringgit kita, sekarang hari ini sudah RM4.16 sen. Terakhirnya keempat, hutang isi rumah kita yang paling tertinggi di Asia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, seharusnya kita lebih fokus dan janganlah hendaknya kita berpolitik sahaja dan memainkan peranan *blame game* yang tidak ada mendatangkan apa-apa faedah. Saya terus kepada perbahasan tentang Kajian Separuh Penggal. Kita dapat lihat di sini RMKe-11 berpaksikan enam teras strategik dan enam pemacu perubahan. Setelah dikaji semula ia telah diubahsuai, lantas baki tempoh RMKe-11 ini, 2018 hingga 2020 akan dipacu pula oleh

enam tonggak. Di samping enam tonggak tersebut, dirangka pula bidang keutamaan dan juga strategi. Masing-masing untuk merealisasikan setiap tonggak itu. Memanglah cantik atas kertas dan tidak ada masalah untuk kita menyokong kerana sama sahaja maksud dan tujuannya dengan teras strategik dan pemacu perubahan yang asal.

Saya anggap ia adalah sebagai *rebranding* ataupun *repackaging* sahaja, *formnya* berbeza tetapi *substancenya* sama sahaja. Akan tetapi sebelum saya pergi jauh, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan sama ada mereka telah memastikan bahawa semua pegawai kanan dan pegawai-pegawai sebenar-benar dapat memahami apa ia RMKe-11 dan model baharu ekonomi. Daripada pengalaman saya, kebanyakan pegawai kita tidak berminat untuk membacanya. Itu sebab kita lihat pada tonggak satu, mereformasi tadbir urus. Sesungguhnya, sasaran untuk memperbaiki tadbir urus untuk meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian sektor awam merupakan mantera tahunan sejak dahulu lagi.

Tepat sekali, kerajaan memberikan keutamaan kepada sektor awam ini sebagai tonggak pertama kerana jentera kerajaan adalah penggerak dan pemudah cara dalam semua urusan negara ini. Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *they are there to serve and to facilitate and not to frustrate*. Saya berkata begini kerana kalau kita lihat sebagai contoh, berdasarkan daripada perkara *ease of doing business*, kedudukan atau *ranking* kita bertambah buruk. Daripada tangga ke-6 tahun 2014, kita telah menjunam ke tangga ke-18 pada tahun 2016 dan terus turun ke tangga 24 pada tahun 2018. Apa yang mengejutkan ialah *ranking* Malaysia berhubung *starting a business* misalnya, kita berada di tangga 111 di kalangan 190 buah ekonomi, ini cukup memalukan kita. Jadi, urusan untuk memulakan perniagaan ini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Jelutong, minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Ya, sedikit sahaja.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sedarkah Yang Berhormat bahawa kerajaan baharu ini baru mengambil alih lima bulan. Semua statistik-statistik dirujuk itu adalah statistik yang disebabkan oleh kerajaan yang lama. Prestasi kerajaan yang lama.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, terima kasih. Disebabkan kita bercakap tentang secara keseluruhan. Ini jangan menyalah-nyalahkan, *no more blame game. You are the government today*. Jalan terus. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Oleh sebab itu saya katakan-Penjelasan Yang Berhormat. Penjelasan. Kita perlukan masa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Urusan memulakan perniagaan ini sudah tentu berkait rapat dengan jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi kerajaan seperti SSM, PBT, TNB, bekalan air dan sebagainya. Adakah sebenarnya mereka membaca perkara-perkara tentang *ease of doing business* ini? Oleh kerana ia boleh menggagalkan usaha kerajaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita lihat daripada mengenai rasuah yang hendak diperangi. Saya memang sangat menyokong usaha murni ini. Dari satu segi bolehlah kita berbangga kita berada dalam lingkungan 1/3 teratas terbaik di kalangan 180 buah negara iaitu di tangga 62 dalam CPI.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jasin, boleh mencelah sedikit? Sebelum pergi ke bab yang seterusnya mengenai penjawat awam, kakitangan kerajaan. Ada tidak dalam dokumen itu menyatakan bahawa kerajaan akan meneruskan kenaikan gaji tahunan yang lebih daripada biasa, satu campur satu misalnya, untuk menambahkan motivasi kepada penjawat awam yang ada sekarang atau usaha yang dibuat oleh kerajaan terdahulu untuk menambah satu lagi kenaikan gaji tahunan itu tidak ada dimasukkan dalam dokumen kajian ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling*. Isu yang dibahaskan adalah isu rasuah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita balik kepada isu itu. Ulas tentang isu rasuah. Kerajaan mana yang lebih rasuah? Barisan Nasional kah Pakatan Harapan? Boleh bahas isu rasuah. Kita bahas tentang isu itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi. Oleh kerana kita hendak lihat kalau boleh sekurang-kurangnya kerajaan memastikan apa juga dasar yang diperkenalkan supaya pihak pelaksana dasar, pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua jabatan dapat benar-benar memahami dan sekurang-kurangnya menjiwai apa sebenarnya dasar yang diperkenalkan. Kalau boleh, kita adakan *retreat* untuk mereka, adakan seminar untuk mereka supaya mereka dapat benar-benar memahami apa yang disampaikan oleh pihak kerajaan. Seterusnya, tentang CPI tadi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan Yang Berhormat, tentang isu rasuah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Kerajaan sebenarnya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong hendak minta penjelasan tentang isu rasuah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan itu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Isu 1MDB. Isu rasuah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Saya tiada masa.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Berani bagi?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Berani bagi? Saya cabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Kita hendak dengar perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Saya tidak pernah kacau Ahli-ahli Yang Berhormat berucap. Harap jangan kacau orang berucap, Yang Berhormat. Oleh kerana kita ada adab.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Okey. Kalau macam itu saya tidak akan kacau.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Kita dalam Dewan ini ada adab, Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hanya hendak tahu tentang isu rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jasin tidak ingin menjawab dan ini adalah ruang perbincangan beliau. Dia berhak untuk menjawab atau tidak menjawab. Maka, dia hendak teruskan perbincangan, 4 minit 22 saat lagi. Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sudah hilang modal lah. *[Ketawa]* Ini kacau betul. Hanya saya teruskan kepada tonggak ke lima iaitu mengetengahkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau.

#### ■1140

Dahulu, Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya melupuskan subsidi minyak. Ia bukan sahaja telah mengurangkan kebergantungan kita terhadap bahan api, ia juga telah dapat menjimatkan tanggungan kerajaan. Akan tetapi sekarang, kerajaan telah memperkenalkan semula subsidi untuk RON95.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah tetapi selain daripada kerajaan akan menanggung subsidi, jumlah yang besar bahkan ia tidak adil kepada orang-orang di kampung. Saya wakil rakyat daripada kampung. Orang kampung Tuan Yang di-

Pertua, tidak menggunakan banyak minyak, jadi mereka tidak dapat menikmati apakah subsidi yang telah disediakan oleh kerajaan.

Kerajaan yang terdahulu juga telah menyediakan alternatif dengan membina MRT dan mengembangkan jarak perjalanan LRT agar rakyat menggunakan pengangkutan awam dan dapat mengurangkan kesesakan dan sekali gus dapat mengurangkan kadar pelepasan karbon kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mendapat keuntungan daripada hasil minyak yang tinggi pada ketika ini sebanyak USD76 tetapi sebahagian besar daripadanya telah pun diambil digunakan untuk subsidi RON95 tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, *renewal energy* ataupun tenaga yang boleh diperbaharui. Saya menyambut baik saranan daripada kerajaan tentang pelan *renewable energy* sebagai fokus untuk kementerian. Akan tetapi...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Jasin...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** ...Apakah sebenarnya pendirian dan jaminan kerajaan untuk mengurangkan penggunaan bahan api. Seterusnya, Malaysia sebagai sebuah negara terbesar, pengeluaran minyak sawit di antara terbesar di dunia. Kita boleh menggunakan supaya penggunaan *biofuel* berasaskan minyak sawit dan minyak boleh menjadi realiti. Bukan setakat itu sahaja, kelapa sawit boleh juga digunakan sebagai *biomass material*. Apa yang saya hendak sebutkan di sini, Sarawak telah memulakan langkah baru. Kalau dahulu kita telah menggunakan B5 iaitu campuran minyak sawit lima peratus kepada diesel. Selepas itu kita dapat menggunakan B7, tujuh peratus minyak sawit dalam diesel.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, penggunaan minyak sawit sekarang cukup terhad sekali. Pada bulan ini sahaja, kita dapat lihat sebanyak 27 peratus pengurangan eksport minyak sawit kita iaitu kombinasi daripada *volume* dan juga harga yang menurun. Jadi saya hendak mencadangkan kalau boleh, kita teruskan usaha ini menggunakan 10 peratus. Kalau dahulu hanya terhad kepada bas dan trak sahaja tetapi kalau boleh kita hendak cadangkan perkembangan kepada pihak industri supaya penggunaan minyak sawit akan terus dapat kita pertingkatkan dan dapat menjaga nasib dan masa depan pekebun-pekebun kecil dan juga peneroka-peneroka FELDA.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa tidak menghantui— saya hanya hendak sebut di sini bahawa Melaka sebenarnya di Jasin telah dicadangkan satu projek yang telah diluluskan pada tahun 2016 untuk *renewable energy* sebanyak RM66.6 juta untuk penjaan sebanyak 12 megawatt untuk kegunaan sendiri. Jadi saya hendak tanya kedudukan sebenarnya.

Keduanya tentang masalah banjir yang berlaku pada setiap masa. Apabila hujan sahaja kita akan menghadapi banjir. Banjir kilat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa telah tamat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** ...Jadi telah pun diluluskan RTB di Jasin dan juga di Merlimau sebanyak RM60 juta dan RM38 juta. Saya hendak tanya kedudukan kedua-dua projek itu. Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ada 37 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk berbahas Rancangan Malaysia Kesebelas. Akan tetapi saya akan kekalkan masa berbahas kepada 20 minit juga. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor. Selepas ini Yang Berhormat Marang. Sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

11.44 pg.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat pagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Hulu Selangor bangkit untuk berbahas mengenai Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan yang mulia ini. Perbahasan saya pada hari ini akan berteraskan kepada empat aspek utama iaitu pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan hab pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Kajian Separuh Penggal, kerajaan akan meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti di mana penumpuan akan diberikan kepada pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik serta penguasaan

bahasa Inggeris dan kemahiran berfikir aras tinggi. Sehubungan dengan itu, moleklah jika sekolah-sekolah tahfiz dan sekolah-sekolah mubaligh dibantu dan diselaraskan. Sebagai contoh, penyelarasan dari aspek *syllabus* dan model akademik, dengan itu kita dapat memastikan tidak kira dari mana sekalipun pelajar tersebut bersekolah, mereka akan mempunyai satu akreditasi standard yang melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang seterusnya. Secara tidak langsung para pelajar ini juga turut mendapat pendidikan khas mengikut aliran sekolah yang mereka pilih.

Justeru itu eloklah sekiranya Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan cadangan ini dan dapat menelitinya dari pelbagai sudut pandangan. Besarlah harapan Hulu Selangor agar diberikan mandat untuk menjadikan perintis sekiranya usaha ini akan dilanjutkan pada masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pendidikan merupakan satu elemen penting di negara kita. Kerajaan begitu proaktif dalam merangka pelan pendidikan dalam memastikan masa depan rakyat Malaysia berpendidikan tinggi. Atas justifikasi tersebut amatlah tinggi harapan Hulu Selangor sekiranya dapat diwujudkan sebuah universiti awam di daerah ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian, keluasan Daerah Hulu Selangor bersamaan hampir besar keluasan negeri Melaka. Daerah Hulu Selangor juga merupakan daerah yang terbesar daripada sembilan daerah di negeri Selangor. Ia bersempadan dengan negeri Perak di utara dan negeri Pahang di sebelah timur.

Kedudukan Hulu Selangor di kawasan luar bandar juga amat strategik untuk didirikan sebuah universiti awam. Secara tidak langsung jika ada universiti yang dibina di daerah ini, ia dapat menarik para pelajar yang berada di sekitar Perak dan Pahang untuk memasuki universiti ini. Justeru itu, pembinaan sebuah universiti awam di daerah ini amatlah berpatutan. Di samping dapat membantu para ibu bapa mengurangkan kos pembelajaran bagi menghantar anak-anak mereka ke institusi pendidikan tinggi di luar kawasan Hulu Selangor. Kewujudan universiti awam di Hulu Selangor ini juga dapat menjadi pemangkin kepelbagaian pembangunan ekonomi penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada KSP, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan komited untuk memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan. Merujuk kepada tonggak kedua iaitu memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat adalah amat wajar untuk kita meningkatkan kapasiti kemudahan kesihatan awam. Oleh yang demikian, bilangan *facility* kesihatan perlulah dipertingkatkan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang mana kepadatan penduduknya semakin meninggi seperti di Hulu Selangor.

Saya memohon pihak Kementerian Kesihatan untuk turun padang dan melihat sendiri kekurangan *facility* kesihatan yang ada di Hulu Selangor. Jika penambahan bilangan hospital itu adalah satu perkara yang memerlukan jangka masa panjang dan kos yang tinggi, Hulu Selangor mohon agar diwujudkan beberapa klinik kesihatan terutamanya di kawasan yang kritikal yang memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui KSP telah menggariskan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam kerancangan arus pembangunan. Untuk itu, Hulu Selangor amat memerlukan penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam bagi menghubungkan daerah ini dengan pusat bandar. Ini adalah antara isu kritikal di daerah ini kerana rata-rata tempat, perkhidmatan bas dimonopoli oleh satu syarikat sahaja.

#### ■1150

Situasi ini mengakibatkan masyarakat menjadi mangsa di mana mereka terpaksa menunggu lama kira-kira lebih daripada satu jam hingga dua jam untuk mendapatkan perkhidmatan bas awam. Diharapkan pihak berwajib dapat melihat akan isu ini dengan lebih telus.

Seterusnya Yang Berhormat Hulu Selangor ingin mengajukan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai projek perumahan dan lot kedai yang terbengkalai atau terbiar khususnya di Hulu Selangor. Sebagai contoh, kawasan Bukit Beruntung yang dipenuhi dengan projek-projek perumahan dan lot kedai terbengkalai atau terbiar. Kita sedia maklum, lantaran daripada krisis ekonomi 1997, menjadi titik permulaan rancangan projek-projek tersebut.

Namun sehingga hari ini, masih tiada usaha efektif yang memberi manfaat secara langsung bagi menangani masalah ini. Maka dengan ini, apakah inisiatif baharu yang akan diambil oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menangani isu ini? Selain itu, adakah lot-lot ini dapat diambil alih oleh kerajaan untuk diperbaiki dan seterusnya dijadikan rumah mampu milik masyarakat setempat. Di samping itu, apakah proaktif pihak kementerian untuk memastikan lambakan lot terbengkalai atau terbiar itu dapat diselesaikan?

Hulu Selangor juga ingin memohon agar infrastruktur digital dipertingkatkan dan diperluaskan liputannya. Saya sering menerima aduan dan rungutan rakyat terutama di kawasan Kuala Kubu Bharu, Ulu Bernam, Batang Kali, Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Kawasan-kawasan ini didapati kurang mendapat liputan jalur lebar yang laju sedangkan permintaan terhadap fasiliti tersebut amatlah tinggi. Rungutan juga disuarakan oleh perusahaan dan industri dan syarikat-syarikat swasta yang bertapak di Hulu Selangor. Ini sedikit sebanyak mengakibatkan kerugian kepada pengusaha-pengusaha ini kerana banyak urusan tergendala akibat infrastruktur internet yang lemah. Diharapkan pihak berwajib dapat membantu bagi menaik taraf infrastruktur digital di kawasan Hulu Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai daerah yang masih mengekalkan keindahan ekosistem alam sekitar di samping mempunyai banyak kawasan tumpuan pelancongan, Hulu Selangor seharusnya diangkat sebagai hab ekopelancongan negara. Sebagai contoh, santuari ikan di Sungai Chiling adalah satu inisiatif yang cemerlang di mana ia merupakan tempat pemuliharaan ikan kelah di samping turut mempunyai kawasan air terjun yang cantik dan sesuai untuk aktiviti rekreasi keluarga. Kerjasama antara Jabatan Perikanan Negeri dan Kementerian Pelancongan ini harus dipuji dan dijadikan tanda aras bagi membangunkan lebih banyak lagi kawasan ekopelancongan di seluruh negara. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Hulu Selangor ingin memohon kerjasama daripada Kementerian Pelancongan untuk membantu Hulu Selangor membangunkan lebih banyak ekopelancongan. Ini secara tidak langsung dapat merealisasikan aspirasi Hulu Selangor sebagai hab ekopelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, benarlah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini merupakan satu dokumen reformasi yang komprehensif dalam mereformasi negara. Semoga Kerajaan Pakatan Harapan komited dalam merealisasikan pelan-pelan yang telah dirancang dan secara tidak langsung memperkukuhkan tadbir urus negara ke arah yang lebih mampan. Sekian, terima kasih. Yang Berhormat Hulu Selangor mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Selangor. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Marang, sila.

11.54 pg.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keizinan untuk saya membahaskan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini bagi tahun 2016 – 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya mengikuti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan usul ini dan tertarik dengan tema yang diangkat iaitu 'keutamaan dan penekanan baharu'.

Sesuai dengan suasana politik negara dan dunia yang semakin berubah khususnya selepas PRU ke-14 yang lalu, keadaan masyarakat yang akan berubah, suasana dunia yang berubah, khusus dan pertarungan di antara kuasa-kuasa besar dunia dalam aspek ekonomi dan lain-lain, kita tidak ketinggalan menerima kesan daripada krisis itu. Kedudukan geografi kita dan bahan kita boleh memanfaatkan suasana yang sebegini rupa. Pasti perubahan kerajaan di pertengahan tempoh pelaksanaan RMKe-11 ini akan memberi peluang untuk kita menilai dan memperbaiki kelemahan yang ada, seterusnya mencorakkan dasar dan pendekatan baharu demi kebaikan negara dan rakyat keseluruhannya.

Justeru, dalam ruang yang sangat singkat ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengemukakan beberapa keutamaan dan penekanan semula yang wajar diambil perhatian oleh pihak kerajaan khususnya dalam perkara penting yang selama ini sering dilupakan iaitu sebelum ini sengaja dilupakan. Malaysia merupakan sebuah negara yang bertuah. Kita dikurniakan dengan limpahan sumber dan rezeki oleh Allah SWT untuk diurus dan dikongsi secara adil dan saksama di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan agama. Para ilmuwan Barat yang menjadi rujukan kita hanya mengemukakan teori-teori mereka.

Saya tertarik dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang disiarkan oleh media, beliau memimpin Kerajaan Pakatan Harapan yang ada dalamnya fahaman sosialis dan liberal kapitalis, terpaksa mengambil pendekatan yang sesuai di antara dua kefahaman ini. Tanpa menyedari bahawa di sana ada pendekatan yang lain, yang perlu dikaji iaitu pendekatan Islam. Islam telah menggariskan beberapa keutamaan yang perlu diambil oleh mereka yang diberikan kuasa pemerintahan.

Berpanduan kepada firman Allah dalam surah Al-Haj Ayat 41, [*Membaca surah Al-Haj: Ayat 41*] iaitu "*Mereka yang Kami berikan kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat*". Berdasarkan rabbani aspek spiritual, menunaikan zakat, sumbangan harta atau ekonomi, melaksanakan makruf berkebakjikan serta mencegah kemungkaran, melarang daripada melakukan kejahatan dan bagi Allah jua kesudahan segala urusan.

Pedoman wahyu ini menunjukkan kepada kita penekanan terhadap lima keutamaan dalam pembinaan sebuah negara sejahtera iaitu kepatuhan kepada Allah SWT (solat), ekonomi yang adil dan berkat (zakat), negara berkebakjikan (amar makruf), kehebatan undang-undang (nahi mungkar) serta berwawasan dunia dan akhirat. Merangkumi aspek naluri manusia atau fitrah semula jadi individu masyarakat roh dan jasad yang tidak ada dalam ideologi direktori yang lain dengan cara yang sempurna. Kesemua lima tonggak negara ini telah banyak diperincikan oleh tokoh ilmuwan Islam dan pengkaji sains politik moden untuk diguna pakai dalam konteks kehidupan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan aspek tadbir urus sebagai tonggak pertama yang diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan. Semua pihak perlu sedar bahawa budaya integriti adalah tunjang kekuatan negara manakala budaya rasuah adalah amat berbahaya. Selain menyebabkan ketirisan dan pembaziran wang negara, rasuah juga akan terus menghakis keyakinan pelabur untuk datang ke Malaysia di samping boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara. Pendekatan Islam dalam mengubati penyakit rasuah tidak hanya bersifat undang-undang sahaja.

#### ■1200

Di sana ada sifat-sifat agama, sifat dosa dan pahala yang tidak ada di dalam undang-undang ciptaan manusia. Perlu diperkenalkan undang-undang takzir yang ada di dalam Islam terhadap salah laku rasuah iaitu pendekatan-pendekatan yang buat pilihan. Tidak berlaku secara yang tidak memberi kesan. Kalau hukuman denda sahaja mereka yang rasuah berlipat kali ganda daripada denda itu boleh bayar dengan mudah. Akan tetapi kalau diperkenalkan hukuman takzir, sebatan Islam bukan sebatan undang-undang sivil. Sebatan yang tidak mencederakan, sebatan yang tidak mencalarkan. Cumanya memalukan mereka melakukan kesalahan ini. Sebatan yang mendidik semua pihak akan memberi kesan yang lebih mendalam.

Tidak cukup dengan itu, golongan kaya dan miskin juga akan terus melebar sekiranya amalan rasuah ini berleluasa. Dalam keadaan rakyat bawahan terpaksa bersusah payah mencari nafkah hidup, namun segelintir pemimpin dari golongan kaya terus hidup dalam kemewahan. Malah kebal daripada hukuman undang-undang. Siapa yang berkuasa menjadi kebal, yang tidak ada berkuasa diambil tindakan tidak ada kekebalan. Bagi menjayakan hasrat ini, PAS mengharapkan pihak SPRM dapat melaksanakan tugas secara profesional bagi membendung dan menangani gejala rasuah. Di samping penegasan daripada pihak Peguam Negara untuk membuat pendakwaan tanpa memilih kes tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, lebih penting daripada itu penekanan bukan sekadar dalam aspek penyiasatan dan pendakwaan tetapi keutamaan terhadap meningkatkan kesedaran awam berteraskan nilai agama dan akhlak yang mampu mendidik dan membangkit rasa gerun kepada tuhan di dalam masyarakat. Dalam hal ini, PAS telah berjaya menunjukkan secara amali, praktikal. Kerajaan dan masyarakat yang bersih daripada salah laku rasuah di Kelantan, Terengganu dan Kedah sewaktu PAS memimpin kerajaan negeri tersebut dengan kuasa yang terbatas. Walaupun banyak pihak cuba mencari kesalahan yang kecil sebesar noktah paling halus untuk membesarkan, namun tidak dijumpai. Lalu dicipta fitnah dan tuduhan yang tidak berasas. Inilah integrasi besar Almarhum Tuan Guru Nik Aziz yang wajar dicontohi semua pihak.

Dalam keadaan mencabuli konsep federalisme seperti melambatkan petisyen yang wajib ditunaikan, menafikan loji petroleum mengikut perjanjian di masa Kelantan mampu

berdiri, memang boleh berdiri, Kelantan mampu fitrah dalam keadaan ini. Namun demikian, kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengembalikan semua royalti petroleum yang tidak diberi kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu diucapkan terima kasih dan sangat positif kepada usaha untuk menghidupkan semangat federalisme yang dilemahkan dahulu.

Kita mengharapkan juga, masalah birokrasi khususnya oleh Kementerian Kewangan dapat diatasi supaya Kelantan dan Terengganu yang dapat royalti tidak dilambatkan. Diharapkan banyak lagi ruang yang dapat diberikan kerajaan negeri khususnya dalam aspek peruntukan pembangunan dan prasarana seterusnya dapat mencipta peluang pekerjaan dan pelaburan untuk dinikmati bersama. Inilah kewajipan Kerajaan Pusat, bukan makna negeri meminta sedekah. Ini kerana rakyat negeri-negeri ini semuanya membayar cukai kepada kerajaan. Hasil-hasil bumi diambil. Dengan sebab itu, tanggungjawab Kerajaan Pusat mengembalikan semula peruntukan negeri adalah satu kewajipan bukan minta sedekah.

Di samping itu, permasalahan di kalangan rakyat desa dengan tahap pendapatan yang rendah sama ada petani, peneroka FELDA, penoreh getah, nelayan, peniaga kecil dan seumpamanya masih perlu dibantu oleh pihak kerajaan. Seterusnya, mengangkat peranan segmen ini sebagai penyumbang utama ekonomi negara. PAS menyarankan agar industri hiliran dapat dibangunkan di samping ditambah baik kaedah pemasaran untuk membantu golongan desa meningkatkan tahap ekonomi mereka. Malah pimpinan dan kerjasama semula agensi peringkat Persekutuan dan negeri usaha memproses bahan-bahan tempatan yang banyak tercicir dibiarkan hendaklah dilakukan. Kita menyaksikan bagaimana perlu ditambah nilai hasil-hasil pertanian dan sebahagian dari negeri ini.

Dengan adanya industri yang memberi peluang pekerjaan kepada rakyat, apa yang berlaku pada hari ini, sumber-sumber ini, buah-buahan pada musim buah-buahan hilang begitu sahaja. Dijual dengan harga yang murah, tidak ada suatu usaha bagi menambah nilai yang memberi peluang kemajuan ekonomi kepada rakyat. Kita menyaksikan bagaimana Singapura boleh menjadi orang tengah dalam hasil negara kita. Saya pergi ke luar negara, banyak buah-buahan yang ditingkan *made in Singapore*. Mana ada kebun di *Singapore*. Kayu pun daripada *Singapore*. Mengapa tidak diusahakan?

Saya sendiri mengalami keuzuran pembedahan injap sebagai satu contohnya. Saya dimaklumkan injap yang dibuat itu di Singapura, pekerjaannya daripada Malaysia. Pekerja daripada Malaysia buat injap di *Singapore*. *Singapore* mengambil teknologi kesihatan ini dengan cara yang menarik jadi bahan negara dia, mengambil pekerja daripada Malaysia. Mengapa kita buat di negara kita sendiri? Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengembalikan semula royalti petroleum yang tidak diberi sangat menarik. Kita minta sekiranya itu dapat diberikan, banyak kerajaan negeri boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, antara keutamaan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Marang, boleh mencelah

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mengenai royalti petroleum yang dipohon oleh empat buah negeri, mereka memohon supaya 20 peratus daripada pengeluaran. Namun Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi menjawab bahawa yang akan diberi ialah 20 peratus daripada keuntungan. Apa pandangan Yang Berhormat Marang tentang perkara itu? Itu dua perkara yang berbeza itu.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang [Marang]:** Sejumlah 20 peratus itu janji oleh Pakatan Harapan tidak silap saya dalam manifesto mereka. Lima peratus pun lambat hendak beri, macam mana yang 20 peratus? Ini perjanjian yang dibuat antara Petronas dengan kerajaan negeri yang telah dimeterai sejak tahun 1975. Dia buat perjanjian apabila berlaku krisis antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak pada masa itu.

Maka dibuat penyelesaian adanya Petronas, dibuat perjanjian sekiranya ada hasil minyak mana-mana negeri di Malaysia maka hendaklah diberi petroleum lima peratus daripada hasil jualannya. Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri termasuk Ketua Menteri Pulau Pinang pun sains juga masa itu. Termasuk Kedah yang tidak ada minyak pun sains juga pada masa itu. Di Kedah ada minyak gamat. [Ketawa] Lain-lain semuanya sains bersetuju kalau ada hasil petroleum di laut dan di darat hendaklah bagi lima peratus. Kebetulananya



negeri Kelantan dan Terengganu ada hasil minyak. Malangnya dinafikan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri janji hendak beri. Akan tetapi saya difahamkan masih ada birokrasi di Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan yang- [Disampuk] Ini masalahnya.

Kemudian dia kata pula negeri Kelantan tidak boleh bayar gaji. Padahalnya tidak pernah negeri Kelantan tidak bayar gaji. Tidak pernah walaupun dalam ekonomi yang begitu disekat. Masa zaman Barisan Nasional dahulu, ada peruntukan kita bayar gaji dan kita harap ini tanggungjawab Kerajaan Pusat tanpa mengira sesiapa memerintah sama ada Barisan Nasional ataupun Pakatan Harapan.

Antara keutamaan yang menjadi asas negara adalah melaksanakan konsep ekonomi yang adil dan berkeadilan. Konsep ekonomi Islam yang memberi penekanan halal dan haram, mewajibkan zakat dan menggalakkan perkongsian keuntungan di samping tegas menghapuskan riba, rasuah dan penipuan semakin diterima dan dianggap sebagai prasyarat kejayaan sebuah ekonomi pada hari ini. Islam menunjukkan konsep zakat yang diwajibkan ke atas mereka yang mampu sahaja, tidak menyekat kekayaan seperti ideologi sosialis dan komunis. Namun tidak terlalu bebas membolot kekayaan yang menjadi penyakit ideologi liberal dan kapitalis sehingga membarah skandal pecah amanah, amalan kronisme dan kes merompak harta negara seperti skandal 1MDB, PKFZ, Perwaja, FOREX, BMF dan seumpamanya. Kos sara hidup rakyat yang tidak mampu menghadapi tekanan inflasi dengan ditangani bukan sekadar menukar GST kembali semula kepada SST umpama menukar tangan kanan dengan tangan kiri untuk mencubit.

#### ■1210

Usaha perlu diambil untuk mengkaji model percukaian yang lebih adil kepada rakyat, peniaga dan kerajaan, bukannya dengan menggali lubang yang sama, yang telah terbukti gagal sebelum ini. GST sekadar berjaya memintas mereka larikan cukai, menambahkan cukai kerajaan. Namun, gagal mengatasi masalah inflasi. Itu yang perlu diselesaikan. SST pula, memberikan peluang untuk melarikan cukai dan inflasi juga berlaku. Dua-duanya dalam keadaan yang menyusahkan rakyat. Selain itu, peluang pekerjaan kepada anak tempatan perlu selari dengan kerancangan pembangunan dan pelaburan dalam negara. Apalah guna kita berbangga dengan angka pertumbuhan ekonomi yang pesat, namun, anak bangsa sendiri masih sukar mencari kerja kerana terpaksa bersaing dengan pihak luar yang dibawa masuk dengan alasan kos buruh yang lebih rendah?

Banyak macam peruntukan yang disediakan setiap kali belanjawan dikemukakan. Ini sepatutnya boleh membanyakkan pekerjaan rakyat, mengurangkan pengangguran. Namun, apa yang berlaku membanyakkan kedatangan pekerja asing di negara ini. Walaupun kita mempunyai sumber tenaga manusia dan sumber-sumber bumi yang banyak, kalau salah dilakukan maka berlaku apa yang disebutkan dalam perumpamaan bidalan orang-orang Melayu di mana,

*“Ayam dikepek mati kelaparan,  
Itik di air mati kehausan,  
Kera di hutan disusukan,  
Anak di riba dilemparkan”.*

Begitu juga dalam aspek projek mega, perlulah memberikan manfaat yang lebih besar kepada negara. Melalui perkongsian keuntungan pemindahan teknologi serta penggunaan bahan dan bakat tempatan, kita perlu menyedari bahawa di sana ada pelabur-pelabur asing. Negeranya yang bakhil teknologi, ada yang murah teknologi ini perlu dinilai oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyaksikan keruntuhan moral dan kebejatan gejala sosial yang menimpa negara, menandakan kelemahan sistem pendidikan kerana tidak membangun insan mengikut acuan fitrah dan kelemahan undang-undang untuk mencegah kemungkaran. Tanggungjawab menangani gejala sosial yang hampir merebak di setiap lorong dan keluarga, perlu ditangani dengan pendidikan ketuhanan rabbani dan kemanusiaan insani. Ini disokong oleh media yang bermoral serta undang-undang yang mendidik, bukan

sekadar undang-undang yang menghukum apa lagi kalau diluluskan undang-undang berita bohong, boleh diizinkan, ini sangat malang. Asyik menghalalkan yang haram, dalam suasana media sosial langit terbuka pada hari ini, kalau diluluskan undang-undang membenarkan bohong, akan membarahkan penyakit kepada masyarakat kita.

Penekanan terhadap peningkatan kualiti model insan ini, bukan sekadar tertumpu dalam bilik darjah dan dewan kuliah. Namun, perlu diseimbangkan dengan keupayaan mental, spiritual dan emosi yang kuat di kalangan generasi muda. Mereka bukan sekadar perlu disiapkan bagi memenuhi kehendak pasaran kerja, tetapi jauh lebih penting adalah persiapan untuk mengurus masa depan negara. Tuan Yang di-Pertua, PAS menyambut baik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di pentas PBB dan menyarankan agar Malaysia lebih cermat dalam berhadapan dengan perang ekonomi di antara kuasa besar dunia serta bijak menangani peluang bagi membetulkan tanggapan salah terhadap Islam sehingga mencetuskan *Islamophobia*.

Undang-undang yang beradab sopan termasuk peperangan yang label Islam menjadi rujukan antarabangsa selama ini dilupakan. Akan tetapi, Islam dilabelkan dengan label yang salah. Langkah pandang ke timur yang pernah dilaksanakan dahulu, perlu dilakukan pembaharuan terkini khususnya dalam menggerakkan keutamaan dan kerjasama antara negara ASEAN, serantau, kerjasama OIC, kerjasama negara berkecuali, negara sahabat hendaklah diutamakan.

Itu sahaja sekadar yang saya dapat berikan dan saya ucapkan terima kasih. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Marang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bintang.

**12.14 tgh.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya merestui usaha kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan untuk menambahbaikkan dan memperkukuhkan agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti ke arah mencapai status negara maju dan inklusif, selaras dengan aspirasi Wawasan 2020.

Bagaimana beliau menyuruh seluruh rakyat Malaysia bergantung bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama seperti yang termaktub di dalam dokumen reformasi yang komprehensif dalam usaha mereformasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang bertujuan untuk merealisasikan aspirasi Wawasan 2020. Melihat dari gerakan Kerajaan Barisan Nasional yang lalu, seolah-olah Wawasan 2020 mahu diletakkan apabila Kerajaan Barisan Nasional menggerakkan Reformasi TN50. Akan tetapi, Kerajaan Pakatan Harapan berjaya menyelamatkan Wawasan 2020 yang semakin hampir ke hujung pada dua tahun lagi. Dengan membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang memberikan keutamaan dan pendekatan baru dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang masih bersemangat untuk merealisasikan Wawasan 2020.

Jika kita menyimak ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah mengemukakan beberapa perkara yang menjadikan keutamaan dan pendekatan baru dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas berikutan kesalahan, kesilapan dan keterlanjuran yang ditinggal oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum pilihan raya umum ke-14.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan Yang Berhormat Bukit Bintang. Tasek Gelugor, sini, sini, depan, depan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Siapa?

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sikit lagi. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mahu mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit

Bintang, adakah Yang Berhormat Bukit Bintang faham bahawa Transformasi Nasional 50 (TN50) adalah satu gagasan untuk mencapai atau membentuk negara kita sehingga tahun 2050? Maknanya, selepas Wawasan 2020, kita tidak ada apa-apa bentuk gagasan yang dibuat selepas itu melainkan apabila Kerajaan Barisan Nasional mencadangkan TN50 sebagai kesinambungan kepada Wawasan 2020.

Jadi, dalam hal ini, setujukah Yang Berhormat Bukit Bintang kalau saya katakan bahawa sebenarnya TN50 adalah kesinambungan kepada apa yang pernah dirancang di dalam Wawasan 2020, malah bagi TN50 adalah bertujuan untuk memperkemaskan dan menjadikan pembangunan lebih bersifat semasa, sehingga tahun 2050? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Saya rasa Wawasan 2020 ialah satu impian rakyat Malaysia yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu. Oleh sebab ini, ya kita setuju dalam Wawasan 2020, Kerajaan Pakatan Harapan akan menuju ke arah satu negara yang maju dan makmur.

Saya tidak mempertikaikan tentang TN50, akan tetapi Wawasan 2020 ialah satu impian rakyat Malaysia. Jika kita menyemak ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah mengemukakan beberapa perkara dalam menjadi keutamaan dan pendekatan baru dalam KSP Ke-11. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa kita akan berjaya dalam hadapan Malaysia akan mengikut apa yang telah dijanjikan dalam manifesto dengan penuh keyakinan. Saya rasa kita akan berjaya dalam masa yang akan datang.

#### ■1220

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang menjadi keutamaan iaitu kerajaan hendaklah menyelaraskan atau merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara rakyat yang semakin melebar sebanyak 21 peratus sekarang. Walaupun kerajaan memperkenalkan semakin ke atas gaji bulanan minimum RM1,050 tetapi kos sara hidup seluruh negara semakin meningkat terutamanya di kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur. Apakah yang boleh seorang rakyat berbuat dengan pendapatan RM1,050 sebulan sedangkan kos barangan dan perkhidmatan semakin naik?

Saya mencadangkan bahawa satu sistem seperti elaun sara hidup (COLA) bulanan yang pernah dilaksanakan pada satu waktu yang dahulu kepada para pekerja terjejas dan bagi golongan yang tidak bekerja kerana bersara, lanjut usia dan sebagainya. Ia haruslah dipertimbangkan semula untuk memberikan bantuan ini.

Kerajaan janganlah sangat menekankan dengan menggunakan istilah bumiputera kerana kaum-kaum lain juga terjejas dengan kehidupan sekarang. Lebih selamat sekiranya menggunakan istilah bangsa Malaysia, golongan berada dan golongan yang tidak berada.

Urus tadbir negara bermula dari barisan hadapan, *frontliner*. Di Putrajaya, *frontliner* Sistem Pusat Panggilan 1Malaysia perlu dijenamakan semula, tetapi yang penting ialah penyampaian perkhidmatan. Panggilan yang disalurkan ke pelbagai kementerian dan jabatan supaya pegawai dan kakitangan bertugas bertindak balas cepat. Kurang menyenangkan, perkhidmatan di pusat panggilan boleh diterima, tetapi yang membawa masalah di bawah itu ialah kurang berkesan, lambat menjawab dan diambil tindakan, aduan ditendang macam bola dan sebagainya.

Kakitangan awam hendaklah bertukar sikap dan melayani aduan awam dengan cekap. Saya bersetuju dengan langkah kerajaan untuk melaksanakan *ombudsman* sebagai ganti BPA iaitu Biro Pengaduan Awam. Akan tetapi, *ombudsman* itu mestilah berautoriti, tindakannya berkesan dan diyakini. Jikalau yang lepas aduan BPA ialah Biro Pengaduan Awam lewat mengambil tindakan, tiada susulan seperti '*melepaskan batok di tangga*' tetapi *ombudsman* hendaklah dijadikan badan yang disegani, ditakuti oleh semua pihak.

Bagi melakukan reformasi urus tadbir negara yang berkesan dan menjadikan rakyat bersemangat untuk berusaha sendiri, langkah-langkah berikut perlu diambil.

Pertama ialah hentilah dasar-dasar berasaskan kaum dalam semua sistem.

Kedua, menghidupkan kembali institusi demokrasi seperti pilihan raya kerajaan tempatan, kehakiman, Majlis Peguam dan sebagainya.

Ketiga, melaksanakan dasar sifar rasuah dalam semua sistem urus tadbir dari peringkat bawahan hingga tertinggi. Belajarlah menjadikan hidup harian tanpa rasuah.

Keempat, memilik negara semula, *rationalize* dasar-dasar ekonomi ke atas harta kerajaan, tanah, air, tenaga, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sebagainya.

Kelima, mengagihkan kemakmuran negara secara adil dan saksama, bukan dimonopoli oleh sesuatu golongan dengan mengutamakan golongan B40.

Keenam, melayani dengan adil keperluan dan permintaan mendapatkan hak pendidikan dalam negara dari segi peruntukan tenaga pengajar, keputusan pencapaian akademik...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong minta laluan. Yang Berhormat Bukit Bintang nak bagi?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Apakah pendapat Yang Berhormat, terdapat satu perkara yang bermain di minda rakyat Malaysia, kebanyakan keburukan yang berlaku di bawah pentadbiran yang lalu adalah disebabkan ketirisan dan rasuah yang berlaku? Kita lihat baru-baru ini, banyak sangat pemimpin-pemimpin di sebelah sana yang diheret ke mahkamah, dituduh dan disiasat untuk kesalahan rasuah.

Setuju kah Yang Berhormat bahawa ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan Kerajaan Barisan Nasional, pentadbiran dahulu, gagal melaksanakan perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat kerana mereka sibuk mencari kekayaan untuk diri sendiri?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jikalau gagal, *you* tidak ada di sini. *You won't be here.*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang, teruskan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih. Saya rasa saya setuju dengan Yang Berhormat Jelutong dan ucapan tersebut bolehlah dimasukkan ke dalam ucapan saya.

Ketujuh, menggiatkan dasar berasimilasi perpaduan kaum menerusi penyertaan semua kaum dalam sesuatu aktiviti dan menjadikan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat satu kenyataan yang praktikal bagi menzahirkan perpaduan nasional yang tulen termasuk jangan berbalah dalam memilih ketua.

Kelapan adalah mengambil langkah berjimat cermat dalam perbelanjaan negara termasuk langkah membasmi ketirisan.

Di dalam skop yang luas, negara yang sudah memasuki Revolusi Industri 4.0 wajar diperhebatkan lagi bagi menjadikan sub rantau Indonesia-Malaysia-Thailand *golden triangle*, dengan izin, bertambah maju, berdaya saing dan sama bermanfaat, jangan ada yang tertinggal, saling bantu-membantu ke arah menjadikan Asia Tenggara sebagai *European Union* (EU) kedua yang baharu selepas *European Union* di Barat.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta rakyat menyokong dan melaksanakan inisiatif untuk Malaysia berjaya bukan sebagai negara kleptokrasi ke negara demokrasi dan mampu kembali menjadi 'Harimau Asia' yang baharu dan bukan lagi menjadi rejim kleptokrasi yang dibebani hutang negara sehingga RM1 trilion. Kita kena buktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan mampu melakukan semua itu apabila persoalan fundamental negara terurus dengan baik.

Saya ingin menyentuh tentang pembangunan semula Bandar raya Kuala Lumpur pada tahun 2020, laungan baharu yang akan menjelma dalam bandar raya. Sama ada imej Kuala Lumpur sebagai ibu negara semakin gah dan tercalar, belum dapat kita pastikan. Akan

tetapi yang pasti berlaku adalah masalah kesesakan lalu lintas, kebersihan tidak diurus dengan baik, sekali-sekala banjir kilat dan sebagainya.

Walaupun DBKL sebagai kerajaan tempatan sudah memainkan peranan yang aktif, marilah kita menukar wajah Kuala Lumpur yang berimej rakus kepada sesuatu yang holistik, digemari rakyat dan pelancong yang datang. Maknanya, apabila mereka meninggalkan Kuala Lumpur, mereka akan merasa rindu dengan keramahannya, berbudi bahasa dan menenangkan. Ini bukan sahaja dipenuhi hutan batu, kebisingan tetapi dipenuhi dengan pelbagai budaya warganya yang mendamaikan jiwa.

Langkah DBKL mengecat dan menaik taraf lorong-lorong belakang pusat bandar raya sepatutnya disambut baik dengan menjadikannya cantik, bukan kawasan *slum* dan tidak terurus.

#### ■1230

Sememangnya baik diperluaskan kepada bandar yang lain di seluruh negara. Saya menyeru supaya aktiviti gotong-royong perdana yang melibatkan semua masyarakat menjadi acara nasional. Mengenai perumahan berstrata, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sudah melancarkan Pusat Mediasi Komuniti Strata, Bahagian Pesuruhjaya Bangunan yang ditubuhkan untuk menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi masyarakat yang tinggal di kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa. Akan tetapi, pusat itu belum beroperasi lagi walaupun orang ramai telah datang mengadu. Bagi sektor perumahan pula, usaha kerajaan untuk menyediakan perumahan awam tetap diteruskan walaupun permintaan melebihi penawaran rumah oleh para pemaju.

Kerajaan menyasarkan pembinaan 200 ribu unit bagi tempoh sehingga tahun 2020 sedangkan permintaan lebih dari angka tersebut. Kerajaan barangkali terlupa bahawa dalam Parlimen Bukit Bintang, tidak dibina PPR tetapi di kawasan lain ada dibina. Maknanya, kawasan Parlimen Bukit Bintang tertinggal dalam program pembinaan perumahan awam. Oleh itu, di bawah Majlis Perumahan Mampu Milik Negara yang akan ditubuhkan, jangan lupa projek perumahan awam di kawasan Parlimen Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pinjaman perumahan. Saya minta pihak Kementerian Kewangan melonggarkan syarat pinjaman membeli rumah mampu milik PR1MA kerana syarat terlalu ketat. Saya juga ingin menyeru kerajaan menghentikan dua perubahan dasar perumahan.

Pertama ialah, membenarkan pemaju menjual rumah *lease 99* di atas tanah pegangan bebas dan kedua ialah penjualan '*end block*' taman perumahan yang telah diluluskan oleh kerajaan yang terdahulu setelah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan mengenakan *chapter* baru dalam Kanun Tanah Negara di bawah tajuk pendaftar *private lease* yang akan terpakai di seluruh Semenanjung ini. Ini menjadikan para pembeli sebagai *lease* harta yang dibeli dan bukan sebagai pemilik harta. Bila tempoh *lease* berakhir katanya, 30 tahun, 60 tahun atau 99 tahun. Pembeli tidak ada hak mutlak untuk memperbaharui atau menyambung *lease*. Ini terletak di tangan pemilik dan menentukan syarat baru.

Perkara ini telah lama diamalkan di Singapura dan Hong Kong dan di Malaysia bakal berdepan dengan isu ini kerana di Malaysia masih banyak tanah belum dibangunkan. Adakah kerajaan menyedari kesan negatif yang terpaksa dipikul oleh generasi akan datang? Adakah kerajaan bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang lalu? Saya minta kerajaan membuat satu kajian semula tentang kesan buruk pindaan Kanun Tanah Negara 1965 yang memihak kepada pemaju dan pemilik tanah bila *cross registration private lease* diperkenalkan. Kita tidak boleh mewarisi penyakit yang ditinggalkan oleh kerajaan lalu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan cadangan memperkenalkan klausa baru dalam Akta Pengurusan Strata 2013, Akta 757 yang membenarkan kelulusan resolusi sebulat suara oleh mana-mana mesyuarat agung tahunan berkenaan pengurusan strata yang menekan pemilik terpaksa menjual unit mereka. Ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan kerana memaksa pemilik minoriti menjual unit mereka. Saya mohon kerajaan mengambil perhatian terhadap rungutan orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Sekarang saya menjemput wakil Bebas, Yang Berhormat Bagan Serai. Sila.

12.35 tgh.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca sepotong doa] Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucap tahniah kepada kerajaan yang telah membentangkan KSP RMKe-11 2016-2017. Pakatan Harapan kata 2016-2017 bagus, good and great. Jadi saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional. Saya thumbs up kerana KSP 2016-2017 bagus. Pertumbuhan baik, hutang terkawal, implikasi rendah, pengangguran rendah, income bagus, eksport bagus. Ini sudah jelas.*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Mencelah sedikit.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, saya pun hairan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kangar minta mencelah.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya sudah nampak pelik sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kangar...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** PH sebelum PRU14 lain, PH sekarang sudah jadi lain. Pelik tapi benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai..

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kangar minta mencelah.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebentar, saya baru mula mukadimah. *[Dewan riuh]* Sebentar Yang Berhormat Kangar, saya akan bagi. *[Dewan riuh]* Saya agak terkejut dan saya rasa bodoh ke, bodoh ke badan penarafan antarabangsa Fitch, Moody's, Standard & Poor's memberikan 'A-' *stable outlook*. Sudah tidak nampak kah dia hutang RM1 trilion? Ini yang saya hairan, ini kehairanan saya hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu sejarah sebab apa? Sebab RMKe-11 ini orang lain yang buat, orang lain yang bentang. Saya tidak nampak rasionalnya sebab kalau tidak bagus, sedaplah tetapi kalau bagus lembu punya susu, sapi dapat nama sebab ini dilakukan oleh kerajaan yang dahulu. Tahun 2016 KDNK suku pertama 4.1 peratus, suku keempat 2016 sebanyak 4.5 peratus, tahun 2017 suku pertama 5.6 peratus, suku keempat 5.9 peratus daripada KDNK. Pada 2018 bermula dengan 5.4 peratus. Akan tetapi, KDNK turun pada 4.5 peratus suku kedua selepas kerajaan baharu memerintah. Adakah negara akan bankrap dengan KDNK yang macam ini? Jadi kita hendak lihat apa yang jadi sebenarnya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh mencelah?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya bagi sekarang.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey, tadi disebut tentang kejayaan kerajaan terdahulu tetapi kita juga kena menghormati suara rakyat. Ini kerana sebelum ini pembahas daripada sebelah, yang dulu Barisan Nasional semasa jadi kerajaan juga sebut hutang isi rumah Malaysia ini tinggi. Jadi, tekanan itu ada sebenarnya pada rakyat. Maksud dia, apa yang Perdana Menteri sebut dalam ucapannya ialah *shared prosperity* itu tidak berlaku. Setuju atau tidak?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Ini memang jelaslah, ini akan teruskan dalam perbahasan hari ini. Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Saya suka pencelahan tetapi pencelahan *not more than one minute*. *Not more than one minute*. Okey, baik. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai ada 16 minit sahaja.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak bermula dengan cerita teras, cerita tonggak, ini dulu teras, tak lama lagi entah datang tiang. *[Ketawa]* Kita tidak tahu imbas balik, saya melihat persamaan KSP ini adalah seperti RMKe-9 semasa Tun Abdullah. Kita dapat lihat, RMKe-9 ada lima teras. Pertumbuhan ekonomi, hari ini sudah jadi tonggak keenam. Perkasa modal insan, hari ini sudah jadi tonggak keempat. *Inclusivity* teras ketiga telah jadi tonggak kedua dan ketiga dan sebagainya. Jadi susunan lain, perincian lain tetapi perkara yang sama.

So, kerajaan baharu Pakatan Harapan, ini baru, ini Malaysia baharu. Kena kerangka baru, kena fikir cara baru, kena buat benda baru. Bukan ciplak, bukan tiru cara lama sebab ini yang rakyat hendak hari ini. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai setuju usul ini. Bagan Serai setuju enam tonggak ini. Akan tetapi, enam tonggak ini tidak baru sangatlah, yang pentingnya bagaimana kita hendak tangani tonggak-tonggak ini supaya masa akan datang tidak ada lagi tonggak. Macam-macam sekarang ini kan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tonggak kah tongkak?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tonggak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tonggak dan tongkak itu dua perkara yang berbeza.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Berhampiran Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1240

Jadi, konteks Malaysia. Malaysia ini, ini yang tidak selesai, dari tahun ke tahun, zaman ke zaman, daripada Tun Abdullah, daripada Datuk Seri Najib menjadi Perdana Menteri kepada Tun Mahathir sekali lagi, zaman berzaman tidak selesai. Cuma diubahlah saya kata tadi daripada teras, daripada tonggak dan macam-macam lagi. Banyak perbelanjaan, banyak langkah-langkah dibuat. Saya hendak ucap tahniah pada Kerajaan Pakatan Harapan berjaya meyakinkan rakyat. Kita perlukan kerajaan yang baharu. Berjaya, ini satu kejayaan. Hampir *sweep off*. Akan tetapi saya melihat dan saya melihat kita perlu kerangka baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat ini benar-benar Bebaslah.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat, tadi tahniah pada BN, ini tahniah pada Pakatan Harapan. Ini makan dua belah nampak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat ini nampaknya...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, masa saya telah diambil ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nampaknya betul-betul 'Bebas'lah. Sini puji, sana puji. Ini Bebas lah.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua lebih memahami Yang Berhormat Bagan Serai dari yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Isi hati memang dalam naluri. Sila.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang benar saya sokong. Yang tidak bagus, saya terpaksa ketepikan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Dua kolam nampak.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, saya sedang melihat ini, pada peringkat awal hari ini. Jadi, apa yang penting ialah *the bigger picture*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Patutlah duduk tengah-tengah.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...untuk membuat perangkaan ekonomi supaya ekonomi hari ini, ekonomi masa depan, Malaysia hari ini, Malaysia masa depan, bagaimana hari ini. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kita telah melakukan perangkaan ekonomi dengan cara yang lama, 60 tahun hari ini iaitu lebih kepada apa yang kita katakan Putrajaya-centric. Putrajaya menentukan di Mersing, Putrajaya menentukan di Bagan Serai, Putrajaya menentukan di Pendang, Putrajaya menentukan di Jelutong, *this is what we have been doing*. Ini kita kena *rethink the process*.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kewajarannya? Rancangan ekonomi dilakukan lima tahun daripada merdeka lagi. *Alhamdulillah*, tahniah kepada kerajaan yang telah melakukan dulu tapi *it is time to think*, sebab apa? Kita hari ini berhadapan dengan dua perkara penting iaitu *postmodernization society* ataupun masyarakat pasca modenisasi dan juga era yang kita bagikan ekonomi sebagai VUCA.

Ini akan memberikan impak yang besar kepada perancangan ekonomi kerana Rancangan Malaysia Kelima, minta maaf banyak orang lupa, lepas dua minggu orang tidak cerita sudah sebab kita fokus pada bajet. Lepas dua minggu, media pun tidak cerita sudah, orang pun sudah kisah sudah. Ini yang terjadi sebenarnya dan kita *keep on doing the same thing*. Kita tanam gandum, harapkan padi. Jadi, tidak akan jadi.

Oleh sebab itu, kita lihat tonggak demi tonggak sebab kita memerlukan kerangka yang baru. Tuan Yang di-Pertua, *postmodernization society*, apa dia itu? Tahun 70, 80 kerajaan semua tahu, kerajaan buat semua. Kerajaan tahu, *you know all, you did all* dan rakyat lebih patuh dan yakin pada kerajaan. Hari ini, *today*, rakyat *challenge you*, rakyat bantah terang-terang. Bila cadangan untuk buat *third national car*, rakyat bantah, rakyat bagi macam-macam. Hari ini kita lihat, hari ini SST, orang mengamuk sini, orang mengamuk sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Siapa mengamuk?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cakap fasal teks. Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai, siapa mengamuk?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Setiawangsa, di Setiawangsa sana saya tengok ada di situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Betul kah?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Teksi, cerita teksi dengan Grab. Orang mengamuk lagi, orang tengking, orang maki. Di Melaka hari itu kita lihat tengking menengking berlaku. "*Tahu saya siapa?*" Dia tengking menengking berlaku. Ada *style*. Tuan Yang di-Pertua, rakyat zaman sekarang lebih pandai, lebih berpendidikan, lebih *income* yang tinggi, lebih mahukan *participation*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Oleh kerana orang muda pun lebih hebat hari ini. Orang muda tidak macam orang muda dulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Orang muda dulu, sudah jadi orang tua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Jelutong minta mencelah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Penjelasan saja.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada 11 minit Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua boleh bagi saya lagi 3 minit tambah? Kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh bagi?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tanya soalan saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** '*Masa itu emas*'. Sila.



**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Setuju Yang Berhormat Bagan Serai, bahawa rakyat pada hari ini bebas bersuara, Yang Berhormat. Jika dibandingkan dengan Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Rakyat bebas bersuara.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Rakyat hari ini orang muda-Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Orang muda hari ini lebih hebat, lebih berani bersuara. Tidak macam orang muda dulu, itu lain. Orang muda dulu sudah jadi orang tua hari ini. Rakyat hari ini kurang taat pada mana-mana parti atau kerajaan. Ini yang terjadi hari ini yang kita kena sedar. Sifat masyarakat hari ini iaitu mereka hendakkan *engagement, participation, ownership* dan mereka hendak penurunan kuasa dan rakyat lebih bersedia. Hari ini kita lihat isu gelandangan, siapa buat? Yang hebat, NGO. Isu alam sekitar, NGO mengamuk, isu derita, isu dera haiwan, siapa yang mengamuk lebih? NGO yang mengamuk hari ini. Jelas kerajaan hari ini. Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bukan mengamuklah, cuma bersuara.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hari ini Yang Berhormat Bagan Serai mengamuk.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Hari inilah Yang Berhormat Bagan Serai yang mengamuk.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Bagan Serai mengamuk Tuan Yang di-Pertua, sebab saya diberikan 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Pagi ini makan cili apa? Berucap sampai berapi-api.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak cerita benda yang 40 minit, dalam 20 minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang aknorim VUCA tadi. VUCA, era ekonomi sekarang ini kita sedang berdepan dengan VUCA. V-*vulnerability*, V-*volatility* iaitu kerap berubah, minyak turun naik, U-*uncertainty*, tidak tentu hari ini, minyak turun naik, kadar tukaran wang asing, perang perdagangan dan C-*complexity*, sangat canggih, berbelit. Kalau kita tengok US vs China, perang perdagangan ini *affect* kita macam mana hari ini? Sangat kompleks, hari ini kita tengok iPhone pun 10 negara yang buat komponennya. Kita pun tidak tahu produk ini *made in China* kah, *made in* mana hari ini. *Very complex and A-ambiguity* iaitu kabur dan tidak jelas.

Jadi, pertanyaannya kepada kerajaan hari ini, adakah Rancangan Malaysia lima tahun ini *still relevant*? Saya tengok satu orang saja semalam iaitu Yang Berhormat Jelebu, saya ucapkan tahniah pada Yang Berhormat Jelebu. Dia bercakap tentang lima tahun kepada tiga tahun ataupun bagaimana kita hendak *handle* perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap fasal *inclusivity* dan keseimbangan. Pertumbuhan ekonomi sebelum ini baik. Berapa ramai dapat manfaat? Ini untuk Yang Berhormat Kangar, siapa yang tanya tadi. Ini untuk Yang Berhormat Kangar. Berapa ramai yang dapat, berapa banyak wilayah dia dapat.

Terus terang saya cakapkan Malaysia ini terbahagi kepada tiga zon, Pantai Barat, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Tidak seimbang, hari ini kita *and this is a structural issue*. Kalau kita bertolak hari ini daripada *Singapore* pergi KL, *Singapore* pergi Pekan, apa yang kita nampak? *Singapore* ke KL, cantik, jalan raya bagus, macam-macam bangunan, pertumbuhan.

Akan tetapi daripada *Singapore* kita hendak pergi ke Pekan, lalu Kota Tinggi, lalu Mersing, macam Zimbabwe, macam 1970's, jalan kecil, tidak ada pertumbuhan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kangar macam Zimbabwe?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang ini yang saya katakan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kangar setuju kah? [Ketawa]

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dia sebut Kota Tinggi.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, *this is a structural issue*. Oleh sebab itu saya hendak ulang sekali lagi, saya hari itu bercakap tentang kerangka 3D iaitu kerangka 3D, *density, distance and division* yang telah dipelopori oleh *World Bank* berfalsafahkan Prof. Paul Krugman, pemenang Hadiah Nobel Ekonomi yang menentukan *geography of economy*. Saya sudah sebut dua kali hari ini. Hari itu saya sebut pun Menteri Kewangan sudah dengar perkara ini. Oleh sebab *this is* perkara yang kita tidak *attend*. Oleh sebab itu saya kata yang ini bila kita bercakap tentang ECRL, bila kita cakap tentang *connectivity*.

Tuan Yang di-Pertua, apa persediaan kerajaan untuk menyelesaikan tonggak ketiga? Adakah *direct flight* daripada China ke Pantai Timur? Adakah pelabuhan lain selain Pelabuhan Kuantan di Pantai Timur? Saya memberi contoh Pantai Timur yang jauh ke belakang kita hari ini. Hari ini Taiwan berminat dengan *south bound policy*. Adakah kita bersedia? *Are we attending connectivity, are we attending distance* punya *problem*? Ini yang saya hendak dapat jawapan hari ini supaya kita berhentilah cakap fasal tonggak dan macam-macam hari ini tapi tiap-tiap tahun kita cerita benda yang sama. Pantai Timur, wilayah tidak seimbang pertumbuhannya hari ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau ya pun, janganlah marah. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oleh sebab itu saya tadi tanya dia pagi ini makan cili apa? Sampai berapi-api.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya seorang doktor, Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang hisap rokok lama-lama, lama dan lama, satu hari ia akan jadi kanser.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Takut *patient* kalau suara doktor macam ini.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hari ini kita hendak *stop* dia hisap rokok, dia marah. Akan tetapi lama dan lama ia akan jadi penyakit dan akan disahkan satu hari memang masalah yang besar adalah kanser. Jadi, cerita lama *and* kronik. Kita tidak boleh biarkan ketidakseimbangan pertumbuhan di wilayah-wilayah ini berlaku hari ini. Saya serahkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Malaysia baharu, kerangka baharu, bersedia untuk buat perubahan. Cukup, kita lihat Korea Selatan yang kita katakan maju dan sebagainya.

Korea Selatan sudah berhenti buat rancangan lima tahun ini. *Last* sekali kali yang ketujuh, 1996 dia sudah berhenti buat sudah. Oleh sebab tidak ada, tidak relevan hari ini. Oleh sebab ekonomi hari ini bergerak begitu pantas. Minyak naik, minyak turun. Harga ini naik, harga ini turun, perang lagi dan sebagainya. Lima tahun tersasar begitu.

Semua kita punya unjuran tidak kena lagi pada tempatnya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada beberapa isu, isu nasional dan juga tempatan. Pertama sekali tentang dadah. Dadah ini 60 tahun kita cuba hendak *tackle*, keadaan makin serius. Penagih dadah ramai, pengedar pun sudah banyak cerita dalam *paper*. Bukan saja permintaan dan penawaran, kita takut kita sudah jadi pembuat hari ini. Pertamanya, adakah kerajaan bersedia hari ini untuk lebih serius menghadapi masalah dadah? *Sit down and do something new*. Pertama, *look at the akta*. Akta ini apa yang kita hendak buat? Gantung sudah buat, penjara sudah buat, rotan sudah buat tapi tidak jadi ini. Apa fasal ini, apa yang tidak kena ini?

#### ■1250

Kita kena lihat yang ini. Macam saya katakan tadi tanam gandum harapkan padi. Sampai mati kita tidak akan dapat jawapan. Sampai mati kita tidak dapat padi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, masanya sudah sampai untuk kita lihat kepada akta ini balik. Adakah perkara demiliterisasi ini satu perkara yang baik yang telah dipelopori oleh Portugal hari ini.

Perkara kedua ialah WHO mengiktiraf penagih dadah ini. *It's a chronic relaxing mental illness*. Saya ulang, *mental illness*. Satu penyakit. Penagihan satu penyakit. Penagih dadah adalah pesakit. Bukan sampah, bukan najis, bukan penjenayah. Marilah kita hari ini pakatan baharu, kerangka baharu, berfikir secara baharu bagaimana kita hendak selesaikan hari ini. Saya sudah berbincang dengan kawan-kawan doktor dan *experts*. Mereka mengatakan ini perkara yang penting. Jadi kita menganggapnya satu penyakit. Maka *doctors*

*take the lead.* Kita ada banyak doktor dan pakar hari ini juga. *Doctors take the lead.* Rawatan, pencegahan, pengurusan, rehabilitasi.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, minta lalu sedikit.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya minta dana yang lebih untuk perkara ini.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, minta laluan sikit.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seminit sahaja.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Seminit sahaja, okey. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Bagan Serai. Tadi kita tengok banyak penyakit jadi kita hendak kena *cater*. *Cater* doktor-doktor swasta ini banyak supaya kita boleh membantu kerajaan dalam membina satu Malaysia baru seperti mana KSP yang kita sedang rancang ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai. Apakah syarat-syarat yang diperlukan seseorang doktor swasta untuk memperbaharui sijil amalan tahunan mereka iaitu APC, *Annual Practicing Certificate*.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Perkara keempat dalam permintaan saya hari ini ialah meningkatkan, memperkasakan *harm reduction*, pengurangan kemudaratan. Meningkatkan MAT, *medication assistant therapy*. Peningkatan ini, perkara ini perlukan diberi peningkatan dan meningkatkan peranan GP. Mudahkan GP, cara pencegahan, rawatan, mudahkan cara GP untuk buat kerja dia. Untuk mendedikasikan *methadone* umpamanya untuk pesakit-pesakit dia. Mudahkan *regulation* untuk GP.

Rehabilitasi ini penting untuk psikososial dan juga spiritual. Seperti yang dijalankan oleh 'UNKAS' iaitu program-program masjid ini, ditingkatkan usaha-usaha ini. Begitu juga dengan mencapai pekerjaan untuk penagih-penagih dadah yang telah keluar daripada rawatan dan sebagainya. Ini kerana tanpa kerja, tanpa duit, *poverty* adalah salah satu sebab mereka turun kepada dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita hari ini perlukan hospital. Hospital rawatan penagih dadah. Terutama mereka yang sudah ada tibi, HIV dan hepatitis. Negara ini memerlukan lebih banyak pakar-pakar penagihan, *addiction specialist* dan mereka-mereka yang serius tentang bagaimana hendak menjaga perkara ini dan juga untuk meningkatkan *training* untuk semua *stakeholders*. Semua yang bertanggungjawab, semua yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dadah bahaya. Sebab kalau ini berleluasa, maka kesejahteraan rakyat terganggu. Kesejahteraan ini adalah tonggak yang kedua kita sembang hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua perkara penting saya mesti sampaikan. Saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, ialah tentang APM sukarelawan. Ini di Bagan Serai kerana mereka *complained* kepada saya. Di Parlimen Bagan Serai lebih kurang lebih 100 orang. Mereka ini adalah *the unsung heroes*. Kalau bencana, terutama banjir di kawasan saya, *they are the first*. Mereka dulu yang datang. Akan tetapi hari ini tiga bulan sudah tidak dapat elaun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah, sudah.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tidak tahu. Yang Berhormat Masjid Tanah dapat? Tak dapat. Yang Berhormat Masjid Tanah kata tidak dapat. Yang lain tidak ada di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah dibayar sampai bulan Oktober saya difahamkan. Teruskan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi semalam saya tanya di Bagan Serai, APM sukarelawan sana belum dapat. Saya harap Bagan Serai, jangan lupa Bagan Serai. APM sukarelawan belum lagi dapat. Saya membawa suara rakyat hari ini. Derita rakyat kerana mereka sukarelawan. Kerja buat sukarela. Berapa lah sangat enam ringgit, enam ringgit elaun.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sukarelawan polis pun banyak tidak dapat.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagus. Mereka banyak komitmen yang patutnya yang sudah lama itu diserapkan jadi tetap, diserapkan supaya jadi kerja kontrak.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Sikit saja, sikit saja. APM ini di bawah...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, seminit. Stesen kereta api di Bagan Serai cantik indah *very good*, lif tidak ada. OKU susah, warga emas susah, orang mengandung susah. Orang Bagan Serai banyak mengandung hari ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini sangat penting. Lif saya minta. Ini sudah jadi *complain* lama dah. Setiap kali saya datang ada rakyat kata. Yang Berhormat, tolong lah cakap Yang Berhormat. Saya sudah cakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta saya hendak cakap sedikit lagi. Saya tahu masa sudah hendak habis sudah. Ini tentang modal insan. Modal insan tonggak kelima tadi iaitu RMT. Rancangan Makanan Tambahan. Dua ringgit lima kupang untuk rakyat miskin dan untuk *parents* yang gajinya bawah RM580. Ini apa macam tidak mahu bagi saja, RM580.

Jadi, saya minta kerana ini melibatkan banyak rakyat miskin di Parlimen Bagan Serai. Terutama sekolah-sekolah yang terlibat, Sekolah Kebangsaan Bukit Merah, Tebuk Pancur, Semanggol. Naikkan lah daripada RM580 kepada RM1,500 gaji mak bapa dia dan naikkannya dua ringgit lima kupang kepada empat ringgit. Kalau di Singapura, Thailand ini anak-anak yang miskin ini *free*. Jadi kita buat. Kerajaan baru fikir lah cara baru. Wujudlah kerangka baru. Jangan ikut yang lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya minta sangat, Tuan Yang di-Pertua. Bagan Serai setuju dengan usul ini. Bagan Serai sekali hendak beritahu. Kerja ini bagus. Kerja ini baik. Akan tetapi ingat kerajaan baru. Kerangka baru. Malaysia kita punya. Buat betul-betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Suara macam *hypertension* sikit ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Balik lah Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Walaupun *sound system* kita canggih, tidak payah berucap dengan berapi-api sedemikian. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching dan selepas itu Yang Berhormat Pengerang. Yang Berhormat Bandar Kuching? Jika Yang Berhormat Bandar Kuching tidak ada, saya terus bagi kepada Yang Berhormat Pengerang. Sila.

12.56 tgh.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Empat minit tidak sempat. Sambung lepas 2.30 lah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak sempat habis kita sambung petang dan teruskan dahulu.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih. Terus ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Teruskan.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dalam masa empat minit sebelum ini kita sambung lagi. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutama sekali dalam mewujudkan pembentangan Kajian Separuh Penggal bagi tempoh 2016 sehingga 2020. Saya ingin menyatakan di sini tentang ucapan yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan berkenaan dengan banyak persamaan di antara dasar-dasar yang diwujudkan dalam Kajian Separuh Penggal ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada teras-teras yang dinyatakan di dalam buku Kajian Separuh Penggal. Dalam kawasan Parlimen Pengerang yang mana kita ketahui adanya projek RAPID. Kita boleh lihat bahawa teras strategik dan

pemacu perubahan dalam teras satu memperkukuh inklusif ke arah masyarakat yang saksama. Teras yang ketiga meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju dan teras yang kelima memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri Ekonomi, dan mana-mana Menteri yang berminat untuk turun ke Parlimen Pengerang untuk melihat tentang kewujudan projek RAPID yang mana satu projek yang diwujudkan dalam kawasan Parlimen Pengerang yang boleh dilihat sebagai satu projek mega, projek antarabangsa.

Kalau kita lihat Kerajaan Arab Saudi yang begitu yakin dengan ekonomi di Malaysia sampai sanggup melabur USD7 bilion di Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID). Kalau kita tengok projek ini Tuan Yang di-Pertua, kita boleh melihat bahawa industri petrokimia Malaysia di dalam projek RAPID ini boleh menjadi satu cabaran kepada negara Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di negara Singapura, di mana negaranya tidak mempunyai hasil bumi. Sama ada hasil bumi dari segi balak, kelapa sawit, ataupun minyak berbanding dengan Malaysia. Akan tetapi mempunyai ekonomi yang begitu canggih di mata dunia. Salah satu daripada pendekatan yang dibuatkan oleh Kerajaan Singapura ialah mewujudkan apa yang diwujudkan di RAPID Pengerang pada kali ini iaitu dalam industri petrokimia Malaysia.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok projek ini dapat mentransformasikan Selatan Johor menjadi satu pusat penapisan dan petrokimia peringkat antarabangsa yang dapat melengkapi kompleks sedia ada di Koridor Timur Malaysia dan juga boleh mewujudkan pendekatan dengan izin, *complimentary* kepada aktiviti ekonomi bagi kawasan-kawasan Selatan Johor, kawasan-kawasan dalam rantau Malaysia. Itu sebabnya saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri Ekonomi berkenaan dengan kewujudan pendekatan-pendekatan yang dapat membantu memajukan lagi kewujudan projek RAPID dalam kawasan Parlimen Pengerang. Pertamanya kewujudan jambatan ketiga. Baru-baru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah sampai pukul 1.00 petang. Yang Berhormat sambung semula pada petang nanti. Majlis ditangguhkan ke pukul 2.30 petang.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula, saya menjemput Yang Berhormat Pengerang.

**2.32 ptg.**

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi sebelum kita berhenti untuk *lunch break* dengan izin, saya menimbulkan isu tentang jambatan ketiga di kawasan Parlimen Pengerang yang mana kalau kita lihat di sini telah banyak diperkatakan. Jadi saya nak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab tentang adakah tujuan kerajaan kerana kalau jabatan ini wujud antara Pengerang dengan Pulau Ubin di Singapura akan hanya jauhnya tiga kilometer sahaja dan kalau kita tengok sekarang, kenderaan untuk minyak dengan gas daripada projek RAPID ke Tuas adalah 90 kilometer daripada tol kepada tol.

Jadi, di sini saya ingin menyatakan bahawa dan juga menyoal sama ada Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab mahu membawa perkara ini sebagai pendekatan untuk memajukan ekonomi Johor Selatan di dalam kawasan Parlimen Pengerang. Kemudian saya ingin menimbulkan juga persoalan kepada Menteri-menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan apa yang disebut tentang TVET dan saya juga ingin

menyatakan di sini bahawa generasi muda yang lebih kurang 50 persen daripada jumlah pengundi dalam kawasan Parlimen Pengerang, memang kalau kita lihat dalam aspek vokasional, tidak adanya sekolah vokasional atau sekolah menengah vokasional ataupun kolej vokasional.

Saya, sebelum pilihan raya ini mantan Menteri Pelajaran telah turun ke kawasan Parlimen Pengerang dan melihat kepada kedudukan Sekolah Menengah Tanjung Datuk yang paling dekat dalam projek RAPID supaya dinaiktarafkan menjadi sekolah vokasional. Jadi, soalan saya kepada Menteri yang bertanggungjawab, sama ada adakah pendekatan ini akan diteruskan kerana kalau ia dapat dilakukan, sekurang-kurangnya generasi muda, anak-anak muda Pengerang mendapati kelulusan vokasional disebabkan dalam bidang minyak dengan gas apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, anak-anak muda yang terlibat dalam pekerjaan minyak dengan gas perlu mempunyai sijil keselamatan *oil and gas* dengan izin.

Jadi, untuk mendapatkan sijil ini sebelum dia masuk dalam bidang ini ialah satu proses yang bukan begitu mudah. Ia dilihat sebagai pembayaran sendiri dari segi komersial untuk mendapat prasyarat iaitu sijil keselamatan. Jadi, saya berharaplah dalam perkara ini kerajaan pada hari ini yang disebut sebagai Kerajaan Malaysia baharu boleh mengambil kira perkara-perkara ini untuk membantu anak-anak muda disebabkan adanya projek antarabangsa minyak dengan gas iaitu projek RAPID. Kemudian saya nak timbulkan juga tentang isu pekerja asing di mana dalam projek-projek antarabangsa terutama sekali dalam projek-projek petrol kimia, kewujudan projek ini pada tahap pembinaan memang ramai pekerja asing dibawa. Ini disebabkan oleh kemahiran mereka berbanding dengan pekerja tempatan.

Jadi di sini saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, sama ada adakah kerajaan akan menilai semula tentang ketirisan subsidi oleh pekerja asing? Apa yang berlaku hari ini kalau kita tengok di *hypermarket* atau di mana-mana kedai, pekerja-pekerja asing membeli pada harga yang sama yang dibeli oleh rakyat tempatan. Tidak adanya beza dari segi pembayaran kepada barang-barang contohnya beras, gula. Jadi, barang-barang ini yang mempunyai subsidi daripada kerajaan, kenapa kita tidak mahu memisahkan antara pembeli tempatan dengan pembeli asing?

Sama ada satu mekanisme boleh diwujudkan untuk membantu rakyat dan ketirisan subsidi ini tidak berlaku yang mana pekerja asing seperti yang kita tahu bila dia mendapat gaji bulanan dia hantar duit balik kepada negara dia. Jadi secara tidak langsung ekonomi kita ini ketirisan dari segi subsidi. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab sama ada boleh melihat kepada perkara ini.

Kemudian, saya juga nak menimbulkan tentang isu pembinaan masjid yang mana ada tiga masjid Tuan Yang di-Pertua dalam kawasan Parlimen Pengerang yang mendapat surat kelulusan iaitu masjid baharu di Taman Bayu Damai. Taman Bayu Damai ini adalah taman yang mana mengambil alih kewujudan taman baharu menggantikan 10 kampung dalam projek RAPID yang mengambil alih tanah-tanah mereka. Jadi kerajaan sebelum ini telah memberi kelulusan kepada pembinaan masjid untuk masyarakat setempat. Kelulusan hanya RM5 juta sahaja. Kemudian Masjid FELDA Air Tawar 5, surat kelulusan telah keluar dan bantuan hanya sebanyak RM2.5 juta dan juga masjid di FELDA Semenchu iaitu surat kelulusan juga telah keluar, bantuan daripada kerajaan RM3.5 juta.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak timbul perkara ini kerana masjid ini dibina bukan 100 peratus daripada Kerajaan Pusat tetapi masyarakat-masyarakat yang menjadi ahli masjid meletakkan duit sebagai sumbangan mereka untuk kewujudan masjid ini. Jadi *matching fund* dengan kerajaan yang mana kerajaan memberi kelulusan. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri Ekonomi yang ada dalam Dewan pada hari ini dapat membantu kerana masyarakat setempat juga meletakkan kewangan untuk pembinaan masjid ini bukan 100 peratus daripada kerajaan. Jadi, saya merayulah kerana bagi saya perkara ini terutama sekali dalam masjid baharu di Taman Bayu Damai masyarakat yang mengorbankan tanah mereka 10 kampung untuk pembinaan projek RAPID tidak akan kita anak tiri kan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan dalam aspek poin saya yang ketiga tentang Akta Perkhidmatan Parlimen. Saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang memberikan komitmen dan saya dalam Jawatankuasa Dewan juga bersama Tuan Yang di-Pertua, Timbalan-timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada dua-dua pihak tahu bahawa perlu kita lihat kepada kewujudan suruhanjaya.

Kalau kita nak hidupkan semula akta ini, saya melihat perkara ini secara tidak langsung seolah-olah kita ke belakang. Dengan kewujudan suruhanjaya ini kita dapat jaminan bahawa memanglah akta ataupun kewujudan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen ini menjadi satu entiti yang bebas, yang dapat menjamin semua mereka yang bekerja dalam institusi Parlimen adalah mereka yang betul-betul bebas seperti suruhanjaya-suruhanjaya yang wujud dalam negara kita.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan pada kerajaanlah bahawa bila bercakap tentang Parlimen bagi negara-negara Komanwel seperti United Kingdom, New Zealand dan juga Australia sebagai contoh memang melihat bahawa peranan Parlimen yang bebas dapat menjamin kebebasan yang sebenarnya kepada suara rakyat. Itu sebabnya saya berharap sangatlah sebagai contoh kepada sambungan dalam kewujudan suruhanjaya ialah kewujudan apa yang disebut sebagai kebenaran membawa isu ataupun *petition* secara terus kepada Parlimen.

Maknanya apa yang kita lihat ialah medium yang diwujudkan untuk memberi ruang kepada rakyat membawa usul mereka terus ke Parlimen. Saya ingin mencadangkan juga Jawatankuasa Petisyen Awam diwujudkan bagi tujuan ini supaya rakyat dapat membawa suara kepada isu. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, saya ada sembilan minit yang tinggal ialah saya melihat bahawa kadang-kadang lepas pilihan raya, sepatutnya kerajaan yang memimpin mewakili semua rakyat.

#### ■1440

Bererti bahawa tidak boleh lah rakyat yang memilih Ahli Parlimen pembangkang dianaktirikan. Kalau Ahli Parlimen dianaktirikan, kemungkinan dalam segi dasar politik tetapi rakyat yang mengundi maknanya rakyat meletakkan demokrasi dalam pemilihan. Jadi, bagi saya secara tidak langsung petisyen ini membenarkan rakyat yang merasa bahawa suara mereka tidak boleh dibawa dalam Parlimen kerana kerajaan tidak mahu mendengar suara-suara Ahli Parlimen pembangkang boleh membawa petisyen ini secara *direct* sebagai pendekatan baru, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian juga saya ingin menyatakan bahawa saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Beluran iaitu Pengerusi PAC yang menggalakkan keterbukaan dalam perjalanan jawatankuasa tersebut dengan mengadakan prosiding awam. Maknanya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adanya *direct telecast* kalau boleh dalam *hearing* dengan izin, pada semua dalam aspek PAC untuk membenarkan rakyat dapat dengan izin, *evaluate* tentang mereka-mereka yang dipanggil untuk memberikan keterangan dan sebagainya. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, harapan saya bahawa bila Akta Perkhidmatan Parlimen kalau kerajaan bersetuju untuk menaikkan taraf kepada suruhanjaya ia akan dapat membawa kepada suara rakyat yang dapat diberikan keutamaan daripada struktur-struktur yang wujud dalam perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan beberapa perkara. Akan tetapi bagi saya sebelum saya— dalam masa tujuh minit ini mengakhiri perbahasan saya dalam menyokong Rancangan Malaysia Kesebelas ini, saya ingin menyatakan bahawa saya agak kecewa lah tadi pagi dengan jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam Hal Ehwal Undang-undang berkenaan pemisahan kuasa bagi Peguam Negara dalam negara kita.

Saya bertanya kepada beliau soalan ini dan beliau menjawab bahawa memang kerajaan Pakatan Harapan membuatkan janji dalam janji lima belas tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tidak bagi tempoh. Itu jawapan beliau. Jadi, saya ingin menyatakan di sini yang mana saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham soalan saya tadi.

Dia menyatakan pada Dewan ini dan saya ada dalam dewan tentang kes yang disebut iaitu kes Lim Kit Siang melawan UEM yang mana hakim menyatakan tentang kedudukan Peguam Negara dalam negara kita. Kalau kita tengok pada tahun 80-an, Peguam Negara adalah juga merangkap Menteri Undang-undang.

Jadi, apa yang saya timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua dalam masa enam minit ini adalah bahawa apabila Peguam Negara dilantik, beliau adalah seorang individu yang sangat berkuasa terutama sekali dalam pendekatan kuasa mendakwa dan Peguam Negara juga dilihat sebagai Penasihat Undang-undang pada kerajaan. Kalau lah Peguam Negara seorang Menteri Kabinet Tuan Yang di-Pertua, banyak isu-isu dasar kerajaan dari segi

undang-undang Peguam Negara boleh jawab sebagai Menteri Undang-undang. Akan tetapi kuasa pendakwa yang mana saya timbulkan tadi, saya tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dalam kuasa pendakwaan, kita boleh pisahkan. Saya faham Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kononnya perlunya pindaan perlembagaan. Saya faham dan saya memahami kenapa beliau menyatakan sedemikian.

Akan tetapi itu kalau *total change* dan itu memerlukan dua per tiga Ahli Dewan menyokong tetapi yang saya timbulkan ialah kalau kita buat sekarang hendak menunjukkan ketulusan kerajaan kepada rakyat, tidak hendak tunggu pindaan perlembagaan, di bawah Jadual Kesebelas, kita dapat tengok bahawa, Perlembagaan Persekutuan membolehkan bahawa pendakwa raya, *Solicitor General* menjadi pendakwa raya. Maksudnya, kita keluarkan kuasa Peguam Negara itu menjadi lantikan politik dalam dewan yang mulia ini dan *Solicitor General* yang ada di bawah Peguam Negara hari ini boleh menjadi Ketua Pendakwa.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak semua tindakan-tindakan mahkamah dari segi *charging* dengan izin pendakwaan dilihat sebagai *bias*, contohnya majistret yang memberikan *remand order*. Kita tahu majistret dalam negara kita adalah di bawah kategori pegawai-pegawai perundangan di bawah *Attorney General's Chambers* (AGC) dengan izin. Bererti bahawa *they are reshuffable* maknanya *transferable*, bererti bos dia adalah Peguam Negara.

Jadi, kalau Peguam Negara memberikan arahan untuk *remand*, tak kan lah majistret itu berani tolak. Ini menimbulkan seolah-olahnya tindakan yang kononnya membawa kepada *biasness*, dengan izin. Kemungkinan tidak. Akan tetapi *the potentiality*, dengan izin kepada *biasness* itu ada.

Itu sebabnya bagi saya dalam perkara ini memang hakim dalam negara kita ini dilantik daripada sistem yang lain tetapi Mahkamah Majistret dan juga *Sessions Court Judge* dilantik daripada pegawai undang-undang yang *serving* di bawah AGC. Itu sebabnya harapan saya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pada kerajaan hari ini, kalau dijanjikan kepada rakyat tentang pemisahan itu, walaupun tidak ada tempoh, kenalah dilaksanakan sebab sekurang-kurangnya bila pendakwaan itu berlaku, tidaklah adanya tuduhan daripada orang ramai bahawa kerajaan menggunakan kuasa sebagai *political prosecution*, dengan izin.

Itu sebab nya Tuan Yang di-Pertua harapan saya walaupun kita lihat bahawa tindakan semua ini adalah tindakan yang di sebut sebagai *criminal prosecution*, orang kata ini adalah tindakan tetapi saya dengar dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, kita semua ada yang sahabat-sahabat saya ini peguam, *a man is innocent until proven guilty*. Itu semua yang kita belajar. *The first rule of law*. Jadi, sebagai ahli-ahli politik sama ada sebelah sini ataupun sebelah sana, kalau pendakwaan itu telah dikeluarkan biarlah hakim buat keputusan, biar lah perbicaraan itu dinyatakan dengan bebas. Tidak boleh lah kita bawa dalam sidang yang mulia ini, seolah-olah yang dituduh itu sudah bersalah. Sebab kalau itu lah kedudukannya bererti mana-mana ahli politik belah sana juga yang dituduh boleh dilihat sudah juga bersalah.

Akan tetapi itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, harapan saya bahawa kuasa pendakwaan ini mesti dikaji dengan begitu tulus oleh kerajaan supaya tidak adanya *misinterpretation*, dengan izin oleh masyarakat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Oh! Sahabat saya. Silakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hendak tahu sama ada mengapa perkara-perkara ini Yang Berhormat Pengerang? Saya teruja dengan perbahasan Yang Berhormat Pengerang. Saya akui Yang Berhormat Pengerang adalah seorang yang memang mempunyai pengetahuan undang-undang dan merupakan seorang peguam.

Persoalan saya adalah mengapakah perkara-perkara ini tidak dilaksanakan sewaktu Barisan Nasional berkuasa dahulu? Bukankah perkara-perkara ini kalau dilakukan dahulu akan menjamin bahawa sesuatu pendakwaan itu tidak dipengaruhi oleh apa-apa unsur politik. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih sahabat saya yang juga seorang peguam, Yang Berhormat Jelutong ya. Sebenarnya apa yang saya sebut di sini



Yang Berhormat Jelutong ialah Kerajaan Barisan Nasional yang telah memimpin 61 tahun, pada tahun 80-an telah melantik seorang Menteri Undang-undang merangkap Peguam Negara. Maknanya kita pernah lakukan.

Ini bukan kali pertama apa yang saya sebut dalam Dewan ini bukan benda yang baru tetapi pernah dilaksanakan iaitu Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf dan juga Tan Sri Hamzah Abu Samah. Itu yang saya timbulkan dalam dewan tadi. Bererti pernah dilantik Menteri Undang-undang merangkap Peguam Negara. Pernah dilantik.

Akan tetapi pada hari ini sahabat saya Yang Berhormat Jelutong tanya kenapa tidak buat, kenapa tidak buat, kenapa tidak buat? Isu dia ialah pilihan raya kami kalah hendak buat macam mana? *[Ketawa]*

Akan tetapi kalau lah Yang Berhormat Jelutong bersama sahabat-sahabat Pakatan Harapan ini, ramai-ramai ini bercakap tentang janji, buatlah ini dulu. Ini cabaran saya pada Yang Berhormat Jelutong sebagai peguam. Buat ini dulu, minta ahli-ahli Parti Komponen Pakatan Harapan bawa kepada interpretasi sebenarnya dalam kedudukan Peguam Negara dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila. Terima kasih Yang Berhormat Pengerang yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Dewan Parlimen. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

**2.48 ptg**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi untuk membawa suara (P.195) Bandar Kuching dan Wilayah Sarawak ke dewan yang mulia ini.

Sebelum itu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada guru dan pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Awana, Parlimen Pokok Sena, Kedah. *[Tepuk]* Selamat datang ke Parlimen dan harap-harap ada Ahli Parlimen pada masa depan duduk di sana.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ahli Parlimen Pakatan Harapan lah ada, bukan sebelah sana.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Pertama sekali saya ingin menyambut baik pembentangan Perdana Menteri yang memberi jaminan bahawa Sabah dan Sarawak akan diberikan lebih penekanan dan keutamaan bagi memastikan kedua-dua negeri itu berpotensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi selari dengan tonggak ketiga untuk menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang.

Untuk negara kita maju ke depan terutamanya dalam pembangunan yang adil dan saksama antara wilayah di Malaysia, satu isu yang kita harus tangani terutamanya di Sabah dan Sarawak adalah untuk menyatupadukan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak dan memupuk integrasi nasional yang penting untuk kemajuan bersama secara adil dan saksama dalam Malaysia.

■1450

Dengan itu adalah penting untuk mengambil berat sentimen ketidakpuasan yang ada di mana asasnya berpunca daripada pembangunan yang tidak sama rata dan hak-hak yang telah terakis disebabkan pengabaian Kerajaan Barisan Nasional dulu yang menganggap kedua-dua wilayah tersebut sebagai *fixed deposit* dengan izin selama ini sebelum hari keramat 9 Mei tahun ini. Sentimen ini tidak harus dibuang ke tepi atau dengan izin, *swept under the carpet*, namun ia harus diambil berat dan ditangani dengan langkah-langkah proaktif termasuk memulihkan hak-hak yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan pembangunan yang sekata dan saksama di kedua-dua wilayah tersebut.

Integrasi nasional dan perpaduan yang benar hanya dapat dibina melalui pengiktirafan yang ikhlas tentang sejarah dan status sebenar Sabah dan Sarawak dalam pembentukan negara kita. Oleh itu pembangunan di wilayah Sabah dan Sarawak memang harus diberi penekanan dan keutamaan terutamanya di kawasan kurang membangun di kawasan luar bandar dan pedalaman. Usaha harus diteruskan untuk menambah baik

ketersambungan dan akses kepada infrastruktur, ameniti dan perkhidmatan asas. Ini termasuk pentingnya menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk sektor-sektor penting seperti pendidikan dan kesihatan terutamanya untuk memperbaiki sekolah-sekolah dan klinik-klinik di Sarawak.

Malah satu lagi tunggak RMKe-11 ialah untuk memperkukuhkan sistem penyampaian penjagaan kesihatan dan ini terutamanya di Sarawak tidak dapat dilakukan tanpa membawa pembangunan infrastruktur asas kepada kawasan tersebut. Saya bagi contoh, disebabkan tiada kemudahan air terawat di rumah ataupun di kampung, walaupun yang ada tetapi salurannya tidak stabil dan sentiasa terputus sehingga banyak pesakit *peritoneal dialysis* (PD) terpaksa mandi air sungai dan ini menyebabkan banyak kena balik ke hospital, *readmitted* dengan izin disebabkan peritonitis yang boleh mengancam nyawa pesakit tersebut. Pembangunan di Sarawak memang dianggarkan ketinggalan hampir 15 tahun berbanding dengan negeri bandar lain di Semenanjung dan ini disebabkan oleh pengabaian, *bad governance* dengan izin, korupsi, ketirisan dan penyelewengan kerajaan sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menilai dan mengkaji semula semua projek yang telah dikhaskan untuk Sarawak termasuk beberapa projek yang telah dihentikan atau ditangguhkan disebabkan sama ada ia ada satu pengumuman gula-gula manis bekas Perdana Menteri ataupun kerajaan khususnya pada musim pilihan raya tetapi tidak mendapat kelulusan bajet daripada Parlimen ataupun projek yang ditauliahkan kepada kontraktor bukan menerusi tender terbuka dan melibatkan kos tinggi.

Walaupun amalan kerajaan yang terdahulu adalah tidak betul, namun begitu tidak bermaksud projek tersebut tidak baik untuk rakyat. Projek yang mesra rakyat dan mendatangkan pembangunan untuk Sarawak, saya cadangkan agar ia dikaji dan dinilai dan diteruskan dengan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan ketirisan dan mendapatkan kos efektif yang paling baik melalui amalan seperti tender terbuka yang diamalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bagi mencapai matlamat itu, kerajaan di bawah pentadbiran Pakatan Harapan akan mengoptimumkan segala sumber asli serta mengagihkan pendapatan minyak dan gas secara saksama mengikut perundangan sedia ada. Oleh itu saya ingin menyambut baik pengumuman Menteri Perundangan di Jabatan Perdana Menteri tentang penubuhan satu jawatankuasa khas Kabinet untuk mengkaji semula serta memantau pelaksanaan yang wajar bagi Perjanjian Malaysia 1963.

Komposisi Kabinet tersebut juga melibatkan bukan sahaja ahli-ahli politik dari satu *dichotomy* politik tetapi juga pemimpin, *legal minds* dan penjawat awam dari barisan pembangkang yang terlibat seperti Ketua Menteri Sarawak, peguam besar negeri Sarawak dan Setiausaha Negeri Sarawak dalam komiti teknikal.

Ini satu permulaan yang baik di mana pakar-pakar dalam bidang masing-masing dapat duduk bersama untuk berbincang tentang isu yang dekat pada hati rakyat Sabah dan Sarawak untuk mencari jalan penyelesaian untuk membetulkan kesalahan yang telah dilakukan oleh kerajaan yang terdahulu.

Selain itu, saya juga menyambut baik pengumuman tentang inisiatif kerajaan untuk memulihkan status sebenar Sabah dan Sarawak sebagai *equal partners*, dengan izin dalam Malaysia melalui pindaan Artikel 1(2) dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam beberapa bulan sahaja menjadi kerajaan, kita telah menunjukkan inisiatif yang konkrit untuk membetulkan yang salah dan melakukan apa yang BN tidak lakukan walaupun memerintah selama beberapa dekad. Saya harap pindaan ini dapat dilakukan dalam persidangan ini dan mendapat sokongan semua Ahli Parlimen termasuk dari barisan pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat, boleh tanya tak?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Boleh.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih sahabat saya daripada Sarawak. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, sekarang ini kita

mendengar Perdana Menteri telah *acknowledge* dengan izin bahawa kita adalah *equal partners* dan mereka mencadangkan agar membuat pindaan kepada Artikel 1(2). Sama ada Yang Berhormat atau tidak kalau dipinda sahaja Artikel 1(2) dan Sarawak dipanggil wilayah, Sabah dipanggil wilayah, jadi kita ada tiga wilayah, *federated Malay states*. Adakah itu mencukupi bagi Yang Berhormat? Saya telah mencadangkan dalam perbahasan supaya kita membawa kembali, kita semak semula yang di bawah Artikel 112D dalam Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Okey terima kasih rakan saya dari Batang Sadong. Memang saya bersetuju dan telah bercakap dengan *the Law Minister* tentang *subsequential amendments* yang perlu dilakukan untuk mendapatkan hak balik Sabah dan Sarawak. Jadi saya ingin bersambung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh hala tuju kerajaan untuk membekukan sistem penyampaian penjagaan kesihatan untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Saya ingin bertanya apakah rancangan kementerian untuk menangani masalah anti vaksin dan juga langkah-langkah untuk melindungi populasi kanak-kanak lain daripada dijangkiti penyakit berjangkit seperti *measles*, difteria, tuberkulosis yang dapat dicegah melalui vaksinasi.

Kita semua dikejutkan oleh berita di Johor Bahru pada 17 Oktober yang lalu di mana seorang bayi 14 bulan meninggal disebabkan difteria kerana ibu bapanya menolak vaksinasi dan imunisasi tersebut. Ini bukan kes pertama dan masalah ini telah berlarutan untuk beberapa tahun dan sampai sekarang masih ada kumpulan ibu bapa yang mengesyaki kepentingan vaksinasi tersebut.

Oleh itu, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang mandatori untuk vaksinasi dan mungkin hukuman yang berpatutan ataupun *criminal liabilities* dengan izin terhadap ibu bapa yang enggan mendapat vaksinasi untuk anak mereka terutamanya jika ia menyebabkan kematian atau membahayakan anak-anak orang lain disebabkan kecuai, kelalaian dan juga sikap yang tidak bertanggungjawab mereka. Kegagalan memberikan imunisasi kepada kanak-kanak bukan sahaja mendedahkan kanak-kanak tersebut kepada jangkitan kuman malahan boleh menyebabkan kematian dan membahayakan komuniti dan anak-anak yang lain.

Di *Singapore*, ibu bapa dikenakan hukuman saman jika tidak memvaksinasi anak mereka dan mereka yang ingin memohon pas kunjungan jangka masa panjang di *Singapore* harus menunjukkan bukti anaknya telah divaksinasi. Namun begitu, saya ingin menyeru jika tindakan undang-undang baru ini diperkenalkan, ia tidak harus fokus kepada *punishment* dengan izin atau hanya untuk menjatuhkan hukuman ke mana-mana pihak terbabit tetapi lebih kepada memberi kesedaran dan didikan tentang pentingnya vaksinasi sambil menyangkal apa-apa pun kesangsian ataupun keraguan yang ada berdasarkan fakta-fakta saintifik yang ada. Keutamaannya sentiasa untuk menjaga kebajikan dan kesihatan anak dan komuniti secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan topik hukuman ini saya ingin menyentuh sedikit tentang niat kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati, *death penalty*. Walaupun saya mempunyai pendirian tersendiri, ini adalah tanggungjawab saya untuk membawa suara dan kebimbangan rakyat yang saya wakil ke meja perbincangan Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali saya bercadang bahawa isu ini haruslah dibincangkan secara terperinci dan lebih banyak perbincangan dengan pelbagai pihak harus dilakukan terutamanya berkenaan dengan seksyen 302 Kanun Keseksan yang melibatkan kegiatan jenayah bunuh, *homicide*. Saya bercadang agar kriteria mandatori itu dimasukkan terlebih dahulu dan *discretion* diberikan kepada mahkamah untuk memutuskan hukuman yang sewajarnya. Ini dapat dilihat sebagai satu langkah pertama yang baik dan dapat memulakan perbincangan lanjut tentang langkah seterusnya melalui *engagement* bersama-sama semua pihak yang terlibat. Akan tetapi bagi seksyen 39B *Dangerous Drug Act 1992*, saya bercadang agar pemansuhan hukuman mati bermula dari seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua..

■1500

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya tidak ada masa. *Sorry*, Yang Berhormat Jelutong. Saya banyak sini.

Dengan agenda pembangunan yang ada untuk meningkatkan kualiti ekstrinsik seseorang, kita tidak harus lupa pembangunan intrinsik seseorang ataupun *soft development* dengan fokus terhadap masalah *medical health*, kesihatan mental dalam negara kita. Bagi saya, pembangunan ini haruslah selari dengan apa-apa pun rancangan pembangunan ekstrinsik yang ada supaya mereka dapat menikmati dan memenuhi potensi secara penuh pembangunan yang ada dalam pelan Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Saya menyambut baik ucapan Perdana Menteri yang mengesahkan kepentingan penjagaan kesejahteraan mental dalam era pembangunan perindustrian dan perbandaran yang pantas ini. *Without mental health, there is no true physical health*, dengan izin.

Di Malaysia, 4.2 juta atau satu dalam tiga orang dewasa Malaysia mengalami masalah kesihatan kesejahteraan mental. Satu peningkatan tiga kali ganda sejak tahun 1996. Secara terperinci, di Sarawak dianggarkan 35.8 peratus, Sabah 41.9 peratus, Kelantan 31.1 peratus, dan Kuala Lumpur 39.8 peratus penduduknya dianggarkan mengalami masalah tersebut. Ini tidak tertakluk kepada golongan yang berpendapatan rendah. Melalui statistik yang ada, contohnya Sarawak, 41.9 peratus melibatkan mereka yang lebih tinggi status sosioekonominya berbanding 30.1 peratus. Sabah 46.7 peratus berbanding 39.3 peratus. Kuala Lumpur 45.2 peratus berbanding 24.7 peratus. Selangor 32.1 peratus berbanding 26.7 peratus.

Statistik bunuh diri di negara kita semakin meningkat. Dianggarkan 2,500 di seluruh negara di mana hampir tujuh kes dalam satu hari. Statistik ini mungkin *under-reported*, dengan izin, disebabkan banyak di dalam keluarga, perkara ini dianggap sebagai tabu. Banyak keluarga yang ingin kematian itu diklasifikasikan sebagai *sudden death*.

Tuan Yang di-Pertua, setiap nombor berikut, setiap statistik ini melambangkan nyawa seseorang. Seorang suami, seorang isteri ataupun seorang anak. Malah baru-baru ini kita mendapat berita di Perlis di mana ada satu keluarga tiga orang telah membunuh diri pada Khamis lepas disebabkan hutang-hutang yang ada dan tekanan stres disebabkan kos sara hidup yang tinggi.

Di Sabah pula, ada satu kes di mana bayi berumur lapan bulan telah dibunuh oleh ibunya yang turut mengelar tekak tiga anak yang lain—dua perempuan dan seorang lelaki. Ibunya dikatakan menghidap penyakit depresi selama ini.

Maka untuk hala tuju negara kita, mengikut RMKe-11 ini, saya menyeru agar pembangunan infrastruktur ataupun *hardware* negara kita haruslah selari dengan pembangunan *software* rakyat kita dengan mengambil beberapa langkah untuk memperkukuhkan dan memperkasakan bidang ini. Ini akan melibatkan kerjasama antara beberapa kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan dan juga pihak polis untuk mengawal gejala dadah yang semakin berleluasa yang berkait rapat dengan masalah kesihatan mental ini.

Pusat *specialist* kerajaan untuk *mental health* juga kebanyakan terletak di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, ada negeri di mana perkhidmatannya tidak mencukupi termasuk Perlis dan Melaka di mana hanya satu *Psychiatry Department* untuk memberi perkhidmatan kesemua populasi negeri tersebut. Kalau di Sabah dan Sarawak, memang serba kekurangan.

Selain itu, walaupun jumlah *psychiatrist* dalam negara telah meningkat, namun *psychiatrists to population ratio*, dengan izin, tidak banyak meningkat iaitu pada tahun 2016 hanya pada 1.1 kepada 100,000 di mana rekomendasinya 30 kepada 100,000. Jumlah pakar *clinical psychologists* pula amatlah kurang iaitu cuma 0.29 kepada 100,000 di seluruh negara berbanding rekomendasinya 50 kepada 100,000. Di Kuching, kita hanya ada 10 orang pakar psikiatri di hospital kerajaan dan empat di hospital swasta untuk memberikan perkhidmatan ke seluruh bandar yang penduduknya hampir 750,000. Di seluruh Sarawak, hanya ada 21 orang doktor psikiatri di hospital kerajaan dan dua orang pakar *clinical psychologists* di seluruh Sarawak.

Masalahnya di hospital kerajaan, dengan izin, *instead of creating posts for clinical psychologists*, ahli-ahli psikologi atau kaunselor diberikan tanggungjawab tersebut kerana dianggap mempunyai *skill set* yang sama. Namun, latihan dan *skill set* yang ada amatlah berlainan dan mereka serta pakar *psychologist* tidak mempunyai kapasiti dan latihan

sepenuhnya untuk menjalankan *psychotherapy* sebagai seorang *clinical psychologist*. Ini akan mempengaruhi kualiti terapi yang kita berikan kepada rakyat dan mungkin mengakibatkan lebih kemudahan kepada pesakit yang ada.

Kita tahu kekurangan tersebut dan kerajaan harus mengambil langkah untuk menangani kekurangan jumlah tenaga kerja tersebut tanpa mengkompromi kualiti tenaga kerja tersebut untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat adalah pada standard yang diterima.

Selain itu, peruntukan yang lebih banyak harus diberikan untuk menangani isu kesihatan mental ini. Peruntukan untuk bidang psikiatri adalah tidak mencukupi. Mengikut laporan WHO, hanya 0.39 peratus daripada keseluruhan bajet untuk kesihatan diperuntukkan untuk menangani masalah mental. Bukan GDP tapi bajet kesihatan. Kalau kita bandingkan kepada negara lain termasuk jiran kita Thailand, di mana 3.0 peratus peruntukan diberi untuk menangani masalah kesihatan mental.

Malah, kebanyakan bajet yang diperuntukkan untuk hospital adalah untuk kuratif. Namun begitu, terdapat juga keperluan untuk program-program kesedaran, preventif dan kompulsif. Saya menyeru agar kementerian mempertingkatkan peruntukan tersebut bukan sahaja digunakan untuk melatih tenaga kerja yang ada tetapi juga menambahnya dengan yang baharu tetapi untuk menambah baik infrastruktur yang ada.

Contohnya Hospital Sentosa di Kuching, satu-satunya hospital mental di seluruh Sarawak, adalah dalam keadaan yang sangat daif. Hospital tersebut telah dibina sejak zaman British oleh British sendiri. Bangunannya uzur, daif dan bahan binaannya ada jumlah *asbestos* dalam bahan binaan tersebut. *The asbestos in the construction materials*. Hospital itu dibina pada tahun 1950-an. Pada masa itu *asbestos* diterima sebagai satu bahan binaan. Akan tetapi sekarang kita tahu bahan itu akan mempertingkatkan risiko kanser kepada orang yang terdedah kepadanya. Oleh itu, bukan sahaja itu berbahaya kepada pesakit, tetapi juga doktor-doktor kita, penjawat awam, *support staff* di sana terdedah kepada risiko kesihatan di perkarangan hospital tersebut.

Ironinya, keadaan yang sangat daif dan pesakit yang mengalami depresi apabila masuk sana tambah lagi tenat. Mereka yang tidak ada depresi masuk sana dapat depresi. Sistem perpaipan dan elektrik juga sangat uzur dan tidak ditukar sejak tahun 1950-an. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu keperluan yang amat penting. Maka saya mengharapkan kementerian dapat memperuntukkan dana untuk membaiki hospital tersebut.

Selain itu, di seluruh Malaysia, *centre psychology* yang menyediakan kaunseling dan terapi untuk golongan berpendapatan rendah di flat PPR yang ada cuma lapan di seluruh negara dan di Sarawak tiada perkhidmatan tersebut. Saya menyeru kerajaan agar menambahkan perkhidmatan ini dan menyediakan *training* untuk *caregivers* atau ahli-ahli psikologi untuk memberikan perkhidmatan tersebut.

Mungkin sekarang kita harus mengkaji semula *National Mental Health Strategic Action Plan* dalam *National Mental Health Framework* sama ada mencapai *target* yang ada dan sama ada pembaharuan atau strategi baharu harus diambil untuk mencapai *target* tersebut dalam proses implementasi atau dalam proses *monitoring*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya habiskan. Saya rumuskan. Mungkin keperluan untuk sebuah *psychiatric database* sama ada dalam bentuk *surveillance system* atau *patient registry* adalah diperlukan sekarang untuk *monitor* keberkesanan dan prestasi *mental health care* di negara kita.

Selain itu, untuk menangani masalah *suicide*, bunuh diri, mungkin kita perlu giatkan perbincangan untuk *decriminalize suicide* kerana mereka yang melaluinya haruslah diberikan bantuan untuk mengatasi isu ini dan tidak dihukum seperti yang dilakukan oleh negara lain seperti di India dan UK. Ini satu *patient-centric measure* yang kita dapat.

So, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, sekali lagi saya ingin menegaskan kepentingan untuk memfokuskan kemajuan dan pembangunan yang ada secara holistik yang merangkumi *hardware* dan juga *software* negara kita. Dengan itu, saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Hulu Rajang.

3.09 ptg.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan Jumaat lepas, pelbagai aspek telah diteliti daripada reformasi tadbir urus perkhidmatan awam sehinggalah mempertingkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau.

■1510

Akan tetapi berapa efektif dan berkesannya langkah-langkah ini masih belum boleh diketahui terutamanya apabila pimpinan kerajaan baru ini *obsess* dengan mengkaji semula projek-projek yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengingatkan rakyat Sarawak dan Sabah yang pada tahun 1963 bersetuju untuk menjadi rakan kongsi bersama Malaya untuk membentuk Gagasan Malaysia dengan harapan bakal memiliki pembangunan yang deras dan jitu, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, Kajian Separuh Penggal ini adalah amat penting bagi melihat di mana prioriti kerajaan baru ini dalam meletakkan kepentingan Sarawak dan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas menyatakan bahawa kerajaan komited untuk memperkukuhkan sistem penyampaian penjagaan kesihatan kita.

Antara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah dengan mewujudkan Dasar Kesihatan Negara dan juga ke arah mewujudkan Skim Pembiayaan Kesihatan Nasional. Manakala di Sabah dan Sarawak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tiga buah hospital iaitu hospital di Papar, Hospital Miri dan Lawas yang akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi di manakah Hospital Kapit yang saya selalu soal di Dewan yang mulia ini? Untuk maklumat Dewan ini, Hospital Kapit ini dibina pada tahun 1950-an oleh mubaligh Kristian, *Methodist missionary* ketika itu dan hanya diambil oleh kerajaan pada tahun 1974. Sehingga kini Hospital Kapit hanya mempunyai kapasiti 134 katil sahaja bagi menampung keperluan populasi bahagian Kapit sebanyak lebih kurang 120,000 penduduk.

Tambah lagi hospital kecil ini perlu menyediakan perkhidmatan bagi beberapa daerah iaitu Daerah Song, Bukit Mabong, Daerah Belaga dan juga *subdistrict* Nanga Merit dan Sungai Asap, Tuan Yang di-Pertua. Lebih merumitkan lagi keadaan, hanya ada 15 mesin dialisis di Hospital Kapit dan lima di Klinik Kesihatan Song yang hanya menampung secara maksimum 60 pesakit sehari, Tuan Yang di-Pertua. Malah terdapat banyak kes pesakit di Kapit yang perlu menjalani rawatan hemodialisis di Song, memaksa mereka melakukan perjalanan yang memakan masa lebih kurang dua jam untuk balik, pergi Kapit dan Song dan juga menanggung kos pengangkutan sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Itu baru dari perspektif pesakit buah pinggang. Jika pesakit perlu dirujuk kepada Hospital Sibu, pengalaman mereka akan jadi lebih perit. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, setiap hari ada dua atau tiga kes yang perlu dirujuk ke Hospital Sibu. Dalam sebulan, jumlahnya boleh mencapai 60 hingga 70 orang pesakit dirujuk ke Hospital Sibu. Saya mohon Kementerian Kesihatan tambahlah mesin dialisis dan jumlah doktor pakar di Kapit. Ini adalah bagi memudahkan pesakit dan meningkatkan *ease of care* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghantar pesakit dari Kapit ke Sibu, cara terpantas sekarang adalah dengan menggunakan pengangkutan sungai. Ini kerana Jalan Kanowit – Song – Kapit yang diluluskan oleh mantan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan masih belum disiapkan sepenuhnya. Tuan Yang di-Pertua, contoh di Hulu Rajang. Sememangnya ada jalan yang perlu dibina untuk memberi perkhidmatan kepada pelbagai suku kaum di kawasan saya.

Sebagai contoh, projek naik taraf jalan balak ke penempatan semula Tekulang fasa enam sepanjang 95 kilometer dan juga projek naik taraf jalan balak ke penempatan semula Mentalun fasa lima sejauh 17.5 kilometer dibina bagi memberi *accessibility* kepada suku kaum Penan kita, Tuan Yang di-Pertua. Tambah lagi, jalan dari Rumah Juntan ke Rumah Panjang Bengau, Nanga Sut sepanjang 12 kilometer dan juga Jalan Nanga Mujong ke Rumah Panjang Tunku Sungai Gat sepanjang 73 kilometer adalah sangat penting bagi perhubungan di kawasan saya di Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk Semenanjung tidak mungkin boleh merasai keperitan anak-anak Sarawak yang melalui jalan yang berkualiti sangat menyedihkan jika dibandingkan dengan Semenanjung. Oleh itu, perkara ini harus diambil perhatian yang serius oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seiring dengan itu, saya ingin bertanya, dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam usaha beliau untuk merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar, kerajaan mengatakan bahawa rangkaian jalan raya sejauh 1,500 kilometer akan dibina ataupun dinaik taraf.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, daripada 1,500 kilometer tersebut, berapa kilometer akan diagihkan untuk negeri Sarawak? Adakah projek menaik taraf jalan balak Tekulang dan Mentalun turut dirangkumi dalam 1,500 kilometer tersebut? Bukan apa, saya hanya mengharapkan jumlah adalah setimpal dengan status Sarawak sebagai rakan kongsi, bukan sebagai hanya salah satu negeri di Semenanjung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyentuh tentang menaik taraf 400 buah sekolah daif di Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya daripada angka 400 berkenaan, berapa banyak di Sarawak? Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Hulu Rajang sahaja ada 100 buah sekolah yang daif. Belum lagi dicampur dengan kawasan-kawasan Parlimen dari negeri Sarawak. Oleh itu, saya merasa angka 400 yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Langkawi adalah sangat tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya mohon juga kementerian akan mengambil perhatian tentang keperluan institusi TVET di kawasan saya di Hulu Rajang. Umum mengetahui bukan semua pelajar di Malaysia ini sama semuanya. Ada yang mempunyai kecenderungan ke arah akademik tetapi ramai juga mempunyai kecenderungan ke arah vokasional. Mereka lebih gemar untuk melakukan sesuatu yang praktikal dengan izin *hands on*, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap Pengerusi Jawatankuasa TVET, Yang Berhormat Permatang Pauh boleh mengulas tentang perkara ini. Adalah satu pembaziran jika potensi tenaga kerja teknikal di Hulu Rajang dibiarkan sahaja tanpa dipupuk dan dididik secara bersistematik, Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini akan membangunkan Hulu Rajang pada masa hadapan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negeri Sarawak dan Malaysia, amnya.

Berkata tentang pendidikan, salah satu perjuangan hak Sarawak adalah untuk mencapai kuota 90 peratus guru dari Sarawak dan sepuluh peratus guru dari Semenanjung. Saya ingin menekankan adalah mustahil untuk Sarawak tidak mempunyai cukup tenaga pengajar dari Sarawak itu sendiri sehingga ramai guru dari Semenanjung perlu diimport ke Sarawak. Saya amat berharap pimpinan baru, sasaran 90 peratus itu dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau turut menyatakan sebanyak 200,000 unit Rumah Mampu Milik akan dibina dalam tempoh 2018 hingga 2020 manakala bagi Sarawak dan Sabah, kerajaan hanya menyediakan 7,000 unit Rumah Mampu Milik. Saya mohon penjelasan adakah 7,000 unit bagi Sabah dan Sarawak ini termasuk dalam 200,000 yang berkenaan? Berapa unit bagi Sabah dan berapa unit bagi Sarawak? Sarawak dan Sabah bukan kawasan yang kecil untuk di *lump sum* dengan izin, sebegitu rupa, Tuan Yang di-Pertua.

*Regardless* dengan izin, saya merasa angka 7,000 unit bagi Sabah dan Sarawak amat tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua. Bagi kawasan Hulu Rajang sahaja, saya merasakan sekurang-kurangnya 1,500 unit perumahan mampu milik bagi memenuhi permintaan rakyat saya di Hulu Rajang. Malah saya merasakan angka 200,000 unit rumah mampu milik bagi seluruh negara adalah tidak mencukupi. Saya melihat angka tersebut adalah amat kecil sekali jika hendak dibandingkan dengan keperluan rakyat seluruh negara yang sedang bergelut dengan kenaikan kos sara hidup dan harga rumah yang melampau.

Adakah kerajaan tidak bersyukur dan tidak berterima kasih dengan rakyat yang telah memilih mereka menjadi *the government of the day*, Tuan Yang di-Pertua. Sudahlah banyak bantuan ditarik balik, harga barang semakin naik, hidup semakin sempit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kenyataan Menteri Kewangan bahawa beliau tidak pernah menyatakan dan menjamin harga barang tidak akan naik selepas pelaksanaan SST. Wahai Yang Berhormat Bagan, apa gunanya melaksanakan SST jika kerajaan baru, harga barang memang tidak akan turun.

## ■1520

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang hasil kewangan negara, saya ingin membawa perhatian Tuan Yang di-Pertua semua terhadap salah satu faktor yang memerlukan peruntukan yang tinggi adalah keselamatan, Tuan Yang di-Pertua. Umum mengetahui, kita berjiran dengan Indonesia. Bersempadan laut di Semenanjung dan bersempadan darat di Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Kawasan Parlimen saya di Hulu Rajang, mempunyai persempadanan darat paling panjang dengan Indonesia. Baru-baru ini, sering berlaku pencerobohan berkumpulan warga Indonesia yang mencari kayu gaharu, Tuan Yang di-Pertua. Kumpulan ini berjumlah boleh mencapai 20 hingga 30 orang. Mereka membawa senjata, kemungkinan besar senjata itu hanya untuk mempertahankan diri mereka daripada ancaman fauna di hutan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh bersifat sambil lewa terhadap pencerobohan sebegini. Ia alasan mereka, mungkin hanya untuk mencari kayu gaharu. Akan tetapi, macam-macam perkara boleh terjadi, Tuan Yang di-Pertua. Kami rakyat di Hulu Rajang tidak mahu peristiwa seperti di Lahad Datu terjadi lagi. Ini adalah satu kebimbangan yang sangat serius bagi penduduk saya di kawasan Parlimen Hulu Rajang. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak sahaja kita mempunyai sembilan pos kawalan angkatan tentera di *border* kita. Malah, di Indonesia pula mempunyai 51 pos kawalan bagi mengawal kedaulatan sempadan mereka, jauh besar bezanya, Tuan Yang di-Pertua.

Melalui ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jumaat lepas, kerajaan telah menyatakan komitmen dan tidak berkompromi dalam soal keselamatan dan kedaulatan negara, terutamanya dalam mengekang pencerobohan sempadan kita. Teruskan Pakatan Harapan, buat dengan lebih baik dari kerajaan yang dahulu. Saya membacakan ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi berkenaan keselamatan itu tidak mencukupi. Seterusnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi terus mengumumkan penambahan pos keselamatan di sempadan. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan serius atau tidak dalam soal pertahanan negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, provokasi adalah satu perkara yang sangat penting bagi memacu ke sesebuah negara yang ke hadapan. Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan rancangan untuk menambah baik infrastruktur digital akan diperhebatkan melalui pembinaan 300 menara komunikasi dan naik taraf 1,000 menara sedia ada. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan untuk Sabah dan Sarawak akan ada 106 menara komunikasi baru dan menaik taraf empat peratus menara yang sedia ada.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, adakah angka itu sebahagian ataupun tambahan rancangan penambahan 300 menara baru atau dinaik taraf 1,000 menara yang sedia ada? Tambahan lagi, berapa jumlah secara spesifik mengikut negeri untuk Sabah dan Sarawak? Ini kerana Sabah dan Sarawak saiz negerinya amat jauh berbeza sekali, Tuan Yang di-Pertua. Sabah dan Sarawak selalu ketinggalan dalam kemajuan komunikasi.

Jika di Kuala Lumpur sudah hendak melompat ke era 5G, Tuan Yang di-Pertua. Kami di Sarawak masih lagi berfikir dan berusaha untuk mendapatkan liputan, terutama di pedalaman seperti di kawasan saya Hulu Rajang. Sebagai contoh, kawasan Hulu Rajang dan Baram. Dua kawasan Parlimen terbesar di Malaysia. Adalah normal jika saya turun ke kawasan, 100 peratus tidak ada liputan berhari-hari, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya hilang pun, Dewan ini tidak dapat mencari saya. *[Ketawa]*

Jadi, saya mohon kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia buat lebih banyak untuk kita rakyat di Sarawak dan kita adalah rakan kongsi daratan setaraf, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]* Saya menyeru, dengan izin, *with the strongest term*, Kerajaan Persekutuan untuk meletakkan liputan di Sarawak dan Sabah sebagai prioriti utama, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah tulang belakang kemajuan negeri Sarawak dan Sabah. Tanpa liputan komunikasi, banyak perkara yang rakyat di pedalaman akan tinggal tetap tercicir. Itu rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Jangan pinggirkan, fikirkan bahawa semua sama rata untuk rakyat dan penduduk di pedalaman. Ini sangat ketara, jika kita lihat dalam pelantikan pegawai tertinggi kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Boleh kiralah pakai jari berapa ramai anak Sabah dan anak Sarawak yang memegang jawatan Ketua Setiausaha, KSU, Timbalan KSU atau Ketua Perkhidmatan dan berbagainya di Semenanjung ini. Adalah mustahil antara beribu perjawatan awam dari



Sarawak tiada sepuluh dan dua puluh orang yang tidak layak memegang jawatan berkenaan, Tuan Yang di-Pertua. Bercakap mengenai hal Sarawak, pada tahun 2016 arwah Tok Nan yang dikenali telah berjuang untuk mendapat kembali hak minyak yang dikuasai Petronas di Sarawak. Petronas yang sudah menyedut berbilion-bilion ringgit keuntungan berlipat kali ganda dari tanah Sarawak.

Bahkan, boleh dikatakan Menara KLCC itu Tuan Yang di-Pertua, satu menara patut milik Sarawak. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh setahun Petronas mengambil hasil 850 ribu tong minyak dari 60 telaga minyak di Sarawak pada tahun 2017. Dengan mengambil anggaran USD70 per tong, pengiraan kasar mendapatkan pendapatan Petronas dari telaga minyak di Sarawak sahaja sudah mencecah USD21.7 bilion ataupun bersamaan dengan sekitar RM90 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Itu hasil dari negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Menyebut tentang Petronas, saya hendak mengajukan soalan yang saya pasti ramai rakyat Sarawak berminat. Berapakah peratusan anak Sarawak di Petronas yang dalam peringkat pengurusan eksekutif dan bukan eksekutif, Tuan Yang di-Pertua. Hal ini adalah kerana amatlah penting untuk pembangunan modal insan anak Sarawak itu sendiri. Hasil bumi sudah diambil Petronas, jangan sampai anak watan terus ketinggalan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, apa kita berkata tentang Petronas, sememangnya kita tidak boleh lari dari Perjanjian MA63. Saya maklum bahawa satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi mencari jalan penyelesaian berkenaan hak Sarawak dan hak Sabah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Okey, kawan saya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, bersetujukah Yang Berhormat Hulu Rajang dengan saya bahawa apa yang diminta oleh Yang Berhormat Hulu Rajang ini suatu yang memang hak dan patutnya telah pun lama diberikan oleh kerajaan kepada anak Sabah dan anak Sarawak, khususnya Sarawak. Setujukah Yang Berhormat Hulu Rajang dengan saya, yang sebenarnya hak-hak anak-anak Sabah dan anak-anak Sarawak ini *it's already enshrined* dalam Perlembagaan.

Juga jelas apa yang sepatutnya diberikan kepada anak-anak Sabah dan Sarawak jauh lebih apa yang diberikan kepada anak-anak Malaysia. Ini kerana semasa kita bercantum menjadi Malaysia, hak-hak itu telah pun diletakkan dalam Perlembagaan. Apakah Yang Berhormat Hulu Rajang rasakan, harus kerajaan membuka Perlembagaan dan ternyata di situ? Maka, hak ini harus diberikan dalam kadar keadaan yang segera. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih, saya bersetuju sangat dan simpanlah ucapan kawan saya iaitu untuk dalam teks ucapan saya. *[Tepuk]* Akan tetapi komposisi jawatan berkenaan tidak melambangkan keadaan sebenarnya kerana ia ramai dikhuatiri bukan dari Sabah dan Sarawak. Dengan izin, *equal texts, equal rights, equal representation*, Tuan Yang di-Pertua. Wakil dalam jawatankuasa perlulah melambangkan kepentingan Sabah dan Sarawak.

Sekarang ini nampaknya bagaikan jawatankuasa ini hanya hendak melindungi kuasa Kerajaan Pusat sahaja. Dengan yang demikian, saya menuntut kepada Kerajaan Pusat supaya mengembalikannya hak-hak asal MA63 seperti yang telah dinyatakan dalam, dengan izin, *Inter-Government Community* (IGC) yang asal. Itulah sebenar-benarnya semangat Perjanjian 1963 yang telah dikhianati Kerajaan Persekutuan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya merasa ada harapan untuk melihat keadilan tercapai. Ini kerana Pakatan Harapan telah berjanji untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan Perjanjian Malaysia 63. Malah, perkara ini adalah teras yang keempat dalam manifesto. Okey, akhir sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya mewakili rakyat Hulu Rajang amat berharap dan pembangunan Sarawak terus diutamakan dan Perjanjian Malaysia 63 dilaksanakan dengan jujur tanpa prejudis, tanpa sebarang muslihat dan dengan kadar segera.

## ■1530

Akhir kata, dengan pantun.

*Pua kumbu indah dipandang,*

*Ku beri sayang rapi kusimpan,*

*Masa berlalu kurun mendatang,*

*Perjanjian 63 dilupa jangan.*

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kapar 20 minit.

**3.30 ptg.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Memulakan bicara dalam pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam mengusulkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas memberikan beberapa isyarat kepada kita iaitu penyentuhan tentang keseluruhan isu yang berbangkit dalam negara. Waktu yang dilihat sudah pun didamparkan ke belakang.

Apa yang ingin saya menyinggung ialah yang pertama ialah di bawah perkara kos sara hidup yang dipetik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membicarakan soal *replacement* ataupun pertukaran antara GST dengan SST yang menghilangkan pendapatan negara berjumlah RM23 bilion dan melihat daripada perkembangan sekarang ini, banyak pihak telah meretorikkan isu-isu kenaikan harga barang. Terutama sekali Kementerian Pengguna harus menggunakan semaksimum penguatkuasaan untuk memastikan harga barangan tidak menjadi isu retorik ataupun isu polemik yang digunakan oleh pihak tertentu terutama sekali bagi mereka yang cuba mengaibkan Kerajaan Pakatan Harapan.

Jadi dalam soal kos sara hidup ini, dia berseragam dengan keperluan-keperluan penghidupan yang lain. Maka saya ingin menyarankan kepada kementerian terutama sekali kepada Kementerian Pengguna yang memastikan bahawa segala bentuk barang itu perlu di pantau dengan semaksimumnya dan dihukum bagi mereka yang mengkhianati arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat itu tidak terbeban.

Isu keduanya yang saya hendak bangkitkan dalam kos sara hidup. Saya tadi merenungi Yang Berhormat Hulu Rajang punya hujahan sebenarnya hati saya tersentuh dan tangisan itu menyebabkan saya mengheret isu yang sama iaitu 200 ribu unit rumah yang mampu milik untuk dibina dalam 2018–2020. Daripada situ saya ingin menyinggung beberapa perkara yang membolehkan kerajaan memikirkan bagaimana untuk kita menyediakan dalam proses tiga tahun ini untuk memastikan bahawa sasaran untuk mendirikan rumah itu tercapai. Saya mengambil contoh GLC-GLC yang berada di bawah naungan kerajaan harus juga diparas pandu untuk juga membantu untuk membina rumah-rumah kos rendah ini ataupun mampu milik ini yang membolehkan rakyat memiliki rumah tersebut.

Saya mengambil contoh TNB yang mengaut hasil untung berbilion dan apa yang saya lihat ialah pulangan kepada masalah sosial itu perlu diberi balik kepada rakyat dan begitu juga dengan Telekom. Begitu juga dengan segala bentuk apa GLC yang ada untuk memastikan bahawa peranan mereka itu untuk melengkapkan *at least* semaksimum kalau boleh 200 ribu itu menjadi sasaran utama dalam masa tiga tahun malah melebar luaskan terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu saya ingin menyinggung apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang itu memberikan isyarat bahawa keperluan itu sudah tidak boleh dikompromi.

Puluhan tahun mereka sengsara dan merana dan keperluan perumahan ini tuntutan yang mendesak dan saya minta kerajaan juga mengarahkan GLC-GLC yang berada di bawah naungan kerajaan supaya berperanan dan memastikan bahawa mereka juga melengkapkan apa yang dimaksudkan dengan keperluan asas yang boleh memberikan

rakyat hidup dalam keadaan yang selesa dan memberikan mereka harapan. Ini adalah kerajaan yang memberikan komitmen harapan untuk mereka.

Jadi saya ingin menyarankan kepada kementerian di seluruh kementerian yang terbabit dalam GLC yang ada memastikan peranan dimainkan oleh GLC juga itu boleh diguna pakai untuk melengkapkan sasaran iaitu sekurang-kurangnya 200 ribu mampu milik rumah dapat kita laksana dan dapat didirikan.

Ketiga, saya ingin juga menyinggung iaitu tentang gaji minimum yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang jumlah RM1,050. Pertama harus saya tegaskan saya berterima kasih kepada kerajaan kerana tidak ada diskriminasi di antara kategori Sabah dan Sarawak yang sebelum ini Sabah dan Sarawak RM920 dan Persekutuan di Semenanjung RM1,000 tetapi hari ini dia lengkapkan bahawa semuanya adalah satu paras yang sama iaitu RM1,050. Namun, saya ingin tegaskan kepada kerajaan bahawa mengikut laporan yang saya terima daripada Menteri pun ada di sini daripada laporannya saya terima daripada *working committee* penyelarar gaji minimum telah mencadangkan sebanyak RM1,170 dan apa yang saya dimaklumkan pengumuman dibuat hanya RM1,050.

Saya ingin menegaskan dalam petisyen yang dibuat oleh *Malaysian Trade Union Congress* (MTUC) yang menegaskan bahawa pihak Kementerian Sumber Manusia supaya mengkaji semula tentang gaji minimum ini yang memberikan kesan hala tuju yang cukup minimum. Bayangkanlah dalam keadaan sekarang kos sara hidup yang semakin meningkat tinggi, dalam keadaan hidup pekerjaan yang sudah pun kita ketahui banyak syarikat-syarikat sudah mula berbicara soal pembuangan kerja, sudah banyak syarikat-syarikat yang memberikan *signal* bahawa mereka akan membuang pekerja-pekerja dan ini memberikan satu larungan ataupun satu perkara yang merumitkan.

Maka saya juga ingin memastikan Kementerian Sumber Manusia memperkasakan gaji minimum ini sampai kepada taraf yang rasional seperti mana yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyelarar Gaji Minimum 2012 di atas dan mereka itu sebenarnya memang relevan kerana mengikut maklumat yang saya terima gaji minimum penjawat awam ialah RM1,200 manakala swasta adalah RM1,050 jauh ke belakang.

Namun yang jelas saya ingin menegaskan kepada kerajaan bahawa gaji semula pertimbangan ini yang dibuat oleh MTUC untuk memastikan bahawa gaji minimum ini sedikit kesesuaian dan rasional untuk pendapatan gaji minimum yang hanya terlibat adalah sekitar 18 ke 22 peratus. Jadi ini harus dikaji semula. Untuk mencapai negara maju, kita mesti memastikan pendapatan tinggi juga memainkan peranan utama untuk melengkapkan kita negara maju.

Keempat, saya ingin menegur kerajaan tentang hak pekerja. Saya dimaklumkan mengikut laporan yang saya terima yang dihantar kepada saya iaitu beberapa syarikat GLC yang telah dimansuhkan memberikan kesan buruk kepada pekerja. Sebagai contohnya iaitu pekerja-pekerja di bawah SPAD yang memberikan isyarat bahawa setelah penutupan SPAD beberapa perkara telah diambil pihak Kementerian Pengangkutan ini. Kementerian Pengangkutan harus sedar bahawa mereka telah pun *transferkan* bukan *transfer* sebenarnya. Sebenarnya mereka telah dipindahkan kepada kementerian-kementerian yang lain.

Akan tetapi yang saya sedih ialah mereka ini dipotong gaji mereka yang asal daripada gajinya RM2,500 setengah dipotong menjadi RM1,200. Ini sebenarnya kezaliman bila mana kita menutup syarikat itu ataupun agensi itu kita tidak boleh menzalimi pekerja yang bekerja di bawah naungan itu. Apa yang berlaku dalam surat memorandum yang dihantar dalam notis yang akan dikuatkuasakan pada 31 Disember 2018, surat tawaran kerja bermaksud bekerja semula.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak boleh berlaku sebegini dan apa yang kita lihat bahawa taraf jawatan-jawatan adalah berstatus kontrak dua tahun sudah ada *permanent* tetapi mereka dikontrakkan. Ini sebenarnya tidak boleh berlaku dalam kita memastikan agenda reformasi rakyat diberikan hak mereka dan tidak boleh berlaku dalam kita hendak memotong atas sifat kita tidak mahu memakai agensi tersebut. Ini tidak boleh kita kompromi. Begitu juga dengan gaji permulaan yang ditawarkan adalah gaji minimum...

■1540

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Setiu minta laluan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Mengikut gred dan skim yang ditawarkan pada tangga gaji (4) P.1 dan T.1.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu mohon mencelah.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya juga...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu mohon mencelah.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ada 10 minit...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Banyak lagi itu.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya mengikut Peraturan 37 di bawah peraturan mesyuarat, saya tidak mahu diganggu. Terima kasih. Minta maaf.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** [Ketawa]

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Apa pun yang saya hendak bicarakan...

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu sedikit sahaja.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Hari ini ialah saya hendak pastikan...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Berhubung dengan pekerja ini.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang pekerja SPAD ini jangan dizalimi. Mereka harus diambil mengikut status awal asal mereka dan ini tidak boleh kita biarkan. Saya minta Menteri Pengangkutan untuk mengkaji semula tawaran-tawaran yang diberikan kepada mereka. Ini kerana mereka bukan diminta ditransfer atau ditutup SPAD tetapi keperluan itu tidak diperlukan, maka mereka menjadi mangsa antara dua darjat.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu minta laluan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Ketiga, itu yang keempat. Ia termasuk juga beberapa perkara yang saya diminta bawa...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tolong perjuangkan sama nasib pekerja ECRL.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...pekerja umur 30 tahun dan 45 tahun. Saya telah diberitahu mereka kakitangan majoritinya dalam golongan 30 tahun hingga 45 tahun. Selepas ini mana mereka hendak pergi? Kalau ini yang menjadi masalah kepada pengambilan semula atas *title* yang sama kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bayangkan dalam 45 tahun gajinya RM1,200, macam mana mereka hendak meneruskan saraan hidup? Bagaimana mereka hendak menyara anak isteri dan membayar wang untuk rumah dan kereta atau apa sahaja yang berbentuk kenderaan? Ini satu kezaliman. Saya juga diberitahu bahawa mereka ini akan menjadi pekerja kontrak.

**Seorang Ahli:** Dahsyat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** *Masya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyinggung TV3 perjanjian bersama— Yang Berhormat Jasin jangan tersenyum, terganggu mulut. Tutup mulut itu.

Tuan Yang di-Pertua, TV3 perjanjian bersama tidak selesai lagi. Saya minta pengurusan TV3, Kementerian Komunikasi menegur sedikit TV3, *the New Straits Times* dan juga beberapa media yang dilihat kebajikan mereka terabai dengan beberapa perjanjian termasuk *Utusan Malaysia*. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kementerian Tenaga Manusia juga memainkan peranan— kena juga Yang Berhormat Ipoh Barat. Macam mana sekali pun, ini adalah isu yang berlarutan sampai dua tahun lebih. Saya minta kementerian untuk campur tangan di bawah Seksyen 18, sekurang-kurangnya mereka juga diberikan pembelaan untuk memastikan hak mereka itu tercapai.

Begitu juga dengan isu kes di Megasteel yang sampai hari ini tidak selesai lagi. Megasteel ini saya minta kementerian untuk selesaikan masalah segera kerana pampasan itu adalah wajib dibayar tetapi mereka tidak berbuat demikian. Namun saya diberitahu ada ruang-ruang sedikit untuk menyelesaikan isu Megasteel yang mana isu ini masih lagi bertapak dan masih lagi menjadi sisaan kepada mereka yang bekerja termasuk Perwaja yang hari ini masih lagi tersangkut atas definisi undang-undang.

Maka saya mohon Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kewangan campur tangan, nasihat majikan yang mana mereka ini di luar sana bermewah-mewahan, berbilion-bilion wang, ambil wang EPF, ambil wang SOCSO, ambil wang insurans, mana semua dia tibai. Akan tetapi rakyat atau pekerja 1,000 orang tidak mereka berikan hak. Saya minta kementerian-kementerian campur secara drastik. Kalau mereka khianat kepada pekerja, pastikan mereka tidak boleh berdagang dalam negara sebab mereka adalah pengkhianat Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana mereka melanggar undang-undang yang termaktub dalam Akta Perusahaan, Akta Pekerja dan Akta Kesatuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan kepada pendidikan. Cepat betul enam minit. Pelantikan di atas TVET – saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa saya diberitahu bahawa bajet untuk peruntukan anak didik untuk lahirkan anak-anak muda berkemahiran sedang keadaan kritikal kerana bajet untuk TVET yang sepatutnya diberi telah dipotong. Akhirnya pelajar-pelajar ini dalam dua tahun untuk *complete* dia punya *education*, akhirnya tersangkut kerana bajet itu tidak ada. Apakah benar berita ini? Kalau benar berita ini, kerajaan di bawah Menteri Pendidikan, di bawah Menteri Tenaga Manusia, harus segera mengambil tindakan. Jangan diputuskan harapan pelajar-pelajar yang sudah sampai ke penghujung untuk mereka melepasi sebagai pekerja berkemahiran.

Saya mendapat maklumat ini atas sifatnya sebagai seorang yang bertanggungjawab untuk memastikan TVET jangan digagalkan untuk kita menjana, untuk kita melahirkan anak-anak muda yang setaraf dengan pekerja asing yang berkemahiran. Mereka berkebolehan tetapi bila hendak sampai kepada penghujung penamat, tiba-tiba saya diberitahu bajet tidak cukup. Dua tahun selepas itu setahun mereka terkandas. Ini tidak boleh berlaku. Maka untuk pendidikan, walaupun sebelum ini potongan terhadap pendidikan RM1.6 bilion, tidak menjadi satu kerisauan kepada kerajaan terdahulu.

Akan tetapi saya hendak tegaskan bahawa mandat rakyat kepada kita, bahawa agenda reformasi untuk mengangkat martabat pendidikan tidak boleh kita kompromi. Maka saya tidak mahu mendengar atas sifat tidak cukup bajet untuk mereka meneruskan pendidikan, menjadi alasan untuk mereka terkandas. Ingat Tuan Yang di-Pertua, kita mahu melahirkan rakyat yang berkemahiran. Maka saya tidak boleh berkompromi dengan sesiapa pun yang cuba untuk mengatakan bahawa wang tidak ada, tidak boleh beri pendidikan. Ini cakap orang yang tidak bermoral. *[Dewan riuh]*

Keenam...

**Seorang Ahli:** Hebat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya juga...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Hebat, hebat, hebat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Belum habis lagi. Ada lagi, dengar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terus yang keenam.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Pekerja asing. Baru-baru ini telah diwacanakan iaitu banyak cerita telah – SPRM telah pun mengadakan siasatan. Begitu juga dengan tindakan yang diambil di mahkamah di atas beberapa agensi yang mengaut keuntungan dan juga menjalankan tugas-tugas yang tidak mengikut undang-undang. Dalam pada proses negara sekarang dalam keadaan yang kemelut dengan kos sara hidup yang meningkat, pembuangan pekerja berleluasa. Saya diberitahu juga Telekom pun hendak buang orang kerja. Telekom pun hendak buang orang, Tuan Yang di-Pertua. Oh! Dahsyat! Telekom pun hendak buang orang kerja. Begitulah juga agensi-agensi GLC yang lain, beberapa agensi yang saya dilaporkan sudah mula berbisik-bisik untuk buang pekerja. Ini namanya, *'bila untung kaut-kaut, bila susah engkau hendak menyingsing.'*

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Minta laluan. Setiu. Yang Berhormat Kapar, sedikit sahaja.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya menggunakan Peraturan 37 iaitu tidak membenarkan campur ataupun gangguan daripada mana-mana Yang Berhormat. Masa saya lagi tiga minit.

Apa pun yang penting ialah saya merasai bahawa pekerja asing ini setelah Kerajaan Pakatan Harapan telah merencanakan untuk memastikan bahawa gerakan untuk tidak membenarkan pekerja asing berleluasa dalam negara ini, menjadi realiti. Dalam masa yang sama, saya juga ingin menegaskan bahawa kita tidak boleh menzalimi pekerja tempatan. Jelas mengikut peraturan di bawah seksyen 60N Akta Kerja 1955 mengharamkan pengambilan pekerja asing ini dan juga meniadakan hak pekerja tempatan yang bersabit dengan Seksyen 60M Akta Kerja 1955.

Maka saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa kita harus ada penguatkuasaan secara drastik dan Kementerian Tenaga Manusia harus memainkan peranan untuk memastikan bahawa pekerja tempatan ini wajib diberikan peluang dahulu. Jangan letak di kilang luar. Kami mahu pekerja-pekerja untuk diinterview. Bila masuk pekerja tidak ada, beritahu kementerian, pekerjaan begitu banyak, pekerja tempatan tidak masuk. Jadi ini cerita dongeng berlalu sudah berzaman. Sekarang kita mahu kementerian sebab itu saya tegaskan daripada sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, Menteri pun ada. Saya kata JTK ini tidak boleh kurang. Ya, sekarang ini 400 lebih, hendak jaga 9,000 agensi. Fuh! Dahsyat! Tuan Yang di-Pertua. 400 hendak jaga satu Malaysia. *Masya-Allah*. Memang letih, penat.

Akan tetapi dalam masa yang sama saya cadangkan sebab kementerian di bawah Sumber Manusia terdahulu telah bersetuju untuk menambah 416 orang. Saya mohon kementerian untuk menyegerakan, untuk memastikan bahawa mereka ini dapat bekerja untuk memastikan setiap agensi yang terlibat kerana apa Tuan Yang di-Pertua, JTK, JTK...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Menteri kena jawab itu. Kena jawab, kena jawab itu.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Hei! Yang Berhormat Parit Sulong jangan kacaulah. *[Ketawa]* Hilang konsentrasi saya. Apa yang penting hari ini ialah saya hendak tengok JTK berkuat kuasa. Akta Kanak-kanak telah pun kita bahas minggu sudah. Lulus dan telah berperanan tetapi kalau JTK tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, buatlah apa-apa akta pun, 'dok' tengok berlalu akta, tindakan itu tidak ada. Akan tetapi ini tidak boleh berlaku dalam keadaan kita hendak memperkasakan untuk berseiring dengan Konvensyen ILO di bawah Convention 81 dengan kekuatan daripada tugas yang diberikan ataupun atur acara prosedur syarat daripada ILO yang memberikan setahun untuk dua kali siasatan tetapi kita tujuh tahun Tuan Yang di-Pertua belum boleh buat kali kedua siasatan.

#### ■1550

Ini menunjukkan bahawa penambahan JTK ini amat-amat diperlukan. Tidak boleh kita kompromikan. Merumus segala bicara saya, saya menganggap bahawa Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas ini memberikan isyarat bahawa Kerajaan Pakatan Harapan bersedia menuju kepada mercu kejayaan, hab pendidikan rakyat akan terbina. Namun kalau tidak ada penguatkuasaan, kalau tidak ada kesungguhan, kalau berlaku lagi ketirisan, kalau berlaku lagi rompakan, kalau berlaku lagi kecurian, maka kita bermimpi di siang hari untuk melihat pelaksanaannya.

Maka ayuh kementerian-kementerian yang ada, Kabinet yang telah diberi tugas dan tanggungjawab, bangun dan bangkitlah bersama-sama dengan rakyat, pastikan Rancangan Malaysia Kesebelas separuh penggal ini dapat kita laksanakan dengan megah tanpa kerisauan daripada mereka yang menyerang kiri dan kanan dan akhir bicara, saya menyokong sepenuh-penuhnya yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** ...Iaitu pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tahniahlah, tahniah Yang Berhormat Menteri, kena dengar itu Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Memang ada sesi untuk Menteri-menteri menjawab setelah habis perbincangan pada minggu depan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Mas.

**3.51 ptg.**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran yang berbunyi [*Membaca ayat al-Quran*] Surah Al-Hajj, ayat 18 yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang telah disediakan untuk hari esok dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuan-Nya ke atas apa yang kamu kerjakan*".

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya. Ayat yang saya bacakan ini merupakan satu-satunya ayat di dalam al-Quran yang mengandungi perintah supaya bertakwa kepada Allah sebanyak dua kali di dalam satu ayat. Tidak ada ayat seperti ini di dalam al-Quran tetapi Allah SWT meletakkan perintah bertakwa ini sebanyak dua kali di dalam ayat yang memerintahkan supaya orang-orang yang beriman merancang dan membuat *post-mortem* apakah dilakukan kelmarin untuk penilaian pada hari esok. Justeru pembentangan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Langkawi baru-baru ini merupakan satu perkara yang baik untuk melihat apakah kebaikan dan juga keburukan yang telah dilaksanakan di dalam separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini untuk dijadikan sebagai iktibar dan pengajaran bagi mengharungi separuh penggal lagi.

Saya memerhatikan perancangan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup baik dan saya memerhatikan ucapan daripada Yang Berhormat Kapar yang cukup-cukup bersemangat dan saya nampak keikhlasan beliau tadi, justeru mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini perlu dikekalkan sehingga ke akhir penggal, tidak cukup hanya dua tahun semata-mata. Saya nampak Ahli-ahli Pakatan Harapan barangkali setuju dengan cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu di Pasir Mas terlebih dahulu iaitu isu tebatan banjir di Parlimen Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, kurang lebih sebulan daripada sekarang rakyat saya di Pasir Mas akan bertarung dengan banjir. Di DUN Meranti khususnya yang bersempadan dengan negara Thailand dan juga Parlimen Rantau Panjang sebahagiannya akan mengharungi banjir yang akan datang dari negara Thailand.

Ikutan daripada program ataupun pembinaan tebatan banjir yang masih belum disempurnakan sehingga ke hari ini. Justeru dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk separuh penggal lagi, saya memohon dan merayu kepada kerajaan supaya menyiapkan program ataupun pembinaan tebatan banjir ini dengan kadar yang segera. Ini kerana yang akan menanggung deritanya ialah rakyat kita di sempadan negara kita, di Parlimen Pasir Mas, di Parlimen Rantau Panjang, para petani yang menanam tanaman-tanaman mereka sudah mula untuk memetik hasil-hasil mereka walaupun masih belum cukup masak kerana berdepan dengan situasi banjir seperti ini. Justeru dalam program berikutnya, saya mahu supaya isu tebatan banjir ini diberikan perhatian yang sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh beberapa isu yang lain iaitu isu Kementerian Pertahanan yang telah disebut ataupun disebut secara sepintas lalu di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Aspek pertahanan ialah perkara yang penting bagi sebuah negara. Benar bagai dikata oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tempoh hari bahawa kita tidak berhasrat untuk berperang dengan sesiapa.

Akan tetapi perlu diingat bahawa sesebuah negara yang berdaulat, kita perlu mempersiapkan diri daripada sebarang kemungkinan pencerobohan luar. Justeru pada ketika itulah kita amat memerlukan keupayaan pertahanan yang ampuh untuk berada di tahap kemudian, di sinilah kita perlu menyemak keupayaan angkatan tentera kita pada hari ini dalam aspek alat atau kelengkapan perang. Adakah aset-aset atau keupayaan *firepower* kita dari ketiga-tiga perkhidmatan darat, laut dan udara berada pada tahap yang paling baik?

Kita mahu supaya pembentukan angkatan tentera hendaklah berasaskan kepada keredaan kepada Allah SWT. Nyahkan segala elemen kemaksiatan, penyelewengan sekiranya masih ada dalam institusi ketenteraan. Bentuklah angkatan tentera kita sebagai

mana model pembentukan yang pernah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Kita melihat tentera-tentera hebat yang dibentuk pada zaman lampau dibentuk dengan dasar akidah mereka kepada Tuhan dan dalam konteks umat Islam, akidah mereka kepada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam isu pembangunan masyarakat dan juga keluarga turut ada pada hari ini. Satu-satunya Timbalan Menteri yang ada, dua. Dalam isu OKU, saya ingin menyentuh betapa pada hari ini kita melihat bagaimana Kementerian Pendidikan, saya mahu supaya Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan kembali pelaksanaan *zero reject policies* yang diamalkan kepada murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah masing-masing.

Dalam amalan pada hari ini ramai murid OKU dan kanak-kanak OKU dinafikan hak mereka untuk mendapat pendidikan yang sewajarnya. Mereka masuk ke sekolah pendidikan khas kemudian dalam masa tempoh tiga bulan sahaja, mereka dibuat penilaian dan mereka terus *direject* ataupun terus disisihkan daripada arus pendidikan perdana kononnya tidak mempunyai kelayakan untuk mengikuti pendidikan tersebut. Dalam masa yang sama tiga bulan ini tidak adil untuk menilai anak-anak berkeperluan khas seperti ini. Justeru kita mahu supaya Kementerian Pendidikan dapat menilai kembali jawapan daripada Menteri Pendidikan kelmarin cukup baik tetapi kita mahu dari sudut pelaksanaannya dapat lebih serius dan diberikan penekanan.

Begitu juga dengan penubuhan PERMATA Kurnia di semua negeri yang ada. Timbalan Menteri telah memberikan jawapan bahawa PERMATA Kurnia akan ditubuhkan di tiga buah negeri untuk sesi 2019. Saya ingin memohon supaya dapat ditubuhkan PERMATA Kurnia ini di setiap negeri kerana mereka yang berkeperluan terhadap institusi ini melampaui kepentingan politik, bangsa dan sebagainya.

Saya tahu bahawa mungkin di sana ada halangan-halangan tertentu, penempatan dan sebagainya tetapi kita yakin sekiranya perbincangan dapat dilakukan dengan pihak PERMATA Kurnia maka mereka boleh dan mampu untuk membuka cawangan di setiap negeri dan isu ini saya yakin telah sampai kepada pihak Timbalan Menteri yang ada dan begitu juga dengan elaun kepada pelatih ataupun jurulatih-jurulatih di pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang hingga ke hari ini mereka hanya diberikan elaun sebanyak RM800 sahaja untuk menjaga pelatih-pelatih OKU yang ada. Saya pergi melawat PDK di kawasan saya, walaupun tidak ada jemputan tetapi saya turun untuk menyaksikan bagaimana gigihnya petugas-petugas kita untuk mengasuh dan juga menjaga remaja-remaja ataupun mereka yang berkeperluan khas ini tetapi dengan gaji sebanyak RM800 sebulan sahaja, cukup-cukup tidak mencukupi untuk menampung keperluan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan jurang pendapatan isi rumah. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, bilangan isi rumah di Malaysia meningkat daripada 6.7 juta pada tahun 2014 kepada 6.9 juta pada tahun 2016. Isi rumah merujuk kepada kombinasi pendapatan kasar individu yang menetap bersama dalam sebuah rumah. Di Malaysia purata saiz isi rumah adalah empat orang atau dua orang daripadanya mempunyai pendapatan. Terdapat empat punca pendapatan isi rumah, pekerjaan bergaji 63 peratus, bekerja sendiri 15.6 peratus, hasil daripada harta dan pelaburan 12.9 peratus serta pindaan semasa 8.5 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini isi rumah dikategorikan tiga kumpulan berasaskan pendapatan. Kita tahu bahawa di sana ada T20, B40 dan M40, jurang bagi mereka ini sangat tinggi. Di Malaysia pada tahun 2007, Pekali Gini di Malaysia ialah 0.441 kemudian menurun kepada 0.401 pada tahun 2014 dan terus menurun kepada 0.399 pada tahun 2016.

#### ■1600

Walaupun *track* ini *downtrend* ataupun tren menurun tetapi ia masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Kos sara hidup merupakan topik yang paling tinggi. Di Perlis ada kes bunuh diri. Kita tahu baru-baru ini seorang kanak-kanak empat tahun jatuh daripada tingkat 17. Ibu bapanya meninggalkan kanak-kanak ini keseorangan bersama dengan anak-anak yang lain. Anak yang lain terpaksa pergi ke sekolah, mereka berniaga nasi lemak di tempat yang jauh daripada *flat* mereka. Isu ini ialah kos sara hidup.

Saya simpati kepada Yang Berhormat Langkawi berhadapan dengan pemandu teksi baru-baru ini. Sehingga Yang Berhormat Langkawi mengungkap kata-kata untuk meletakkan jawatan. Kita tahu bahawa isu ini bukan isu pemandu teksi atau Grab semata-mata tetapi isu



kos sara hidup. Kos sara hidup merupakan isu paling penting. Maka inilah yang perlu diberikan penekanan kepada Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini dua hari lepas. Berhubung ada negeri yang tidak mampu membayar gaji kakitangan. Disahkan kemudiannya oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa negeri itu ialah negeri Kelantan. Saya juga membaca kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam yang juga menyatakan Kelantan merupakan penerima bantuan defisit tertinggi di negara ini.

Suka untuk saya ingatkan bahawa kenyataan tersebut merupakan satu fitnah yang sengaja direka-reka dan dibawa masuk ke Dewan yang mulia ini. Belum pernah di dalam sejarah Kerajaan Negeri Kelantan, penjawat awam tidak dapat dibayar gaji oleh pihak kerajaan. Apa yang adanya ialah memo yang beredar daripada Majlis Daerah Sabak Bernam, "Penangguhan Bayaran Gaji Bulan Ogos 2018". Ini betul tidak berapa bayar gaji. Pemain bola sepak Pulau Pinang lima bulan tertunggak gaji. Akan tetapi di Kelantan tidak pernah berlaku pun penjawat awam tidak dibayar gaji.

Maka kita sedih kenapa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengheret kenyataan-kenyataan seperti ini masuk ke dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin tegaskan Kelantan sentiasa berhemat dalam perbelanjaan. Dari segi prestasi ekonomi negeri, peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kelantan meningkat sebanyak 1.3 peratus pada tahun 2016 dan pada kadar 4.8 peratus berbanding KDNK tahun 2015, 3.5 peratus. Peningkatan sebanyak 1.3 peratus ini meletakkan Kelantan berada sebagai negeri keenam tertinggi pertumbuhannya melebihi peratus KDNK negara...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** ...Yang berada pada kadar dua perpuluhan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Kota Melaka hendak mencelah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** 4.2 peratus, sila Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Pasir Mas...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sekejap sahaja ya Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Pasir Mas, sama ada Yang Berhormat Pasir Mas sedar atau tidak bahawa pegawai kewangan Kerajaan Negeri Kelantan telah menulis sepucuk surat yang bertarikh Jun 2018 kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan mengatakan bahawa "Bagi menstabilkan aliran tunai sehingga bulan 30 September 2018, Kerajaan Negeri Kelantan memerlukan pendahuluan sebanyak RM67 juta..."

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih, Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Ya, saya faham. Saya faham.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Di mana mengatakan ia kerana *shortfall* ini telah mendedahkan kelewatan pembayaran gaji kakitangan termasuk sambilan sebanyak RM24 juta sebulan...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** "...dan juga bil-bil yang telah tertunggak lebih daripada 14 hari." Bukankah ini satu bukti yang jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak mampu bayar gaji pegawai kakitangan mereka?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Baik, terima kasih. Itu kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan pagi tadi. Maka sekarang, saya merujuk kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Pasir Mas, ini adalah surat. Surat rasmi daripada pegawai kewangan...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Ya, betul, betul. Saya faham Yang Berhormat Kota Melaka. Memang...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kerajaan Negeri Kelantan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Okey, terima kasih. Saya faham, itu kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan pagi tadi. Saya merujuk kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Tahun 2017, yang telah diserahkan oleh Akauntan Negara Malaysia pada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Apakah Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang mendapat pinjaman pendahuluan boleh dituntut? Jawabnya tidak. Di sana banyak lagi negeri mempunyai pinjaman boleh dituntut. Boleh rujuk dalam muka surat 243. "*Baki pinjaman 2017...*"

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sekejap, sekejap. Muka surat 243, "*Pinjaman Boleh Dituntut negeri Pahang RM30.6 bilion, Sabah RM28 bilion, Kedah RM26 bilion, Sarawak RM25 bilion, Kelantan RM1.4 bilion.*" Pinjaman yang boleh dituntut. Manakala baki pendahuluan 2017 mengikut lima negeri tertinggi muka surat 245, buku ini Kelantan bukan negeri yang tertinggi mempunyai baki yang tidak terbayar. Negeri Melaka RM414 juta, Kelantan RM364 juta, Perlis RM43 juta dan sebagainya.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya sedih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Setiawangsa minta laluan.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Kita pun orang Kelantan juga.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa Kelantan sebagai sebuah negeri yang gagal. Maka, adakah semua negeri yang berhutang ini sebuah negeri yang gagal?

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Dan dalam setiap tahun, sudah pasti akan ada negeri yang berada di tempat yang tertinggi. Adakah semua negeri yang berada di tempat tertinggi setiap tahun ini negeri yang gagal?

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya kira ada bahasa-bahasa yang lebih baik untuk diucapkan dalam isu-isu seperti ini dan tidak perlu melabelkan mana-mana negeri sebab negeri...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Minta laluan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Setiawangsa.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Tidak. Yang Berhormat Setiawangsa.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya cuma hendak rujuk balik sebab ketika kenyataan awal tahun ini daripada Yang Berhormat Pekan, perkara yang sama juga bahawa Kelantan tidak dapat bayar gaji tanpa bantuan Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Pasir Mas ialah antara pemimpin pemuda PAS yang telah menyanggah kenyataan tersebut. Ini ada laporan media tentang perkara itu. Cuma isu yang kita bangkitkan, ia bukan soal negeri lain tidak terima bantuan atau tidak tetapi adalah pembayaran gaji kakitangan kerajaan negeri itu yang sepatutnya

boleh dibuat oleh kerajaan negeri perlu mendapat bantuan Kerajaan Persekutuan, baru dapat dilaksana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih sahabat saya yang telah menyatakan tadi. Baik, betul tuan-tuan. Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada awal tahun ini kenyataan daripada Yang Berhormat Pekan sendiri yang datang ke Kelantan dan menyatakan isu ini. Saya sendiri pada masa itu menyanggah kenyataan daripada Yang Berhormat Pekan.

Sebelum itu saya hendak bangkitkan isu yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam suratnya kelmarin, kenyataan kelmarin. Bahawa kenapa tidak *react* ketika Yang Berhormat Pekan mengeluarkan kenyataan? Maka saya hendak sebut bahawa saya pada tarikh 30 Januari 2018, saya telah keluarkan kenyataan, "*Yang Berhormat Pekan Tidak Faham Konsep Federalisme.*" Begitu juga dalam *Sinar Harian* bertarikh 30 Januari, "*Tidak Perlu Ungkit Bantu Kelantan.*" Ini semua kenyataan yang dikeluarkan oleh pimpinan PAS dan juga kerajaan negeri menyanggah kenyataan Yang Berhormat Pekan pada waktu itu. Jadi fakta yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pimpinan PAS tidak menyanggah kenyataan Yang Berhormat Pekan adalah satu pembohongan yang dikeluarkan di atas nama Kementerian Kewangan.

Sebelum saya menjawab soalan yang dikemukakan tadi, suka untuk saya nyatakan bahawa...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, saya atas isu peraturan mesyuarat minta kenyataan pembohongan itu ditarik balik. Jangan tuduh Yang Berhormat Menteri mengatakan beliau berbohonglah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya tarik balik. Saya ubah kepada tidak bercakap benar. *[Ketawa]* Baik, yang berikutnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Semantik.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Okey, Yang Berhormat Jelutong. Okey? Maaf, saya ingat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya ingat perkataan tidak bercakap benar itu pun tidak... Minta itu pun ditarik baliklah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Tidak apa, tidak apa. Saya tidak tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Putar belit. Teruskan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Berikutnya saya ingin nyatakan kalaulah kita hendak bawa semua kenyataan di luar, hendak bawa masuk dalam Dewan ini satu benda yang tidak betul. Dewan ini kita perlu melihat ke depan. Kita bawa kereta, cermin sisi kereta kecil sahaja. Ini kerana kita perlu lihat ke belakang dengan pandangan yang sedikit tetapi memandang ke depan dengan pandangan yang banyak. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengungkit bahawa bukan saya kata, tetapi Yang Berhormat Pekan yang kata. Seolah-olah hendak kata bahawa bukan beliau yang sebut tetapi disebut oleh orang yang lain. Kalaulah hendak ungkit balik kenyataan-kenyataan lama yang dikeluarkan, dibawa masuk ke dalam Dewan ini, maka Parlimen tidak akan menjadi tidak lebih daripada tong sampah yang membawa kenyataan-kenyataan lama. Apakah di sana tidak ada kenyataan?

Saya ambil contoh 30 April 2013, Yang Berhormat Langkawi menyatakan Yang Berhormat Iskandar Puteri seorang rasis. Saya boleh sebut dalam Dewan ini, Yang Berhormat Iskandar Puteri seorang rasis. Bukan saya kata, Yang Berhormat Langkawi yang kata. Bolehkah macam itu? Atau saya boleh sebut balik bagaimana kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Iskandar Puteri kepada Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Gombak kepada Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Kota Raja kepada Yang Berhormat Langkawi. Semua kenyataan ini boleh *digoogle* dalam Internet. Tidak adil untuk kita bawa dalam Dewan ini semata-mata...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila, sila Yang Berhormat Jelutong. Saya minat Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya berterima kasih. Memang ada kenyataan-kenyataan dirujuk tadi adalah kenyataan yang telah dinyatakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Almarhum Tuan Guru Nik Aziz juga berkata, ada menasihatkan supaya tidak berkawan dengan UMNO. Masih ingat lagi nasihat itu? Kalau berkawan dengan UMNO seolah-olah dipatuk oleh ular yang sama dua kali.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Apa kena-mengena pula ini?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Itu nasihat yang patut diambil untuk rujukan Yang Berhormat juga.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong kerana membangkitkan kenyataan ini. Semua kenyataan ada sandarannya masing-masing. Ada sebab dan ada latar belakangnya sendiri. Kalau begitu saya boleh menyebut bekas MP Jelutong jadi *legend* di dalam Parlimen ini. Apa MP Jelutong dahulu tidak berkata kepada Yang Berhormat Langkawi? Kalau hendak ungkit balik kenyataan-kenyataan yang lepas semuanya boleh disebut. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Jelutong berdiri di atas kerusi Yang Berhormat Jelutong pada hari ini, hormat sedikit kepada penyandang Yang Berhormat Jelutong yang lama yang menjadi *legend* dalam Parlimen, yang terkorban dalam menjalankan tugasnya. Semua boleh disebut.

■1610

Jadi kalau kita hendak ungkit sampah-sampah yang lepas, hendak letakkan dalam Dewan ini dan bangkit semula soal-soal yang tidak patut, saya rasa ini pemikiran yang sempit. Sebab itulah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya rasa bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan satu perkara yang tidak boleh untuk kita terima.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sikit sahaja.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya minta maaf, ada satu minit lagi. Sebab itu saya sangat setuju, Pasir Mas sangat setuju. Kelmarin saya baca dalam *Sinar Harian*, kerajaan akan sekolah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Cuma nasihat saya, jangan berkawan dengan UMNO sahaja, Yang Berhormat. Saya berpegang kepada nasihat Tok Guru Nik Aziz, jangan berkawan dengan UMNO.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Dengki kah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Seolah-olah dipatuk oleh ular yang sama dua kali.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Semua kenyataan— terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Dengki kah?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Jelutong hendak bangun tadi, kawannya sendiri pun tidak bagi. Saya bagi sudah cukup baik dah.

Baik, sebab itu saya setuju, Pasir Mas setuju apabila Yang Amat Berhormat Langkawi menyatakan kerajaan akan sekolahkan Menteri. Maka saya hendak cadangkan yang masuk sekolah ini ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan. Masuk sekolah yang diasaskan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi pada hari ini. Saya minta maaf, yang sebut kenyataan ini adalah Yang Amat Berhormat Langkawi, bahawa Menteri-menteri perlu untuk disekolahkan dan di antara aspek persekolahan ini ialah kaedah menjawab soalan supaya negeri-negeri dan rakyat kita sendiri di seluruh Malaysia tidak terasa hati. Hari ini saya rasa hubungan yang agak kurang baik.

Saya minta supaya kerajaan mempertimbangkan, selain daripada mengungkit balik bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Maka saya hendak sebut bahawa bagaimana bayaran royalti belum ditunaikan. Di dalam *Roketkini.com* menyatakan

bahawa royalti ini, kenyataan yang dikeluarkan oleh kepimpinan DAP pada tahun 2012 menyatakan hutang Kerajaan Pusat kepada Kelantan RM7.4 bilion. Hutang Kerajaan Pusat kepada Kelantan RM12 bilion pada kenyataan 20 Februari 2015 dalam *Rocketkini.com*.

Maka, selesaikan hutang ini. Kalau anda tidak selesaikan hutang-hutang ini, macam mana kita hendak katakan Kelantan sebagai sebuah negeri yang tidak membangun sedangkan hutang pun tidak diselesaikan? Maka pada hari ini, bukan Kelantan berhutang dengan Pusat, tetapi Pusat berhutang dengan Kelantan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Setiawangsa. Sila.

#### 4.12 ptg.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiawangsa ingin turut serta dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020.

Pertama, Setiawangsa ingin menyambung apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar sebentar tadi tentang reformasi pasaran buruh. Dalam pelaksanaan reformasi pasaran buruh, adalah wajar bagi kerajaan mengkaji semula keadaan perhubungan industri sedia ada pada hari ini. Hak dan kuasa kesatuan sekerja harus diperkasakan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Reformasi dalam hal ini bukanlah untuk memberi kesatuan sekerja untuk melakukan mogok sewenang-wenangnya hingga melemahkan ekonomi dan sektor swasta tetapi reformasi dalam konteks pasaran buruh adalah dengan memberi kesatuan sekerja suara dan hak sewajarnya di dalam menyuarakan rintihan dan pendapat anggota mereka.

Rentetan itu, kerajaan seharusnya mengambil langkah pragmatik seperti tripartism, dengan izin, yang dilaksanakan mengikut model ekonomi pasaran sosial atau *social market economy* yang dilaksanakan di Eropah yang melibatkan semua pihak berkenaan seperti majikan, kesatuan sekerja dan juga pihak kerajaan. Dalam dunia hari ini, majikan tidak boleh dibiarkan terlalu dominan sehingga boleh menyebabkan hak pekerja dirobek dan dipandang enteng.

Tindakan kerajaan untuk menyamakan kadar gaji minimum antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah langkah yang sangat baik. Namun begitu, satu dasar dan rangka kerja yang jelas ataupun *road map* untuk meningkatkan gaji minimum ke paras RM1,500 harus digubal dalam tempoh satu penggal sebagaimana dijanjikan di dalam Buku Harapan. Ini untuk memberikan keyakinan kepada pekerja dan bakal pekerja bahawa pembangunan ekonomi negara membawa faedah kepada mereka dan bukan hanya kepada pengusaha dan juga syarikat.

Pada tahun 2013, nisbah upah pekerja ataupun, dengan izin, *compensation of employees* berbanding KDNK di Malaysia adalah 34 peratus. Sedangkan di negara-negara maju jauh lebih tinggi seperti Australia 47.8 peratus dan Korea Selatan 43.2 peratus. Malah, kita juga ketinggalan berbanding *middle-income economy* yang berada sama tahap dengan kita seperti Afrika Selatan yang mencatatkan 45.9 peratus. Di Malaysia, kadar 34 peratus ini meningkat sedikit ke 35.3 peratus pada tahun 2016. Namun, kadar pendapatan korporat jauh lebih tinggi sebanyak 59.5 peratus dan lima peratus pula dalam bentuk cukai kerajaan.

Kerajaan telah menyasarkan dalam RMKe-11 bahawa menjelang tahun 2020, nisbah upah pekerja berbanding KDNK untuk mencapai tahap 40 peratus. Namun, awal tahun ini, MIER menganggarkan kita akan gagal mencapai sasaran ini.

Kerajaan juga boleh memberikan pengecualian cukai kepada syarikat yang mendapat keuntungan bagi membolehkan mereka memberikan kenaikan gaji kepada pekerja golongan bawah 40 ataupun B40. Langkah ini seiring dengan cadangan *living wages* ataupun gaji hayat oleh Bank Negara Malaysia.

Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, kerajaan seharusnya menggalakkan para majikan untuk melakukan pelaburan di dalam teknologi untuk menggantikan penggunaan pekerja asing tanpa kemahiran dalam industri seperti perusahaan kelapa sawit. Ini akan meningkatkan produktiviti ekonomi. Pada hari ini, para

majikan tidak berbuat demikian kerana ia adalah lebih murah dan mudah untuk mengambil dan mengajikan buruh kasar asing. Maka langkah yang dicadangkan untuk mengenakan sistem levi berperingkat yang progresif berdasarkan jumlah pekerja asing yang digaji adalah langkah yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, sidang Dewan sekali, meskipun usaha kerajaan meletakkan fokus dan tumpuan kepada peningkatan bidang kejuruteraan, sains dan matematik (STEM) adalah baik, tetapi kerajaan juga perlu mencari mekanisme dan instrumen yang bersesuaian bagi memastikan peluang pekerjaan dalam sektor berkaitan wujud bagi para lepasan universiti dalam bidang ini.

Bagi mencapai hasrat tersebut, kerajaan dan IPT seharusnya mengorak kerjasama yang mampan dengan mengadakan jalinan industri dengan syarikat tempatan mahupun antarabangsa bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan juga bagi melahirkan graduan yang sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa.

Tambahan pula, kerajaan harus terus memberi dukungan dan sokongan kewangan yang mencukupi kepada usaha kaji selidik dan pembangunan dalam sektor STEM dan perkara ini tidak hanya boleh tertumpu di kawasan bandar ataupun kawasan-kawasan orang kaya tetapi harus dipergiatkan di kawasan desa dan miskin bandar.

Pemerkasaan PBT juga harus dijalankan termasuk dengan melakukan pilihan raya kerajaan tempatan. Sekiranya kita tidak mahu melakukannya di seluruh negara pada peringkat ini, kita boleh memulakan langkah di Wilayah Persekutuan kerana di Wilayah Persekutuan wujud defisit demokrasi di mana pengundi wilayah hanya mempunyai satu undi berbanding dengan pengundi di peringkat negeri. Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan pun penat sebab dia kena pakai banyak topi. Isu nasional di peringkat persekutuan dan negeri sering kali diberi lebih perhatian dan menyebabkan PBT dipinggirkan dan tidak diberi perhatian dan kemudahan yang sewajarnya.

Justeru, pilihan raya kerajaan tempatan di Wilayah Persekutuan bukan sahaja boleh memberi kuasa kepada rakyat setempat, tetapi ia juga membolehkan kerajaan tempatan mencapai pentadbiran yang telus dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi.

Kita lihat isu yang dihadapi, misalnya di Kuala Lumpur, di mana isu kegagalan pewartaan Rancangan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 yang telah disediakan dengan kos jutaan ringgit telah memberi kesan negatif kepada rakyat dengan pembangunan yang tidak seimbang dan tidak terancang. Misalnya, cadangan pembangunan kondominium mewah serta rumah mampu milik di tapak yang asalnya dizonkan untuk dewan serba guna dan padang di Taman Tiara Titiwangsa, Parlimen Setiawangsa.

Selain itu, pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik harus dipergiatkan dan menjadi agenda utama kerajaan. Skim sewa di PPR mesti diteruskan untuk penduduk yang tidak mampu untuk membeli, tetapi opsyen sewa beli juga mesti dikekalkan untuk perumahan kos rendah bagi mereka yang mampu memiliki rumah.

DBKL juga wajar membuat audit tentang pendapatan penyewa PPR. Ada segelintir penyewa yang sudah mempunyai pendapatan yang lebih tinggi dari layak menyewa PPR, sama ada kerana pendapatan meningkat atau mendapat unit dengan cara yang tidak betul. Seperti yang pernah dilakukan di PPR Lembah Subang di Selangor, mereka yang mempunyai pendapatan lebih tinggi, kita boleh biarkan mereka terus tinggal buat sementara waktu di sana tetapi dengan syarat mereka membayar sewa yang lebih tinggi iaitu RM250 sebulan bagi menampung kos penyelenggaraan yang tinggi termasuk lif, kebersihan dan juga keselamatan.

#### ■1620

Hanya mereka yang benar-benar mendapat pendapatan di bawah tahap minimum boleh terus menyewa pada kadar RM124 sebulan yang dikenakan pada hari ini kerana kos ini jauh lagi rendah daripada kos penyelenggaraan. Pembangunan perumahan harus mengikut citra dan keperluan rakyat sederhana dan juga bawahan yang berasal dari golongan B40 dan M40. Bukannya mengikut keperluan dan kehendak para pemaju sektor perumahan dan pembangunan yang memberikan tumpuan kepada perumahan mewah berkepadatan tinggi serta pembangunan komersial.

Harus ada *option* rumah mampu milik yang tidak perlu kemudahan kondominium seperti kolam renang dan *gymnasium* yang hanya digunakan kelompok kecil tetapi ia

melibatkan kos pembinaan dan penyelenggaraan yang besar yang perlu ditanggung oleh semua. Mekanisme pembiayaan perumahan bagi segmen pasaran ini wajar dikaji semula bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki rumah mereka sendiri. Kelayakan untuk memperoleh unit dalam skim perumahan ini harus diperketat sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi supaya ia benar-benar memberikan manfaat kepada B40 dan M40. Kita tidak mahu lagi kes ketua-ketua cawangan parti-parti politik mendapat begitu banyak unit kerana kabel politik yang kemudian disewakan pada harga yang tinggi kepada rakyat biasa.

Yang saya hormati Ahli Yang Berhormat, anggota Dewan sekalian, baru-baru ini rakyat Malaysia terhibur menonton filem yang diinspirasikan oleh kisah benar iaitu filem '*Paskal*', yang menceritakan tentang Pasukan Khas Tentera Laut Malaysia. Wajar kita berikan perhatian khusus kepada perajurit-perajurit kita. Aset yang sedia ada ATM, mesti dikaji semula dan diperbaiki. Hal ini bagi membolehkan para perajurit berkhidmat dengan baik dan ATM berada pada kesiapsiagaan yang tinggi.

Audit khas juga mesti dilakukan segera ke atas kerugian dan rasuah dalam perbelanjaan pentadbiran dan perolehan Kementerian Pertahanan sebelum ini. Audit khas ini juga harus melihat secara teliti keadaan aset sedia ada pihak ATM dan juga tahap kesediaan pertahanan negara. Kerajaan juga harus terus melakukan pembaharuan dan penambahbaikan dengan membeli aset baru yang lebih moden, yang boleh membantu digunakan secara menyeluruh dan efektif dalam misi kemanusiaan dan misi bantuan bencana alam.

Selain itu, kerajaan juga wajib memperoleh aset terkini bagi mempertahankan negara dari serangan siber yang semakin meningkat. Banyak peperangan hari ini, kita lihat antara China, Rusia dan Amerika misalnya, dibuat secara siber dan bukannya secara terbuka. Pihak ATM juga wajar menimba latihan khusus berkenaan hal ini bagi memastikan pertahanan Malaysia dalam zaman digital ini terus utuh. Selain itu, diplomasi ketenteraan harus diperkukuhkan terutama di peringkat ASEAN bagi memastikan keselamatan Laut China Selatan terjamin. Sinergi di antara Filipina, Indonesia dan Malaysia di dalam menjalankan rondaan maritim di Laut Sulu dan Selat Melaka harus dikekalkan dan memastikan koordinasi yang mampan bagi melindungi perairan Malaysia dari ancaman musuh.

Kebajikan para veteran dan pesara tentera juga wajib distruktur semula bagi memastikan kehidupan pasca perkhidmatan terbelas dan terjamin. Pampasan perkhidmatan pesara tentera juga harus dikaji semula bagi memastikan keadilan terhadap jasa dan tempoh perkhidmatan mereka. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Kota Raja telah mengatakan bahawa Malaysia berupaya untuk mengilang kapal terbang tempatan. Sama ada kita sudah bersedia atau tidak, kerajaan mesti membina sebuah ekosistem pertahanan tempatan yang boleh memenuhi keperluan negara dan membawa nilai tambah kepada ekonomi.

Kita tidak bermula dari kosong, industri aeroangkasa negara telah berkembang pesat memandangkan Malaysia sebahagian daripada rangkaian 3M iaitu Malaysia, Mexico dan Maghribi yang kini menjadi pendatang baru yang pesat membangun di dalam sektor aeroangkasa. Malah, di Malaysia, industri ini tertumpu di Selangor yang ada 3S iaitu Serendah, Subang dan Sepang di mana pelbagai segmen industri aeroangkasa berkembang seperti penyelenggaraan atau MRO, kejuruteraan dan reka bentuk serta pembuatan. Sektor ini mampu menjana pekerjaan untuk hasil sektor, STEM dan TVET dan memberi pendapatan yang tinggi.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kejatuhan harga minyak pada tahun 2014 sehingga tahun 2016 telah menunjukkan kelemahan negara kita dalam mengatasi kebergantungan kepada sumber asli. Kita seharusnya meningkatkan kadar sumbangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang ditubuhkan seperti *Government Pension Fund of Norway*. Dana Norway ini sudah mencecah USD1 trilion dari segi aset ataupun RM4 trilion. Sedangkan, hutang dan liabiliti negara kita angkara Barisan Nasional mencecah RM1 trilion. Jumlah aset KWAN hanya RM15.4 bilion pada tahun 2016. Ini adalah tabungan negara kita, bandingkan dengan petroleum...

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan...

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Dengan *Petroleum Fund of Timor-Leste*, negara kecil...

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Ya.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan. Sebentar tadi Yang Berhormat Setiawangsa ada menyebutkan tentang hutang RM1 trilion. Akan tetapi, kita telah pun dimaklumkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas sudah nyata tertulis di sini hutang cuma RM686 *million*. Jadi, Yang Berhormat Setiawangsa masih lagi menggunakan terminologi RM1 trilion itu? Jadi, jangan mengelirukan Dewan setelah kita sudah ada penjelasan yang begitu jelas dalam buku ini. Terima kasih. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Oleh sebab itu saya rasa Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak dengar ucapan saya. Saya kata hutang dan liabiliti yang berjumlah RM1 trilion ini termasuklah kontinjen liabiliti dan juga komitmen-komitmen lain. *[Dewan riuh]* Itu cara *calculation*. Jadi, saya tidak mahu masuk secara details sebab benda itu sudah dijelaskan bukan sahaja oleh saya malah oleh Menteri Kewangan. Apa yang saya mahu terangkan di sini, Kumpulan Wang Amanah Negara kita jumlahnya ialah RM15.4 bilion pada tahun 2016.

Akan tetapi Petroleum Fund of Timor-Leste, negara kecil yang hanya merdeka pada tahun 2002, mencecah RM68.7 bilion pada tahun 2014. *Economic and Social Stabilization Fund (ESSF) and Pension Reserve Fund (PRF)* Chile, ini adalah hasil daripada lombong tembaga ataupun kuprum mereka mencecah RM103 bilion pada tahun 2017.

Maka dengan pemulihan harga minyak sedunia pada masa hari ini, walaupun kita pun tidak tahu dengan ketegangan terbaru yang berlaku di Timur Tengah tetapi sekiranya harganya pulih mencecah USD100 ataupun lebih tinggi pada satu tong, maka sebuah mekanisme sumbangan yang lebih bermakna mesti dirangka oleh kerajaan. Malah, kerana kita punya hasil komoditi yang besar, bukan hanya petroleum, tetapi juga sawit. Maka, kita boleh meletakkan hasil kelapa sawit daripada syarikat-syarikat GLC seperti Sime Darby dan FGV untuk disalurkan ke Kumpulan Wang Amanah Negara ini apabila harganya mencapai satu tahap yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, pemeraksanaan ekonomi bumiputera harus menumpu kepada pengupayaan modal insan sebagaimana ketika permulaan DEB pada era Tun Abdul Razak dahulu. Kemudian, kerajaan telah lebih tertumpu kepada perolehan aset. Malah, golongan yang mempunyai hubungan atau kabel politik yang membolot kekayaan sedangkan majoriti bumiputera masih lagi berpendapatan rendah.

Bezanya jika pada tahun 1970-an tumpuan adalah pada pendidikan, kini sektor pekerjaan harus diberikan keutamaan. Pemberian gaji yang adil yang selaras dengan pembangunan ekonomi negara dan juga meningkatkan produktiviti tenaga kerja untuk semua rakyat Malaysia akan memberikan keuntungan besar kepada masyarakat bumiputera kerana golongan bumiputera merupakan majoriti pekerja B40.

Pendekatan agenda ekonomi bumiputera juga harus mengikut semangat yang digambarkan oleh Tun Dr. Ismail Abdul Rahman kepada Tan Sri Robert Kuok bahawa tindakan *affirmative* berasaskan kaum ini adalah seperti *handicap golf*, hanya relevan ketika masyarakat bumiputera masih ketinggalan. Agenda pemeraksanaan bumiputera harus membantu bumiputera yang betul-betul layak dan memerlukan.

Kita harus ada *road map* yang jelas ke arah satu dasar ekonomi yang berasaskan keperluan yang tidak mengambil kira kaum. Ini akan membolehkan negara mendepani ekonomi masa hadapan sebagaimana kerangka agenda ekonomi Malaysia yang diutarakan oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada tahun 2006. Dengan ini, perhatian juga mesti diberikan kepada rakyat India dan Cina yang berpendapatan rendah.

#### ■1630

Bantuan harus terus disalurkan melalui Program Isi Rumah B40 tanpa campur tangan politik atau dijadikan modal politik. Bantuan tidak seharusnya terhad kepada pembiayaan mikro kerana bantuan sebegini sahaja tidak cukup untuk menaikkan taraf dan ekonomi mereka. Usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup golongan B40 harus dipergiat dan diberi tumpuan khusus bagi mengurangkan ketidaksamaan antara kaum (*interracial*), sesama kaum (*intraracial*) dan antara wilayah (*interregional*). Hal ini bagi membolehkan kerajaan memperkukuh *inclusivity* ke arah masyarakat yang saksama



bertujuan untuk memastikan semua kumpulan masyarakat mengambil bahagian dalam ekonomi dan memperoleh manfaat daripada kemakmuran ekonomi.

Meskipun disebut dalam rancangan ini terdapat usaha memperkasa dan mengupayakan kumpulan minoriti iaitu Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta anak negeri Sabah dan Sarawak, penekanan terhadap golongan ini harus diperjelaskan dan dinyatakan dengan jelas. Oleh kerana walaupun terdapat dasar membantu golongan ini sebelum ini, bantuan itu tidak menyeluruh dan hanya dirasai segelintir sahaja. Sering kali bila kita bercakap tentang bumiputera, kita terlupa tentang kelompok-kelompok ini.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, akhir sekali kerana saya tinggal kurang daripada satu minit, saya ingin menekankan tentang infrastruktur pengangkutan. Dengan pembatalan *east coast rail line* ataupun kajian. Kajian semula bukan pembatalan, kajian semua *east coast rail line* (ECRL), kerajaan seharusnya mempergiat dan memastikan ketersambungan lebuh raya ke Kuala Krai, Kelantan akan dipercepatkan melalui *central spine road*. Begitu juga dengan perhubungan udara ke Kelantan, di mana Lapangan Terbang Kota Bharu juga mesti diperbesarkan dan ditambah baik memandangkan lapangan terbang tersebut terlalu sesak.

Pembinaan pengangkutan awam juga harus menyeluruh dan pragmatik demi menghubungkan rakyat dari kawasan kediaman ke kawasan tumpuan ekonomi dan bekerja. Dua perenggan lagi. Perkhidmatan bas percuma, GOKL harus diperluaskan di Kuala Lumpur bagi memastikan perkhidmatan bas ini memberikan hubungan *last mile*, dengan izin, antara perumahan dan pengangkutan awam sedia ada seperti LRT, MRT dan lain-lain lagi mengikut contoh kejayaan Bas SMART Selangor. Selama ini, bas GOKL ini hanya tertumpu pada laluan pelancongan dan bukannya laluan ekonomi rakyat.

Akhir sekali, dengan pertambahan kemudahan pengangkutan awam yang sedia ada, DBKL sewajarnya memperbanyakkan kawasan letak kereta di bawah talian elektrik yang berstatus TOL ataupun kawasan letak kereta bertingkat berhampiran stesen pengangkutan awam. Ini akan turut memperbaiki elemen *last mile* pengangkutan awam. Maka dengan ini, Setiawangsa menyokong perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Salak. Sebelum Yang Berhormat Pasir Salak, sukacita saya hadiahkan satu pantun.

*Bercakap bersopan santun,*

*Dalam susah tuntun-menuntun,*

*Dalam senang santun menyantun,*

*Jika ada silap memohon ampun.*

Sila. [Tepuk]

**4.33 ptg.**

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Saya nak balas sedikit.

*'Hanya Maniam yang mengenal manikam'. [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya bukan Maniam, kamu bukan manikam.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jauhari mengenal manikam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, tinggal 19 minit lagi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kajian semula Rancangan Malaysia Kesebelas ini adalah satu kajian kepada perancangan kita untuk memajukan negara dan rakyat Malaysia menjadi sebuah

negara maju dan rakyat menjadi rakyat yang berpendapatan tinggi, hidup dalam keadaan yang aman damai dan sejahtera.

Ini matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas dan telah dilaksanakan dalam tempoh sejak daripada 2016 – 2017. Seharusnya kita mengucap syukur kepada Allah SWT kerana kita telah dikurniakan ekonomi yang baik dan negara kita berada di dalam keadaan yang berjaya, rakyat menikmati kemakmuran negara. Saya berkata demikian berasaskan kepada laporan yang dibentangkan oleh kerajaan sendiri. Ini bukan daripada pembangkang atau daripada saya tetapi kerajaan sendiri yang mengakui.

Dalam laporan ini mengatakan bahawa dalam tempoh kajian ini, ekonomi kita berkembang dan rakyat mendapat berbagai-bagai faedah daripadanya. Keadaan hidup yang lebih sejahtera, pendapatan yang lebih tinggi, peluang pekerjaan dan keadaan kesihatan yang terjaga. Rumah-rumah mampu milik, keadaan hidup yang selamat, *gross domestic product* meningkat kepada 5.1 peratus dan *employment* berada dalam keadaan penuh atau *full employment*.

Jadi, ini semuanya yang menunjukkan bukti-bukti kejayaan ekonomi kita dalam tempoh 2016 dan 2017. Kita bukan nak menuntut kepada pihak kerajaan memberikan kredit kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dulu. Cuma nak mengingatkan bahawa kita telah mewariskan keadaan yang begitu baik, stabil. Kita berharap dan mendoakan kepada Allah SWT semoga kerajaan yang baharu ini, Pakatan Harapan akan membawa negara kita dan rakyat Malaysia ke mercu kejayaan yang lebih tinggi lagi. Kita tidak berdengki di atas kemenangan Pakatan Harapan. Kita terima baik dan sebenarnya kita patut mengucap syukur kepada Allah SWT. Kita telah memindahkan kuasa pemerintahan dengan cara yang baik dan dengan tidak berlakunya masalah sepertimana yang berlaku di tempat-tempat atau negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan. Apabila mengkaji semula Rancangan Malaysia Kesebelas ini, saya ingin menarik perhatian kepada kedudukan ekonomi di luar bandar. Bagaimana saya lihat dalam laporan ini, perancangan Pakatan Harapan begitu hebat sekali. Saya sokong penuh apa yang telah dituliskan di dalam laporan ini dan saya berharap ianya akan dilaksanakan dengan penuh komitmen.

Melalui pengalaman kita, kadang-kadang kita merancang hebat dalam dokumennya, pelaksanaannya belum tahu. Hari ini pun kita tengok barisan Menteri dan Timbalan Menteri tidak ada. Itu menunjukkan bahawa mereka *are not very interested*. Tidak minat. Mungkin sibuk kerja lain. Ya, saya dulu Timbalan Menteri juga. Tak ada sibuk manalah Timbalan Menteri, tak usah nak *act* lah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Oh! So dulu tak ada kerja lainlah?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Eh! Dulu pun banyak kerja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Banyak kerja tetapi kita tahu *manage, time management*. Jadi, masalah di luar bandar ini masih bergantung pada ekonomi yang ada sekarang. Pertanian, penternakan, nelayan, sayur-sayuran dan sebagainya. Keadaan ini tidak boleh kekal begitu. Kalau kita hendak membangunkan penduduk luar bandar yang terdiri daripada berbilang kaum, Melayu, Cina dan India, India di estet-estet. Saya dapat sokongan hebat untuk pengetahuan Yang Berhormat Jelutong, daripada pengundi India, tahu?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Dengar itu ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Oleh sebab saya prihatin kepada masyarakat India dan juga sokongan daripada masyarakat Cina. Di Langkap, di Chucap, semua puji saya sebagai wakil rakyat yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Betul kah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Akan tetapi janganlah ganggu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta, sikit sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Duduklah dulu. Ganggu nanti hilang kita punya fokus.

■1640

Ya, *you* tidak percaya. Semua orang kata Ahli Parlimen, Dato' Sri Tajuddin baik. Akan tetapi apabila mengundi, mereka tidak bagi saya. [*Dewan ketawa*] Sebab bukan kerana tidak baik, kerana terpengaruh agenda DAP. *This is the problem. [Ketawa]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan. Sikit, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak sengaja mengundang kekecohan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya bagi penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini adalah motif. "*Ada udang di sebalik batu*".

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Pasir Salak memang mempunyai sokongan di antara pengundi India dan Cina. Saya yakin Yang Berhormat merupakan seorang yang selalu memberi perkhidmatan yang terbaik saya difahamkan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Oh! Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tapi pada masa yang sama...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa masalah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya juga tertanya mengapakah Yang Berhormat di sini baik, tapi selalu menganjurkan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menganjurkan apa?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...pergerakan-pergerakan seperti ataupun anjurkan majlis-majlis yang boleh mengganggu gugat ketenteraman seperti ketika Yang Berhormat berucap dalam Perhimpunan Melayu Bangkit.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan seperti sini. Marah ketika itu, mengapa?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nanti saya jawab kemudian. Ini kan nanti...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini adalah persoalan, jangan salahkan DAP.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I have a very important...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Petang ini saya sudah sejujukan hati dia tadi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jangan salahkan DAP Yang Berhormat. Tolong jangan salah DAP, salahkan diri sendiri. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I will answer to your concern.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terus, terus.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini ekonomi luar bandar....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Fokus, fokus kepada Rancangan Malaysia.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Tidak boleh bergantung kepada keadaan ekonomi sekarang. Saya hendak minta kepada pihak kerajaan yang ada pada hari ini. Saya sudah minta dulu juga kepada Kerajaan Barisan Nasional dan

ada lah respons tapi kita hendak buat perubahan ini bukan senang. Sekarang Kerajaan Pakatan Harapan, saya minta kalau boleh *bring the industries to the rural areas*. Jangan tumpu Lembah Klang, jangan tumpu kepada Butterworth, Johor Bahru dan sebagainya. Kita boleh mencapai matlamat serampang dua mata. Kita menyelesaikan masalah kepadatan di dalam bandar-bandar kalau sekiranya kita bawa pembangunan ke luar bandar.

Saya minta supaya Kementerian Perindustrian mengambil inisiatif untuk membawa projek-projek industri ke luar bandar. Boleh dilakukan, dulu berlaku di Kulim Hi-Tech, boleh di Sungai Petani, boleh di Tanjung Malim ya. Boleh, tidak ada masalah. Pelabur-pelabur daripada luar Tuan Yang di-Pertua, mereka bergantung panduan daripada kita. Kalau kita bawa mereka ke tempat yang sesuai, sekarang di Malaysia ini walaupun di luar bandar, di kampung-kampung, tidak ada masalah untuk perindustrian. Kita ada segala-galanya. *We have roads*, kita ada *water*, ada *electricity*, ada macam-macam kemudahan. *There is no problem* untuk industri datang ke luar bandar. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Pengalaman yang lalu sering kali berlaku apabila satu industri itu dibawa bergantung di mana Perdana Menteri, siapa Perdana Menteri, siapa Menteri Perindustrian dan sebagainya. Tentu sekali kalau kita lihat dulu Perdana Menteri dari Kedah, Kedah lebih banyak menerima industri-industri besar dan begitu juga apabila beralih dan sebagainya, kawasan baru itu mendapat perhatian yang lebih. Adakah Yang Berhormat melihat ini sebagai sesuatu yang perlu dibetulkan agar agihan industri dan juga pertumbuhan ekonomi itu dapat disamaratakan termasuk di kawasan-kawasan luar bandar.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Faham. Ya, kalau kita memikirkan tentang kepentingan rakyat, itulah yang sepatutnya dilakukan oleh MITI, berlaku adillah kepada semua kawasan ya. Perdana Menteri hendak tempat dia, buatlah, tidak ada masalah. Menteri Perdagangan Antarabangsa hendak buat di tempat dia, bawalah tapi jangan lupa kawasan lain. Kawasan-kawasan yang lain juga kita bawa demi untuk kepentingan rakyat.

Apabila industri dibawa ke luar bandar, dia beri peluang kepada penduduk sana bukan saja *employment*. Saya tidak begitu minat sangat, bukan tidak minatlah. Saya kadang-kadang berasa tidak begitu bersemangatlah kalau pelaburan FDI, DDI melaksanakan apa-apa projek, hanya memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk, rakyat, ini tidak cukup. *We*, kita tidak mahu rakyat kita hanya menjadi pekerja, menjadi buruh kepada industri-industri yang datang daripada luar. Mereka mengaut kekayaan dengan menjalankan perniagaan dan menggunakan tenaga kita, rakyat kita sebagai pekerja sahaja. Tidak cukup.

Kita kena fikirkan bagaimana hendak membangunkan ekonomi rakyat selain daripada peluang pekerjaan. Jadi berilah perancangan, strategi perancangan di mana rakyat di luar bandar itu akan menjadi vendor, pembekal, pengusaha yang *compliment* kepada industri yang diwujudkan di kawasan mereka. Ini akan memberikan kekayaan baru kepada penduduk luar bandar ya Tuan Yang di-Pertua.

Saya menyarankan supaya dibawalah. Ini Kuala Lumpur ini sudah penuh ini. Apa yang tumpu di Kuala Lumpur juga, di Petaling Jaya saja, kenapa? Kenapa tidak dibawa ke Sungai Buloh, bawa ke Tanjung Malim, bawa ke Tapah. Kalau sebelah selatan bawa ke *Penang*. Jelutong situ sudah cukup bangun sudah, tidak payahlah. Ya tidak.

Jadi dengan ini kita akan mengatasi banyak masalah. Masalah ekonomi, masalah pengangkutan, masalah perumahan ya, dapat diatasi. Masalah *cost of living*. Kalau duduk di luar sana, kos sara hidup rendah, pengangkutan rendah, rumah rendah, perbelanjaan barang-barang rendah. Ini duduk di Kuala Lumpur, gaji empat ribu, lima ribu tidak cukup. RM10 ribu pun *struggling*. *But if you earn four or five thousand*, duduk di Tanjung Malim, *that is a lot of money*. So, ini strategi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak duduk mana?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak duduk mana?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya duduk di Kampung Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kuala Lumpur.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kampung Gajah, *very cheap*. Hari-hari saya makan udang galah, kalau balik Kampung Gajah. Ya. Akan tetapi kalau di Kuala Lumpur, udang galah satu kilo RM100, RM50, tetapi kalau di tempat saya RM30-RM40. Itu sebab siapa-siapa yang datang ke tempat saya, selalu saya belanja udang galah. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti *high cholesterol*. Kolesterol tinggi ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong pergi, Jelutong. Tidak jemput pun.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dia sudah ajak itu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa dia? Yang Berhormat Jelutong tidak payahlah. [Ketawa] Jadi itu dari segi pembangunan di luar bandar, *urbanization, industrialization*. Saya cakap orang putih laju sikitlah. [Ketawa] *And then cottage industry, vendors, this and that. There are so many things you can do when the rural area is developed as a new growth centre, a new township.* Ya, jangan tumpu di Kuala Lumpur, di Seremban, di Johor Bahru, di Pulau Pinang. Ini Menteri Kewangan ini, hendak jaga sikit, Pulau Pinang, Pulau Pinang. Ya.

Okey, saya hendak sebut lagi dari segi *economic growth*. Dalam laporan ini ada sebut pertumbuhan ekonomi *to strengthen the economic growth*. Apa kita mesti buat? Dia sebut dari segi *statement* ya. Kita perlukan FDI, DDI untuk membangunkan ekonomi dalam negara kita. Saya hendak ulang balik, FDI ini kena jaga sikit kerana mereka datang cuma untuk tujuan mengaut keuntungan. Kalau sekiranya keadaan tidak begitu menjamin keuntungan, mereka akan lari. *In fact* kalau kita tengok daripada Bursa Saham, dia datang sekejap, dia cabut. Dia datang sekejap, dia cabut.

*Fund managers and all that, they bring money short-term, medium-term, long-term* jarang sekali. *They want to make quick bucks.* Keuntungan yang cepat. Jadi kita kena bergantung kepada pelabur-pelabur yang *genuine*, yang betul-betul untuk membangunkan negara kita ini, tidak lain dan tidak bukan ialah DDI, *domestic direct investment*. Ini rakyat Malaysia, kita minta kerajaan supaya menggalakkan pengusaha-pengusaha dalam negara untuk melabur, untuk menjayakan pembangunan ekonomi dan rakyat negara kita ini.

#### ■1650

Banyak *companies* yang kerajaan sudah tolong. Saya boleh sebut *a few*. YTL umpamanya. Berjaya Group. Lagi apa?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** 1MDB.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ananda Krishnan. Adik-beradik you tu. [Ketawa] Yang Berhormat Jelutong. *Don't lie. Genting Highlands, all that. They are making tons of money. Billions of dollars. What are they doing? And then most of them* dapat semua itu daripada pertolongan kerajaan. *License, everything we give it to them.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Irwan Serigar pun dapat RM2.94 *million*. Tidak buat apa pun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu dia bukan dia yang berniaga. Dia bukan pengusaha. *You* faham-faham sudah lah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jho Low. Jho Low jangan lupa sebut.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jho Low? Nanti / jolok you baru tahu. *You* tahu apa makna jolok? [Ketawa] Ini masa pun sudah hendak habis. Kacau lah. Ini berkenaan dengan *human capital development*. Kita fahamlah. Sekarang ini banyak anak-anak Melayu, anak-anak bukan Melayu pun, anak-anak orang India pergi ke universiti dia hendak dapat itu sijil. Dapat itu *degree* hendak minta kerja. *It's only going to the university to get a passport* untuk mendapatkan pekerjaan. Kita hendakkan mereka menjadi usahawan,

*entrepreneurs. Practitioners*, yang menggunakan ilmu dan pengetahuan mereka belajar di universiti, di *colleges all that* untuk menjadikan alat kepada mereka untuk menjadi lebih berjaya di dalam kehidupan. Tidak boleh hanya setakat makan gaji. Jadi saya ingin menarik perhatian Menteri Pelajaran supaya melihat. Menteri tidak ada. Kosong. Jadi kita bercakap dengan kerusi dia sahaja lah. *[Ketawa]*

Bercakap dengan kerusi. Menteri Pelajaran harap-harap sampai juga tu. *We have to revamp the education system in such a way the students that graduate from the universities, they become entrepreneurs, become businessmen, become engineers, become those people* yang boleh berdikari. Tidak hanya menunggu peluang pekerjaan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan, Yang Berhormat. Sikit sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kacau lah. Okey cepat. Setengah *second*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Walaupun mereka bersedia untuk menjadi *entrepreneurs* yang berjaya, tetapi peluang tidak diberikan. Peluang diberikan kepada orang-orang tertentu yang mempunyai kepentingan sendiri. Jho Low, Arul Kanda, Irwan Serigar, mengapa?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya lah. Sekarang saya minta PH bagi lah peluang itu. Kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak bagi peluang, *you* lah bagi sekarang.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Itu lah Barisan Nasional baru bagi kepada Arul Kanda.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya. Sekarang ini *you* bentang sini. Kata pembangunan untuk tempoh 2018 sampai 2020. Tempoh ini bagi lah dan saya hendak ingatkan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Minta laluan sikit saja. Kalau macam ini hendak bagi macam mana? Ini adakah Menteri-menteri ini berminat hendak KSP ini? Seorang pun tidak ada ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak apalah. Tidak lama esok kita tukar lah mereka itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, masa sudah tamat Yang Berhormat. Gulung.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Gulung ya. *Last* sekali, *stability. Political stability to answer your question just now. Give me one. You can call me ultra-Malays. I'm not. I'm also ultra-Indian* you tahu tak? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sejak bila?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I'm ultra-Indian, I'm ultra-Chinese because I love them all.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak, Ultraman lah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *But I'm not Ultraman.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** *Ultra* semua. *Ultra-Cina, ultra-Malay, ultra-India, Ultraman* lah. Auta man kah Ultraman? *[Ketawa]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini hendak jawab perhimpunan yang *I* buat. *I want to tell you this. I want to stress this. We are only defending our rights. Is it wrong?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Menggulung. Masa sudah habis.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *There is nothing wrong.* Kita mempertahankan hak kita sebagai bumiputera. Hak kita sebagai orang Islam. *We don't disturb you. You are so successful. We are so left behind. But we are not jealous.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, *60 years of UMNO rule. 60 years UMNO was running the country. What did you all do for the Malays? What has UMNO done? UMNO robbed the Malays.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat. Sekarang saya tutup.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *You have robbed the Malays. UMNO robbed the Malays. Yang Berhormat Pekan robbed the Malays.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong duduk!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Bagan Datuk *robbed the Malays.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang sekarang saya jemput Yang Berhormat Tenom. Masa sudah tamat. Yang Berhormat Tenom, sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita lawan di luar ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Selepas itu Yang Berhormat Beluran.

4.55 ptg.

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]:** *[Ucapan alu-aluan dalam bahasa Murut]* Selamat petang dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang dan peluang dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan Rakyat yang mulia ini. Saya juga berbesar hati dalam ucapan pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang lalu telah menyebut kaum Murut sebaris dengan kaum-kaum utama lain di Malaysia bagi bersama-sama untuk membangunkan negara dalam erti kata sebenarnya sebagai rakyat Malaysia.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan kaum Murut sebaris dengan kaum lain, saya tertanya-tanya juga, apakah sumbangan besar kami yang sudah dilaksanakan kepada negara selama ini? Ternyata apa yang difikirkan oleh saya ada asas dan kebenarannya kerana masyarakat Murut juga adalah sebahagian yang telah menjadikan peralihan negara Malaysia ke arah sebuah negara maju dan inklusif. Masyarakat Murut termasuk rakyat Sabah secara menyeluruh akan terus menyokong dan menjayakan enam tonggak RMKe-11 di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Saya percaya dan penuh yakin usul Kajian Separuh Penggal RMKe-11 memberi harapan besar kepada rakyat Sabah terutama merencanakan pembangunan luar bandar apatah lagi ia pelan terakhir untuk merealisasikan Wawasan 2020. Saya juga berharap Kerajaan Sabah dapat menubuhkan jawatankuasa tertinggi serta jawatankuasa kerja penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan enam tonggak RMKe-11 benar-benar diambil inisiatif sebagai satu langkah reformasi ekonomi baharu.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Kerajaan Pakatan Harapan memerintah lebih lima bulan lalu, tidak dinafikan keadaan ekonomi negara tidak stabil dan tidak menentu kesan kepimpinan kerajaan yang lalu. Rakyat memahami akan situasi ini apatah lagi pengambilalihan kuasa daripada tampuk yang lama mempunyai cabaran yang begitu hebat. Kalau dilihat kepada ekonomi makro, memanglah disifatkan sebagai baik apatah lagi Kerajaan Pusat sendiri menaruh harapan adanya permintaan kukuh dalam kalangan negara rantau Asia. Malahan permintaan swasta dijangka kekal menerajui pertumbuhan ekonomi dengan pelaburan swasta berkembang 5.7 peratus setahun. Soalnya sekarang, rakyat ingin tahu bagaimana dan apakah bentuk program yang memulihkan keadaan dan pembangunan ekonomi negara pada jangka pendek dan jangka sederhana?

Saya melihat pemulihan ekonomi secara drastik perlu ada supaya rakyat dapat merasainya dan menikmatinya sama seperti di Parlimen Tenom soal pemulihan ekonomi penting kepada rakyat. Perlu kita ketahui bahawa ketidaksamaan di peringkat negeri dan tahap pendapatan rendah dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau B40 masih berterusan dan dirasai. Walaupun kadar inflasi secara relatif adalah rendah, namun kos sara hidup semakin meningkat dan terus membebankan isi rumah B40 apatah

lagi kawasan Tenom dan Sabah sendiri. Ketidakseimbangan prasarana luar bandar masih jauh atau jurang yang melebar dan perkara-perkara sebegini memang membimbangkan dan mendatangkan ketidakpuasan hati dalam kalangan rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama Kerajaan Pusat sentiasa mengutamakan pembangunan wilayah dalam memastikan tidak ada mana-mana negeri tertinggal jauh di belakang. Perkara yang sama ini adalah perjuangan atau teras utama saya dalam memastikan ada usaha-usaha untuk terus memperkukuhkan pembangunan ekonomi wilayah.

Saya ingin tahu setakat mana sebenarnya penyelarasan antara negeri bagi penyediaan infrastruktur dioptimumkan terutama di Sabah. Saya faham kerajaan akan memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Umpamanya rangkaian jalan raya akan diperluas dengan membina dan menaik taraf 1,500 kilometer lagi jalan luar bandar. Selain itu, kerajaan juga memperluas akses kepada bekalan air bersih dan terawat meliputi sasaran 60,000 tambahan rumah, meluaskan akses bekalan elektrik kepada sasaran 41,160 tambahan rumah.

#### ■1700

Akan tetapi Pakatan Harapan perlu mewujudkan satu mekanisme dalam memastikan projek mana yang perlu diutamakan, dipentingkan dan difokuskan secara terarah. Di Parlimen Tenom sebagai contohnya, masih banyak jalan raya yang perlu diturap dan dibaik pulih. Kerajaan Pusat perlu mempercepatkan pembaikan dan naik taraf jalan raya di Jalan Ulu Tomani ke Bakuku, Jalan Kemabong Rundum, Jalan Bisilu Tumantalik dan jalan-jalan pertanian serta jalan yang menghubungkan kampung-kampung yang lain di Parlimen Tenom.

Sebenarnya rakyat di Tenom sudah lama menantikan pembaikan dan penaiktarafan jalan raya- jalan raya ini. Tenom juga perlu antara lain sebuah kompleks sukan yang baharu, sekolah-sekolah daif yang perlu dibaiki dan mesin dialisis perlu ditambah di hospital di Daerah Tenom. Tuan Yang di-Pertua, Sabah merupakan negeri yang kaya dengan sumber alam seperti petroleum, gas asli, kayu balak dan negeri ini menjana pendapatan melebihi RM10 bilion setahun.

Namun kenapa masih banyak jalan-jalan pendalaman di Sabah masih belum diturap. Jalan-jalan ini merupakan penghubung utama dan laluan penduduk kampung untuk menjalankan aktiviti seharian juga sebagai laluan anak-anak ke sekolah. Kesimpulannya di sini, rakyat di pendalaman amat mengharapkan pembelaan daripada pihak kerajaan khususnya dari segi kemudahan-kemudahan asas, prasarana dan infrastruktur yang lebih baik di bawah pentadbiran kerajaan yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era moden ketika ini satu lagi keperluan harian hidup ialah infrastruktur digital yang perlu dipertingkatkan untuk memperluas liputan dan menambah baik kualiti jalur lebar. Saya pohon supaya kementerian berkaitan turun padang ke Parlimen Tenom untuk melihat sendiri bahawa keperluan menara telekomunikasi baru adalah mendesak. Jangan anggap penduduk luar bandar hanya sekadar bergantung kepada pekerjaan pertanian dan ladang semata-mata tetapi ramai juga aktiviti luar bandar berasaskan perniagaan dan pekerjaan dalam industri asas tani, ekopelancongan dan agropelancongan yang memerlukan perkhidmatan internet yang baik.

Ramai penduduk luar bandar sekarang sudah menjadi e-usahawan. Oleh sebab itu keperluan internet ini adalah satu punca yang boleh mempercepatkan pembangunan penduduk di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan terdahulu mereka kata kadar penembusan jalur lebar sudah capai 81.8 peratus di seluruh negara dan di Sabah mencapai 51 peratus sahaja. Mungkin Pekan Tenom adalah dalam lingkungan 51 peratus itu, akan tetapi perkhidmatan talian telekomunikasi jalur lebar 3G dan 4G adalah kurang stabil. Di sini ada, di sana tiada, sekejap ada, sekejap tiada, begitulah keadaannya perkhidmatan talian telekomunikasi jalur lebar ini di Tenom.

Jadi diharapkan kerajaan sekarang perlu untuk memastikan kadar penembusan itu lebih besar dan meluas dan saya percaya pakej-pakej baru internet dengan kadar yang lebih murah dapat membantu mempercepatkan pembangunan wilayah. Usaha itu pasti akan lebih berjaya apabila Jawatankuasa Khas Kabinet yang ditubuhkan untuk kaji semula dan melakukan pelaksanaan yang wajar bagi Perjanjian Malaysia 1963. Umpamanya agihan pendapatan petroleum dan gas di Sabah perlu lebih adil dan lebih banyak kerana itu adalah punca sumber pendapatan yang paling realistik dalam keadaan ekonomi sekarang.



Kemakmuran rakyat Sabah sekarang ini perlu dijaga dengan seelok-eloknya. Saya percaya permasalahan jalan raya, bekalan elektrik dan air bersih, program perumahan, rakyat termiskin dan pembangunan ekonomi setempat dapat dijana dengan baik dalam tempoh akan datang ini. Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan rakyat berkaitan secara langsung dengan kesejahteraan hidup. Dalam sebuah negara kesejahteraan hidup merupakan aspek yang semakin diberi penekanan dalam pengukuran kejayaan sesebuah dasar.

Meskipun Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju berasaskan perindustrian menjelang tahun 2020, namun sektor pertanian masih tidak boleh dinafikan sumbangannya terhadap ekonomi negara sama ada dari sudut pendapatan negara secara keseluruhan mahupun dari sudut peluang pekerjaan. Ini contoh terbaik antara bandar di Shah Alam dan pekan di Tenom sebagai satu perbandingan. Justeru kajian tentang golongan petani amat penting terutamanya berkaitan aspek kesejahteraan hidup memandangkan pentingnya kesejahteraan hidup itu sebagai syarat menjadi sebuah negara maju.

Sebelum Malaysia diiktiraf sebagai negara maju perlu terlebih dahulu setiap negeri mencapai taraf negeri maju seperti Sabah yang mempunyai kepelbagaian sumber alam yang boleh memberikan kekayaan pendapatan negeri. Kesejahteraan rakyat ini selain berkaitan dengan peluang untuk terus hidup dan kepuasan dalam memenuhi keperluan psikologi, kualiti hidup juga merangkumi kepuasan terhadap emosi seperti berpuas hati dengan kebebasan, keadilan dan peluang untuk seseorang individu membesar dan berkembang dengan baik tetapi ia turut menekankan apakah yang ditawarkan oleh kerajaan pemerintah.

Kesejahteraan rakyat atau kualiti hidup sebenarnya sangat terkait dan memberi impak besar kepada pembangunan negara. Ini kerana pembangunan negara dan kesejahteraan hidup merupakan entiti kepada elemen ruang, setiap ruang atau kawasan yang mempunyai suasana, persekitaran, ideologi mahupun kebudayaan yang berbeza akhirnya akan membentuk satu kesejahteraan rakyat yang unik dan mempengaruhi pembangunan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyokong kesejahteraan rakyat itu penting saya ingin mengesyorkan supaya ada tambah baik kepada ketidakseimbangan pendapatan rakyat secara keseluruhannya. Umpamanya membangunkan industri kecil dan sederhana akan dapat meningkatkan permintaan terhadap hasil dalam sektor pertanian. Saya juga melihat industri kecil dan sederhana dapat meningkatkan pendapatan penduduk. Memang program-program seumpama ini sudah ada dan dilaksanakan secara meluas, cuma perlu diperkukuhkan lagi industri kecil dan sederhana ini didirikan dengan banyak di kawasan luar bandar selaras dengan konsep, 'Satu Kampung Satu Produk'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada disebut mengenai meningkatkan kuasa beli rakyat. Ini satu lagi elemen yang perlu diberikan perhatian. Saya percaya dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 ia merangkumi bajet 2019 dan bajet 2020 bagi menyediakan strategi tertentu bagaimana adanya usaha untuk meningkatkan kuasa beli rakyat. Sudah tentu bajet 2019 perlu mempunyai dasar meningkatkan lagi kuasa beli golongan berpendapatan sederhana. Saya syorkan Kerajaan Pakatan Harapan menaikkan pengecualian cukai ke atas simpanan dan berapa barangan makanan, pengurangan cukai import beberapa barangan pengguna serta mengurangkan kadar cukai jalan kenderaan penumpang berenjin diesel.

Penggunaan kenderaan berenjin diesel ini banyak digunakan di kawasan luar bandar terutama di Sabah. Oleh sebab itu Kerajaan Pakatan Harapan perlu dilihat mempunyai inovasi dan pembaharuan yang memberikan kesan positif kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menjelaskan bahawa negara kecil dan terbuka seperti Malaysia sangat bergantung kepada persekitaran ekonomi dunia. Banyak contoh dari negara lain bahawa dasar yang baik dan disusuli dengan pelaksanaan yang rapi pun hanya mampu untuk mengurangkan kesan negatif yang lebih teruk daripada terus menular kepada ekonomi domestik.

Ringkasnya jika negara kita yang dicintai ini ingin menikmati pembangunan mampan dan kos sara hidup rendah seperti di negara maju lain sebenarnya menuntut kepada pengorbanan dan usaha berterusan semua golongan masyarakat. Kerajaan hanya berfungsi sebagai pemudah cara dan penyedia prasarana yang diperlukan untuk pembangunan ke arah urbanisasi menuntut masyarakat untuk lebih berusaha dan bukannya mengharap. Harapan hanya akan tinggal harapan tanpa usaha dan pengorbanan daripada semua pihak.

Dengan itu saya pohon menyokong dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2018-2020 yang memberi keutamaan dan penekanan baru ke atas dasar strategi inisiatif sedia ada serta memperkukuh tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosial ekonomi yang lebih konklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

■1710

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beluran. Sila.

5.10 ptg.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ramai di sini yang duduk di sebelah sana sekarang ini, duduk sebelah sini sebelum ini bercakap tentang *separation of power*, pengasingan kuasa antara *legislative*, *legislature*, *judiciary* dengan *executive*. Namun apabila ada yang duduk sebelah sana sekarang ini tindakan pertama yang kita lihat adalah pelanggaran terhadap pengasingan kuasa.

Pada saya insiden rombongan penguat kuasa daripada Jabatan Kesihatan melakukan tindakan penguatkuasaan di kawasan parameter Parlimen ini merupakan satu pelanggaran terhadap doktrin konsep pengasingan kuasa yang dipraktikkan oleh Parlimen dan juga Parlimen-parlimen di luar negara. Tentu sekali lazimnya *convention* Parlimen-parlimen luar negara di *Parliament of Australia* umpamanya diperjelaskan bahawa kuasa di parameter Parlimen itu merupakan kuasa Speaker. Ada juga Parlimen yang tidak memperuntukkan peraturan dalam peraturan mesyuarat tetapi menjadi *convention* bahawa parameter Parlimen itu merupakan *jurisdiction* kepada *presiding officer*. Pada saya itu merupakan satu pelanggaran *usurping the power of the speaker*.

Bukan soal merokok, tetapi soal pelanggaran kuasa. Sebab itu apabila kita bercakap tentang pengasingan kuasa, tentang pemerkasaan Parlimen, doktrin pengasingan kuasa, harus menjadi pegangan pada semua orang. Jadi, rakan-rakan yang duduk sebelah sana, yang ketika duduk sebelah sini bercakap tentang pengasingan kuasa harus melakukan, mempraktikkan konsep dan doktrin itu.

Jadi, kita tidak mahu melihat banyak lagi penguat kuasa-penguat kuasa daripada agensi-agensi yang lain yang datang di Parlimen ini, kompaun Parlimen ini untuk melakukan penguatkuasaan. Saya mengucapkan tahniah, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sensitif terhadap keperluan doktrin pengasingan kuasa yang jelas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat reformasi terhadap Parlimen. Tentu sekali apabila dimaklumkan, diumumkan dalam pembentangan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini dan menyentuh tentang hasrat kerajaan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan sebagai satu tindakan untuk memperkasakan Parlimen. Saya melihat bahawa jawatankuasa Parlimen telah pun bermesyuarat dan menentukan satu bentuk suruhanjaya.

Apa pun istilahnya, sama ada suruhanjaya dalam konteks Akta Perkhidmatan Parlimen itu tetapi pokoknya autonomi Parlimen dari segi pentadbiran, dari segi kewangan, harus kembali kepada Parlimen ini. Apa pun alasan pemansuhan yang lalu itu harus dijadikan iktibar dan panduan tetapi tiba masanya bagi kita untuk melihat autonomi, pentadbiran dan kewangan Parlimen dikawal oleh Parlimen sendiri. Kita haruslah melakukan transformasi, reformasi. Transformasi kerajaan yang lalu. Reformasi ini, apa juga istilah tetapi memperkasakan melalui reformasi harus berjalan seiring kerana banyak kali kita bercakap tentang transformasi pentadbiran, transformasi kehakiman tetapi reformasi Parlimen ini adalah reformasi cabang kerajaan yang jarang sekali dilakukan kerajaan. Sebab itu saya mengalu-alukan.

Apatah lagi pengumuman bahawa SPRM, SPR, Jabatan Audit, Suruhanjaya Kehakiman diletakkan di Parlimen. Tentu sekali konteks mekanismenya harus diperincikan. Jabatan SPR letak di jawatankuasa mana, SPRM di letak di jawatankuasa mana. Jadi, ini seiring. Saya melihat ini seiring dengan kehendak Parlimen sekarang ini untuk menuju kepada sistem jawatankuasa seperti Parlimen-parlimen yang lain lakukan. Parlimen-parlimen yang lain. Kalau kita lihat dari segi pencapaian demokrasi dan *development democracy*, kita

melihat Indonesia lebih ke belakang daripada kita tetapi dari segi demokrasi Parlimen mereka, mereka lebih awal mengamalkan konsep jawatankuasa dalam Parlimen mereka.

Jadi, kehendak jawatankuasa Parlimen melalui untuk menubuhkan pelbagai jawatankuasa pilihan yang telah disenaraikan sebanyak lapan belas jawatankuasa pilihan yang dicadangkan oleh jawatankuasa Parlimen dan juga telah dibentangkan dalam dewan ini, tujuh, enam jawatankuasa pilihan termasuk lah Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang, Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet, Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Negeri, Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender, Hubungan antara Negeri-negeri Persekutuan, melantik jawatankuasa khas untuk melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam merupakan satu langkah ke hadapan untuk Parlimen ini.

Cuma, saya tertanya mengapa ke arah sistem jawatankuasa pilihan khas ini tidak disentuh oleh Perdana Menteri ketika membentangkan laporan Kajian Separuh Penggal kecuali bercakap tentang beberapa suruhanjaya diletakkan di bawah Parlimen dan juga bercakap tentang mengembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen. Jadi, ke arah jawatankuasa pilihan khas ini sepatutnya disentuh secara menyeluruh dan terperinci oleh Perdana Menteri dalam pembentangan. Untuk mengimbangi kehendak Parlimen dan juga kehendak eksekutif untuk melihat Parlimen ini menuju ke satu Parlimen yang lebih ke hadapan.

Tentu sekali kalau kita bercakap tentang memperkasakan Parlimen, beberapa perkara yang sekarang ini tidak jelas dalam Parlimen kita perlu diambil selain daripada pembentukan jawatankuasa khas mengembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen dan sebagainya. Beberapa perkara yang tidak jelas dalam peruntukan peraturan mesyuarat. Saya tentu sekali ingin bertanya sama ada kerajaan bersedia untuk memperkasakan *private member's bill* dalam Parlimen kita.

Kalau kita tengok setiap hari kita akan melihat berpuluh cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dalam aturan urusan mesyuarat daripada bilangan kedua hingga bilangan ke tujuh belas dalam aturan urusan mesyuarat setiap hari. Ada *private member's bill* dalam aturan urusan mesyuarat. Akan tetapi tidak pernah *private member's bill* ini dapat dibahas di dalam Dewan. Kerana apa? Kerana ada nya kekangan peraturan 15 daripada buku peraturan mesyuarat kita.

Peraturan 15 adalah perkara urusan kerajaan harus didahulukan sebab itu *private member's bill* tidak akan dapat dibahas di dalam Dewan. Jadi, seiring dengan kehendak untuk memperkasakan Parlimen, adakah perkara ini menjadi sebahagian daripada tumpuan kerajaan di masa akan datang?

Begitu juga kalau kita tengok, kehendak Ahli-ahli *Public Accounts Committee* untuk melihat prosiding PAC ini dilakukan, dijalankan secara terbuka bukan tertutup. Bukan tertutup, bukan tertutup. Ia juga dihalang oleh peraturan mesyuarat 85 di mana peraturan mesyuarat 85 mengatakan bahawa tidak ada keterangan, bahan bukti yang boleh dikeluarkan. Jika barang bukti dan keterangan itu dikeluarkan adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Malaysia, Akta 347 *Houses of Parliament (Privileges and Powers)* 1952. Dinyatakan di sini bahawa *section 9* dan *section 25*, kesalahan dan juga denda yg dikenakan disebabkan oleh kesalahan di bawah Peraturan Mesyuarat 85.

Jadi, kehendak PAC adalah untuk melihat, membawa prosiding PAC itu kepada orang awam. Perkara membuka prosiding kepada awam ini bukan satu perkara yang unik di Parlimen-parlimen yang lain. *Parliament Australia* umpamanya. *It has been provided in the* peraturan mesyuarat mereka, prosiding hanya akan ditutup jika dikehendaki tidak dibuka kepada orang awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Setuju kah Yang Berhormat jika kerajaan pinda undang-undang ini?

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, sebab itu saya hendak cadangkan kepada kerajaan, bertanya kepada kerajaan, adakah perkara ini menjadi sebahagian daripada perkara untuk memperkasakan Parlimen.

■1720

Inilah halangan untuk membuka Prosiding PAC kepada awam. Saya tengok Peraturan Mesyuarat 85 ini agak *outdated*. Parlimen kita sekarang dibuka kepada awam,

mahkamah dibuka kepada awam, butiran kenyataan saksi, *exhibit* terbuka kepada awam. Jadi tidak ada sebab mengapa Prosiding PAC tidak boleh dibuka kepada awam.

Saya berharap agar kerajaan mengambil perhatian terhadap perkara ini, Parlimen mengambil perhatian terhadap perkara ini. Seksyen 85 Peraturan Mesyuarat dan seksyen 9 dan 25 daripada Akta 347, *Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952* harus dibuat pindaan untuk menjadikan perkara itu satu realiti.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, Parlimen yang lalu di bawah Speaker yang lalu memperuntukkan penambahan kepada Parlimen, *we have this second Chamber* yang kita panggil sebagai Kamar Khas. Beberapa perkara terutama Peraturan Mesyuarat 17 dan Peraturan Mesyuarat 18 sekarang ini dibincang, dibahas di Kamar Khas.

Akan tetapi, Kamar Khas yang ada pada kita sekarang ini bukanlah Kamar Khas yang kondusif bagi perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 kerana di bawah Peraturan Mesyuarat 18, perkara-perkara yang disetujukan ditangguhkan atas tiga sebab iaitu perkara tertentu, perlu disegerakan dan juga perkara kepentingan awam, perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini mengizinkan *interjections*, pencelahan oleh Ahli-ahli. Akan tetapi, Kamar Khas yang kita ada sekarang ini tidak kondusif untuk beberapa Ahli duduk dan membuat *interjections*. *This thing has to be looked into*. Pihak pentadbiran harus melihat perkara ini untuk memperkemas Kamar Khas ini supaya ia memberi ruang yang lebih selesa bagi perbincangan-perbincangan di bawah peraturan mesyuarat bukan sahaja 17 tetapi 18.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan kehendak untuk melihat Parlimen diperkasakan...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai Kamar Khas ini, praktisnya sekarang ini adalah apabila perkara tertentu dibawa masuk, ia akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan kemudian tidak ada ruang untuk bertanya kembali ataupun soalan tambahan. Jadi, bermaksud apa Yang Berhormat nyatakan ini supaya ia boleh lebih terbuka dengan membolehkan persoalan ataupun soalan-soalan tambahan seperti apa yang berlaku dalam Dewan. Adakah begitu Yang Berhormat maksudkan?

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Di bawah Peraturan 17, ia tidak ada ruang untuk bertanya soalan tetapi Peraturan Mesyuarat 18 di dalam Kamar Khas mengizinkan *interjection* di kalangan ahli. Ahli yang bercakap, yang berucap boleh di *interject* oleh ahli yang lain. Sekarang ini Peraturan Mesyuarat 18, walaupun dibawa ke Kamar Khas, ianya tidak selesa untuk Peraturan 18. Jadi sebab itu saya ingin katakan, saya ingin mencadangkan agar Parlimen dan kerajaan melihat perkara ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, seiring dengan kehendak untuk memperkasakan Parlimen, saya juga ingin bertanya sama ada kerajaan bersedia untuk menguntukkan *provision* bagi *vote of no confidence* di dalam Parlimen kita. Kalau kita lihat sekarang ini, sering kali— saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga terlibat. Sering kali *vote* untuk melihat sama ada kerajaan mempunyai keyakinan Ahli Parlimen kerana tidak ada *provision* di dalam *standing order* kita pada ketika ini.

Kerajaan di *ambush* melalui perbincangan perbelanjaan perbekalan, bajet. Sering kali kita melihat bahawa pihak sana akan berhati-hati ketika perbincangan bajet kerana kelak di *ambush* daripada pihak sini jika tidak cukup kuorum untuk meluluskan bajet. Memang menjadi kelazimannya perkara sedemikian dilihat sebagai *implied votes of confidence* kerana Parlimen kita tidak memperuntukkan *provision* untuk *vote of no confidence* ataupun *vote of confidence against government*. *So what the opposition did the last time, they would ambush the kerajaan every time the budget session was being debated*. Jadi kalau tidak cukup kuorum, tidak dapat meluluskan bajet, bererti kerajaan tidak mempunyai *vote of confidence*. Jadi itu dilihat sebagai *implied votes of confidence*.

Jadi saya ingin cadang, saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan bersedia untuk memperuntukkan *votes of no confidence in our* peraturan mesyuarat? Tentu sekali perkara ini boleh dibuat tanpa persetujuan kerajaan, tanpa eksekutif melalui *motion*, usul daripada eksekutif. Pihak Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat boleh meminda Peraturan

Mesyuarat 26 umpamanya, dengan memasukkan selepas perenggan (p) satu perenggan baharu. Contohnya, "*Usul sama ada Perdana Menteri ataupun Kabinet mendapat kepercayaan majoriti ahli di bawah fasal (1)(a) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan*". Tambah. Begitu juga pada *subsequent amendment* Perkara 28A yang baharu untuk mana-mana Ahli boleh mengemukakan satu usul bagi mendapatkan ketentuan bagi Majlis sama ada Perdana Menteri ataupun Ahli Kabinet yang mendapat kepercayaan majoriti.

Jadi seiring dengan kehendak untuk melihat Parlimen ini diperkasakan, saya ingin bertanya sama ada kerajaan bersedia untuk menguntukkan *vote of confidence* ataupun *vote of no confidence against the government* dalam buku peraturan mesyuarat kita. Saya rasa itu akan melambangkan kematangan Parlimen.

Sekarang ini kita lihat selepas sesi yang pertama, Parlimen kita ke arah itu. Ahli-ahli Parlimen baik di sebelah sana dan sebelah sini telah memperlihatkan kematangan yang lebih ke hadapan. Kalau dulu ada Ahli Parlimen kita mencarut, sekarang ini Ahli Parlimen kita dah minta maaf dan *sober* tak mencarut. Sebelah sana pun saya lihat, cuma Yang Berhormat Jelutong saja kadang-kadang, tapi tak mencarut, dia mengganggu kadang-kadang. Jadi bererti keseluruhannya kita ke arah satu Parlimen yang matang. Oleh sebab itu saya katakan bahawa perubahan-perubahan terhadap peraturan mesyuarat ini perlu dilakukan kerajaan untuk melambangkan kematangan *two-party system* yang ada pada ketika ini.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Beluran, minta jalan, minta laluan sekejap.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Beluran. Dengan penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Beluran ini, kita nampak Parlimen kita sedang bergerak ke arah autonomi. Mungkin kita akan mendapat autonomi. Jadi bila mendapat— kalau dipersetujui oleh sidang Dewan, kita mencadangkan supaya ada satu artikel berkenaan dengan disiplin atendan Ahli-ahli Parlimen. Jadi sekarang ini kalau setuju artikel ini dan mendapat autonomi kepada Parlimen yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, maka kita hendak cadangkan supaya Yang Berhormat Beluran masukkan untuk Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua mengambil tindakan kepada semua Ahli Parlimen yang macam hari ini kita tengok *not even 20 percent attendance* sedangkan kita sedang bincang satu cadangan penting daripada kerajaan untuk semua.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji [Jelutong]:** Termasuk Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Semua, semua.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghalang kepada Parlimen ini untuk melantik pengerusi-pengerusi dan jawatankuasa kepada enam jawatankuasa pilihan khas yang telah dibentuk? Saya kira sudah dua bulan berlalu, namun jawatankuasa pilihan khas belum bersidang untuk melantik. Saya jangkakan jika jawatankuasa pemilih sudah melantik di kalangan Ahli Parlimen untuk duduk sebagai jawatankuasa kepada enam jawatankuasa pilihan khas yang telah dibentuk oleh Parlimen yang lalu, sesi akan datang, rang undang-undang akan boleh dihantar kepada jawatankuasa penapis rang undang-undang ini dan tidak lagi seperti lazimnya sekarang semua rang undang-undang dibahas di sini tetapi kita boleh bahas kepada satu jawatankuasa khas. Saya rasa niat dan matlamat Parlimen, Jawatankuasa Parlimen untuk menubuhkan, mewujudkan enam jawatankuasa pilihan khas ini harus diterjemahkan dalam konteks secepat mungkin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya mesti cakap ini, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sekejap saja. Ini fasal *committee* itu.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Dah habis masa dah.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Adakah Yang Berhormat bersetuju ianya tidak hanya terhad kepada enam *committee* sahaja? Sebab sebagai contoh, saya mengikut rombongan yang diketuai Speaker ke Australia dan di *Federal Australia*, dia punya *committee system* itu bukan setakat kepada enam tetapi lebih daripada itu. Berkaitan. *What do you think?*

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya tahu. Jawatankuasa Dewan sudah pun mengemukakan 18 *committee* tetapi mereka mencadangkan enam dimasukkan di dalam Dewan dulu, selebihnya itu akan *follow up* kemudian. Saya rasa itu.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, *just give me one minute*. Buku Kajian Separuh Penggal ini dalam banyak kawasan Parlimen di Sabah ini, kawasan Beluran dan Kinabatangan disentuh. Ada disentuh dalam ini. Saya bangga *in a way* tetapi saya sedih *in a way* kerana yang disentuh dalam buku tebal ini kawasan Beluran mencatat kadar dua digit kemiskinan. Kadar kemiskinan dua digit. Beluran termasuk.

Jadi sekarang ini kawasan Parlimen Beluran berada dalam pembangkang. Saya harap pihak kementerian yang merancang di sana tidak melihat kawasan luar bandar yang dimenangi oleh pembangkang, dimenangi di luar daripada Pakatan Harapan tetapi melihat kepada isu sebenar. Jika kawasan itu, daerah itu miskin, mencatat dua digit kadar kemiskinan, kawasan-kawasan ini harus diberi tumpuan tanpa mengira sama ada kawasan itu kawasan Parlimen pembangkang ataupun kerajaan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Hulu Langat.

5.30 ptg.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, teman-teman Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimuliakan. Saya ingin mengingatkan diri saya bahawa kita sedang berbahas tentang Rancangan Malaysia Kesebelas yang *term* nya 2016 hingga 2020, di mana kalau kita perhatikan kita tidak perlu mencari sesuatu yang baru dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Akan tetapi apa yang sedang kita tumpukan dalam Kajian Separuh Penggal ini ialah bagaimana kita hendak melihat keutamaan dan penekanan baru terhadap apa yang telah dirancang sebelum ini supaya ia benar-benar bermanfaat kepada negara kita dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh dua tonggak. Tonggak yang pertama mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam. Telah disebutkan beberapa kali bahawa konsep *federalism* antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri haruslah dikaji semula supaya kita dapat memperbaiki bagaimana Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dapat bekerjasama untuk memastikan rakyat dapat meraih sebaik-baik keuntungan.

Kalau kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan dalam keadaan apa pun, royalti petroleum kepada Sabah, Sarawak, Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Terengganu sedang diusahakan dengan begitu gigih. Apakah formulanya dan bilakah ia akan berlaku, sedang dalam proses. Ini menunjukkan ketelusan Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan supaya hubungan dengan negeri dapat dijaga dengan baik.

Begitu juga apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebutkan ECRL sama ada ia ditangguhkan atau nantinya dibatalkan belum ada keputusan muktamad. Kerajaan tetap akan memastikan lebuhraya untuk rakyat Kelantan. Ini kerana kita ingin perkhidmatan yang kita berikan kepada seluruh rakyat Malaysia tidak kira di mana dapat dipertingkatkan. Kita hendak tangguhkan ECRL, mengkaji semula adalah kerana kita dapati kosnya tidak masuk akal dan kita tidak mahu kerajaan menanggung kerugian demi memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Janji daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan janji daripada kami Ahli-ahli Parlimen daripada pihak kerajaan akan memastikan rakyat Kelantan akhirnya dapat apa yang sepatutnya mereka dapat dan tidak dinafikan begitu sahaja. Ini adalah merupakan satu

reformasi yang kita cita-citakan antara kerajaan di peringkat *Federal* dan kerajaan di peringkat negeri. Tidak kira apakah mereka bersama-sama dengan Kerajaan Pakatan Harapan ataupun bukan, itu bukan satu yang paling utama dalam penggal kita mengisi kebajikan untuk rakyat ini.

Saya juga ingin pergi kepada bagaimana kerajaan ini bersungguh-sungguh komited untuk meningkatkan kualiti para penjawat awam dalam usaha menambah baik tadbir urus pada semua peringkat. Ini kerana kewujudan penjawat-penjawat awam itu adalah merupakan suatu perkara yang sangat penting. Merekalah yang akan menjadi ejen-ejen yang memastikan segala dasar kerajaan itu dapat berlaku dan dapat berjalan dengan baik.

Kita hendak latihan-latihan yang diberikan kepada mereka perlu dipertingkatkan. Zaman sekarang kita tidak mahu lagi penjawat-penjawat awam menengking mereka yang datang ke kaunter-kaunter. Kita juga tidak mahu mereka menanggungkan kerja dalam memberikan layanan yang terbaik kepada setiap pelanggan rakyat Malaysia yang datang kepada mereka.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kita tidak mahu mereka hanya bekerja dengan merasakan bahawa apa yang terjadi akan terjadi, yang penting aku datang tempat kerja, tanpa menilai KPI yang sepatutnya dibina dalam jabatan mereka, dalam unit mereka dan dalam peningkatan perkhidmatan peribadi mereka. Kita hendak supaya perkara-perkara itu dapat dipertingkatkan. Kita hendak penjawat-penjawat awam...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *[Bangun]*

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Silakan sahabat saya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih sahabat. Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya tertarik dengan cadangan ataupun ungkapan yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Langat tadi berkenaan dengan *transparency* untuk hendak melaksanakan tanpa melihat semua negeri. Jadi saya setuju.

Jadi adakah Kerajaan Pakatan Harapan juga untuk menunjukkan *transparency* dan juga keadilan mereka, membentangkan juga data-data ataupun *statement*, penyata-penyata berkenaan dengan kutipan cukai di setiap negeri yang ada dalam Malaysia ini dibentangkan dan ditunjuk kepada publik bahawa ini kutipan cukai daripada setiap negeri dan akan dipulangkan balik. Kalau ini boleh dilakukan adalah lebih baik. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan berbuat begitu hasil kutipan semua cukai yang pulang kepada *Federal*, daripada negeri-negeri. Sekian.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih. Saya mohon apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pendang tadi dimasukkan dalam ucapan saya supaya nantinya Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan bahawa sebenarnya itulah cita-cita kita, ketelusan supaya semua rakyat Malaysia dapat melihat apa sahaja yang kita lakukan tanpa kita rasa curiga, tanpa kita ingin menyembunyikan sesuatu melainkan kalau ia melibatkan tentang keselamatan dalam negara.

Saya teruskan lagi bahawa kita ingin melahirkan penjawat-penjawat awam yang nantinya dapat dirasakan oleh semua pihak. Bukan hanya penjawat awam daripada pimpinan politik sendiri menjadi *khairunnas, anfa'uhum linnas*. Dengan izin, sebaik-baik manusia ialah mereka yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain.

Hari ini kita lihat tadi daripada Yang Berhormat Beluran. Saya sangat gembira bagaimana walaupun bukan daripada parti pemerintah tetapi telah memberikan idea-idea yang bermanfaat untuk kita semua. Kita mengharapkan kualiti seperti ini akan muncul dalam Parlimen ini dan diikuti kepada mereka di sektor awam, penjawat-penjawat awam supaya mereka menjadi manusia yang paling bermanfaat kepada orang lain tidak kira apa agama, bangsa. Inilah Malaysia yang sama-sama ingin kita bina.

Perkara yang kedua dalam kita membicarakan tentang penjawat awam ini juga, kami ingin meningkatkan integriti dan akauntabiliti di kalangan para penjawat awam. Sudah tentu

ia bermula dengan ahli-ahli politik, pimpinan-pimpinan politik itu sendiri, daripada Menteri, daripada timbalan-timbalan Menteri yang lain, pegawai-pegawai mereka, supaya mereka menjaga tentang integriti dan akauntabiliti. Kita takut buruknya dan parahnya yang dirasakan oleh rakyat ketika ada pemimpin-pemimpin negara yang terlibat dalam rasuah, yang mengambil kesempatan ketika berurusan dengan syarikat-syarikat, dengan mereka yang datang di kaunter-kaunter perkhidmatan.

Perkara ini cukup membimbangkan kita dan kita telah rasa perit melalui suasana itu. Kami yang terlibat dalam PAC merasa bimbang melihat laporan-laporan yang dibaca. Saya percaya Ahli-ahli Parlimen sekarang pun sudah boleh membaca laporan daripada Jabatan Audit Negara tentang apa yang berlaku. Ia cukup menakutkan. Kita tidak mahu penjawat-penjawat awam meniru pemimpin-pemimpin politik yang menggunakan pengaruh dan kuasa yang ada pada mereka untuk meraih kekayaan melalui sistem yang saya katakan tadi, yang tidak benar dan tidak patut diteruskan.

Kita juga ingin penjawat-penjawat awam ini juga tidak terlibat dalam propaganda-propaganda politik memburukkan kerajaan yang telah menang pada hari ini. Kita hendak penjawat-penjawat awam mempunyai kebebasan, betul untuk menilai, untuk mendengar dan meneliti apa yang sedang dilakukan. Akan tetapi pada waktu yang sama kita tidak mahu menjadikan dan membiarkan mereka terlibat dengan perkara-perkara, mendengar daripada sumber-sumber yang tidak betul.

#### ■1740

Sebagai mana yang disebutkan dalam Surah Al-Maidah. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Mereka gemar mendengar berita-berita bohong dan gemar memakan asosah iaitu rasuah. Harta-harta haram yang ditegah oleh Tuhan. Kita nak penjawat-penjawat awam kita ini benar-benar bertanggungjawab dan terlibat dalam membina negara. Kita tidak mahu mereka menggunakan apa yang saya katakan tadi salah guna kuasa dan akhirnya terlalu sukar untuk kita pulihkan kembali. Pergilah. Saya minta maaf cakap.

Ketika saya berada di Johor Bahru, saya selalu membuat *training* di Singapura. Berulang alik. Kalau saya kadang-kadang saya terpaksa naik prebet sapu. Walaupun tidak betul, salah tetapi kadang-kadang saya terpaksa naik prebet sapu. Bila saya naik prebet sapu, saya bertanya kenapa kereta itu boleh lalu ke laluan lori begitu pantas tanpa dihalang? Mereka menjawab, "*Pemandu-pemandu itu sudah bayar pakej*".

Saya kata, "*Pakej apa?*" Dia kata, "*Pakej bayar pada kastam, bayar pada imigresen, bayar pada polis, bayar pada Majlis Bandaraya dan tidak akan diganggu dalam perjalanan membawa kereta prebet sapu seperti itu.*" Betul atau tidak betul, itulah yang saya dapat maklumat daripada mereka. Ia menggambarkan pakej-pakej itu kalau nak kurang sikit, kastam dan imigresen tidak payah bayar. Bayar kepada polis trafik sahaja. Kesalahan kastam nanti kena, dia kata.

Jadi, ini menggambarkan luahan-luahan yang dilahirkan dan kita akan pastikan suasana seperti itu tidak akan berlaku dan terlibat dalam apa yang kita katakan, kita ingin melakukan pembaharuan. Kita ingin memberikan penekanan-penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan pada perkara yang ketiga dalam kita membicarakan tentang penjawat-penjawat awam.

Saya percaya ramai di kalangan kita telah mendengar. Sebahagian daripada penjawat-penjawat awam ini telah diheret untuk terlibat dalam kancas politik sama ada dalam keadaan mereka suka ataupun dalam keadaan mereka dipaksa rela. Saya masih teringat laporan-laporan yang saya dapat daripada teman-teman. Mereka mengatakan pegawai tinggi itu sebelum pilihan raya memberi amaran kepada kami semua. Pegawai-pegawai di jabatan ini mengatakan bahawa sesiapa yang tidak menyokong kerajaan UMNO, Kerajaan Barisan Nasional, sila tinggalkan sektor perkhidmatan awam ini. Mereka diberi amaran sebegitu rupa sehingga dua hari sebelum pilihan raya dan anda semua dikehendaki bersama-sama dengan kami berkempen di kawasan-kawasan pilihan raya.

Akan tetapi dua hari selepas pilihan raya diumumkan dan ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengangkat sumpah, orang yang sama, pegawai tinggi yang sama mengatakan perjuangan rakyat telah berjaya dan kita- Tidak payah habiskanlah. Saya nak memberikan gambaran bahawa mereka dipaksa untuk pergi berkempen. Kita tidak mahu penjawat-penjawat awam di era Pakatan Harapan ini berlaku benda yang sama. Saya beri amaran kepada kerajaan. Malah, ketika saya menjadi Pengarah Jabatan Agama FELDA, sampai sekarang saya simpan surat itu. Saya akan *framekan* di rumah nanti. Arahan kepada



saya untuk berkempen dalam pilihan raya kecil di Semenanjung ini supaya saya sebagai Pengarah, turun berkempen untuk Barisan Nasional. Di FELDA itu ada bilik khas untuk membenarkan...

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Hulu Langat, minta laluan. Yang Berhormat Hulu Langat.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Silakan sahabat daripada Setiu.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Hulu Langat berkait dengan kebenaran yang diberikan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim berkempen dalam kem tentera semasa PRK baru ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Saya rasa adalah lebih baik sahabat daripada Setiu bertanya sendiri dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya mendapat jawapan yang lebih tepat dan jitu. *[Tepuk]* Adapun saya bersama dengan teman-teman lain mempertahankan, kita tidak akan gunakan dan tidak akan benarkan perkara yang salah guna yang pernah berlaku itu, berlaku lagi pada masa akan datang.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Jadi, Yang Berhormat juga tidak setuju?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Hulu Langat, saya dari Jelutong. Dari Jelutong.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tidak bersetuju?

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Setiu untuk terus bertemu dengan Yang Berhormat Port Dickson ya. Silakan. Seterusnya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Hulu Langat.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Seterusnya...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Hulu Langat, minta sikit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong, Jelutong.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tasik Gelugor.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Ramainya. Silakan sesiapa pun.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih, terima kasih. Saya tidak akan ambil masa yang lama. Mungkin pegawai-pegawai tinggi kerajaan itu hanya mengikut kepimpinan melalui teladan. Seperti Yang Berhormat Bagan Datuk dahulu yang pernah mengeluarkan kenyataan, "*Kalau tidak sokong Barisan Nasional – UMNO, tinggalkan Malaysia!*".

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya mencelah sedikit, Yang Berhormat Hulu Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan, teruskan.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Hulu Langat, dari Tasek Gelugor.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Hulu Langat, saya *just* hanya nak tanya sebab ada kakitangan awam yang dibenarkan untuk terlibat dalam parti dalam parti politik. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Hulu Langat tentang kemungkinan-kemungkinan berlaku sabotaj? Oleh sebab ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyebut tentang perkara sabotaj kepada kerajaan baharu.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Hulu Langat, saya dari Tasek Gelugor.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sekali dari Tasek Gelugor.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Ya, silakan Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya tertarik dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Hulu Langat tadi berkenaan dengan kesetiaan pegawai-pegawai kerajaan khususnya. Saya dulu pun adalah merupakan pegawai kerajaan juga. Saya difahamkan dan saya juga pernah melihat arahan-arahan yang turun daripada pihak KSN dan sebagainya iaitu pematuhan kepada *government of the day*. Arahan ini juga keluar daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada kakitangan-kakitangan awam di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu *obey to the government of the day*.

Jadi, ini satu prinsip pentadbiran awam yang memang diamalkan di mana-mana. Siapa yang jadi kerajaan pada ketika tersebut, maka kakitangan kerajaan itu diminta supaya *obey for the present government*. Begitu juga dengan Pakatan Harapan apabila Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Langkawi menyuarakan rasa tidak puas hatinya kepada kakitangan awam yang tidak mahu mengikut arahan daripada kerajaan yang sedia ada.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Baik, terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Jadi, tidak menjadi— adakah Yang Berhormat Hulu Langat setuju bahawa kakitangan kerajaan, dia tidak patut mengikut arahan kerajaan pada masa yang sama. Terima kasih.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Okey, baik. Saya menjawab kedua-dua soalan daripada Yang Berhormat Kangar juga dan Yang Berhormat Tasek Gelugor. Sebenarnya kalau kita membenarkan pegawai-pegawai kerajaan untuk terlibat dengan parti politik, kita benarkan dalam keadaan mereka tidak menggunakan masa bekerja, mereka tidak menggunakan kemudahan untuk berkempen atas nama parti politik itu.

Kedua, kita juga ingin supaya penjawat-penjawat awam yang kami kasihi ini, walaupun kami sudah tahu latar belakang mereka sebelum pilihan raya, kami tidak membuang mereka sewenang-wenangnya. Melainkan kalau kontrak mereka walaupun tidak tertulis memang untuk kepentingan UMNO. Itu memang terpaksa kami pisahkan mereka dan tamatkan kontrak mereka.

Akan tetapi sebagai penjawat awam, kami nak supaya mereka memahami dasar yang dibawa oleh kerajaan pada hari ini. Kalau kita lihat bagaimana kami meletakkan konsep *rahmatan lil'alam*. Kami meletakkan *tagline maqasid* Syariah. Kami letakkan *tagline* sebagai *good governance* supaya penjawat-penjawat awam ini tidak menyibukkan dirinya dengan parti politik.

Akan tetapi menerima dan mencerap dasar yang kita nak supaya dasar itu membawa kebaikan kepada negara dan rakyat melebihi daripada mana-mana parti politik. Saya rasa sukar untuk kita berbicara kerana telah lama mereka diajar begitu. Tiba-tiba bila Pakatan Harapan menang, kami nak ubah, bukannya senang. Ia mengambil masa tetapi percayalah keikhlasan yang ada pada Pakatan Harapan ini akan membina penjawat-penjawat awam supaya mereka lebih bertanggungjawab kepada negara.

Tentang tonggak keempat iaitu memperkasakan modal insan, kalau kita lihat beberapa kajian yang dibuat. Antaranya yang dibuat oleh Talent Corporation Malaysia Berhad mengeluarkan laporan senarai pekerjaan kritikal (COL) sebagai garis panduan kepada semua pihak agar kemahiran, bakat dan modal insan dapat diselaraskan dengan kehendak industri yang ada dalam negara. Senarai berkenaan berdasarkan ciri dan jenis pekerjaan serta industri yang menjadi tumpuan dan yang kurang mendapat perhatian rakyat Malaysia tempatan. Malah, laporan COL ini menunjukkan ketidakseimbangan keperluan kemahiran dengan kehendak sektor utama ekonomi Malaysia bagi tahun 2016-2017. Saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya melihat kajian-kajian yang berkaitan agar kita dapat mempertingkatkan dan memperbaiki sumber manusia dalam negara kita ini.

Saya juga ingin mengajak supaya kita sama-sama melihat tentang tambah baik kecekapan dan produktiviti buruh. Golongan wanita merupakan antara ejen utama dalam tenaga buruh. Walaupun jumlah penuntut di institusi pengajian tinggi didominasi oleh golongan wanita tetapi penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan masih kurang berbanding dengan lelaki.

## ■1750

Usaha meningkatkan kebajikan pekerja khususnya wanita dengan menambah cuti bersalin kepada 90 hari dan melaksanakan aturan kerja yang bersifat fleksibel agar selari dengan kemahiran dan bidang mereka selari dengan tubuh badan fizikal wanita itu sendiri, akhirnya akan menyebabkan satu kesedaran penglibatan kaum wanita dalam dunia pekerjaan. Ini adalah merupakan suatu yang memang dianjurkan oleh Tuhan supaya kita sentiasa bekerjasama, lelaki dan wanita tidak mendiskriminasikan wanita semata-mata kerana dia wanita, semata-mata kerana dia akan mengandung, semata-mata dia tidak setangkas dan secekap lelaki. Kaum wanita itu didiskriminasikan sehingga peluang pekerjaan kepada mereka menjadi semakin kecil. *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Orang-orang beriman lelaki dan wanita, mereka adalah saling bekerjasama antara satu sama lain".*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Hulu Langat, rumuskan.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Ya, terima kasih. Saya ingin mengingatkan kepada semua bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, marilah kita sama-sama tidak mengira apa parti politik, kita bersama-sama memberikan penekanan untuk memastikan negara kita semakin maju, negara kita menjadi semakin hebat. Kita kembali ke pentas dunia dalam keadaan kita disegani dan dihormati. Saya menyokong penuh apa yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Setiu kemudian diikuti dengan Yang Berhormat Masjid Tanah.

## 5.51 ptg.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Berucap dalam bahasa Arab] [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Izinkan saya memulakan ucapan saya dengan membaca sepotong ayat al-Quran. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya, "Sesungguhnya Allah Ta'ala menyuruh kamu menunaikan amanah kepada orang yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu apabila meletakkan sesuatu hukum di kalangan kamu, supaya kamu meletakkan dengan cara yang adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu, sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

Ayat ini menjadi satu peringatan kepada kita semua bahawa kepimpinan ataupun pemerintahan adalah merupakan amanah daripada Allah. Pemimpin yang amanah adalah seorang yang boleh dipercayai. Tidak mengambil kesempatan dengan kedudukan diperoleh untuk kepentingan peribadi serta menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin. Jujur dalam kata-kata dan tidak memungkiri janji. Barang siapa yang tidak melakukannya di dunia, maka pasti akan diminta bertanggungjawab di hadapan Allah SWT pada hari kiamat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi peluang untuk berdiri bersama-sama Ahli Parlimen yang lain bagi membahaskan Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Ucapan saya hari ini akan tertumpu kepada empat perkara utama. Pertama, pembangunan luar bandar. Kedua, merapatkan jurang wilayah dan jurang antara dua golongan. Ketiga, kekangan rakyat Setiu sebagai suatu kawasan yang masih lagi agak ketinggalan berbanding dengan kawasan yang lain dan yang keempat keseimbangan alam sekitar.

Pada 17 Ogos yang lalu, iaitu hari cukupnya 100 hari pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Rakyat menunggu-nunggu janji yang telah disebut dalam manifesto, tetapi sehingga kini banyak janji-janji yang dijanjikan tidak tertunai. Saya hendak hadiahkan satu rangkap pantun kepada semua Ahli Parlimen khususnya dari Pakatan Harapan.

*SST wujud tol tidak hapus,  
Pengundi termakan janji palsu,  
Kerajaan baharu haruslah telus,  
Tunaikan janji agar rakyat tidak tertipu.*

Tuan Yang di-Pertua, antara ucapan Perdana Menteri ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal, Perdana Menteri ada menyatakan semua negeri perlu maju bersama. Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan membiarkan mana-mana negeri tertinggal di belakang. Oleh itu kerajaan memperkenalkan kembali agenda pembangunan wilayah yang seimbang sebagai keutamaan. Selaras dengan ini, kerajaan akan memastikan peruntukan pembangunan yang lebih saksama kepada negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis supaya mencapai pembangunan yang lebih setara.

Bertitik tolak daripada itu, pembangunan bandar yang seimbang adalah merupakan sebahagian daripada strategi yang penting untuk memupuk satu sistem ekonomi yang bersepadu. Ini akan tercapai melalui pengurangan jurang perbezaan antara wilayah supaya faedah daripada pembangunan ekonomi dan perkhidmatan asas bandaran dapat diagihkan sama luas dan saksama di seluruh negara. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan jurang antara bandar dan luar bandar amatlah ketara. Malah jurang antara luar bandar dan bandar kian melebar dari segi aspek pendidikan, ekonomi dan juga dari segi teknologi.

Saya ingin memberi penekanan terhadap aspek ekonomi. Kementerian Pembangunan Luar Bandar merupakan satu kementerian yang penting untuk memastikan kemajuan dan pembangunan luar bandar sejajar dengan perkembangan semasa. Kementerian ini harus memastikan bahawa kawasan luar bandar tidak ketinggalan di dalam arus pembangunan. Walau bagaimanapun, wujud jurang yang ketara antara kawasan yang maju, negeri yang maju, kawasan daerah yang maju dengan daerah yang ketinggalan. Sebagai contoh, di Setiu saya sebut dari segi aspek peluang pekerjaan.

Sejumlah besar rakyat Setiu terpaksa berhijrah ke bandar demi mencari rezeki di mana ia telah memesatkan lagi pembangunan di kawasan bandar dan perkembangan luar bandar semakin mundur. Oleh sebab itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus memberi perhatian yang serius terhadap pembangunan luar bandar agar anak-anak muda mempunyai potensi untuk mencari rezeki di tempat mereka sendiri. Kalau tidak perpindahan belia-belia yang menganggur ke pusat-pusat bandar tidak dapat dielakkan sama sekali. Saya berharap supaya ECRL yang dicadangkan dapat diteruskan kerana Daerah Setiu merupakan salah satu daripada jajaran untuk dibina ECRL ini. Dengan adanya ECRL, kita yakin membuka peluang pekerjaan kepada belia di Setiu dan dapat membuka pertumbuhan kawasan-kawasan baru yang akan memberi pembangunan kepada Daerah Setiu.

Tuan Yang di-Pertua, malah bukan itu sahaja jurang antara golongan T20 dan B40 amatlah jauh. Di Malaysia, isi rumah dikategorikan kepada tiga kumpulan berasaskan pendapatan. Pertama, kumpulan T20, 20 peratus tertinggi. Kedua, kumpulan 40 peratus pertengahan M40 dan ketiga kumpulan 40 peratus terendah B40. Pada tahun 2016, purata pendapatan isi rumah B40 ialah RM2,848, M40 RM6,502 dan T20 RM16,088. Oleh itu, sekiranya kita menilai purata pendapatan isi rumah T20 dan B40 atau mereka yang berada di bawah paras garis kemiskinan, maka kita dapati terdapat jurang yang tersangat luas.

Tuan Yang di-Pertua, Allah SWT telah berfirman dalam Surah Al-Hasyr, ayat 7.  
[Membaca sepotong ayat al-Quran]

#### ■1800

Maksudnya, "Apa-apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya Muhammad daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa, dengan tidak berlaku peperangan, maka adalah ia tertentu bagi Allah dan bagi Rasul dan bagi kaum kerabat Rasulullah SAW dan anak-anak yatim, orang-orang miskin serta orang musafir yang keputusan ketetapan yang demikian itu supaya harta itu tidak hanya beredar di kalangan orang-orang yang kaya di kalangan kamu dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan dalam apa jua yang dilarang-Nya kamu lakukan, maka patuhi larangan-Nya dan bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya.

Saya ingin memberi penekanan terhadap ayat yang membawa maksud “...Ketetapan yang demikian supaya harta itu tidak hanya beredar di kalangan orang-orang yang kaya di kalangan kamu”. Berdasarkan ayat ini, saya ingin mengemukakan kembali cadangan yang pernah dibawa oleh PAS di dalam Dokumen Hijau yang menyatakan di antara aspirasi yang ingin diketengahkan oleh PAS ialah sebuah budaya politik berasaskan penyelesaian Islam. Di dalam sistem ekonomi Islam, harta tidak boleh berlegar-legar antara golongan kaya sahaja. Bagi menepati kehendak Islam, pusingan kekayaan itu mesti dikembangkan agar kesenangan tidak hanya dirasakan oleh golongan kaya sedangkan golongan yang kurang berkemampuan semakin tertindas.

Untuk mencapai tuntutan tersebut, saya menyokong cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 semalam yang mencadangkan supaya diwujudkan cukai korporat. Ini bertujuan agar harta kaya dapat dirasakan oleh semua golongan dan jurang antara golongan kaya dan golongan miskin dapat dikurangkan. Agak mengecewakan kita sebagai orang Islam tetapi tidak mahu kembali kepada sistem yang telah diminta oleh Islam. Ini selari dengan kata-kata Ketua Penganalisis Ekonomi Alliance Bank, M. Manokaran yang mengatakan bahawa, “*Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk meningkatkan cukai pendapatan bagi kumpulan T20 memandangkan golongan ini menyumbang 46.2 peratus daripada keseluruhan pendapatan di negara ini*”.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hasrat ini saya menggesa pihak kerajaan untuk bersama-sama dengan kerajaan negeri bagi merapatkan jurang B40 dan T20 ini. Jika sebelum ini Perdana Menteri berkata tempoh lima tahun tidak cukup untuk memperbaiki kerosakan yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, jika pihak kerajaan tidak menganaktirikan mana-mana negeri dan berganding bahu menyelesaikan masalah ini, saya yakin dalam tempoh lima tahun ini satu tempoh yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kekangan rakyat di kawasan saya Setiu. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat Setiu yang telah memilih saya untuk melaksanakan tugas sebagai Ahli Parlimen dan saya telah diamanahkan oleh rakyat Setiu untuk diketengahkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap kerajaan akan mengambil tindakan dalam menyelesaikan segala kekangan ini.

Pertama, masalah bekalan air bersih di daerah Setiu masih lagi belum selesai. Mengikut data asas bancian kesihatan Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling, Pejabat Kesihatan Daerah Setiu pada Ogos 2018, didapati sebanyak 9,898 buah rumah dengan jumlah penduduk seramai 41,911 orang penduduk dalam daerah Setiu. Daripada keseluruhan jumlah yang dibuat bancian asas tersebut, sebanyak 130 buah rumah yang tiada bekalan air bersih dan mempunyai telaga telah membuat permohonan untuk menerima bantuan subsidi bekalan air bersih Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk pemohon-pemohon ini, sesetengah kawasan masih tiada liputan bekalan air paip daripada pembekal air yakni SATU dan kebanyakan penduduk menggunakan telaga. Sistem telaga yang dibina sendiri oleh penduduk adalah tidak sesuai di mana ia tidak memenuhi kriteria sebuah telaga mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh kementerian. Natiujahnya rakyat masih lagi terbeban dengan pelbagai masalah yang menghimpit mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu kertas kerja cadangan projek pemasangan paip telah disediakan oleh Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) bagi mengatasi masalah air di daerah Setiu khususnya. Ini penting untuk meningkatkan taraf hidup kesihatan dan kepuasan kepada pengguna sekali gus mampu menyamaratakan taraf hidup rakyat luar bandar. Hasil daripada kertas cadangan tersebut, projek yang dianggarkan menelan kos sebanyak RM4.76 juta ini mampu menyelesaikan masalah air di daerah ini malah ia mampu mencegah daripada penyakit berbahaya seperti taun, kepialu, cirit-birit dan lain-lain.

Selain itu, isu kemudahan kesihatan juga perlu diambil serius oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan tidak sepatutnya memandang remeh dan enteng isu yang melibatkan kesihatan. Ia berkait rapat dengan nyawa rakyat. Di daerah Setiu juga, terdapat kawasan yang tiada klinik kesihatan di sepanjang jalan pantai, dari sempadan Kuala Nerus sehingga ke sempadan Besut. Klinik Desa Penarik yang hanya menawarkan perkhidmatan pemeriksaan ibu dan anak sahaja dan tidak kepada pesakit luar dan kes-kes kecemasan yang lain.

Masalah pengangkutan untuk ke klinik desa yang sedia ada juga merumitkan rakyat untuk mendapatkan rawatan yang sepatutnya sehinggakan penduduk terpaksa membuat inisiatif seperti menyewa kereta untuk pergi mendapatkan rawatan sejauh 18 kilometer di Hospital Setiu, 24 kilometer ke Klinik Kesihatan Permaisuri dan 31 kilometer ke Klinik Kesihatan Batu Rakit. Oleh itu saya mencadangkan agar disegerakan pembinaan sebuah klinik kesihatan di Kampung Rhu 10. Dalam soalan lisan yang dijawab oleh Menteri, dikatakan bahawa projek ini sudah diangkat permohonan semenjak RMKe-9 dan saya harap supaya projek ini diberikan keutamaan untuk Separuh Penggal RMKe-11 yang akan datang. Di mana dijangka kos bernilai RM25 juta bagi mewujudkan pelbagai komponen dalam satu klinik kesihatan seperti klinik ibu dan anak, unit pesakit luar, kecemasan dan lain-lain.

Begitu juga dengan kemudahan kesihatan yang sedia ada di Klinik Kesihatan Jabi, dengan kapasiti tapak bangunan yang seluas 520 kaki persegi tidak mampu untuk menampung penduduk seramai 35,000 yang menggunakan klinik kesihatan ini. Saya mengharapkan supaya klinik ini diperbesarkan dalam masa segera. Ini disebabkan hari ini rakyat ataupun masyarakat di Jabi terpaksa menggunakan, terpaksa bergegas ke Hospital Besut bagi menggunakan fasiliti lain yang tidak mencukupi di Klinik Kesihatan Jabi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang jalan raya. Dalam ucapan Perdana Menteri ada disebut berkait dengan jalan raya. Di Setiu sebagai satu daerah yang masih lagi ketinggalan. Ada satu *area*, kampung yang dikenali sebagai Kampung Sungai Las, Kampung Bukit Munduk, Kampung Alor Lik dan ada juga Kampung Bukit Aman. Bukan Bukit Aman di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Di Setiu ada Kampung Bukit Aman.

Akan tetapi jalan raya masih sempit, tidak boleh hendak berselisih dua buah kereta. Apatah lagi jalan tersebut di kiri kanan dipenuhi dengan semak. Jadi saya mencadangkan, saya mengharapkan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mengambil satu tindakan segera bagi menyelesaikan masalah ini dan memberikan satu kepuasan kepada penduduk di sekitar empat buah kampung tersebut yang jauh ketinggalan berbanding dengan kampung yang lain.

Saya juga ingin menyentuh tentang apa yang disebut oleh Perdana Menteri iaitu berkait dengan meningkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau. Perdana Menteri ada juga menyebutkan bahawa kerajaan komited untuk memastikan pembangunan sosioekonomi turut memberi penekanan kepada aspek perlindungan alam sekitar, selaras dengan agenda 2030 untuk pembangunan mampan.

#### ■1810

Apa salahnya kalau sekiranya kerajaan membenarkan rakyat menggunakan kenderaan berasaskan kepada teknologi hibrid elektrik, ganti kepada apa yang ada hari ini yang kita dapati pelepasan karbon kerana memberi kesan kepada alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang terakhir yang saya ingin sentuh ialah berkait dengan isu hakisan di sekitar Batu Rakit. Di beberapa kampung di Batu Rakit yang semakin membimbangkan penduduk khususnya nelayan. Saya dimaklumkan bahawa berlaku pembatalan projek benteng pemecah ombak yang telah diluluskan oleh kerajaan yang lalu berjumlah RM90 juta. Akan tetapi saya dimaklumkan projek ini dibatalkan sedangkan hakisan yang berlaku telah sampai ke peringkat membahayakan penduduk. Rumah-rumah mereka roboh, jalan-jalan roboh dan telah memberikan kesan yang besar kepada penduduk khususnya golongan nelayan. Jadi saya mengharapkan supaya projek ini dipertimbangkan balik.

Dalam sesi yang lepas saya juga menyebut tentang mendapan muara yang cetek di Sungai Merang di mana Sungai Merang ini merupakan jeti yang paling hampir dekat dengan Pulau Redang. Kita tidak mahu lagi berlaku masalah bot terbalik, masalah tolak bot kerana keketekan. Saya sebut dalam sesi yang lepas, saya bimbang muara Sungai Merang ini juga menghadapi nasib yang sama sebagaimana yang berlaku kepada projek yang sudah diluluskan di kawasan Batu Rakit tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat rumuskan Yang Berhormat.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Okey Tuan Yang di-Pertua untuk akhirnya, saya juga mencadangkan supaya dalam mengimbangkan pendapatan golongan peneroka, saya minta kerajaan supaya menerokai projek-projek baru dan memberi modal kepada mereka membesarkan projek-projek seperti integrasi lembu dalam ladang sawit dan

juga membina kolam ikan dengan bantuan modal daripada kerajaan bagi menambah pendapatan golongan peneroka ketika harga sawit yang tidak seimbang. Untuk akhirnya, saya menghadiahkan sebuah pantun,

*Tonggak tiga dan lima saya sudah ketengahkan,  
Kesejahteraan rakyat patut didahulukan,  
Harapan mereka khususnya orang Setiu jangan dikecewakan,  
Demi rakyat kita usahakan.*

*[Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah.

### 6.13 ptg.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Saya ingin menyentuh pertamanya tentang pelan hala tuju kesejahteraan kanak-kanak dan juga pembangunan pemerkasaan belia. Saya ucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas usaha untuk membangunkan pelan hala tuju dan ini adalah tepat pada masanya.

Apabila kita meneliti dan juga mendengar laporan yang telah diberikan oleh UNICEF pada Mac awal tahun ini tentang kaji selidik yang dibuat terhadap kanak-kanak yang tinggal di PPRT yang ramai mengalami tentang masalah kekurangan zat makanan. Mereka ini mengalami keadaan bantut apatah lagi PPR yang terletak di tengah kota raya yang mana pendapatan per kapita nya telah pun mencapai negara maju, setaraf negara maju tetapi keadaan kanak-kanak masih lagi menunjukkan sebaliknya. Di Malaysia apabila pendapatan didapati satu daripada lima kanak-anak di Malaysia ini terbantut apatah lagi di Kuala Lumpur, ini sungguh membimbangkan.

Adakah pelan hala tuju ini akan mengambil kira juga tentang perlunya penambahbaikan terhadap sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai pagi tadi dalam membahaskan usul ini dan kita melihatkan bahawa rancangan makanan tambahan, RM2.50 tidak mencukupi. Saya juga ingin menegaskan bahawa perlu diberikan pemantauan terhadap rancangan makanan tambahan ini supaya makanan yang diberikan di sekolah-sekolah untuk pelajar-pelajar ini mestilah benar-benar berkhasiat, bukan ambil mudah dan bukan tangkap muat sahaja. Seolah-olah okey minum pagi mihun, nasi lemak dan sebagainya tetapi perlulah dilihat tentang khasiat yang diperlukan nutrisi oleh kanak-kanak demikian.

Hasil lawatan saya di dalam Parlimen Masjid Tanah dan juga apabila bertemu dengan guru-guru sekolah juga mendapati bahawa ramai di kalangan anak-anak yang bersekolah ini terutama sekali di sekolah rendah, mereka tidak bersarapan pagi. Kerana apa? Mungkin kekurangan keprihatinan oleh ibu bapa yang tidak menyiapkan makanan pagi untuk mereka. Ini cukup membimbangkan apabila mereka pergi sekolah dalam keadaan perut kosong dan mereka tidak boleh fokus kepada pembelajaran dan akhirnya akan mengganggu gugat tentang pembelajaran mereka di sekolah. Sebab itulah saya berharap agar pihak kementerian juga memberi penekanan dan juga memberi perhatian tentang perkara ini agar anak-anak ini cukup khasiatnya dan juga mereka dapat meneruskan pembelajaran dengan baik di sekolah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kadar penceraian di Malaysia. Pada Oktober 2017 dapatan mendapati 156 orang yang bercerai dalam masa tempoh satu hari iaitu equivalent bersamaan dengan enam orang dalam satu jam. Sedang saya bercakap ini pun ada orang bercerai. Dijangkakan pada tahun 2020 angkanya akan meningkat menjadi 15 orang dalam sejam iaitu bersamaan dengan 360 satu hari. Ini cukup

membimbangkan apabila Selangor, Sabah dan Johor adalah merupakan antara negeri yang tertinggi kadar penceraian.

Kalau dilihat penceraian itu berusia maksudnya perkahwinan berusia kurang daripada lima tahun. Malah 56.2 peratus akibat penceraian disebabkan oleh tiada persefahaman. Itu belum lagi soal mak mertua kacau, bapa mertua kacau, ada orang ketiga kekasih gelap sana, kekasih gelap sini, itu tidak mengambil kira lagi. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa perlu juga kepada program pengukuhan keluarga dan juga kempen kesedaran terutama sekali kepada anak-anak muda yang belum berkahwin supaya mereka sekurang-kurangnya mempunyai ilmu rumah tangga dan bersedia dari segi mental dan juga fizikal.

Hari ini kalau kita tengok, buka saja *Instagram* banyak penawaran ataupun yang dipaparkan cantik-cantik belaka, indah-indah belaka tentang menuju ke hari perkahwinan. Maksudnya pakej perkahwinan, hantaran dan sebagainya tetapi bagaimana input, bagaimana pengisian, bagaimana *content* untuk mereka melayari bahtera selepas perkahwinan? Itu cukup penting. Hakikatnya kehidupan selepas alam rumah tangga itu lebih mencabar daripada mereka ingin memulakan perkahwinan itu.

Lebih malang lagi apabila perkahwinan itu berakhir dengan penceraian yang mana mereka ini mempunyai anak-anak kecil yang tidak memahami apa-apa dan sekiranya ada program pengukuhan, mereka ini juga diperluaskan program-program pengukuhan dan juga program sokongan terutama sekali kepada keluarga supaya kaum keluarga bukan sahaja boleh membantu mereka dalam melayari rumah tangga, dalam badai rumah tangga tetapi juga turut sama-sama membantu anak muda ini dalam proses keharmonian rumah tangga. Saya harap juga pihak kementerian dapat memberikan penekanan tentang hal ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang dasar kesihatan negara. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pengumuman untuk mendirikan sebuah pusat kanser wilayah utara dan berita ini pasti menggembirakan untuk orang-orang di sebelah utara. Ini adalah kerana rawatan radioterapi ataupun kemoterapi mengambil masa yang panjang dan juga melibatkan kos yang begitu tinggi apatah lagi apabila rawatan radioterapi ini mengambil masa lebih kurang dua ke tiga bulan. Apatah lagi mereka terpaksa berulang alik ke hospital dan sebagainya membebankan mereka.

Antara permasalahan kalau kita pergi melawat, saya yakin dan percaya ramai Yang Berhormat berada di Parlimen ini apabila turun padang melihat, ziarah orang sakit antara perkara utama yang kita dengar keluh resah mereka yang berhadapan dengan sakit kanser ini adalah mengenai dengan makanan yang mahal, susu. Sebab itulah saya ingin mencadangkan, adakah pihak kementerian bercadang ataupun boleh memikirkan kaedah melalui jabatan sosial untuk pembelian program belian susu secara subsidi.

Begitu juga dengan pampers. Saya dekat kawasan Masjid Tanah, kalau sebelum ini sewaktu berada dalam Kerajaan Barisan Nasional setiap bulan saya menyerahkan pampers, dua bungkus pampers untuk setiap pesakit. Saya ada lebih kurang ada 600 orang penerima pampers setiap bualan yang akan menerima pampers daripada Pusat Khidmat Parlimen Masjid Tanah dan ia diikuti oleh Parlimen lain. Akan tetapi hari ini tidak dapat berbuat demikian. Sekurang-kurangnya dengan pemberian tersebut kita dapat mengurangkan beban mereka.

#### ■ 1820

Begitu juga dengan alat sokongan katil yang kita buat macam sistem pinjaman kalau lepas ini orang ini sudah sihat kita pinjamkan katil kepada orang lain. Begitu juga dengan mesin oksigen dan saya harap pihak kementerian juga dapat memberikan perhatian khusus kepada mereka kerana mereka ini khususnya kepada pesakit kanser mereka tidak punya waktu yang panjang.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih juga buat kumpulan NGO yang begitu aktif memainkan peranan mereka dalam memberikan sokongan untuk pesakit kanser dan saya harap pihak kerajaan juga pandang dan lihat kumpulan-kumpulan NGO ini yang dapat membantu meringankan dan memberi sokongan khusus untuk pesakit-pesakit kanser ini dengan memberikan bantuan kepada kumpulan ini supaya usaha mereka dapat disemarakkan lagi dengan sokongan mereka terhadap pesakit yang menjalani rawatan. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar *palliative care* di setiap hospital negeri dan daerah dapat juga kita perkemaskan dan mendapat lebih peruntukan.



Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh wanita dan juga di tempat kerja. Statistik menunjukkan pada tahun 2017 daripada umur 15 ke 64 tahun lebih kurang 5,500,053 ribu orang pekerja wanita dan terdapat peningkatan guna tenaga wanita dalam pelbagai sektor. Sekali gus ia menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara dan ini menunjukkan bahawa wanita Malaysia ingin terus bersama dalam usaha memacu kecemerlangan negara kita tanpa mengesampingkan peranan mereka sebagai anak, isteri, ibu di dalam keluarga dan harapan besar saya agar kerajaan terus beri perhatian yang lebih kepada tenaga wanita. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada— saya sempat mendengar Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Hulu Langat dan juga pencinta-pencinta wanita lain yang memperjuangkan wanita dalam guna tenaga seharusnya wanita yang *fight for* untuk wanita tidak nampak. Akan tetapi kalau pencinta wanita ini tampil saya rasa suara mereka ini lebih didengari.

Jadi seterusnya saya ingin juga— ramai tidak pencinta wanita dalam ini? Ramaikan. Jadi seterusnya saya juga ingin...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya pencinta wanita juga.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Bagan Serai terutamanya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Seterusnya saya ingin menyentuh tentang soal pelancongan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya sokong Yang Berhormat Masjid Tanah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Sasaran seramai 33.1 juta pelancong pada 2018 ini agak perlahan bermula pada tahun ini dan adakah kita akan capai pada *targetnya* dan saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelancongan dan juga pihak Kementerian Kewangan status cukai pelancongan yang saya dimaklumkan setakat 30 September 2018 cukai pelancongan yang dikutip adalah sebanyak RM203,726,373 dan saya difahamkan duit tersebut masih lagi berada di dalam tangan Kementerian Kewangan.

Industri pelancongan ini cukup laju dan juga cukup sensitif dan kita tidak mahu ketinggalan Malaysia ketinggalan berbanding dengan negara Thailand yang cukup laju dan juga negara Indonesia yang mempunyai limpahan ruah dari segi promosi untuk tabung promosi pelancongan yang cukup besar berbanding dengan Malaysia. Sebab itu sekurang-kurangnya dengan adanya pengagihan cukai pelancongan ini diberikan terus kepada Kementerian Pelancongan saya yakin dan percaya Kementerian Pelancongan dapat merencanakan lagi promosi pelancongan untuk Malaysia khususnya untuk produk-produk baharu tempatan dan juga untuk mempromosikan di luar negara dan haruslah Kementerian Pelancongan menggunakan dengan sebaiknya bukan dengan menghabiskan duit itu dengan perkara-perkara yang tidak betul.

Saya juga ingin menekankan bahawa sektor pelancongan juga menyumbang tinggi 14.9 peratus kepada ekonomi negara pada tahun 2017. Saya harap Kementerian Kewangan akan dapat membantu dan menyerahkan cukai pelancongan ini kepada kementerian supaya dapat digunakan dengan sebaiknya. Malah industri pelancongan juga dapat kita bantu.

Ini tidak, apabila saya bertanya tentang pemain industri dalam negara kesian itu belum lagi NGO MITA, MADHA dan sebagainya mereka hendak buat kerja mereka ini giat membantu negara dari segi sektor pelancongan tetapi apabila kurangnya promosi tidak adanya bantuan daripada kerajaan apa lagi yang mereka hendak harapkan.

Seterusnya juga Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh tentang gaji minimum. Kerajaan akan menaikkan gaji minimum RM1,050 dan bersamaan dengan RM5.05 sen sejam. Mulai daripada 1 Januari 2019 walaupun naik RM50 berbanding Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2016 itu gaji minimum diperkenalkan RM1,000 yang kita melihat bahawa kajian Institut Penyelidikan Khazanah mendapati bahawa jurang antara orang kaya dan juga orang miskin semakin melebar.

Jika gaji minimum yang kita seragamkan ini yang bakal di seragamkan oleh kerajaan ini lebih rendah daripada gaji minum yang dicadangkan oleh Majlis Gaji Minimum itu sebanyak RM1,170 maka ini bermakna golongan miskin semakin miskin, golongan kaya semakin kaya. Malah kajian dalam kedudukan isu rumah 2018 oleh Khazanah Research Institut (KRI) menyatakan bahawa isi rumah dengan pendapatan di bawah RM2.00 secara

puratanya berbelanja 95 peratus pendapatan mereka untuk keperluan harian. Ini cukup saya—maksudnya kita tengok sampai 95 peratus hanya duit mereka tidak ada simpanan dan sebagainya hanya untuk cukup-cukup untuk membeli keperluan harian.

Tidakkah kita rasa kasihan terhadap mereka yang berada di dalam golongan ini dan juga rakyat di luar sana. RM1,050 masih dianggap rendah malah ada yang menganggap bahawa gaji RM2,000 juga makin rendah. Ia bergantung di mana tempat mereka tinggal dan saya berpendapat bahawa perkara ini perlu dikaji agar ia seiring dengan produktiviti yang dihasilkan. Jika pelbagai usaha untuk meningkatkan produktiviti saya harap kadar gaji minimum juga haruslah dipertimbangkan ditingkatkan bergantung kepada hasil produktiviti. Apatah lagi kita akan berhadapan dengan revolusi industri 4.0 perlu ada kajian yang menyeluruh.

Secara lebih terperinci dibuat untuk mengkaji kadar gaji minimum bergantung kepada keadaan ekonomi sesuatu kawasan itu dan perlu ada lindungan yang lebih holistik di antara kerajaan, di antara pekerja dan juga NGO agar ia dipersetujui secara bersama dan situasi menang-menang. Dicapai juga bagi menepati IR40 ini perlu ada kemahiran baharu kepakaran baharu supaya peluang baharu dapat diwujudkan dengan adanya kemahiran yang lebih maka mereka akan beroleh pendapatan yang lebih tinggi oleh sebab adanya daya produktiviti yang lebih tinggi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang soal mempertingkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau. Bagi soal memudahkan cara peralihan ke arah pertumbuhan hijau dan juga pengurusan sumber yang lebih baik. Di sini perlu ada dasar yang lebih jelas, pelan strategik dan juga pelaksanaan yang mampan tentang pengurusan sumber yang lebih baik seperti sumber tenaga. Kerajaan terdahulu telah pun melancarkan dasar tenaga boleh baharu untuk pelbagaikan sumber pembekalan tenaga yang lebih hijau dan telah pun dibuktikan kejayaannya melalui sistem pengenalan *feed-in tariff* (FIT).

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan hari ini, bilakah kerajaan akan memperkenalkan dasar dan sasaran yang lebih jelas tentang cara penggunaan tenaga bagi mengimbangi pencapaian dalam prestasi pembekalan tenaga kepada semua pengguna terutama sekali kepada pengguna tenaga insentif seperti sektor industri dan sektor bangunan ke arah sumber tenaga yang lebih baik. Saya juga ingin menyentuh tentang kapasiti dan juga keupayaan pemantau serta penguatkuasaan yang mana terdapat pertindihan skop-skop tugas dan juga tanggungjawab di antara pelbagai agensi dalam memantau dan melaksanakan inisiatif yang ada dalam pembangunan tenaga lestari dalam menguruskan pengurusan tenaga seperti langkah-langkah kecekapan tenaga dalam struktur pentadbiran sedia ada.

Seperti contoh, Suruhanjaya Tenaga dan juga *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) begitu juga dengan *Malaysian Green Technology Corporation* yang terlibat dalam pelaksanaan program-program kecekapan tenaga yang sama dalam RMKe-11 yang pastinya akan membazirkan sumber-sumber kewangan dan menambah kerehnan birokrasi untuk program-program yang selama ini dan juga akan datang yang melibatkan pemain industri dan juga pengguna yang berkenaan.

#### ■1830

Tidakkah kerajaan ada perancangan yang lebih strategik untuk mewujudkan pusat sehati ataupun OSC pada satu-satu agensi yang khusus untuk kecekapan tenaga di peringkat nasional agar pelaksanaan inisiatif dan juga tugas kawal selia dirancang dapat dijalankan dan juga dapat dikuatkuasakan dengan lebih baik, lebih lancar, cepat dan juga berkesan?

Saya juga ingin menyentuh tentang pemuliharaan dan juga memelihara khazanah strategik negara. Terdapat banyak lesen penjanaan tenaga elektrik dengan teknologi solar PV atau *photovoltaic* yang dikeluarkan dan ini menggunakan tanah yang luas untuk kita jana elektrik. Pada masa yang sama, banyak lagi struktur bangunan, struktur industri dan juga perumahan yang masih lagi kita belum terokai sepenuhnya.

Adakah kerajaan bercadang untuk menggalakkan lebih banyak lagi struktur, maknanya bumbung-bumbung bangunan ini diguna pakai dan dipasang dengan solar PV berbanding guna tenaga? Kita menggunakan tanah yang lebih banyak kerana tanah ini boleh kita gunakan untuk sektor lain— sektor pertanian, perladangan, perumahan— yang boleh

membawa ataupun menjana ekonomi yang lebih baik untuk negara kita demi kesejahteraan rakyat.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengharapkan agar Kerajaan Pakatan Harapan dapat melaksanakan demi kesejahteraan rakyat dan juga kita mengharapkan supaya Malaysia Baharu ini dapat merancakkan lagi ekonomi di samping masyarakat yang lebih sejahtera. Dengan itu, Masjid Tanah mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Sibuti.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Bukan kata Tasek Gelugor kah?

**6.32 ptg.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada Sibuti untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini berkaitan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang saya rasa sangat penting bagi melihat ke manakah hala tuju menjelang tahun 2020 dan kebolehan Pakatan Harapan mentadbir negara Malaysia yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk memberi keutamaan bagi menambah baik pendidikan untuk semua rakyat. Pendidikan jelas merupakan aset terbesar bagi rakyat Malaysia yang ingin mengubah *destiny* bangsa dan menambah baik kehidupan. Di dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas telah menyatakan akan meneruskan usaha kerajaan lepas bagi menambah baik infrastruktur sekolah untuk pembelajaran anak murid yang lebih baik.

Saya juga menaruh harapan yang tinggi kepada pentadbiran baharu ini untuk merangka modul pendidikan masa depan yang boleh melahirkan generasi yang lebih baik dari segi intelektual dan kemahiran hidup.

Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar juga perlu menikmati sistem pembelajaran abad ke-21. Saya tidak peduli model pendidikan apakah yang akan digunakan, Finland ataupun Jepun, saya rasa acuan pendidikan harus dilaksanakan dan usah dipolitikkan. Ini adalah peluang besar kepada Kerajaan Malaysia Baharu untuk mengubah apa yang telah rosak sebelum ini. Saya ingin melihat anak-anak sekolah gembira menghadiri kelas di sekolah dan juga menyediakan ruang untuk mereka bermain dan mengembangkan bakat mereka.

Masalah sekolah daif di Sarawak sangat memerlukan perhatian. Untuk makluman, sebanyak 116 buah sekolah telah dibina melalui kaedah IBS termasuk lima buah sekolah gantian di kawasan Parlimen Sibuti. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang lepas di atas usaha ini.

Di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan akan menaik taraf dan menambah baik 400 buah sekolah daif di seluruh Malaysia terutamanya di Sabah dan Sarawak menjelang tempoh akhir Rancangan Malaysia Kesebelas.

Saya ingin mendapat kepastian, apakah kaedah yang akan digunakan untuk menaik taraf sekolah ini dan adakah kaedah IBS akan diguna pakai? Juga, apakah usaha kerajaan untuk menambah baik sistem berasaskan IBS ini?

Selain daripada keadaan sekolah daif di pedalaman Sarawak, pihak kerajaan juga perlu melihat keperluan sekolah-sekolah yang terletak di dalam bandar yang kini juga semakin berusia dan dikategorikan sebagai daif. Jumlah pelajar yang terlalu ramai dan kekurangan bilik kelas seharusnya tidak boleh berlaku pada zaman ini.

Terdapat juga sekolah yang mempunyai makmal-makmal yang tidak berfungsi dan kekurangan peralatan. Ini berlaku di kawasan sekolah menengah di kawasan Parlimen Sibuti. Ini jelas menyekat perkembangan pendidikan sistem sains dan teknologi. Saya cukup terkesan melihat perkembangan ini dan dapat melihat trend terkini pelajar-pelajar kurang mengikuti kelas aliran sains.

Saya mencadangkan agar pihak kementerian mempunyai pendekatan yang terbaik bagi mempromosikan STEM. Sebagai contoh, memperbanyakkan pertandingan inovasi dan reka bentuk serta melibatkan syarikat-syarikat besar untuk menaja pertandingan bagi memperkasakan sistem pendidikan sains dan teknologi.

Saya juga berharap agar penambahbaikan ini memberi fokus kepada gantian sekolah-sekolah berasaskan kayu dan juga menukar sekolah-sekolah daif ini kepada binaan berasaskan konkrit. Kerajaan juga perlu memberi fokus kepada penyediaan kuarters-kuarters guru yang sangat usang. Saya mengambil contoh yang berlaku di kawasan Parlimen Sibuti. Apabila sekolah bina baharu melalui kaedah IBS dibina, hanya kelas-kelas pelajar sahaja dibina tetapi kuarters-kuarters guru masih lagi di dalam keadaan daif.

Bagi kawasan Parlimen Sibuti, saya berharap menjelang tempoh berakhir Rancangan Malaysia Kesebelas, rancangan bina baharu sekolah SK Kita, Niah dan juga rancangan SK Sepupok, Niah perlu dilaksanakan. Ini adalah keperluan yang mendesak.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sibuti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Saya mendengar dengan teliti perbincangan Yang Berhormat Sibuti. Apabila Yang Berhormat Sibuti menyentuh tentang sekolah-sekolah yang dah lama, yang dah tua, sekolah yang sangat tua yang dibuat daripada kayu dan dicadangkan ditukar kepada lantai konkrit, saya ingin juga bersama-sama bertanya dengan Yang Berhormat Sibuti, di Bagan Serai pun kita ada beberapa sekolah yang sekolahnya saya ingat boleh dah jadi muzium. Saya nak takrifkan sebagai sekolah daif tapi JKR masih meluluskan sekolah ini.

Saya mohon jugalah sekolah di Bagan Serai, contohnya Sekolah Kebangsaan Haji Dahlan, Sekolah Kebangsaan Dato' Mas'ud, supaya lantai-lantai kayu ini ditukarkan kepada konkrit dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya setuju. Keadaan sekolah-sekolah kayu di Sarawak juga saya lihat seperti reban ayam.

Saya juga ingin menyatakan keperluan mendesak bagi menaik taraf Sekolah Menengah Luar Bandar Miri. SMK Luar Bandar Miri menjalankan dua sesi persekolahan iaitu sesi pagi dan sesi petang. SMK Luar Bandar Miri tidak mempunyai blok bangunan yang mencukupi bagi menjalankan persekolahan satu sesi.

Maka saya memohon pada akhir Rancangan Malaysia Kesebelas ini, SMK Luar Bandar Miri dapat diberikan projek pembinaan blok baharu sekurang-kurangnya dua blok untuk menambah kelas-kelas bagi menjayakan program satu sesi.

Pihak Pan Borneo juga telah memulakan pembinaan gantian sekolah baharu bagi SK Bulau di Parlimen Sibuti. Saya ingin memohon agar pihak Pan Borneo menurap jalan menuju ke sekolah sepanjang enam kilometer. Selain itu juga, terdapat sekolah yang terletak 100 meter dari sisi Lebuhraya Pan Borneo iaitu Sekolah Kebangsaan Kelapa Sawit No. 4 yang seharusnya menerima pakej bina baharu sekolah memandangkan keadaan sekolah tidak selamat untuk diduduki kerana keretakan yang berlaku pada bangunan kelas.

Maka saya berharap sekolah ini mendapat perhatian pihak kementerian. Untuk makluman, Yang Berhormat Menteri juga telah memviralkan keadaan sekolah SK Bulau melalui *posting tweet* beliau apabila SK Bulau dilanda banjir.

Atas kesempatan ini, saya juga ingin mendapatkan perhatian kementerian berkaitan kepada sekolah daif di dalam Bandar Raya Miri iaitu SK Sayed Othman yang kini memerlukan perhatian yang sangat mendesak. Bangunan asal yang menempatkan pelajar kini sudah tidak selamat diduduki dan juga telah ditutup kerana tidak selamat. Bangunan tersebut dikhuatiri akan runtuh kerana struktur yang dimakan anai-anai dan juga menjadi kebimbangan saya dan ibu bapa kerana masih terdapat sebuah kelas prasekolah di hujung bangunan tersebut. Bangunan IBS enam kelas menempatkan pelajar dirasakan sangat padat. Sebelum sebarang kemalangan berlaku, maka wajar Menteri atau Timbalan Menteri turun padang untuk meninjau masalah yang sangat serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih lagi dalam lingkungan memperkasakan modal insan. Pada persidangan Parlimen yang lepas, saya telah membangkitkan isu penutupan IPG Kampus Sarawak di Miri. Jawapan kerajaan ialah masih meneruskan cadangan tersebut dan meneruskan idea menjadikan IPG Sarawak sebagai politeknik yang memberikan fokus kepada TVET.

Saya sekali lagi ingin mengulangi rayuan saya agar kerajaan meneruskan sahaja IPG Kampus Sarawak di Miri ini. Dalam perjumpaan singkat saya bersama Yang Berhormat Menteri di Kuching beberapa bulan yang lepas, beliau turut menyatakan bahawa beliau mempunyai formula yang baharu untuk mengatasi masalah ini apabila IPG akan dikekalkan dan juga akan dijalankan serentak bersama politeknik.

#### ■1840

Akan tetapi, saya ingin memohon agar *enrolment* ataupun pengambilan pelajar-pelajar anak-anak tempatan dapat dijayakan supaya *ratio* 90:10 dapat dilaksanakan. Ini kerana kita mempunyai kekurangan guru-guru tempatan. Dalam Program Lan Berambek yang lepas, perhimpunan anak-anak Sarawak di Semenanjung Malaysia masih terdapat graduan-graduan universiti lepasan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan telah mengadu bahawa guru-guru interim yang diambil di sekolah-sekolah di negeri Sarawak tidak mempunyai ijazah-ijazah yang khusus untuk mengajar.

Sebagai contoh, kursus-kursus seperti *human resource*, pentadbiran perniagaan dan juga pengurusan. Kenapa tidak diambil lepasan-lepasan universiti yang mempunyai sarjana muda di dalam sains, matematik dan sebagainya? Saya menyokong usaha kerajaan bagi mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi menangani isu kekurangan guru. Saya turut menyarankan agar isu kekurangan ini dapat dilihat dalam semua aspek bukan sahaja guru di Sarawak tetapi turut melihat dari sudut kekurangan guru pakar dalam subjek utama Sains dan juga kekurangan guru yang sangat serius di kawasan bandar.

Saya juga turut ingin menyuarakan pandangan Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak yang menyatakan bahawa buat masa ini, di negeri Sarawak kekurangan sebanyak 2,240 orang guru berbahasa Iban. Tiada usaha komprehensif untuk mengatasi masalah kritikal ini dan mungkin juga pihak pentadbir melihat isu ini agak remeh dan bersifat kenegerian. Isu penting yang ingin saya bangkitkan juga adalah baru-baru ini iaitu pada semalam, Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM50 juta bagi pembekal sistem elektrik ke 113 buah sekolah yang masih menggunakan sistem jana kuasa. Akan tetapi, Kerajaan Negeri Sarawak masih lagi belum mendapat respons sejak tiga bulan lepas. Saya berharap agar pihak kementerian dapat memberikan kerjasama dan juga menerima tawaran kami daripada negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah terbesar sekolah di kawasan Parlimen Sibuti untuk berkembang dan juga mengikut perkembangan digital adalah perkhidmatan jalur lebar yang tidak memuaskan. Dua buah sekolah rendah, empat buah sekolah menengah, terletak di dalam pinggir bandar raya Miri, tidak mempunyai perkhidmatan jalur lebar UniFi dan juga mempunyai perkhidmatan internet 4G yang sangat tidak memuaskan. Sebuah sekolah di Parlimen Sibuti iaitu SMK Agama Miri menjadi *viral* di dalam sosial media yang mempunyai sistem amalan kebersihan yang terpuji. Mereka memiliki tandas yang mungkin terbaik di Malaysia dan terdapat ikan koi di dalam parit.

Ini adalah kesan daripada modul pendidikan yang mungkin dapat dikembangkan dalam rancangan pembangunan pendidikan di Malaysia. Walaupun demikian, sekolah agama tidak mempunyai talian jalur lebar berkelajuan tinggi. Maka saya memohon kementerian yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk menambah baik kualiti jalur lebar dengan pembinaan 300 buah menara telekomunikasi dan menaiktarafkan 1,000 buah menara yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan berkenaan tentang satu isu yang mungkin jarang diperkatakan iaitu *legacy well*, perigi minyak yang ditinggalkan. Sarawak telah mengeluarkan hasil minyak bermula daripada tahun 1910 dan perigi pertama yang terletak di bandar raya Miri kini tidak aktif. Saya ingin membangkitkan mengenai isu-isu perigi minyak dan gas yang belum lagi ditutup. Saya tidak mempunyai data terperinci tetapi menurut maklumat-maklumat sumber pakar telah memaklumkan bahawa terdapat 600 buah telaga minyak yang tidak aktif yang telah digerudi sejak tahun 1910 lagi dan telah ditinggalkan sejak tahun 1960-an dan 1970-an. Terdapat sebahagian besar perigi ini berusia 60 tahun sehingga 70 tahun dan penutup ataupun *plug* telaga mungkin rosak dan bocor.

Hal ini menimbulkan kerisauan telaga ini akan mencetuskan masalah keselamatan kepada masyarakat awam. Beberapa tahun lepas, pemaju di kawasan Simpang Bekenu telah menemui telaga yang ditinggalkan di kawasan tapak perumahan dan memohon kepada

kerajaan negeri dan Petronas untuk menutupkan telaga atau *plug* telaga tersebut. Kebearangkalian berlaku kebocoran gas boleh berlaku dengan pelepasan gas methane.

Pada 17 Oktober 1987, ini adalah kejadian yang benar-benar berlaku di kawasan Jalan Miri Pujut, apabila *legacy well* ini dengan izin, telah meletup dan pihak Petronas telah mengambil tindakan untuk menutup telaga-telaga tersebut. Saya juga bimbang, kerana terdapat telaga-telaga di dalam bandar raya Miri dan saya juga telah mendapat maklumat daripada orang kampung di kawasan Bulau dan Satap serta Peninjau bahawa terdapat kolam yang berbuih ataupun kolam yang mengeluarkan gas.

Saya merayu kepada pihak kerajaan dan juga Petronas agar menutup telaga-telaga ini. Selain daripada itu juga, saya ingin membawa keluhan rakyat mengenai masalah harga kelapa sawit yang semakin merudum. Parlimen Sibuti mempunyai ramai pekebun kecil yang bergantung dengan hasil tanaman. Di sini ingin saya mengatakan bahawa saya menyokong agar industri ataupun perladangan sawit melalui syarikat-syarikat besar di negeri Sarawak ataupun Malaysia ditamatkan. Hanya memberikan fokus kepada penanaman sawit bagi pekebun-pekebun kecil sahaja. Sudah tiba masanya kerajaan memberikan tumpuan kepada R&D untuk mengembangkan produk-produk kelapa sawit dan juga mencari pasaran-pasaran baru agar harga kelapa sawit dapat distabilkan.

Selain daripada itu juga, terdapat keluhan-keluhan masyarakat mengenai penanaman ataupun harga lada yang juga menurun. Ini kerana pada masa kini, harga lada dalam sekitar RM7 sehingga RM8 sekilo. Sekurang-kurangnya pekebun kecil memerlukan RM9 sekilo untuk mendapatkan balik modal tanaman. Saya berharap, pihak Lembaga Lada dapat mempunyai perancangan yang komprehensif bukan sekadar memasarkan lada tetapi memikirkan kaedah lain untuk memperbanyakkan produk berasaskan lada agar dapat dipasarkan di pasaran tempatan dan juga pasaran luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, saya ingin membangkitkan berkenaan tentang isu pembangunan seimbang antara wilayah. Di dalam dokumen KSP RMKe-11, saya melihat bahawa kerajaan akan memberikan tumpuan pembangunan kepada enam wilayah yang telah ditetapkan. Ini termasuklah Wilayah Sabah dan Sarawak. Seperti yang kita ketahui, kini Kerajaan Pakatan Harapan dan juga kerajaan Sabah dan Sarawak dalam usaha untuk berbincang dan juga untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak melalui Artikel 1(2) kepada Wilayah. Akan tetapi, saya agak terkilan melihat terdapat enam wilayah dibentuk di dalam KSP. Saya juga lihat idea ini adalah seperti idea yang telah dikemukakan oleh mantan Perdana Menteri iaitu Pak Lah, berkenaan tentang koridor.

Akan tetapi, saya turut berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan juga Menteri Ekonomi kerana telah memuatkan cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk memajukan tiga wilayah pembangunan iaitu Upper Rajang, *Highland Development* dan juga *Northern Region* yang pada masa kini Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukkan sekurang-kurangnya RM1.5 bilion kepada setiap pembangunan ini. Saya berharap agar Kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan Persekutuan dapat membantu dan memberi kerjasama untuk memajukan wilayah-wilayah ini.

Selain daripada itu juga, saya ingin membangkitkan berkenaan tentang keadaan hakisan-hakisan yang berlaku di kawasan Parlimen Sibuti, contohnya seperti Kampung Kuala Bakam di mana keadaan sungai dan juga Projek Bakam Point yang terletak di tepi pantai mengalami hakisan. Ini termasuk juga kubur-kubur masyarakat Melanau Kristian dan juga masyarakat Islam yang kini dalam keadaan terhakis. Saya berharap agar pihak kerajaan dapat menjalankan projek tebatan banjir ataupun untuk projek hakisan di kawasan tersebut.

Selain daripada itu juga, saya ingin meminta kepada kerajaan agar dapat menambahkan lagi projek-projek mendalamkan sungai ataupun membersihkan sungai di kawasan Parlimen Sibuti dan memberikan keutamaan pembersihan dan juga pendalaman sungai di kawasan Saeh, Niah kerana kawasan tersebut sudah mula kerap dilanda banjir. Selain daripada itu juga, saya ingin menutup perbincangan saya bahawa saya menerima cadangan dan dasar-dasar baru Kerajaan Pakatan Harapan bagi Kajian Separuh Penggal dan berharap agar menjelang tahun 2020 kelak, kita mencapai apa yang telah dirancang.

#### ■1850

Sebagai orang muda, saya berharap kerajaan baharu dapat melihat keperluan orang muda, terutama meningkatkan pendapatan pemilikan rumah dan peluang perniagaan. Saya ingin menyatakan bahawa saya tidak bersetuju sekiranya kerajaan bercadang melancarkan projek kereta nasional ketiga sekiranya projek kereta nasional ketiga ini

melibatkan kos ataupun dana daripada kerajaan. Sebaiknya dana ini disalurkan bagi pembangunan orang muda. Sebagai contoh, kerajaan dapat menggunakan peruntukan ini bagi membina trek-trek perlumbaan atau *drag strip*, dengan izin, bagi membolehkan pelumba-pelumba, jiwa-jiwa muda ini untuk berlumba dengan selamat dan juga terjamin.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya agak terkilan dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Selangau. Apabila beliau telah menyatakan bahawa kerajaan akan tidak membayar elaun-elaun ketua masyarakat. Sedangkan Kerajaan Negeri Sarawak setelah menerima pengumuman Kerajaan Malaysia Baharu bahawa elaun JKKK telah ditamatkan, maka kami Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan GPS meneruskan pembayaran gaji-gaji tersebut. Tidak perlulah pembayaran gaji ini dipolitikkan. Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak ingin membayar gaji ketua-ketua masyarakat, ketua kampung dan tuai rumah ini, salurkan peruntukan tersebut kepada sesuatu benda yang lebih berfaedah. Atau pun jadikan peruntukan tersebut kepada pembinaan jalan-jalan kebun ataupun membantu menambah lagi peruntukan bagi penyukat *perimeter survey*. Ini kerana saya tahu isu NCR ini sangat dekat dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

Maka, saya berharap agar isu sama ada kami daripada GPS pro-Pakatan atau tidak tetapi secara dasarnya kami telah mendendangkan bahawa GPS adalah sebuah gabungan parti yang *friendly* ataupun bersahabat dengan Kerajaan Pakatan Harapan. Juga kami telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan menyatakan bahawa kami akan menyokong sesuatu perkara yang baik dan juga tidak akan menyokong sekiranya perkara tersebut memudaratkan kami. Dengan itu, saya menyokong KSP RMKE-11 dan juga mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Pihak Yang Berhormat Menteri akan menggulung pada minggu hadapan. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Sekarang adalah masa untuk Yang Berhormat Klang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kalau hendak diberikan kepada Yang Berhormat Klang, baik. Saya panggil Yang Berhormat Klang. Oleh sebab kalau ikut senarai sini memang Yang Berhormat Petaling Jaya dahulu. Sila Yang Berhormat Klang.

**6.53 ptg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini merangkumi beberapa isu yang penting. Akan tetapi pada petang ini saya hanya hendak fokus dua isu yang pada pandangan saya ialah penting untuk masa depan Malaysia. Satu, ketidaksetaraan ataupun *inequality*. Juga isu yang kedua saya hendak bangkit adalah berkait dengan cukai karbon ataupun *carbon tax*.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia mengatakan bahawa hasil pembangunan mesti dinikmati oleh semua rakyat. Dalam erti kata lain, kemakmuran dikongsi bersama ataupun dalam bahasa Inggeris dipanggil *shared prosperity*. Beliau mengatakan bahawa ini bermaksud tidak lagi wujud jurang pendapatan yang terlalu lebar antara miskin dan kaya, antara kaum dan suku kaum. Beliau turut mengatakan bahawa tidak sepatutnya ada mana-mana golongan di Malaysia yang merasakan diri mereka terpinggir dari arus perdana pembangunan.

Pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus diambil serius oleh segenap lapisan masyarakat, terutama sekali penggubal dasar, kesatuan sekerja, ahli akademik mahupun Menteri-menteri di peringkat Persekutuan dan juga negeri-negeri berkenaan. Kita harus mengambil iktibar dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab pada pandangan saya *this is a wake-up call to Malaysia. A major wake-up call to Malaysia*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau negara kita tidak dapat menangani fenomena ketidaksetaraan atau *inequality*, kemungkinan besar kita akan menghadapi *social unrest*, kekecohan masyarakat dan kehilangan demokrasi yang sah ataupun *democratic legitimacy*. Ini disebabkan hilangnya kepercayaan orang ramai ke atas sistem demokrasi yang kita

amalkan. Orang akan percaya, *people will believe* bahawa sistem politik yang sedia ada tidak bekerja untuk rakyat Malaysia. *The political system does not work for the ordinary Malaysians.*

Tambahan pula, ujian sebenar ataupun kayu ukur prestasi ekonomi ialah *on how well-off*, dengan izin, *the average citizen is* dan bukan beberapa jutawan kroni yang kita wujudkan. Ini adalah penting. *I want to underscore that the prestige of any economy, the strength of any economy is how well-off the ordinary citizen is* dan bukan *how many millionaires that you have created*. Tambahan pula, soalan di hadapan kita ialah apakah faktor-faktor penyumbang kepada jumlah pendapatan yang besar di antara orang kaya dan miskin? Jawapan itu terletak pada amalan politik, *political practice* dan juga pembentukan dasar kerajaan.

Kita telah mewujudkan satu sistem di mana kekayaan ataupun *wealth accumulation* melalui konsesi cukai dan subsidi daripada kerajaan, konsesi gaji daripada pekerja dan mempengaruhi pembentukan undang-undang untuk menjaga kepentingan golongan tertentu. Fenomena ini digelar sebagai kebajikan korporat ataupun sosialisme untuk orang kaya. Hasil sistem ini ialah pencetusan fenomena berlumba-lumba di bawah ataupun *race to the bottom*.

Dalam konteks ini, kerajaan harus memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan masalah ketidaksamarataan ekonomi dalam masyarakat. Ini boleh dicapai dengan memperkenalkan cukai baharu, reformasi undang-undang buruh, penggubalan polisi sosial baharu, perwujudan persekitaran yang sesuai iaitu *enabling environment* untuk membantu golongan yang miskin ataupun B40 untuk mencapai mobiliti sosial atau *social mobility*.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit mengenai kos kehidupan yang tinggi. Empat hari selepas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini, media tempatan telah membuat liputan mengenai seorang pakcik bersama dua ahli keluarganya yang membunuh diri di Perlis. Mengapa mereka bunuh diri? Ini ialah kerana satu, kos kehidupan yang terlalu tinggi.

Kedua, mereka tidak dapat membayar hutang keluarga. Pada pandangan saya, kes bunuh diri pakcik Perlis ini bukan satu kes terpencil ataupun *isolated case*. Akan tetapi satu realiti yang menunjukkan masalah sistemik masyarakat kita iaitu jurang di antara orang kaya dan orang miskin. Pada pandangan saya, pembunuhan diri yang melibatkan keluarga Perlis ini harus nampak sebagai satu *wake-up call* sekali lagi untuk rakyat Malaysia.

Saya ingin memberi beberapa contoh ketidaksamarataan di Malaysia untuk menyokong hujah saya. Pertama, Laporan UNICEF yang dikeluarkan pada awal tahun ini menunjukkan 77 peratus keluarga yang tinggal di rumah pangsa kos rendah di Kuala Lumpur langsung tiada simpanan wang. Sejumlah 12 peratus kanak-kanak di rumah pangsa kos rendah ini makan kurang tiga kali sehari. Itu pertama.

Kedua, kita dapati kajian KWSP iaitu EPF pada tahun 2014 menunjukkan trend peningkatan ketidaksamarataan, khususnya 0.4 persen, 0.4 peratus daripada pencarum iaitu lebih kurang 28,000 pencarum KWSP menyumbang lebih kurang RM47.2 bilion. Sedangkan 51.9 peratus iaitu 3.6 *million* pencarum menyumbang sebanyak RM43.9 bilion kepada KWSP. Apakah ini menunjukkan? Ini jelas menunjukkan bahawa 0.4 peratus pencarum memiliki caruman yang lebih berbanding daripada 51.9 peratus jumlah pencarum.

## ■1900

Jelas menunjukkan bahawa ketidaksamarataan di Malaysia. Ketiga, kita nampak trend ketidaksamarataan dengan jumlah wang simpanan di Amanah Saham Bumiputera. Di mana 10 peratus daripada ahli ASB memiliki 79 peratus jumlah simpanan walhal 50 peratus pencarum memiliki hanya 1.7 peratus simpanan. Jelas *again the unequal nature of our contribution to ASB*.

Keempat, kajian 2018 daripada Khazanah Research Institute yang baru keluar dua minggu lalu menunjukkan ketidaksamarataan, *income inequality*, yang juga meningkat jika berbanding dengan 20 tahun yang lalu. Menurut Khazanah Research Institute, jurang pendapatan di antara isi rumah 20 atasan ataupun *top 20* (T20) dan 40 *percent* kelas tengah dan bawahan- B40, jika diselaraskan dengan inflasi telah meningkat dua kali ganda *which is again, shows the gap between the richer and the poor* terlalu besar sekarang. Lebih teruk daripada 20 tahun yang lalu. Kajian ini juga mendapati bahawa penjimatan, *savings* isu keluarga pendapatan kurang daripada RM2,000 telah jatuh daripada RM124 pada tahun



2014 kepada RM76 pada tahun 2016. Ini merupakan bukti jelas di mana rakyat miskin menjadi lebih miskin.

Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, isu ketidaksamarataan merupakan isu *is the cutting edge. If we cannot solve this problem*, kita akan menghadapi banyak masalah. So, what do we do? What do we do? Apakah cara kita untuk mengatasi masalah ini? Memandangkan masalah ini terlalu serius, untuk mengelakkan kes bunuh diri seperti pakcik dari Perlis berlaku sekali lagi, saya harap kerajaan menghasilkan polisi-polisi yang lebih efektif untuk menyelesaikan masalah ketidaksamarataan di Malaysia.

Saya ingin memberi beberapa cadangan untuk membolehkan rombakan institusi atau *institutional change* untuk menangani ketidaksamarataan di Malaysia.

Pertama. Salah satu faktor Tuan Yang di-Pertua, untuk yang mengakibatkan ketidaksamarataan ataupun *inequality* di Malaysia ialah kekurangan kuasa runding pekerja-pekerja Malaysia dengan majikan mereka. Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Industri 1967 telah meletakkan pelbagai sekatan atau *barriers* kepada pekerja-pekerja untuk menghalang pekerja menubuhkan kesatuan sekerja dan berunding secara kolektif dengan majikan. Walaupun produktiviti telah meningkat di Malaysia tetapi gaji pekerja terbantut dalam beberapa tahun yang lalu. Pampasan pekerja ataupun CE iaitu *compensation to employee* kepada KDNK adalah kira-kira 33 peratus. Tujuh peratus lebih rendah daripada matlamat kerajaan iaitu 40 peratus pada tahun 2020.

Saya berharap Kementerian Sumber Manusia mengkaji Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Industri secara mendalam, memansuhkan seksyen-seksyen yang ketinggalan zaman dan mencabul hak pekerja. Jika kedudukan pekerja dan majikan lebih seimbang dan setara, pekerja dapat berkongsi kekayaan negara. Maka masalah ketidaksamarataan akan reda sikit, bukan banyak tetapi sikit. Kerajaan seharusnya juga mengiktiraf Konvensyen Pertubuhan Buruh Sedunia 1987 untuk membenarkan kebebasan berserikat dan juga Konvensyen 111 untuk menghentikan diskriminasi pekerjaan.

Kedua. Cadangan kedua ialah kerajaan harus merujuk kepada *The Commitment to Reducing Inequality Index 2018* yang dihasilkan oleh *Development Finance International* dan *Oxfam*. Indeks ini boleh memberi panduan dalam penggubalan dasar dalam hal-hal berkait dengan perbelanjaan sosial, struktur cukai yang progresif, hak pekerja dan kesatuan sekerja, hak wanita di tempat kerja dan juga gaji minimum.

Cadangan ketiga, pengaliran keluar secara haram- *illicit financial flows*, ataupun pengelakan cukai- *tax evasion*. Kedua-dua ini iaitu pengeluaran, pengaliran keluar wang secara haram dan juga *tax evasion* menyebabkan pendapatan kerajaan ataupun pendapatan negara berkurang. Maka, kapasiti kerajaan untuk membelanja dalam bidang kesihatan, pendidikan, kebajikan dan juga infrastruktur menurun.

Menurut laporan *Global Financial Integrity* atau GFI, Malaysia kehilangan kira-kira USD431 bilion ataupun dalam Ringgit Malaysia adalah RM1.8 trilion, lebih kurang sama dengan pinjaman Malaysia dalam aliran keluar haram antara 2005 dan 2014. Tahun lalu, Kertas-kertas Panama ataupun *Panama Papers* mendedahkan bahawa sekurang-kurangnya 100,784 individu atau pelanggan induk Malaysia terlibat dalam aliran keluar wang haram dari negara ini.

Jika kerajaan berjaya mengurangkan aliran keluar secara haram ini, pasti kita boleh mengurangkan ketidaksamarataan dalam masyarakat dan merealisasikan kenyataan Perdana Menteri iaitu mengurangkan jurang antara golongan kaya dan golongan miskin. Kerajaan juga harus menggubal undang-undang mencegah pengelakan cukai dan aliran wang secara haram serta mengenal pasti identiti pemegang akaun persisiran luar ataupun *offshore*. Ini mesti dilaksanakan tanpa rasa takut atau pilih kasih. Segala bentuk gejala rasuah individu atau perbadanan mesti dihapuskan.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua ialah kerajaan harus timbangkan meningkatkan cukai pendapatan individu dan syarikat supaya golongan berpendapatan tinggi membayar lebih cukai dan wang ini boleh diagihkan semula atau *redistribute* kepada golongan miskin. Pengutipan cukai oleh kerajaan mesti memastikan ia memberi manfaat kepada golongan bawahan dalam masyarakat. Baru-baru ini Presiden Korea Selatan (*South Korea*) meningkatkan cukai ke atas syarikat gergasi di *South Korea* yang beruntung besar dalam negara tersebut. Beliau meningkatkan cukai pendapatan syarikat daripada 22 peratus hingga 25 peratus.

Langkah ini dijangka akan menambah pendapatan kerajaan sebanyak USD2.3 bilion setiap tahun dan beliau juga meningkatkan cukai pendapatan bagi mereka yang berpendapatan tinggi. Satu langkah yang mendapat sokongan rakyat di *South Korea* sebanyak 86 peratus rakyat *South Korea* menyokong dasar kerajaan untuk meningkatkan cukai syarikat-syarikat yang besar dan juga individu-individu yang mendapat pendapatan yang tinggi. So kita pun harus mengikut dan Tuan Yang di-Pertua, tujuan meningkatkan cukai korporat dan cukai pendapatan ini ialah untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara orang kaya dan miskin.

Kelima, memperkenalkan undang-undang apa yang dipanggil *unexplained wealth order* seperti yang dilaksanakan di *United Kingdom*. Ini mewajibkan yakni bermaksud *unexplained wealth order* mewajibkan rakyat yang memiliki kekayaan luar biasa menjelaskan asal kewangan itu kepada kerajaan. Seperti di UK, perintah tersebut akan memberi kuasa istimewa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pejabat pendakwa raya, *AG chambers* untuk membekukan aset individu atau syarikat yang disyaki mengelak cukai atau terlibat dalam pengaliran wang secara haram.

Keenam, menggunakan konsep kemiskinan relatif untuk menggantikan kaedah kemiskinan mutlak ataupun *absolute poverty* bila mana 60 peratus isi rumah akan berada di bawah median pendapatan negara sebagai keluarga miskin. Mengikut laporan KRI iaitu Khazanah Research Institute menunjukkan 43 daripada jumlah isi rumah Malaysia adalah keluarga miskin. Dengan menggunakan definisi baru ini, kerajaan harus mereka bentuk semula sistem perlindungan sosial kita dan bantuan kebajikan, perkhidmatan perubatan dan pendidikan harus diberi kepada isi rumah yang miskin ini iaitu lebih kurang 43 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah ataupun fenomena ketidaksamarataan ataupun *inequality*. Masalah tersebut tidak boleh ditinggalkan kepada *free market* ataupun mekanisme pasaran semata-mata. Campur tangan kerajaan sangat diperlukan untuk membantu golongan B40 untuk meningkatkan pendapatan dan memastikan kelas pertengahan. Pada tahun 1980-an dan 70-an, Kerajaan Barisan Nasional bercita-cita untuk menghasilkan jutawan sebagai strategi untuk merangsang keusahawanan dan membangunkan ekonomi. Strategi tersebut gagal menghasilkan komuniti perniagaan yang dinamik dan langsung tidak *trickle-down effect* untuk golongan bawahan.

#### ■1910

Saya memberi sokongan sepenuhnya kepada prinsip-prinsip utama laporan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 iaitu memperkasakan golongan B40.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Saya berharap kerajaan mempertimbangkan keenam cadangan yang dikemukakan oleh saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkait dengan *carbon tax and packaging tax*. Saya ingin memberi dua cadangan untuk menjayakan agenda kelestarian alam sekitar. Objektifnya ialah untuk mengurangkan pelepasan karbon ataupun *carbon emission* dan juga *plastic waste* ataupun sisa-sisa plastik di negara kita iaitu satu memperkenalkan cukai karbon dan juga memperkenalkan skim deposit pulang ataupun *deposit return scheme* dan cukai bungkusan ataupun *packaging tax*.

Laporan Kajian Separuh Penggal mencadangkan beberapa strategi untuk menyelesaikan masalah perubahan iklim dan pelepasan gas rumah hijau. Misalnya meningkatkan kegunaan tenaga boleh diperbaharui iaitu *renewable energy*, menggalakkan pembinaan bangunan hijau, menambahbaikkan sistem pengangkutan awam, *optimize* pengurusan permintaan tenaga dan lain-lain.

Saya berpendapat rancangan tindakan ini belum cukup untuk meredakan impak perubahan iklim. Saya ingin mencadangkan kerajaan memperkenalkan cukai karbon sebagai usaha untuk mengurangkan penggunaan bahan-bahan api fosil dengan ini mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dalam negara. Negara-negara maju telah melaksanakan cukai karbon untuk mengatasi masalah perubahan iklim. Umpamanya Kanada telah memperkenalkan cukai karbon pada tahun 2008. Semua bahan api fosil, *fossil fuels* telah

dibeli untuk kegunaan individu atau komersial akan dikenakan cukai karbon. Harga satu tan karbon dioksida di Kanada adalah CAD35 pada tahun 2008. Harga ini bermakna setiap liter gasolin akan dikenakan cukai 7.78 sen dan setiap liter diesel akan dikenakan cukai 8.95 sen.

Cukai karbon ini telah menyebabkan pertumbuhan GDP sebanyak 17 peratus dari tahun 2007 hingga 2015 manakala pelepasan gas rumah hijau turun sebanyak 4.7 peratus. Untuk mengurangkan beban cukai tersebut terhadap rakyat jelata, Kerajaan Kanada juga memberi kredit cukai tindakan iklim, *climate action tax credit* sebanyak CAD135 kepada setiap individu dan CAD40 kepada setiap kanak-kanak. Satu geran bantuan cukai karbon hijau ataupun *greenhouse carbon tax relief grant* disediakan untuk menggalakkan inovasi peniaga-peniaga dan transformasi kepada masa depan karbon rendah.

Kerajaan tempatan akan terima satu insentif khas jika berjanji menjadi neutral dalam isu pelepasan gas rumah hijau. Maka sudah tiba masa untuk negara Malaysia, negara kita memperkenalkan cukai karbon untuk kurangkan penggunaan bahan api fosil di kalangan rakyat. Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan memberi tekanan kepada industri-industri dan pelabur-pelabur untuk meningkatkan teknologi hijau.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, negara Britain telah mengikut langkah 38 buah negara termasuk Finland, Denmark, Sweden dan *Germany* untuk melaksanakan skim deposit pulang plastik. Skim tersebut menggalakkan rakyat memulangkan botol plastik, barangan kaca dan besi melalui mesin untuk kitar semula. Mereka akan mendapati balik deposit bungkusan minuman di mesin tersebut. Dengan usaha ini Kerajaan Britain berharap akan mengurangkan pembuangan barang ke atas tanah, laut dan juga sungai.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua memang tahu bahawa *some research* menunjukkan bahawa pada 10 tahun yang akan datang kita akan adakan lebih *plastic bottle* di sungai-sungai dan bukan ikan.

Apabila Finland sebagai contoh, kalau kita ambil Finland sebagai contoh selepas Kerajaan Finland memperkenalkan cukai bungkusan, *packaging tax* pada tahun 1994, pengguna dikehendaki membayar deposit EUR0.50 untuk satu tin aluminium, EUR0.20 untuk satu botol plastik kecil, EUR0.10 untuk satu botol kaca apabila mereka memulangkan balik bungkusan melalui *reverse vending machine*, mereka mendapat balik deposit tersebut. Sebab poin saya hendak buat di sini ialah kita mesti mengikut beberapa contoh *best practices in the world* untuk menangani masalah perubahan iklim. Saya nampak bahawa ini ada impak yang tinggi dalam negara-negara itu dan saya cadang supaya Kerajaan Malaysia juga memperkenalkan *packaging tax* termasuk *carbon tax*. Dengan itu terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Klang. Pembahas seterusnya ialah Yang Berhormat Tasek Gelugor. Selepas Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Petaling Jaya dan seterusnya Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Kota Melaka. Oleh kerana ramai lagi yang berhasrat untuk berbahas, saya ingin cadangkan kita pendekkan waktu pembahas ke 15 minit. Sekarang sebab mungkin kalau dikurangkan esok, esok pun tidak ada masa ya dan kita ada hanya selain daripada baki hari ini, esok dan hari Isnin. 15 minit *give and take* lah ya, dengan izin.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya saya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tadi Yang Berhormat Kuala Krau ataupun Yang Berhormat Kuala Krai tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krau.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai belum lagi? Ada dalam senarai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Krau, dalam *list* ini Kuala Krau. Yang Berhormat Kuala Krau ada? Yang Berhormat Kuala Krai mungkin kalau ada masa. Itu saya hendak hadkan pada 15 minit ya. Lebih kuranglah ya. Ya silakan Yang Berhormat Tasek Gelugor.

### 7.16 mlm.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran untuk saya turut membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih pada Kerajaan PH sekarang ini yang telah meneruskan dasar-dasar yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini yang sebagaimana kita dapat lihat di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Melalui pengenalan enam tonggak dalam semakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan kepada kita menunjukkan bahawa keenam-enam tonggak tersebut adalah merupakan kesinambungan kepada perancangan-perancangan yang telah pun disusun dan diletakkan dengan begitu teliti oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Semangat inilah yang kita ingin melihat dalam usaha untuk memajukan negara kita di mana kesinambungan kepada dasar-dasar dan juga penambahbaikan-penambahbaikan yang dibuat seterusnya adalah merupakan satu titik tolak yang positif untuk kita terus membina kesejahteraan kepada negara kita. Begitu juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Langkawi kerana berhasrat untuk mewujudkan kerajaan yang berintegriti dengan lebih tinggi dan ia telah pun disebutkan sebagai aspirasi kerajaan baharu. Namun begitu sebenarnya apa yang disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 sama ada di dalam prakata ataupun kata-kata aluan dalam buku tersebut dan juga keinginan untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang berintegriti itu juga adalah merupakan roh ataupun semangat yang telah pun kita pasakkan di dalam Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Jadi apa pun dalam hal ini, apa yang menjadi harapan kepada kita ialah kerajaan sekarang perlulah *walk the talk*, membuktikan hasrat untuk menjadi sebuah kerajaan berintegriti itu secara jelas, nyata dan *reliable*, boleh dipercayai kerana apa yang kita lihat sekarang kerajaan belum sampai satu tahap yang boleh meyakinkan kepada rakyat bahawa kerajaan sekarang telah pun mengamalkan dasar-dasar integriti tersebut. Sebagai contohnya, kita melihat banyak penipuan-penipuan yang masih berlaku terutama sekali dalam manifesto di dalam janji-janji yang telah pun dikemukakan semasa sebelum pilihan raya tersebut.

### ■1920

Jadi apa yang berlaku sekarang, rakyat telah bangun dan mempertikaikan integriti terhadap janji-janji dan juga ucapan-ucapan kepimpinan yang ada dalam kerajaan sekarang. Jadi sebagai rakyat saya juga mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan sesama kita. Supaya kerajaan sekarang *walk the talk*, melaksanakan apa yang dijanjikan. Menunjukkan suatu nilai integriti yang tinggi. Tidak berdolak-dalik dan tidak menyalahkan perkara-perkara dan pihak-pihak lain apabila gagal melakukan sesuatu.

Kita tidak marah dan mungkin rakyat boleh menerima sekiranya di dalam nilai-nilai integriti mana-mana pihak yang tidak mampu, melakukan sesuatu dia menjelaskan secara jujur bahawa dia tidak boleh melakukan sesuatu yang telah dijanjikan. Jangan kita terus menerus berada di dalam *vicious circle*. Di dalam lingkaran buruk yang terus menerus melakukan penipuan dan sebagainya kerana ini akan memberi satu teladan yang tidak baik kepada rakyat dan juga kepada jentera kerajaan yang akan melaksanakan dasar-dasar yang kita tentukan di dalam dewan yang mulia ini.

Jadi justeru itu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita kena mengambil iktibar terhadap pepatah Melayu yang menyebutkan janganlah kita menjadi seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan betul ataupun jangan kita menjadi sebagaimana pepatah menyebutkan berkokok berderai-derai tetapi ekor dipenuhi dengan najis.

Jadi dalam hal ini sesuatu perkara yang mesti ditunjukkan secara boleh diterima oleh rakyat ialah kejujuran dan mengelakkan daripada pembohongan, penipuan, dolak-dalik dan sebagainya. Jadi inilah perkara pertama yang saya ingin sentuh tentang spirit, roh yang perlu kita semai, pasakkan di dalam kajian separuh penggal rancangan Malaysia yang ke sebelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan pendahuluan yang telah ditulis di dalam ringkasan eksekutif buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Ini belum pergi kepada cerita enam tonggak ini. Ini baru dalam pendahuluan. Saya melihat di sini sama ada Yang Berhormat Langkawi ataupun Yang Berhormat Menteri Ekonomi menyebutkan tentang *people-centric*. Maknanya dalam kajian Rancangan Malaysia Kesebelas bagi Kajian Separuh Penggal yang akan datang, lebih akan bersifat *people-centric*. Memberikan keutamaan kepada rakyat meletakkan rakyat sebagai subjek yang menjadi tumpuan untuk kita membina kesejahteraan kepada mereka.

Namun begitu, apa yang kita lihat pada hari ini yang menjadi satu tanda persoalan kepada rakyat ialah apabila rakyat melihat setelah kerajaan Pakatan Harapan memerintah, ramai yang telah dibuang kerja. Seperti mana yang berlaku kepada pekerja-pekerja Gamuda dan lain-lain agensi dan sebagainya. Ramai yang tidak menerima bantuan untuk kelangsungan kehidupan. Sebelum ini rakyat kita yang memerlukan ditapis, di senarai pendek oleh agensi-agensi dan juga pemimpin-pemimpin dan juga jabatan-jabatan yang berkenaan di senarai pendekkan terutama sekali di dalam senarai eKasih sebagai penerima sumbangan daripada kekayaan negara. Apa yang negara boleh bagi kepada rakyat, kita membantu golongan-golongan dalam senarai eKasih. Kita membantu golongan-golongan yang layak menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M.

Kita membantu pelajar-pelajar yang cerdik pandai. Kita buat program MyBRAIN dan macam-macam lagi lah kalau hendak disebutkan program-program yang mendatangkan manfaat secara langsung dan meringankan beban kepada rakyat sebagai satu perkara yang kita maksudkan *people-centric*. Akan tetapi pada hari ini kesemua perkara yang kita sebutkan tadi sama ada telah ditiadakan ataupun dikurangkan ataupun akan ditiadakan. Jadi dia telah menimbulkan satu rasa sedih, kecewa, putus harapan daripada kalangan rakyat-rakyat kita yang memerlukan bantuan-bantuan dari sebuah kerajaan.

Jadi kalau kita tengok keadaan ini berlaku, maka kita boleh melihat seolah-olah macam hasrat *people-centric* yang ditulis di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas adalah sesuatu yang nampaknya seperti retorik. Cantik di dalam buku yang ditulis tetapi tidak ternyata di alam yang sebenar. Begitu juga kalau kita melihat ramai rakyat kita yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan di luar kemampuan mereka kerana harga barang yang meningkat. Walaupun dijanjikan apabila cukai ditukar dari GST ke SST, harga barang akan turun. Akan tetapi kita tahu hakikat dan realitinya rakyat dapat merasai yang tidak ada harga barang yang turun lebih rendah daripada apa yang mereka hasratkan. Harga minyak tidak turun, tol tidak ada yang dimansuhkan, harga barang meningkat, dan sebagainya. rakyat berada di dalam selimut kesedihan.

Rakyat masih berada dalam keadaan yang tertanya-tanya. Penuh harapan apakah mereka mampu untuk meneruskan kehidupan. Menyara susu-susu untuk anak-anak mereka. Memberikan pendidikan yang cukup pada anak mereka sedangkan perbelanjaan semakin meningkat. Apakah bantuan-bantuan yang boleh dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sekarang bagi menunjukkan seperti adanya cahaya di hujung terowong. Sekolah akan dibuka pada bulan 1 nanti dan sekarang sekolah sudah mula akan bercuti sedikit masa lagi. Pemikiran ibu bapa sudah semakin serabut, sudah semakin susah hati macam mana hendak menyediakan kelengkapan dan peralatan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, minta laluan.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Seminit, tidak sampai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Pernah kah Yang Berhormat Tasek Gelugor mendengar hari ini kita menang, esok minyak turun RM1.50 untuk membantu rakyat. Pernah dengar tidak?

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Pernah dengar dan pernah tengok video itu. Jadi saya rasa siapa yang berucap benda itu sepatutnya dia kena minta ampun lah dekat rakyat Malaysia. Okey. Begitu juga dengan tiada kenaikan gaji. Gaji yang kita katakan gaji minimum, RM1500 seronok sudah emak ayah ini. Tengok-tengok RM1,050 sahaja. Itu pun kalau ada. Kalau tidak ada, tidak tahu lah. Yang kena buang kerja itu lagi lah. Jadi dalam hal ini bayaran PTPTN, bayaran tol, isu teksi, ini semua kemelut yang dirasai dalam sanubari hati rakyat yang mengharapkan kerajaanlah yang akan membuka ruang menolong dan membantu mereka.

Jadi saya minta, saya menyebutkan perkara ini yang sebenarnya semua kita tahu. Akan tetapi sengaja saya ulang kan supaya kita tidak lupa bahawa dalam kita meletakkan

roh semangat untuk kita merancang Malaysia bagi separuh penggal yang akan datang, lagi dua tahun sampai 2020. Sekurang-kurangnya kita boleh selesaikan dulu masalah-masalah dan juga kemelut-kemelut yang timbul di kalangan rakyat. Kita berhentilah daripada berantakan, saling menyalahkan antara satu sama lain. Sebaliknya inilah masa untuk kita bantu dan buktikan *people-centric* yang kita jadikan sebagai panduan dan hala tuju kita nanti.

#### ■1930

Tuan Yang di-Pertua, sekejap saja masa sudah tinggal satu minit. Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh di sini tentang tonggak yang keempat, memperkasakan modal insan. Bila kita sebut memperkasakan modal insan ia sebenarnya ialah memperkasakan kebolehan satu. Keduanya ialah memperkasakan keupayaan dan dalam memperkasakan keupayaan kita perlu memperkasakan ilmu dan kemahiran. Kita perlu memperkasakan produktiviti seseorang dan kita kena menjadikan setiap rakyat kita berinovasi. Kita menjadikan mereka itu mempunyai pendapatan yang tinggi dan kuasa beli yang tinggi dan kita juga kenal pastikan tentang kebolehpasaran diri mereka dalam memberikan *outcome* dan juga *output*.

Inilah perkara yang perlu dibina di dalam memperkasakan modal insan. Namun begitu pada hari ini kita melihat banyak perkara-perkara yang ditinggalkan oleh kita terutama sekali dalam kita memberikan ilmu dan kemahiran kepada rakyat kita sebagai contohnya, dulu kerajaan menegaskan tentang TVET akan tetapi sekarang ini TVET nampak malap sekali dan saya minta kerajaan memberikan tumpuan untuk melatih rakyat kita khususnya di dalam pembinaan. Kursus-kursus dalam bidang binaan dan sebagainya kerana ini amat perlu untuk kita menyediakan modal insan bagi menggantikan tenaga-tenaga kerja daripada luar sekiranya berlaku perubahan dasar kepada negara-negara sumber yang membekalkan tenaga kerja daripada luar maka ia akan menjejaskan pembangunan dalam negara kita kerana kita tidak menyediakan modal insan yang terbaik.

Maka dengan sebab itu saya cadangkan dalam masa yang singkat ini supaya kerajaan mula membuka ruang, memberi kursus-kursus terutamanya dalam bidang pembinaan kerana dalam bidang-bidang lain sudah banyak sangat kita bagi kursus tapi dalam bidang pembinaan, CIDB dan sebagainya perlu melatih tenaga-tenaga muda tempatan supaya mereka boleh mengisi ruang-ruang yang dimaksudkan tadi.

Sebagai menghormati masa Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyudahi ucapan saya dan saya mengharapkan kerajaan pada hari ini akan lebih berintegriti dan juga akan melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya.

#### 7.32 mlm.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11. Kajian yang dibentangkan telah merangka kan satu wawasan dan hala tuju negara untuk penggal pertama Kerajaan Pakatan Harapan. Sesuai dengan kerajaan baharu dan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 membentangkan keutamaan dan penekanan baru bagi menghadapi cabaran nasional yang dihadapi.

Pada saat ini, negara berdepan dengan cabaran getir seperti ketidakseimbangan ekonomi, trend ekonomi yang berubah-ubah akibat perkembangan teknologi yang mendadak serta percaturan geopolitik oleh negara-negara besar dan juga salah laku dan ketirisan akibat kelemahan tadbir urus yang selama ini telah menjadi satu cabaran dalam masyarakat kita.

Sekiranya kerajaan bertekad untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, kita tidak seharusnya taksud dengan matlamat untuk mencapai negara berpendapatan tinggi yang telah lama dijadikan sebagai *benchmark*. Kita tidak perlu berada di takuk yang lama. Sebaliknya usaha kita sepatutnya tertumpu untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan awam yang telah menjadi asas kepada kehidupan rakyat.

Apa yang kita ada ialah saya juga gembira mendengar penekanan daripada kerajaan yang telah menyatakan satu fakta yang membimbangkan dan sudah lama diketepikan iaitu bahawa golongan pekerja yang merupakan kebanyakan rakyat Malaysia hanya menikmati satu pertiga daripada pertumbuhan ekonomi berbanding dengan pemegang

modal. Apa yang kita dapat ialah perkara ini juga telah ditekankan oleh kerajaan dan saya rasa satu isu yang penting ialah pada masa ini kita ada *pockets of poverty* yang mana golongan miskin ini tidak cukup gaji dan ini adalah kesan kepada kesihatan, makanan, pendidikan dan sebagainya.

Contohnya, *the gap* di antara kaya dan miskin adalah satu isu yang penting yang kita perlu menyelesaikan misalnya, hasilnya hanya 40 peratus daripada rakyat mempunyai tabung yang mencukupi untuk bersara. Masalah ketidakseimbangan ekonomi ini lebih kronik jika kita menumpukan perhatian kepada golongan bumiputera. Mengikut Dr. Muhammad Khalid melalui bukunya *The Colours of Inequality* mendapati bahawa 72 peratus daripada pemegang unit saham ASB hanya memiliki lebih kurang RM550 sahaja. Manakala golongan 0.2 peratus tertinggi memiliki unit saham bernilai RM725,122. Ini bermakna 14 ribu individual menabung lebih banyak berbanding dengan tabung lebih kurang 6.5 juta bumiputera *line*.

Penumpuan yang menyeluruh berkenaan dengan kemiskinan dan kesejahteraan rakyat perlu selaras dengan *Sustainable Development Goals*. Nombor satu di mana ia menyatakan *poverty is more than the lack of income and resources to ensure a sustainable livelihood. Its manifestations include hunger and malnutrition, limited access to education and other basic services, social discrimination and exclusion as well as the lack of participation in decision making.*

Persepsi jurang ekonomi ini sangat ketara dan mungkin tidak dicerminkan pada nombor dan statistik. Contoh yang ketara yang menunjukkan perbezaan antara persepsi dan nombor adalah paras kemiskinan negara kita. kerajaan terdahulu selalu menghebahkan bahawa kemiskinan tegar- *hardcore poverty* telah hampir dibasmi sehingga hanya 0.4 peratus daripada rakyat kita tergolong dalam kumpulan miskin tegar.

Namun, piawaian pendapatan garis kemiskinan gagal untuk menggambarkan situasi kemiskinan sebenar kerana telah ditetapkan di paras yang terlalu rendah iaitu RM800. Hal ini kerana pendapatan garis kemiskinan telah lama diperkenalkan pada tahun 1977 berdasarkan Kaji Selidik Pendapatan Isi Rumah 1973.

Piawaian tersebut telah dikekalkan walaupun negara Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan dari segi taraf hidup dan era ekonomi. Langkah yang telah diambil oleh negara-negara maju bagi mengkaji taraf kemiskinan adalah dengan menggunakan piawaian yang lebih sesuai iaitu Pendapatan Garis Kemiskinan Pelbagai Dimensi- *Multidimensional Poverty Line*, ataupun Pendapatan Garis Kemiskinan Relatif dan dengan menggunakan ini adalah mengambil kira keperluan-keperluan lain mengikut konteks masyarakat seperti kewujudan pengangkutan awam, akses kepada hospital, bekalan tenaga elektrik, air minum bersih serta perbezaan taraf hidup antara masyarakat mengikut pertumbuhan GDP.

#### ■1940

Saya percaya bahawa piawaian ini mampu mencerminkan keperluan masyarakat yang lebih tepat serta memberi satu dorongan baharu supaya kerajaan mengambil tindakan ke atas masalah kemiskinan.

Selain itu, perubahan-perubahan polisi kewangan, percukaian serta penggalakan peningkatan aset golongan B40 perlu diwujudkan. Prinsip *redistributive justice* perlu diberi nafas baharu dalam pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Cukai-cukai yang sewajarnya perlu dikenakan terhadap golongan kaya dan meluaskan perkhidmatan kerajaan bagi memenuhi keperluan asas rakyat.

Sudah tentu sekolah-sekolah di luar bandar perlu dinaiktarafkan dan ditambah supaya akses kepada golongan yang terpinggir dapat ditingkatkan. Namun, perhatian turut harus diberi kepada sekolah-sekolah di kawasan bandar yang sedang mengalami kemerosotan infrastruktur terutamanya sekolah yang memberi perkhidmatan kepada golongan miskin bandar. Sekolah sebegini yang mengalami masalah infrastruktur kritikal amat banyak di kawasan saya di Petaling Jaya juga.

Kesulitan hidup yang dihadapi oleh rakyat Malaysia tidak boleh dinafikan lagi. Perangka polisi tidak boleh bergantung semata-mata kepada nombor dan statistik yang mungkin tidak memberi gambaran sebenar tentang keadaan masyarakat. Saya ingin menyeru supaya semua yang terlibat dalam kajian serta perangkaan polisi berkaitan kemiskinan untuk turun padang dan melihat keadaan sebenar. Polisi perlu dirangka dengan menggunakan pendekatan dari bawah.

Saya juga menyokong azam kerajaan untuk meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan melalui penyediaan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja, penggalakan aturan kerja yang fleksibel, inisiatif kembali bekerja seperti *career comeback* dan peningkatan cuti bersalin daripada 60 hari ke 90 hari.

Usaha ini bagus bukan sahaja kerana memanfaatkan individu tetapi juga meningkatkan produktiviti negara. Namun, kita pun ada cabarannya. Saya risau meneliti bahawa kadar penyertaan tenaga buruh wanita atau *female labour force participation rate* yang rendah di 53.5 peratus. Ramai wanita bergantung kepada keluarga atau suami bagi menampung sara hidup mereka dan kekurangan kebebasan kewangan ini membimbangkan kerana hidup mereka akan terumbang ambing sekiranya kematian suami atau pun berlakunya penceraian.

Kekurangan kebebasan kewangan ini turut menjadi salah satu faktor kepada masalah keganasan rumah tangga yang berlarutan kerana kebanyakan isteri tidak berani untuk bersuara kerana tiada pendapatan untuk menampung sara hidup diri sendiri dan anak-anak. Masalah kekurangan wanita dalam pasaran tenaga kerja bukan hanya satu masalah ekonomi tetapi juga adalah masalah sosial dan keluarga. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan menyediakan *road map* yang lebih terperinci untuk menggalakkan kebebasan kewangan dalam kalangan wanita dan golongan isteri.

Satu lagi isu ialah kesihatan rakyat perlu dipelihara oleh kerajaan. Saya sering berdepan dengan pertanyaan rakyat yang tertekan untuk mencari perkhidmatan hospital dan klinik kerajaan. Sekarang, penduduk hanya mempunyai satu pilihan sekiranya hendak mendapatkan perkhidmatan hospital yang dibiayai oleh kerajaan iaitu melalui Pusat Perubatan Universiti Malaya, misalnya di Petaling Jaya.

Namun, seperti yang sering dibangkitkan dalam Dewan ini, perkhidmatan tersebut adalah tidak memadai kerana kepadatan penduduk Petaling Jaya adalah sangat tinggi. Masalah kronik ini dihadapi oleh penduduk di Petaling Jaya terutamanya di kawasan DUN Taman Medan dan sebahagian daripada DUN Seri Setia. Disebabkan ketiadaan hospital kerajaan, penduduk terpaksa mendapatkan khidmat daripada klinik-klinik kerajaan yang semakin sesak atau pun mengeluarkan perbelanjaan yang sangat mahal untuk mendapatkan rawatan asas daripada klinik dan hospital swasta.

Kerajaan perlu menghentikan kebergantungan terhadap hospital dan klinik swasta yang masih mengenakan caj yang begitu mahal kepada penduduk-penduduk yang memerlukannya. *Healthcare is a human right, not a business.*

Prinsip bahawa keperluan-keperluan asas ini adalah satu hak dan bukannya peluang komersial semata-mata perlu diguna pakai di sektor pengangkutan dan perumahan. Kerajaan perlu mengambil inisiatif yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan akses kepada peningkatan perumahan awam dengan menggunakan hasil percukaian yang lebih daripada aset dan pendapatan golongan teratas.

Saya telah meneliti kajian dan mendapati bahawa tiada usaha tertumpu dan terperinci bagi meningkatkan perkhidmatan hospital dan klinik kerajaan terutamanya di kawasan bandar yang mempunyai ramai golongan miskin bandar.

Saya juga ingin menegaskan bahawa cadangan Skim Insurans Kesihatan B40 yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan adalah satu cadangan yang merisaukan saya. Skim ini bermaksud kerajaan akan menyediakan perlindungan insurans sebanyak RM10,000 kepada isi rumah B40 untuk mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta. Walaupun skim ini kelihatan bagus kerana menyasarkan golongan B40, ia membangkitkan pelbagai kerisauan berkenaan sektor kesihatan awam negara kita kerana skim tersebut lebih menggalakkan pembangunan hospital dan klinik-klinik swasta dan menguncupkan perkhidmatan kesihatan kerajaan.

*Top talent* dalam bidang perubatan lebih berminat untuk bekerja dalam sektor swasta disebabkan gaji, manfaat dan *career trajectory* yang lebih bagus. Sekiranya skim ini dilaksanakan, ini bermaksud bahawa sektor perkhidmatan kesihatan awam di tahap *primary care* akan menguncup.

Pada jangka masa yang panjang, skim ini adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kebergantungan rakyat Malaysia terhadap sektor swasta yang menyediakan perkhidmatan yang mahal. Skim ini bukanlah satu penyelesaian yang mampan-*sustainable*.



Saya berpendapat bahawa adalah lebih baik sekiranya dana yang diperuntukkan untuk menyediakan insurans tersebut disalurkan untuk mengembangkan hospital dan klinik-klinik swasta atau pun menaiktarafkan perkhidmatan dengan menaikkan gaji penjawat-penjawat awam yang bekerja di sektor kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh kah Yang Berhormat menggulung?

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Okey, sorry. Ada satu lagi ialah- *I will jump to- open data, dan open government.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara ringkas.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Secara ringkas kah? *[Ketawa]* Untuk *open data* dan *open government*, saya hendak menggalakkan kerajaan untuk mengambil perhatian untuk isu ini kerana kesejahteraan rakyat seperti yang dirangka melalui perspektif SDG hanya boleh dicapai sekiranya tunjang bagi akauntabiliti dan demokrasi, iaitu maklumat, dapat diakses dengan mudah oleh semua pihak.

#### ■1950

Saya harap ini akan dipertimbangkan. Satu lagi ialah memperkenalkan *Freedom of Information Act*, perlu dilaksanakan kerana ini adalah selaras dengan langkah-langkah kerajaan untuk mengkaji semula juga Akta Rahsia Rasmi 1972 supaya mengurangkan skop dokumen yang boleh diklasifikasikan sebagai rahsia.

Dengan itu, saya menyokong RMKe-11 dan saya harap bahawa langkah-langkah kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menyediakan rumah mampu milik, meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan modal insan bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0 serta menyelaraskan pembangunan antara bandar dan luar bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krau, bukan Yang Berhormat Kuala Krai lagi ya. Yang Berhormat Kuala Krai akhir sekali.

#### 7.51 mlm.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu tahun 2016 hingga tahun 2020.

Dalam mukadimah perbahasan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada yang masih berada dalam Dewan, Yang Berhormat Menteri seorang, Timbalan Menteri dua orang. Sebenarnya saya hendak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi, bukan mudah yang berusia 93 tahun dapat menjadi pemimpin negara masa kini dalam keadaan ekonomi global yang sangat meruncing.

Saya yakin bahawa pengalaman Yang Amat Berhormat Langkawi setelah 22 tahun menjadi Perdana Menteri di bawah tiket UMNO dan Barisan Nasional, banyak jasa-jasa yang kawan-kawan, sahabat-sahabat daripada Kerajaan Pakatan Harapan tidak boleh menafikan. Daripada 61 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah, Perdana Menteri yang paling lama adalah Yang Amat Berhormat Langkawi, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir dan sekarang daripada Perdana Menteri yang keempat, mencipta rekod lagi menjadi Perdana Menteri yang ketujuh.

Umur 93 tahun dapat berucap, berdiri 68 minit dalam membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Rancangan Malaysia Kesebelas ini adalah rancangan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong minta laluan, baru mula saja.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Krau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bersetuju Yang Amat Berhormat Langkawi mencipta rekod menjadi Perdana Menteri yang lama dan kembali berkuasa. Akan tetapi ada seorang lagi Yang Berhormat juga mencipta rekod menjadi bakal Perdana Menteri dan menanti dengan tempoh yang begitu lama, ada dua tokoh ini. Kalau saya kata sudah sampai ketikanya diserahkan kepada bakal Perdana Menteri yang dah tunggu sejak 1998 lagi, apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krau?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Lenggong, saya sebenarnya bukan Yang Amat Berhormat Langkawi tetapi kalaulah saya duduk di Kerusi Perdana Menteri, tak cukup dua tahun. Ucapan-ucapan dan pembacaan yang kita dapati daripada sumber-sumber bahawa Yang Amat Berhormat Langkawi sebut dia akan menjadi Perdana Menteri selagi rakyat mahu. Rakyat ini termasuk wakil-wakil rakyat dalam Parlimen, dalam Dewan Rakyat sekaranglah.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Maknanya belum lagilah tu.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang mewakili rakyat. Kalau Ahli-ahli Parlimen ramai tetap setia menyokong Yang Amat Berhormat Langkawi menjadi Perdana Menteri sehingga tempoh dua penggal yang mana telah dihadkan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas, saya yakin Yang Amat Berhormat Langkawi dapat terus memberikan sumbangan yang besar kepada negara seperti mana rekod tercipta selama 22 tahun. Tidak ada rekod yang boleh dipecahkan oleh mana-mana individu, saya percaya termasuk *with due respect to* Yang Berhormat Port Dickson tidak ada sekarang ini dalam Dewan, saya percaya apabila dihadkan tempoh dua penggal untuk seseorang menjadi Perdana Menteri, untuk seseorang menjadi Ketua Menteri, untuk seseorang menjadi Menteri Besar selepas ini amat sukar.

Rekod itu 22 tahun campur dua tahun mungkin campur lima tahun atau dua penggal lagi, dipecahkan rekod oleh orang lain. Saya memang angkat tangan kepada Yang Amat Berhormat Langkawi dan saya hendak berilmu, menjadi anak murid kepada Yang Amat Berhormat Langkawi ini. Apa rahsia boleh menjadi begitu kental setelah berbagai-bagai tohmahan oleh rakan-rakan Pakatan Harapan yang ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini. Kita tidak payahlah sebut video-video lama, ucapan-ucapan lama tapi saya percaya...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Boleh minta laluan?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, baru lagi kita borak dekat luar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberikan Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya yakin bahawa Yang Amat Berhormat Langkawi akan memikirkan kepentingan rakyat keseluruhan bagi menyejahterakan rakyat, menaikkan balik ekonomi negara, menjamin kedaulatan negara, menjamin keselamatan negara, terutama sekali bersikap berbaik-baik dengan negara-negara yang menjadi penyumbang besar kepada pemangkin ekonomi negara.

Kita tidak mahu ada negara-negara yang bertindak keluar, menarik balik pelaburan-pelaburan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan. Sepatutnya KDNK pada tahun 2016, 2017 meningkat tetapi oleh kerana sikap kita, mungkin kita kurang berbaik-baik dengan negara-negara yang menjadi *players* yang telah lama melabur di dalam negara kita, akhirnya banyak pelabur yang lari. Kalau saya sebut, Yang Berhormat Ipoh Timur nak? Sebelum saya pergi ke isu yang lain.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ya, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memang baik hati memberikan Yang Berhormat Ipoh Timur untuk mencelah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih rakan saya di sebelah sana, Yang Berhormat Kuala Krau. Tadi saya memerhatikan Yang Berhormat Kuala Krau begitu *concerned* berkenaan dengan rekod-rekod yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Langkawi dan termasuk Yang Berhormat Port Dickson. Saya juga ada satu perkara yang amat menarik perhatian saya yang mana juga terdapat satu rekod oleh Yang Berhormat

Bagan Datuk, sudah menjadi presiden kurang daripada tiga bulan, sudah ada suara dalaman yang kata kerana beliau sekarang dituduh dengan 45 pertuduhan, beliau kena mengambil cuti. Jadi apakah pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Krau?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ini soalan yang bagus. Nampaknya Yang Berhormat Ipoh Timur berminat dengan apa yang berlaku di dalam parti UMNO, bermaknanya Yang Berhormat Ipoh Timur mungkin...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Maknanya masih ada sedikit relevanlah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya. Saya percaya Yang Berhormat Bagan Datuk, dia telah mengeluarkan beberapa kenyataan bahawa UMNO itu masih lagi wujud. Kami Ahli-ahli Parlimen UMNO tidak ada yang pindah kerusi setakat ini setelah tiga, empat orang yang berpindah, esok tidak tahulah, malam ini tidak tahulah [Ketawa]

Jadi terpulang kepada individu, Yang Berhormat Sepang, kan? Terpulang pada individu yang mempunyai keyakinan yang kuat kepada kepimpinan Yang Berhormat Bagan Datuk. Yang Berhormat Bagan Datuk kata "Saya tetap menjadi Presiden UMNO walaupun lima ribu pertuduhan dihadapkan kepada saya." Bukan bongkak tetapi prinsipnya bahawa Yang Berhormat Sepang faham, sebelum didapati bersalah dia masih lagi bersih, suci.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tidak apalah tetapi timbalan dia kata berlainan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Timbalan dia pun kata macam itu juga lebih kurang dan UMNO ini sebenarnya, cerita parti pula. UMNO ini sebenarnya bukan mementingkan jawatan peribadi, macam Yang Berhormat Pekanlah.

#### ■2000

Dia fikir masalah Yang Berhormat Pekan perlu selesai dengan masalah 1MDB, masalah RM2 bilion, dia sanggup melepaskan jawatan. Itu pemimpin yang berjiwa besar. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Bagan Datuk ada perkiraannya tersendiri untuk menjadi pemimpin yang berjiwa besar sebagaimana Yang Berhormat Pekan. Jadi, fahamlah itu kan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebagai penjaga masa, *timekeeper*, ingin ingatkan tinggal enam minit lagi. Bila hendak bermula dengan isinya?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Okey. Kalau kita tengok isu yang kedua yang saya katakan, saya harapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Pakatan Harapan dapat mengembalikan tahap ekonomi. Saya sudah sebut tadi, tahap ekonomi yang bagus, menyejahterakan rakyat, keselamatan dan kedaulatan negara. Saya sudah sebut isu itu. Isu yang amat penting sekali supaya pelabur tidak lari daripada negara kita. Kita sebut, kalau kedudukan fiskal dan hutang Kerajaan Persekutuan disebut dalam kertas Kajian Separuh Penggal mengatakan bahawa hutang negara hanya sebanyak RM688 bilion. Kalau kita sebut juga, pada tahun 2011, tahun 2017 mengatasi empat ekonomi negara gergasi dalam Asia atau kita sebut *Four Asian Tigers* ini iaitu Hong Kong, Singapura, Korea Selatan dan Taiwan.

Baru-baru ini disebut lagi bahawa *reserve* antarabangsa Bank Negara susut kepada USD6.6 bilion dalam tempoh lima bulan. Itu penting Tuan Yang di-Pertua. Itulah ucapan saya sebenarnya, ucapan untuk merayu kepada kebolehan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi 22 tahun dan *insya-Allah* lagi dua penggal menjadi Perdana Menteri supaya kembali. Bukan kita tolak tepilah, katakanlah RM2 bilion kah, RM41 bilion kah diambil atau belum dibayar menjadi hutang tetapi kita cari jalan bagaimana. Jangan kita kata ini kerana ekonomi kita teruk tetapi kita gagal untuk menarik pelaburan daripada negara-negara lain. China...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Boleh celah?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** *Allahu akbar*, empat minit. Satu minit. Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Sedikit saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Maran, silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Tadi Yang Berhormat Kuala Krau katakan bahawa bangga dengan Yang Berhormat Langkawi dan sekarang agak macam ada sedikit *question mark* tentang pencapaian. Yang Berhormat Langkawi juga merasa belum puas hati dengan pencapaian Menteri-menterinya. Apakah ini menandakan bahawa Yang Berhormat Langkawi berjaya tetapi sebahagian daripada peranan Menteri-menterinya agak tidak berjaya, tidak termasuk Yang Berhormat Pulaui.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia sedang tunggu dan lihat untuk siapa yang perlu dikekalkan dan siapa yang perlu beralih tempat, bangku sebagai *backbenchers*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita cakap pasal ekonomi masyarakat luar bandar, harga kelapa sawit jatuh, harga getah jatuh. Kasihan masyarakat luar bandar, rakyat kita yang ramai B40 ini, Yang Berhormat Pasir Gudang. Kita sama-sama pergi Indonesia dengan Tuan Yang di-Pertua kan? Jadi, merayulah supaya berbaik semula dengan negara China. Kalau lima bulan sebelum ini kita menjadi pengeluar terbesar kelapa sawit berbanding dengan Indonesia. Akan tetapi sekarang ini 63 peratus dimonopoli oleh Indonesia. Duta China ke Malaysia, Bai Tian pada Februari lalu mengatakan China akan mengimport tanpa had minyak kelapa sawit ketika itu. Akan tetapi sekarang sudah tidak beli minyak kelapa sawit. Apa sebabnya?

Jangan sebab kerana beban hutang kita tidak boleh mencari pelabur, tidak boleh hendak eksport barangan kita untuk menyejahterakan rakyat. Ini termasuk juga bagaimana langkah-langkah untuk kita menangani isu Ahli-ahli Parlimen EU yang berkempen untuk sifar penggunaan minyak kelapa sawit pada tahun 2021. Ini satu perkara yang dahsyat, yang Malaysia terpaksa hadapi. Akhirnya, negara kita akan meleset dan kadar pengangguran yang disebut di dalam Kajian Separuh Penggal ini, kadar pengangguran bertambah daripada 2.8 peratus akan menjadi 3.5 peratus. Ini akibat daripada masalah ekonomi dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak tahulah boleh naik gaji atau tidak Tuan Yang di-Pertua, kalau ekonomi kita macam ini.

Saya ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua- yang ketiga iaitu tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beria-ia sungguh meneruskan tradisi Tuan Yang di-Pertua yang lalu Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia dan jawatankuasa untuk *transform* Parlimen negara kita, Dewan Rakyat ini dan akhirnya lawatan demi lawatan. Akhirnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju untuk mengembalikan kuasa autonomi Parlimen, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dan mewujudkan beberapa jawatankuasa yang mempunyai kuasa untuk semak dan imbang sebarang dasar polisi dan rang undang-undang yang hendak dibuat dan diluluskan dibawa di dalam Parlimen, termasuk juga pelantikan-pelantikan pegawai-pegawai tertinggi di dalam negara kita.

Saya cukup tabik dengan kerajaan kerana bersetuju dengan apa yang telah kita-kebetulan dahulu saya juga duduk di dalam jawatankuasa ini sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, dia bagi lima minit kepada saya lebih masa agaknya. Senyum menawan walaupun sudah lewat malam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak berikan kepada yang lain kerana terpaksa memberikan kepada Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya percaya bahawa Tuan Yang di-Pertua, langkah ini akan lebih memartabatkan Dewan yang mulia ini. Saya haraplah peraturan-peraturan yang kita ada di dalam ini kita tetap patuhi. Sebagaimana saya hendak sebut peraturan 41 tentang adab berpakaian kita di dalam Dewan yang mulia ini. Janganlah kita ubah daripada *lounge suit* kepada baju batik, kepada kain pelekat dan sebagainya.

Saya harap ini dapat kita memberikan satu penghargaan rasa gerun, 'roh' Dewan yang mulia ini dapat kita jaga. Janganlah ada kita ubah-ubah. Akan tetapi kita ubahlah perkara-perkara yang penting.

*Last* sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan setelah ekonomi penduduk kampung kita jaga, FELDA kita jaga, FELCRA kita jaga.

*Last* sekali, agama Islam kita Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perlembagaan Persekutuan kita. JAKIM ini saya kasihan. Daripada dahulu saya sebut. Lima tahun saya tidak dapat berucap Tuan Yang di-Pertua, duduk di situ. Lima tahun, sebelum lima tahun saya

cakap JAKIM mestilah dijadikan sebuah kementerian. Jangan jabatan. Agama Islam duduk di atas agama Persekutuan.

Yang Berhormat Menteri Asas Tani setuju kan? Mesti menjadi sebuah kementerian yang mempunyai kuasa mentadbir, mempunyai bajetnya sendiri untuk mentadbir dan Mahkamah Syariah mesti diseragamkan. Perjawatan-perjawatan diseragamkan, masjid-masjid sama ada dibina baru, dibaik pulih, surau dibina baru, dibaik pulih. Ini termasuk juga saya mencadangkan supaya- saya senyum tengok Tuan Yang di-Pertua tengok jam. Macam saya dulu tengok jam.

Ini termasuk juga bahawa elaun-elaun pegawai-pegawai masjid dan sekolah-sekolah tahfiz, sekolah-sekolah agama rakyat, KAFA diletakkan di bawah satu kementerian yang menjaga hal agama Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Senyum menawan. *Insyallah* ada masa lagi, saya berucap demi kepentingan rakyat di dalam negara kita. Sekian. Saya menyokong Kajian Separuh Penggal mana yang baik dan yang tidak baik, yang menguncup saya tidak sokong. Yang mengembang saya sokong. Sikap saya suka yang kembang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak faham saya. Sekarang kita beralih ke Yang Berhormat Kota Melaka. Sila Yang Berhormat Kota Melaka.

#### 8.09 mlm.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan Kota Melaka peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Kajian Separuh Penggal ini bukan sahaja membentangkan hala tuju ekonomi dan pembangunan negara, malah ia juga membentangkan perubahan yang bakal dilaksanakan Kerajaan Pakatan Harapan dalam masa dua tahun yang akan datang. Pada 9 Mei yang lepas, buat pertama kalinya dalam sejarah negara ini rakyat Malaysia memilih perubahan. Maka, pembentangan dokumen penting ini yang menggariskan pelaksanaan dasar reformasi demi masa depan negara amatlah dialu-alukan.

#### ▪ 2010

Saya akan menyentuh tiga perkara di dalam ucapan ini. Pertama, reformasi sistem politik negara. Kedua, memperkukuhkan agenda pencegahan rasuah dan ketiga mengembalikan semangat *federalism*.

Tuan Yang di-Pertua, reformasi sistem politik negara. Saya menyambut baik komitmen kerajaan untuk mereformasi sistem politik negara dengan menambah baik sistem pilihan raya. Seperti yang dibentangkan di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini, pihak kerajaan akan melaksanakan pembersihan daftar pemilih, menambah baik pengundian pos, memastikan akses yang adil kepada media untuk semua parti yang bertanding dan memperkenalkan undang-undang berkaitan pembiayaan politik. Pelaksanaan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi amatlah penting dalam kerangka menambah baik sistem pilihan raya negara ini. Sehubungan itu, saya mencadangkan pihak kerajaan juga mempertimbangkan untuk melaksanakan pendaftaran automatik berdasarkan daftar Jabatan Pendaftaran Negara.

Langkah ini sudah lama disarankan oleh pelbagai pihak termasuklah badan bukan kerajaan (NGO) seperti BERSIH dan individu ternama seperti Mantan Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid. Menyeru Pilihanraya Umum Ke-14, kita dikejutkan dengan laporan bahawa sekitar 3.8 juta warga yang layak mengundi tidak mendaftar sebagai pemilih. Langkah utama yang dapat menyelesaikan masalah ini adalah dengan pelaksanaan pendaftaran automatik. Saya percaya langkah ini bukan sahaja dapat memantapkan lagi usaha pihak kerajaan untuk menambah baik sistem pilihan raya malah dapat memastikan lebih ramai warga yang layak mengundi menunaikan tanggungjawab mereka lantas menyuburkan demokrasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen kerajaan untuk menurunkan had umur minimum untuk mengundi kepada 18 tahun amat dialu-alukan. Penurunan had umur minimum untuk mengundi kepada 18 tahun ini penting terutamanya bagi memastikan penyertaan yang lebih baik terutamanya di kalangan anak-anak muda di dalam proses demokrasi. Persekitaran yang kondusif harus diwujudkan bagi menggalakkan golongan anak-anak muda bersuara, terlibat dan menyumbang kepada proses demokrasi di negara ini. Maka saya menyambut

baik langkah kerajaan yang komited untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 amatlah tepat bagi mencapai matlamat ini.

Sungguhpun begitu, saya ingin menyarankan kepada kerajaan juga harus memastikan akta-akta zalim yang lain seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1948 dimansuhkan juga. Peruntukan-peruntukan zalim di dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Perhimpunan Aman 2012 juga perlu dimansuhkan. Bagaimanakah kita mahu mereformasi sistem politik negara dan menyediakan persekitaran yang kondusif dalam kerangka menyuburkan demokrasi jika akta-akta yang zalim dan menindas ini masih wujud.

Maka, pendaftaran automatik, penurunan had umur minimum untuk mengundi kepada 18 tahun dan pemansuhan akta dan peruntukan zalim ini penting bagi memastikan kejayaan usaha pihak kerajaan untuk mereformasi sistem politik negara supaya menjadi lebih mantap dan demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, memperkukuhkan agenda pencegahan rasuah ialah topik kedua yang saya nak sentuh. Pada PRU Ke-14 yang lepas, rakyat Malaysia telah membuatkan tekad menolak golongan yang terlibat dengan amalan rasuah, ketirisan dan penyalahgunaan kuasa. Menginsafi perkara ini, Pakatan Harapan berazam mahu menjadikan Malaysia di antara sepuluh negara terbersih menurut Indeks Persepsi Rasuah Transparensi Internasional menjelang tahun 2030. Ini merupakan cabaran yang amat besar buat Kerajaan Pakatan Harapan memandangkan kini Malaysia berada di kedudukan ke-62 dunia menurut Laporan Indeks Persepsi Rasuah 2017 yang diterbitkan oleh Transparensi Internasional.

Sejak lima tahun kebelakangan ini pula, data portal rasmi SPRM menunjukkan sejak tahun 2013, jumlah tangkapan rasuah meningkat dari tahun ke tahun. Saya memuji kesungguhan dan kecekapan anggota SPRM menjalankan tugas menangkap mereka yang terlibat dengan jenayah rasuah.

Namun, peningkatan jumlah tangkapan rasuah dari tahun ke tahun amatlah membimbangkan. Maka, usaha kerajaan membanteras rasuah dan membasmi salah guna kuasa amatlah penting untuk mengembalikan negara ini ke landasan yang sepatutnya. Saya percaya usaha ini akan disokong oleh semua Ahli Dewan yang mulia ini.

Pemeriksaan undang-undang anti rasuah dan peluasan bidang kuasa SPRM merupakan usaha penting dalam kerangka membanteras rasuah secara habis-habisan. Pada masa yang sama, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan untuk memberi autonomi dan kuasa tersendiri kepada SPRM.

Ini termasuk melantik para pegawai mereka sendiri dan disediakan peruntukan yang khas yang secukupnya supaya mereka boleh melantik lebih ramai pegawai. Saya percaya langkah pemeriksaan SPRM ini akan meningkatkan lagi usaha memerangi rasuah dengan lebih cekap dan berkesan. Usaha menjadikan Malaysia di antara sepuluh negara terbersih menjelang tahun 2030 memerlukan usaha yang gigih dan kerjasama semua pihak baik SPRM, Jabatan Peguam Negara, kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini dan ingin memperingatkan kepada semua anggota pentadbiran sama ada di peringkat Persekutuan baik pun di peringkat negeri ataupun di peringkat pihak berkuasa tempatan supaya mereka yang datang yang terdiri daripada pimpinan Pakatan Harapan jangan sesekali terlibat dalam sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa. SPRM harus bertindak tegas, dengan izin, *without fear and favour* terhadap mereka yang terlibat dalam rasuah ataupun salah guna kuasa sekiranya berlaku, sungguhpun mereka adalah daripada Pakatan Harapan.

Kita akan menyokong usaha membanteras rasuah sungguhpun yang disiasat itu adalah daripada pimpinan Pakatan Harapan ataupun ahli-ahli daripada Pakatan Harapan. Kita harus ingat amanah yang diberikan oleh rakyat dan kali ini Barisan Nasional tumbang di Pilihanraya Umum Ke-14, salah satu sebab utamanya ialah kerana rasuah dan salah guna kuasa.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya ada terima maklumat mengatakan sekarang ada Ahli Majlis, ada pegawai pentadbir daripada Pakatan Harapan yang cuba. Kalau mereka cuba cenderung terlibat dalam rasuah, saya nak menyeru supaya SPRM tanpa takut-takut seperti yang sebelum perintah, semasa perintah, zaman perintah Barisan

Nasional, sekarang ialah zaman Pakatan Harapan. Kalau ada sesiapa yang terlibat dalam rasuah, kita silakan SPRM ambil tindakan... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik usaha dan dasar Kerajaan Pakatan Harapan yang komited untuk menjunjung dan mengembalikan semula semangat *federalism* seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kesungguhan Kerajaan Pakatan Harapan ini dapat dilihat di dalam komitmen untuk memberi keutamaan dalam pengagihan peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang dinyatakan dalam laporan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kesungguhan Kerajaan Pakatan Harapan ini dapat dilihat di dalam keutamaan diberikan tanpa mengira parti mana yang memerintah adalah usaha penting dalam menghidupkan semangat *federalism* tulen di semua negeri dan wilayah negara ini.

## ■2020

Tambahan pula, pengagihan kuasa pusat bagi fungsi seperti pengangkutan awam, perkhidmatan sosial, pembangunan pertanian dan perlindungan alam sekitar adalah usaha kerajaan pusat memperkasakan kerajaan negeri. Sehubungan itu, dalam kerangka memperkasakan kerajaan negeri saya menyarankan agar sepuluh peratus daripada hasil cukai pendapatan dipulangkan kepada negeri-negeri tempat pembayar cukai bermastautin apabila keadaan ekonomi kewangan negara mengizinkan.

Ini merupakan janji ke-24 yang terkandung di dalam Buku Harapan. Pemulangan sepuluh peratus hasil cukai pendapatan ini dapat membantu membiayai kuasa negeri yang dipulangkan ini. Saya percaya langkah ini akan mengukuhkan lagi semangat *federalism* tulen di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan dan merancakkan lagi pembangunan di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada pengamatan saya dokumen Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini merupakan sebuah dokumen yang komprehensif. Ia bukan sahaja menggariskan hala tuju dasar ekonomi dan pembangunan negara, malah penekanan turut diberikan kepada reformasi institusi dan tadbir urus. Penekanan juga diberikan kepada kesejahteraan rakyat dengan menyediakan peluang yang saksama untuk menyertai dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara tanpa mengira latar belakang. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh tentang menjalinkan negara lebih selamat dan terjamin.

Dalam isu ini, kita mengalu-alukan kerajaan ingin menjadikan negara lebih selamat dan terjamin. Kita juga faham kini kerajaan menghadapi masalah kewangan. Akan tetapi, saya meminta supaya kerajaan boleh memberi perhatian kepada pasukan Polis Diraja Malaysia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bawa kereta di jalan raya, saya masih mendapati kenderaan yang digunakan oleh pihak PDRM sehingga saya dapat lihat OCS. OCS ialah Ketua Balai, kereta yang mereka *guna ialah Kancil*. *Kancil* yang lebih dari 20 tahun masih diguna oleh OCS Ketua Balai. Banyak juga kereta polis yang digunakan ialah daripada Iswara, Wira, Waja yang sudah lama yang lebih dari 10 tahun. Maka, saya ingin menyeru kepada pihak kementerian supaya memberi keutamaan kepada pihak polis, memberi peruntukan kepada mereka untuk menukar kenderaan baharu.

Cuba kita bayangkan apabila anggota polis hendak mengejar penjenayah, mereka bawa kereta BMW, bawa kereta Mercedes sedangkan anggota polis membawa kereta Kancil. Hendak kejar itu macam mana? Sebab itu saya rasa, ini kita harus beri tumpuan supaya peruntukan diberikan. Kita faham kedudukan ekonomi negara memang rumit tetapi ini harus diberikan keutamaan. Akhir kata, saya berharap cadangan dan saranan yang telah saya utarakan di dalam ucapan ini mendapat pertimbangan sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Melaka. Sebab kita ada masa lagi, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kuala Krai.

## 8.24 mlm.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan ucapan saya pada malam ini dengan

membaca sepotong ayat... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Antara maksudnya, sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu dengan suruhan dan larangan ini supaya kamu mengambil peringatan mematuhiinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa bersama ke Dewan yang mulia ini, nadi dan suara rakyat Kuala Krai dengan pengharapan yang penuh agar kami ditoleh dan ditenung dan semestinya dibantu.

Kuala Krai merupakan jajahan kedua terbesar di Kelantan. Menurut sejarah Ibnu Battuta pernah singgah di Kuala Krai dan tercatat dalam sumber gambarannya tentang Kuala Krai yang dipanggil Kailukari. Lebih menarik lagi Kuala Krai merupakan salah satu kawasan yang pernah menjadi tempat pemerintahan tokoh agung wanita Kelantan iaitu Che Siti Wan Kembang yang juga dikaitkan dengan Puteri Urduja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jauh mengufuk, saya ingin membawa nurani penoreh getah yang mana ia adalah nadi dan jantung terpenting bagi Kuala Krai. Harga getah yang masih berada di tahap yang lama seputar RM2.60 sekilogram dan penoreh hanya mendapat sekitar RM300 sehingga RM600 sebulan.

Bulan tengkujuh ataupun musim tengkujuh ataupun bulan basah pula bakal bertandang. Kehadiran musim tengkujuh benar-benar menjadikan mereka lumpuh dan tidak berdaya. Manakala sehabis tengkujuh nanti, beban persekolahan anak-anak pula bakal dihadapi. Bayangkan bersama perit mereka ini. Saya berharap warga penoreh ini wajar menjadi antara fokus utama kepada kerajaan dalam masa terdekat ini, *insya-Allah*. Harga getah dan bantuan bulanan untuk mereka sangat diharapkan terutama bagi menghadapi saat sukar seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas peluncuran ucapan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 2016 sehingga 2020. Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini merupakan polisi pertama Kerajaan Pakatan Harapan. Ia anak sulung kerajaan pada hari ini, saya risau jika dokumen ini juga bakal menjadi dokumen yang gagal sebagaimana janji Manifesto 100 hari Kerajaan Pakatan Harapan. Namun begitu, saya berdoa kepada Allah SWT agar dokumen ini berjaya sebagaimana diharapkan. Biarlah mimpi buruk Manifesto 100 hari Pakatan Harapan tidak bersambung dan tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada tonggak keenam yang disebut dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya mengucapkan ucapan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyebut secara khusus tentang lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dalam ucapan dalam pembentangan tersebut. Juga menyebut CSR yang menghubungkan Kota Bharu sehingga ke Kuala Lumpur. Jalan Kota Bharu-Kuala Krai terakhir dinaikkan taraf sekitar tahun 2000, iaitu kira-kira 18 tahun yang lalu. Sudah pasti dengan pertambahan kenderaan dan penduduk yang padat, jalan ini sudah menjadi terlalu sesak pada hari ini.

Jalan Kuala Krai-Gua Musang pula telah dibuka pada tahun 1983 iaitu ialah kira-kira 35 tahun yang lalu. Waktu itu disebut oleh warga Kuala Krai sebagai Lebuhraya Kota Bharu ataupun Lebuhraya Kuala Krai ke Gua Musang. Sudah pasti sinar baharu yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kali ini, agar ia menjadi kenyataan. Rakyat Kelantan khususnya rakyat Kuala Krai menantikan berita gembira ini, harapannya agar perjalanan yang mengambil masa sebelum ini antara 17 sehingga 20 jam perjalanan Kuala Lumpur ke Kota Bharu di musim perayaan dan juga musim percutian akan menjadi lebih pendek dan juga sudah pasti akan menjadi lebih selamat, menjadi kenyataan berdasarkan kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Krai mempunyai kawasan air terjun yang tercantik. Masih terpelihara malah langsung tidak tersentuh. Air Terjun Gunung Stong yang merupakan antara air terjun tertinggi di Asia Tenggara. Lata Rek, Lata Berangin, Lata Wai sekadar menyebut beberapa tempat merupakan tempat terbaik untuk dimajukan sebagai tarikan pelancongan. Ia selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan destinasi pelancongan utama dan ekopelancongan bagi menarik minat lebih ramai pelancong ke Malaysia bahkan pelancong domestik sendiri. Saya berharap Kuala Krai termasuk dalam peta utama bagi industri pelancongan yang disebut dan diharapkan ini.



Tuan Yang di-Pertua, matlamat kerajaan untuk menjadikan perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS sebagai sumbangan pendapatan kepada KDNK sebanyak 41 peratus pada tahun 2020. Di Kuala Krai terdapat sebuah perusahaan tembikar yang telah pun berusia sekitar 300 tahun di Kampung Mambong, Kuala Krai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krai, kita boleh sambung esok?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab sekarang sudah pukul 8.30 malam.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bakinya 8 minit 45 saat esok ya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 25 Oktober 2018.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam]**